



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR
TAHUN 2010



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI JOHOR



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Perhutanan Negeri Johor Dan Pejabat Tanah Pontian, Batu Pahat, Muar Serta Ledang Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingananya Kepada Alam Sekitar	3
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor Pengurusan Tanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor	18
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pengurusan Rumah Kerajaan Dan Rumah Sewa Kerajaan	37
Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk	57
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor Pengurusan Perangkap Sampah Di Sungai Dan Saliran Negeri Johor	67
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas	80
Pejabat Daerah Johor Bahru Pengurusan Lesen Dan Permit Hiburan	92
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor Program Bantuan Am	103
Majlis Agama Islam Negeri Johor Sistem Pengurusan Perakaunan	114
Majlis Bandaraya Johor Bahru Pembinaan Bangunan Tambahan	123
Yayasan Warisan Johor Pengurusan Perolehan Muzium Yayasan Warisan Johor	140

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Pendahuluan	151
Yayasan Warisan Johor YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.	151
Perbadanan Johor Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd.	169
Yayasan Pelajaran Johor Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	187

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	209
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	209
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor	217
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor	217

PENUTUP	221
----------------	------------



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif matlamat yang ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 11 Jabatan, 4 Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	:	Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri
Bahagian II	:	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
Bahagian III	:	Perkara Am

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Johor pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kelewatan pewartaan menyebabkan keluasan tanah hutan paya laut di pesisiran pantai Selat Melaka tidak bertambah, pulangan tunai dan *in kind* daripada projek penswastaan SSI tidak diterima, kuarters mengalami kerosakan kerana tidak disenggara secara berjadual, Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk masih belum *go live* dan belum mencapai objektifnya setelah 3 tahun dibangunkan, perangkap sampah di sungai dan saliran tidak berfungsi secara berkesan, sasaran pendapatan penternak burung puyuh dan ayam kampung tidak tercapai, pengurusan dan pemantauan lesen dan permit hiburan yang kurang berkesan, Bantuan Am lewat dibuat kerana siasatan bagi kes baru dan kajian semula serta kelulusan dan agihan wang melebihi tempoh yang ditetapkan, Sistem Pengurusan Perakaunan tidak berintegrasi dengan sistem sedia ada, pembinaan bangunan tambahan Majlis Bandaraya Johor Bahru lewat disiapkan kerana perubahan skop yang ketara dan Yayasan Warisan Johor melantik terus kontraktor bagi kerja ubahsuai, perbekalan dan elektrik di Muzium Tokoh Johor. Selain itu, pengurusan kewangan serta pentadbiran Syarikat tidak dijalankan mengikut

peraturan atau prosedur yang ditetapkan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambahbaik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 56 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan **“Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Jun 2011



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN PEJABAT TANAH PONTIAN, BATU PAHAT, MUAR SERTA LEDANG

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

1.1. Hutan Paya Laut (HPL) adalah kawasan hutan yang terdapat di pesisiran laut yang berlumpur dan bercampur dengan pasir laut serta mengalami air pasang dan surut. HPL memainkan peranan yang penting sebagai zon penampungan semula jadi untuk menahan segala bentuk hakisan sama ada disebabkan oleh pergerakan air, ombak, arus, hujan ribut dan angin. Kawasan HPL yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Johor adalah seluas 18,528.4 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,034.1 hektar (97.3%) berada di Selat Johor, 433 hektar (2.4%) berada di Pantai Timur Johor dan 61.3 hektar (0.3%) berada di pesisiran Selat Melaka. Selain itu, terdapat 12,756 hektar kawasan HPL tanah kerajaan meliputi HPL daratan dan dataran berlumpur di sepanjang Selat Melaka dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (Jabatan) telah pun mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada tahun 2005 untuk mewartakan kawasan berkenaan sebagai HSK. Bagaimanapun, proses mewartakan kawasan berkenaan sebagai HSK masih belum selesai hingga akhir tahun 2010.

1.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan HPL di pesisiran pantai Selat Melaka di Negeri Johor perlu dipertingkatkan lagi. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1.2.1. Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Tahun 2010 Hingga 2019 masih belum dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2010.

1.2.2. Keluasan HSK Paya Laut semakin mengecil dari 2,921.1 hektar pada tahun 1950 kepada 61.3 hektar pada tahun 2010.

1.2.3. Kelewatan untuk mewartakan kawasan Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK) Paya Laut seluas 12,756 hektar sebagai HSK sehingga akhir tahun 2010 di mana tempoh kelewatan melebihi 5 tahun.

1.2.4. Prestasi program penanaman pokok bakau di pesisiran pantai Selat Melaka tidak memuaskan di mana 67.5% anak pokok bakau yang ditanam telah mati kerana masalah ombak, ditebang penduduk, diganggu binatang ternakan dan air tercemar.

1.2.5. Tebing bekas tapak pelupusan sampah telah runtuh akibat pukulan ombak yang kuat menyebabkan sampah yang ada telah dihanyutkan oleh ombak dan menutupi akar pokok di HPL Rimba Terjun, Pontian. Selain itu, arus air pasang telah membawa bersama serbuk kayu yang dikenali sebagai tanah sesai dan memendap apabila air surut berlaku di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian. Tanah sesai didapati berasid dan berkeupayaan untuk

mengikat fosforus serta logam berat. Bahan ini juga memberi kesan negatif kepada kadar tumbesaran pokok dan menyebabkan kematian pokok.

1.3. Bagi memastikan pengurusan hutan paya laut diurus dengan teratur, Jabatan dan Pejabat Tanah Daerah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.3.1. Jabatan hendaklah menyegerakan proses pewartaan kawasan CHSK di pesisiran Selat Melaka yang telah diluluskan oleh PBN pada tahun 2005.

1.3.2. Jabatan boleh mewujudkan kerjasama dengan JPS untuk membina struktur pemecah ombak seperti *geotube* bagi mengatasi masalah hakisan tanah di HPL untuk membolehkan penanaman pokok bakau dapat dijalankan di kawasan tersebut. Selain itu, Jabatan juga perlu menjalankan kajian tanah dan kawasan sebelum kerja tanaman di sesuatu kawasan itu dijalankan.

1.3.3. Pejabat Tanah Daerah perlu menetapkan dasar yang jelas supaya tiada hak milik dikeluarkan di kawasan zon penampungan pesisiran pantai dan sungai. Selain itu, tindakan penguatkuasaan patut diambil terhadap pencerobohan tanah kerajaan oleh orang awam.

2. PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- Pengurusan Tanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor

2.1. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) bertanggungjawab menguruskan semua tanah yang dimiliki bagi menjana ekonomi negeri. Pada dasarnya, pembangunan tanah tersebut dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) manakala SSI berperanan melakukan pemantauan bagi menjamin hak dan kepentingan Kerajaan Negeri supaya tidak terabai. Sehingga bulan Disember 2010, SSI memiliki 304 lot dengan keluasan tanah berjumlah 31,607.547 hektar.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati kelemahan dalam pengurusan tanah milik SSI yang menyebabkan perkara berikut:

2.2.1. Pulangan tunai dan *in kind* daripada projek penswastan yang bernilai RM64.35 juta masih belum diterima, manakala pulangan secara *Excess Sales Revenue* (ESR) yang dianggarkan berjumlah RM48.48 juta belum diperoleh.

2.2.2. Sebanyak 36 lot dengan keluasan berjumlah 3,380.344 hektar masih belum didaftarkan atas nama hak milik SSI.

2.2.3. Tanah milik SSI seluas 4,019.051 hektar masih belum dimajukan oleh pemaju antara 5 hingga 20 tahun daripada pemilikan tanah dan perjanjian ditandatangani.

2.2.4. Satu projek pembangunan perumahan di atas tanah milik SSI telah terbengkalai.

2.3. Bagi memastikan pengurusan tanah milik SSI dapat dilaksanakan dengan cekap, SSI disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.3.1. SSI perlu distrukturkan sebagai sebuah perbadanan yang lengkap sebagaimana perbadanan lain bagi memastikan semua urusan berkaitan SSI dapat dilaksanakan dan dipantau dengan lebih baik dan teratur.

2.3.2. SSI perlu mewujudkan senarai maklumat tanah yang lengkap bagi semua tanah milik SSI. Maklumat tanah ini hendaklah sentiasa dikemas kini bagi memudahkan pemantauan terhadap tanah berkenaan.

2.3.3. SSI perlu mengkaji semua projek yang tertangguh dan menilai semula pulangan tunai dan *in kind* yang patut diperolehi Kerajaan Negeri.

3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- Pengurusan Rumah Kerajaan Dan Rumah Sewa Kerajaan

3.1. Pengurusan rumah Kerajaan dan rumah sewa Kerajaan (kuarters) bagi Daerah Johor Bahru adalah di bawah Unit Pengurusan Bangunan dan Aset, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Unit Pengurusan Bangunan). Fungsi unit ini adalah untuk mengurus, memantau dan menyenggara aset dan bangunan kerajaan termasuk kuarters di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (SUKJ).

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kuarters di Daerah Johor Bahru adalah kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

3.2.1. Bilangan kuarters yang tidak berpenghuni adalah tinggi.

3.2.2. Penyenggaraan kuarters tidak dilaksanakan secara berjadual menyebabkan kuarters mengalami kerosakan.

3.2.3. Tunggakan kutipan sewa kuarters, bil air dan caj penyenggaraan kuarters meningkat.

3.2.4. Pemantauan dan pemeriksaan secara berjadual terhadap kuarters dan kerja-kerja penyenggaraan kecil tidak dijalankan oleh Unit Pengurusan Bangunan dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

3.2.5. Daftar Penyenggaraan Kuarters tidak diselenggarakan dengan kemas kini.

3.3. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki serta mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Unit Pengurusan Bangunan SUKJ/JKR mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mewujudkan jawatankuasa khas atau memperluaskan fungsi Jawatankuasa Perumahan untuk membincangkan masalah dalam pengurusan kuarters dan mencari kaedah penyelesaian yang segera.

3.3.2. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mengkaji sama ada rumah sewa kerajaan yang tidak berpenghuni sesuai dijadikan sebagai rumah penginapan, disewakan

kepada orang ramai yang berminat atau menjualkannya sekiranya tidak diperlukan terutama rumah sewa kerajaan yang berbentuk apartmen/pangsapuri bagi mengelakkan kerajaan terpaksa menanggung caj penyenggaraan yang dikenakan setiap bulan.

3.3.3. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah kerap mengadakan mesyuarat berkala mengenai pengurusan kuarters berbentuk pangsapuri/apartmen/rumah pangsa dengan pihak Pejabat Bendahari Negeri, JKR, Badan Pengurusan Bersama dan wakil penduduk.

3.3.4. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ juga hendaklah mengkaji semula kos yang ditanggung oleh penghuni yang tinggal di kuarters berbentuk pangsapuri/apartmen/ rumah pangsa.

3.3.5. JKR hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan kuarters secara berkala dan memohon peruntukan penyenggaraan tersebut daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan kuarters-kuarters sentiasa berada dalam keadaan baik dan tersedia untuk diduduki.

3.3.6. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mempertimbangkan dan mengambil tindakan terhadap cadangan Jabatan Bomba untuk meningkatkan kesedaran penduduk mengenai kepentingan menjaga alat dan sistem pencegahan kebakaran, menubuhkan *emergency response team* serta memperbaiki alat dan sistem pencegahan kebakaran yang rosak terutamanya di kuarters Pangsapuri Bukit Saujana dan Rumah Pangsa Serantau Baru.

4. UNIT SAINS TEKNOLOGI DAN ICT NEGERI JOHOR

- Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk

4.1. Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk (e-NCR) adalah salah satu aplikasi yang dibangunkan di bawah Projek Kerajaan Elektronik Johor (JEG) Fasa II. Matlamat utama pembangunan e-NCR di Jabatan Agama Johor (JAJ) adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan keluarga Islam dengan menyediakan sistem pendaftaran dan penyemakan pelbagai urusan nikah, cerai dan rujuk secara *online*. Kos pembangunan e-NCR adalah berjumlah RM2.93 juta dan dijadualkan mengambil masa 10 bulan untuk disiapkan iaitu mulai bulan April 2007 hingga Januari 2008. Bagaimanapun, beberapa masalah yang wujud di peringkat pelaksanaan menyebabkan perkhidmatan e-NCR masih belum *go live* sehingga akhir tahun 2010.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya e-NCR adalah tidak memuaskan kerana e-NCR masih belum siap sepenuhnya walaupun pembangunan sistem telah bermula sejak tahun 2006. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

4.2.1. JAJ telah memutuskan untuk menggunakan jenis kertas sijil nikah yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi di mana syarikat percetakan memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menyediakan sampel kertas tersebut. Bagaimanapun, JAJ akhirnya telah memutuskan untuk menggunakan jenis kertas sijil yang biasa sahaja.

4.2.2. Proses migrasi dan pengesahan maklumat nikah, cerai dan rujuk masih belum selesai.

4.2.3. Keselamatan data dan kawalan capaian yang kurang memuaskan kerana pengurusan *backup* tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, *Disaster Recovery Centre* (DRC) masih belum diwujudkan dan kata laluan pengguna tidak ditukar setiap 90 hari.

4.2.4. Perjanjian lewat ditandatangani, pemberian lanjutan masa yang tidak teratur dan bayaran projek tidak mengikut perjanjian.

4.3. Bagi memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membangunkan e-NCR mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan keluarga Islam, pihak Audit mengesyorkan Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor (USTICT) dan JAJ mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. USTICT dan JAJ perlu mencari kaedah terbaik menyelesaikan masalah yang menyebabkan kelewatan *go live* e-NCR ini supaya e-NCR dapat digunakan seperti perancangan asal.

4.3.2. USTICT hendaklah mengadakan prosedur pengujian data *backup* mengikut tempoh masa dan menyimpan dengan selamat mengikut peraturan yang ditetapkan serta mewujudkan DRC dengan segera.

4.3.3. JAJ hendaklah mengadakan *task force* dengan lebih kerap dan menetapkan tempoh penyiapan proses pengesahan data-data yang telah dimigrasikan.

4.3.4. JAJ perlulah melantik lebih ramai pegawai di JAJ untuk membantu mempercepatkan proses pengesahan data. Sekiranya perlu, kakitangan yang terlibat patut diberi insentif kewangan kerana perlu bekerja di luar tugas biasa.

5. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

- Pengurusan Perangkap Sampah Di Sungai Dan Saliran Negeri Johor

5.1. Perangkap sampah yang dipasang di sungai atau saluran berfungsi untuk menyekat kehadiran sampah atau bahan tercemar yang bersaiz besar supaya tidak terus mengalir sehingga ke laut. Biasanya perangkap sampah akan menahan sampah terapung seperti daun kering, botol dan plastik. Di Negeri Johor, perangkap sampah jenis *automatic trash rake* telah siap dibina di Muar pada tahun 1998 dan Batu Pahat pada tahun 1999. Manakala *trash screen* di Kota Tinggi telah dibina pada tahun 2005. Pembinaan perangkap sampah ini adalah melalui peruntukan Program Saliran Bandar dan berdasarkan keperluan serta dilakukan secara *ad-hoc* oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor (JPS).

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 terhadap pengurusan perangkap sampah mendapati perangkap yang dibina telah dapat mengurangkan sampah sarap di Negeri Johor. Namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

5.2.1. Sasaran dan kajian awal pembinaan perangkap sampah tidak disediakan menyebabkan tiada rancangan tambahan pembinaan perangkap sampah dibuat.

5.2.2. Penilaian terhadap keberkesanan perangkap sampah tidak dibuat.

5.2.3. Pembinaan perangkap sampah di Jalan Sungai Kemang dan di Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi tidak mengikut Garis Panduan Saliran Mesra Alam JPS.

5.2.4. JPS Mekanikal tidak melaksanakan penyenggaraan perangkap sampah secara berkala seperti yang ditetapkan dalam garis panduan.

5.3. Bagi memastikan operasi perangkap sampah dapat mencapai objektifnya, JPS disyorkan mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

5.3.1. JPS perlu memastikan kajian semula Pelan Induk Saliran Bandar memasukkan keperluan perangkap sampah dengan mengambil kira penempatan penduduk kawasan bandar dan kawasan perumahan supaya perancangan dan kajian awal dapat disediakan dengan lebih teratur.

5.3.2. JPS perlu mewujudkan satu mekanisme supaya keberkesanan perangkap sampah dapat dinilai dan kelemahan dapat diatasi dengan segera.

5.3.3. JPS hendaklah memastikan semua pembinaan perangkap sampah perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Manual Saliran Mesra Alam.

5.3.4. JPS Mekanikal perlu merancang dan melaksanakan kerja penyenggaraan perangkap sampah jenis mekanikal secara berkala mengikut manual operasi berkaitan.

6. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI JOHOR

- Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas

6.1. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM0.40 juta pada tahun 2008, RM0.45 juta pada tahun 2009 dan juga 2010 kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (Jabatan) untuk membiayai perbelanjaan Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas (Program) yang dilaksanakan melalui Program Inkubator dan Kebun Integrasi.

6.2. Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati Program Inkubator Puyuh dan Ayam Kampung masih belum berjaya sepenuhnya dalam membantu penternak yang mempunyai komitmen kerana menghadapi beberapa masalah dalam pelaksanaannya. Pengeluaran ternakan tidak mencapai sasaran disebabkan kegagalan pihak integrator membekalkan anak puyuh dan ayam kampung seperti yang ditetapkan. Akibatnya, pengeluaran ternakan tidak mencapai sasaran pendapatan peserta yang ditetapkan. Selain itu, kemudahan reban dan peralatan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya, terdapat ladang unggas diarah tutup tetapi masih beroperasi dan ladang unggas beroperasi tanpa lesen.

6.3. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pengurusan Program ini, adalah disyorkan supaya Jabatan melaksanakan perkara berikut:

6.3.1. Mengkaji semula Memorandum Persefahaman yang disediakan antara Jabatan dengan pihak integrator dengan memasukkan syarat mengenai butir-butir bekalan anak puyuh, harga belian anak puyuh dan kadar jualan puyuh dewasa.

6.3.2. Memastikan jumlah kemasukan anak puyuh pedaging atau ayam kampung mengikut pusingan pada setiap tahun disediakan secara terperinci supaya pengeluaran ternakan dihasilkan dapat mencapai sasaran pengeluaran serta sasaran pendapatan yang ditetapkan.

6.3.3. Menyediakan jadual pemantauan secara berkala bagi memastikan ladang unggas yang beroperasi memiliki lesen serta tidak melanggar syarat enakmen berkaitan.

6.3.4. Mengkaji semula dasar bantuan bekalan anak puyuh kepada peserta Program Inkubator daripada satu pusingan sahaja kepada sekurang-kurangnya 3 pusingan bagi membolehkan peserta memperoleh keuntungan secukupnya untuk penyediaan modal pusingan seterusnya.

7. PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU

- Pengurusan Lesen Dan Permit Hiburan

7.1. Pejabat Daerah Johor Bahru (PDJB) bertanggungjawab terhadap pengeluaran lesen dan permit hiburan, pengurusan kutipan hasil dan penguatkuasaan lesen dan permit hiburan di 3 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hasil kutipan lesen dan permit hiburan adalah berjumlah RM6.02 juta bagi tahun 2008 hingga 2010.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Mac 2011 di Pejabat Daerah Johor Bahru mendapati pengurusan lesen dan permit hiburan adalah kurang memuaskan kerana:

7.2.1. Pengeluaran lesen hiburan tidak mematuhi tempoh piagam pelanggan.

7.2.2. Hasil lesen kurang dipungut disebabkan pungutan tidak mengikut kadar yang ditetapkan.

7.2.3. Aktiviti penguatkuasaan tidak dilaksanakan menyebabkan terdapat pengusaha beroperasi tanpa lesen.

7.2.4. Pengurusan permit hiburan tidak teratur.

7.3. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan lesen dan permit hiburan di PDJB, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

7.3.1. PDJB hendaklah menetapkan piagam pelanggan yang lebih realistik dengan mengambil kira aspirasi golongan pengusaha pusat hiburan di mana proses permohonan lesen perniagaan lebih dipermudahkan.

7.3.2. Mengkaji peranan Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor (MKNNJ) dan meninjau sama ada kelulusan di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) adalah memadai untuk meluluskan permohonan lesen hiburan kecuali bagi kes-kes rayuan dan lesen berisiko tinggi sahaja perlu dirujuk kepada MKNNJ sebelum kelulusan.

7.3.3. Penguatkuasaan perlu dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu bagi mengawal dan bertindak terhadap pengusaha yang sedang beroperasi tanpa lesen.

7.3.4. Mengkaji kesesuaian kemungkinan menyerahkan urusan memproses dan meluluskan lesen hiburan kepada PBT yang mempunyai Unit Penguatkuasaan dan terlibat dengan pengeluaran lesen premis perniagaan.

7.3.5. Pengusaha yang beroperasi tanpa lesen hiburan perlu didakwa di bawah peruntukan Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 (Seksyen 6) dan lain-lain peruntukan yang berkaitan serta menyenaraikannya.

8. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR

- Program Bantuan Am

8.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKM) bertanggungjawab memberi penjagaan dan perlindungan kepada masyarakat yang tidak berkemampuan seterusnya merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Johor untuk membasmi kemiskinan dan memastikan setiap golongan masyarakat dapat menikmati peluang kehidupan yang sempurna melalui pelbagai skim pemberian bantuan kebajikan antaranya adalah Program Bantuan Am. Kumpulan sasaran bagi penerimaan Bantuan Am adalah individu yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Terdampar, Orang Papa, kes wanita dan gadis serta keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan. Kadar Bantuan Am yang ditetapkan adalah antara RM50 hingga RM115 sebulan dan tambahan sebanyak 33.3% melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara November 2010 hingga Januari 2011 mendapati beberapa aspek dalam pengurusan Program Bantuan Am perlu ditambah baik. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

8.2.1. Siasatan bagi kes baru dan kajian semula lewat dijalankan.

8.2.2. Kelulusan dan agihan wang bantuan melebihi tempoh yang ditetapkan.

8.2.3. Maklumat di senarai penerima bantuan yang tidak tepat.

8.2.4. Sistem e-Bantuan tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana tiada medan kelulusan Pegawai Daerah bagi Bantuan Am Negeri.

8.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan Bantuan Am, JKJ disyorkan melaksanakan perkara berikut:

8.3.1. Mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kuasa meluluskan permohonan Bantuan Am Negeri dan kajian semula kes diberikan secara alternatif kepada pegawai paling kanan di Pejabat Daerah untuk mengatasi masalah kelewatan kelulusan apabila Pegawai Daerah tiada di pejabat atau sibuk dengan tugas lain.

8.3.2. Meningkatkan kawalan dalaman dan pemantauan terhadap dokumen semasa pengagihan wang bantuan di peringkat JKM Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

8.3.3. Meminta kerjasama daripada organisasi yang dipercayai seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan penuntut institut pengajian tinggi untuk menjalankan siasatan kajian semula kes bagi mengurangkan beban tugas pegawai kes JKM.

8.3.4. Menambah baik e-Bantuan dengan mengemukakan cadangan penambahan medan untuk kelulusan Pegawai Daerah bagi Bantuan Am Negeri.

9. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

- Sistem Pengurusan Perakaunan

9.1. Sistem Pengurusan Perakaunan (e-Akaun) adalah satu aplikasi *web-based* yang memberi kemudahan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) melaksanakan proses perakaunan bagi 3 Kumpulan Wang iaitu Zakat, Baitulmal dan Wakaf. Kontrak pembangunan e-Akaun ini mengandungi 7 modul asas iaitu Belanjawan, Peruntukan, Lejar Am, Komitmen, Akaun Kena Bayar, Pembekal, Laporan dan 3 modul tambahan iaitu Buku Tunai, Penyesuaian Bank dan Panjar Wang Runcit dengan kos berjumlah RM0.48 juta. Pada masa yang sama, MAIJ juga menggunakan perisian perakaunan *Unit Business System* (UBS) untuk menyediakan penyata kewangannya.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pelaksanaan Sistem Pengurusan Perakaunan adalah kurang memuaskan kerana wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

9.2.1. Sistem tidak berintegrasi dengan e-Wakaf, e-Agihan dan e-Aset.

9.2.2. Perbezaan jumlah pungutan zakat antara laporan bulanan pungutan sistem SPZv3 dengan laporan bulanan e-Akaun iaitu sebanyak RM76.93 juta (2009) dan RM19.58 juta (2010).

9.2.3. Baki peruntukan di Modul Peruntukan e-Akaun berbeza dengan Buku Vot manual sebanyak RM21.70 juta.

9.2.4. Jejak audit melalui log transaksi tidak dibuat dan panduan serta dokumentasi sistem tidak lengkap.

9.2.5. Pelaksanaan *backup* tidak teratur, polisi dan rancangan latihan bagi pengguna tidak disediakan dan proses *transfer of technology* tidak menyeluruh.

9.3. Secara keseluruhannya, e-Akaun MAIJ tidak dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan objektif e-Akaun dapat dicapai, adalah disyorkan perkara berikut:

9.3.1. Penambahbaikan terhadap e-Akaun dibuat dengan mengambil kira keperluan pengguna dan dapat berintegrasi dengan sistem yang ada supaya penyata kewangan dapat dikeluarkan tanpa menggunakan perisian perakaunan UBS.

9.3.2. Mengenal pasti kelemahan antara e-Akaun dan SPZv3 dan menambah baik sistem berkenaan bagi memastikan integriti data terjamin.

9.3.3. Memperbanyakkan latihan penggunaan e-Akaun kepada pegawai yang terlibat untuk meningkatkan kemahiran.

9.3.4. Menyediakan polisi dan standard keselamatan maklumat untuk digunakan sebagai rujukan kepada semua pengguna dan menyediakan Meja Bantuan bagi memastikan masalah pengguna dapat diatasi dengan cepat.

10. MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

- Pembinaan Bangunan Tambahan

10.1. Majlis Bandaraya Johor Bahru (Majlis) telah bercadang untuk membina bangunan tambahan pada tahun 2001. Tujuan utama pembinaan bangunan tambahan ini adalah untuk memenuhi keperluan ruang pejabat yang tidak mencukupi serta mewujudkan suasana yang lebih selesa kepada pengunjung dan kakitangan Majlis. Pembinaan bangunan bernilai anggaran RM24 juta ini bermula pada 1 Januari 2006. Bagaimanapun, kos kontrak dikurangkan kepada RM14.81 juta melalui Arahan Perubahan Kerja pada 15 November 2006 dan projek ini siap dibina pada 21 Ogos 2009. Sehingga akhir tahun 2010, Akaun Muktamad bagi kontrak kerja ini belum disediakan dan sejumlah RM18.38 juta telah dibayar kepada kontraktor pembinaan. Walaupun Majlis telah menyiapkan pembinaan bangunan tambahan, tujuan pembinaan projek ini tidak tercapai sepenuhnya kerana ruang pejabat masih tidak mencukupi yang menyebabkan beberapa Jabatan di Majlis masih terus beroperasi di luar bangunan tambahan yang baru dibina.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati keseluruhan pembinaan projek ini tidak diuruskan dengan baik yang menyebabkan berlakunya perkara-perkara berikut:

10.2.1. Projek lewat disiapkan selama 597 hari dengan 6 lanjutan masa diberikan kepada kontraktor.

10.2.2. Perubahan skop kerja yang ketara iaitu 6 tingkat bangunan pejabat telah diubah kepada 2 tingkat bangunan pejabat dan 4 tingkat tempat letak kereta dan Majlis perlu menanggung kos tambahan yuran juru perunding sebanyak RM0.54 juta.

10.2.3. Pembinaan projek telah dibuat tanpa peruntukan kewangan yang mencukupi dan sejumlah RM1.18 juta dibayar untuk faedah kewangan dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak bank.

10.2.4. Pengurusan kontrak yang lemah dan pembayaran penuh berjumlah RM0.40 juta telah dibuat bagi 18 jenis peralatan yang tidak dipasang atau dibekalkan.

10.2.5. Penggunaan ruang tempat letak kereta adalah tidak optimum kerana 2 atau 3 kereta sahaja yang diletakkan di Aras 5 bangunan tambahan Majlis.

10.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan kontrak kerja pembinaan, Majlis disyorkan mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

10.3.1. Majlis hendaklah merancang dengan teliti dan mengenal pasti keperluan projek sebenar daripada peringkat awal bagi mengelakkan perubahan skop kerja yang ketara dan tambahan kerja selepas projek bermula.

10.3.2. Majlis hendaklah memastikan setiap projek yang diluluskan pelaksanaannya mempunyai peruntukan yang mencukupi dalam bajet tahunan bagi mengelakkan berlakunya perbelanjaan tanpa peruntukan.

10.3.3. Pengurusan dan pentadbiran kontrak pembinaan dalam aspek pemberian lanjutan masa, arahan perubahan kerja, tambahan kerja baru dan sebagainya hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan kerajaan.

10.3.4. Majlis perlu memastikan pembayaran tidak dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Siasatan yang menyeluruh perlu dijalankan untuk menentukan sama ada perkara yang sama berlaku di skop kerja-kerja lain. Majlis patut mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

10.3.5. Majlis hendaklah mengenal pasti punca sebenar penggunaan ruang tempat letak kereta di Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis yang tidak optimum dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadapnya.

11. YAYASAN WARISAN JOHOR

- Pengurusan Perolehan Muzium Yayasan Warisan Johor

11.1. Mesyuarat Jawatankuasa Muzium-Muzium Negeri pada bulan November 2004 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM4.5 juta kepada Yayasan Warisan Johor (Yayasan) untuk melaksanakan projek kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar kepada Muzium Tokoh. Selain itu, Yayasan telah membuat perolehan pelbagai koleksi warisan sejarah bernilai RM2 juta bagi tujuan pameran sejarah dan artifak seperti pakaian dan tekstil, perhiasan diri, peralatan perusahaan, alat muzik, senjata dan alat peperangan, ukiran kayu, permainan dan hiburan, mata wang, manuskrip dan alat pertanian untuk tatapan dan informasi masyarakat umum.

11.2. Pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

11.2.1. Pengurusan perolehan bagi kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar tidak dibuat secara sebut harga dan tender. Lantikan terus telah dibuat bagi kerja mengubahsuai bangunan, membekal kelengkapan pameran dan kerja elektrik yang mana nilai setiap kontrak tidak melebihi RM50,000 walaupun kerja keseluruhan bagi setiap kerja melebihi RM50,000.

11.2.2. Maklumat lokasi penyimpanan artifak yang bernilai RM2 juta tidak direkodkan dalam e-Peralatan.

11.2.3. Pemeriksaan terhadap harta modal dan artifak tidak dilaksanakan menyebabkan nombor siri pendaftaran harta modal dan inventori tidak dilabelkan, Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori tidak dikemaskinikan dan artifak yang terbakar pada tahun 2008 masih belum dibuat pelupusan.

11.3. Bagi memastikan perolehan Yayasan dapat dilaksanakan dengan teratur dan mendapat *value for money* adalah disyorkan supaya Yayasan melaksanakan perkara berikut:

11.3.1. Pengurusan perolehan di Yayasan perlu dilaksanakan secara sebut harga atau tender bagi mengurangkan kos pengurusan perolehan.

11.3.2. Menjalankan pemeriksaan yang lebih kerap terhadap bahan artifak bagi memastikan keselamatan terjamin dan rekod-rekodnya sentiasa di kemas kini.

11.3.3. Mewujudkan satu garis panduan khusus bagi pengurusan dan penyimpanan artifak agar nilai sejarah artifak terpelihara.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

12. YAYASAN WARISAN JOHOR - YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.

12.1. YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd. (YWJ Citra) adalah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Warisan Johor. Sehingga bulan Disember 2010, modal saham dibenarkan YWJ Citra ialah RM10 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM5.5 juta. Aktiviti utama YWJ Citra adalah pegangan pelaburan, penerbitan dan percetakan, pembangunan dan hartanah, perladangan, pengurusan acara persembahan serta Akademi Seni Johor.

12.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

12.2.1. Prestasi kewangan YWJ Citra adalah tidak memuaskan di mana syarikat ini telah mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2007 hingga 2009.

12.2.2. Kedudukan aset dan liabiliti juga berada pada tahap tidak memuaskan disebabkan modal kerja YWJ Citra dari tahun 2007 hingga 2009 semakin kurang nilainya.

12.2.3. YWJ Citra tidak mempunyai sumber pendapatan yang konsisten dan belum mendapat pulangan daripada aktiviti perladangan dan hartanah.

12.2.4. Aktiviti hartanah tidak menjana pendapatan disebabkan bangunan rumah kedai masih belum disewakan sejak ia dibeli.

12.2.5. Terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi.

12.3. Bagi memastikan objektif penubuhan YWJ Citra dapat dicapai sepenuhnya dan Yayasan Warisan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dikemaskan dan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

12.3.1. Memperkemarkan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan YWJ Citra dan Yayasan Warisan Johor.

12.3.2. Memberikan fokus kepada aktiviti perladangan bagi memastikan pembangunan adalah sepertimana disasarkan supaya memperoleh sumber pendapatan utama dan konsisten.

12.3.3. Memastikan rumah kedai di Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat disewakan bagi menjana pendapatan dan seterusnya membantu pembayaran balik terhadap pinjaman yang diperoleh daripada bank.

13. PERBADANAN JOHOR

- Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd.

13.1. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI) adalah sebuah syarikat yang dimiliki 75% oleh Perbadanan Johor. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1993 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga bulan Disember 2010, modal saham dibenarkan PUSPATRI ialah RM1 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM0.50 juta. Kegiatan utama syarikat PUSPATRI ialah menyediakan latihan teknikal berterusan dan menaik taraf kemahiran untuk tenaga kerja perindustrian. PUSPATRI telah mendapat pentauliahan sebagai sebuah pusat latihan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan menjadi ahli Persekutuan Pusat Pembangunan Kemahiran Malaysia (FMSSC).

13.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Februari 2011 mendapati prestasi kewangan PUSPATRI bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah memuaskan. Namun didapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

13.2.1. Bilangan peserta yang mengikuti kursus jangka pendek dan panjang tidak mencapai sasaran.

13.2.2. PUSPATRI membuat tuntutan bagi pelajar yang berhenti dari mengikut kursus.

13.2.3. Pelajar dikenakan lain-lain yuran sedangkan yuran kursus telah meliputi bayaran berkaitan dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

13.2.4. Peralatan bantuan mengajar yang dibeli pada bulan September 2010 masih belum dibekalkan.

13.2.5. Tadbir urus korporat, pengurusan kewangan dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi.

13.3. Bagi memastikan objektif penubuhan PUSPATRI dapat dicapai sepenuhnya dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

13.3.1. Mempertingkatkan pelaksanaan kursus jangka pendek supaya dapat menyumbang pendapatan yang tinggi sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada kursus jangka panjang yang memperoleh peruntukan geran kerajaan. Ini membolehkan PUSPATRI berdaya maju serta menjalankan fungsi latihan secara sendiri dan berterusan.

13.3.2. Memastikan peralatan yang dibeli diterima dengan segera dan digunakan dalam tempoh yang ditetapkan. Dasar pemberian lanjutan masa kepada pembekal hendaklah dikaji semula supaya tidak melebihi daripada tempoh perjanjian.

13.3.3. Memperkemaskan serta mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan merujuk Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Perbadanan Johor dan Kerajaan Negeri Johor.

14. YAYASAN PELAJARAN JOHOR **- Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.**

14.1. Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. (KPYPJ) yang ditubuhkan pada tahun 1996 merupakan sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pelajaran Johor. Modal saham dibenarkan KPYPJ ialah RM5 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1 juta. Perniagaan utama KPYPJ adalah menyediakan perkhidmatan pengurusan latihan dan pendidikan di mana objektif utama antaranya menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang layak tetapi tidak mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak mempunyai kelayakan akademik untuk diberi kursus-kursus bercorak kemahiran. Sehingga akhir bulan Disember 2010, KPYPJ mempunyai 4 buah kolej yang diuruskan oleh syarikat subsidiari KPYPJ.

14.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

14.2.1. Mengalami kerugian bagi tahun 2007 hingga 2009 dan modal kerja serta ekuiti yang negatif.

14.2.2. Sasaran pengambilan pelajar di kolej KPYPJ tidak tercapai.

14.2.3. Perbelanjaan pemasaran yang didahulukan oleh KPYPJ kepada kolej masih belum dibayar balik oleh kolej berkaitan.

14.2.4. Beberapa syarikat subsidiari KPYPJ tidak menjana keuntungan dan tidak aktif.

14.2.5. Kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi.

14.3. Bagi memastikan objektif penubuhan KPYPJ dapat dicapai sepenuhnya dan Yayasan Pelajaran Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

14.3.1. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Yayasan Pelajaran Johor.

14.3.2. Mengkaji semula kedudukan syarikat subsidiari dengan andaian kegiatan syarikat adalah berterusan (*going concern*) dan mengambil tindakan menutup atau menstrukturkan semula syarikat subsidiari yang mengalami kerugian berterusan serta menetapkan dasar/garis panduan berkaitan pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari.

14.3.3. Memastikan polisi kewangan berkaitan dengan kawalan pembayaran seperti pendahuluan tunai kepada kakitangan KPYPJ diperketatkan dan dipatuhi.

14.3.4. Merealisasikan cadangan penggabungan semua kolej KPYPJ diletakkan di bawah sebuah kolej induk dan mempertingkatkan kualiti KPYPJ dari segi akademik dan infrastruktur.

14.3.5. Memastikan strategi pemasaran dibuat dengan lebih efektif supaya dapat menarik pelajar belajar di kolej KPYPJ.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan akta ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 11 aktiviti pada tahun 2010. Sebelas aktiviti tersebut adalah Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Tanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor, Pengurusan Rumah Kerajaan Dan Rumah Sewa Kerajaan, Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk, Pengurusan Perangkap Sampah Di Sungai Dan Saliran Negeri Johor, Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas, Pengurusan Lesen Dan Permit Hiburan, Program Bantuan Am, Sistem Pengurusan Perakaunan, Pembinaan Bangunan Tambahan dan Pengurusan Perolehan Muzium Yayasan Warisan Johor. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN PEJABAT TANAH PONTIAN, BATU PAHAT, MUAR SERTA LEDANG

2. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Hutan Paya Laut (HPL) adalah kawasan hutan yang terdapat di pesisiran laut yang berlumpur dan bercampur dengan pasir laut serta mengalami air pasang dan surut. HPL memainkan peranan yang penting sebagai zon penampungan semula jadi untuk menahan segala bentuk hakisan sama ada disebabkan oleh pergerakan air, ombak, arus, hujan ribut dan angin. Sistem akarnya yang kompleks serta berceracakan berupaya menahan/mengurangkan tenaga hakisan selain berfungsi memerangkap segala bahan yang dibawa oleh agen-agen hakisan lalu memendapkannya. Struktur daunnya pula dapat membantu sebagai rintangan penahan angin dan ribut yang bertiup kencang. Selain itu, HPL juga memainkan peranan penting bagi menjana ekonomi dalam penghasilan kayu arang dan kayu jaras.

2.1.2. Jabatan Perhutanan (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan secara profesional, sistematik dan berkesan supaya sumber hutan dapat dinikmati secara berterusan dengan memberi pertimbangan kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Fungsi Pejabat Tanah

berkaitan pengurusan HPL pula adalah menjalankan siasatan dan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah kerajaan.

2.1.3. Kawasan HPL yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Johor adalah seluas 18,528.4 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,034.1 hektar (97.3%) berada di Selat Johor, 433 hektar (2.4%) berada di Pantai Timur Johor dan 61.3 hektar (0.3%) berada di pesisiran Selat Melaka. Selain itu, terdapat 12,756 hektar kawasan HPL tanah kerajaan meliputi HPL daratan dan dataran berlumpur di sepanjang Selat Melaka dan Jabatan telah pun mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada tahun 2005 untuk mewartakan kawasan berkenaan sebagai HSK. Bagaimanapun, proses mewartakan kawasan berkenaan sebagai HSK masih belum selesai hingga akhir tahun 2010.

2.1.4. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Jabatan telah mendapat peruntukan sejumlah RM1.01 juta daripada Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan pula sejumlah RM1.45 juta bagi program penanaman semula kawasan HPL. Dari jumlah RM2.46 juta itu, sejumlah RM2.37 juta telah dibelanjakan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hutan paya laut dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya kepada alam sekitar.

2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

2.3.1. Pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan hutan paya laut di HSK, Taman Negara dan tanah kerajaan di pesisiran Selat Melaka dari Sungai Kesang, Ledang hingga ke Tanjung Piai dan Pulau Kukup, Pontian bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan, Pejabat Tanah Ledang, Pejabat Tanah Muar, Pejabat Tanah Batu Pahat dan Pejabat Tanah Pontian.

2.3.2. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan HPL dan temu bual dengan pegawai yang terlibat diadakan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut mengenai pengurusan HPL. Selain itu, pihak Audit juga membuat lawatan ke lokasi HPL yang dipilih iaitu Daerah Pontian yang meliputi Sungai Benut hingga Sungai Sanglang, Taman Sri Aman, Rimba Terjun, Kukup, Pulau Kukup dan Taman Negara Tanjung Piai, Daerah Batu Pahat yang meliputi Parit Simin, Parit Besar, Sungai Punggur dan Sungai Lurus serta Daerah Muar yang meliputi Parit Jawa hingga Seri Menanti, Parit Amat dan Parit Unas.

2.3.3. Pihak Audit juga mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat daripada jabatan dan agensi Kerajaan di Negeri Johor yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan HPL seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Ukur Dan Pemetaan,

Pejabat Tanah Dan Galian, Jabatan Perikanan, Jabatan PERHILITAN dan Perbadanan Taman Negara Johor.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan HPL di pesisiran pantai Selat Melaka perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dalam aspek seperti penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut, mempercepatkan proses pewartaan kawasan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) sebagai HSK dan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Yang Bersesuaian Di Pesisiran Selat Melaka. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

2.4.1. Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut

Seksyen 4(b), Akta Perhutanan Negara (APN) menyatakan Jabatan Perhutanan hendaklah menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri sebagai satu pelan induk pengurusan hutan. Memandangkan HPL merupakan ekosistem paling kompleks dan berbeza dengan pengurusan hutan darat, Jabatan Perhutanan perlu menyediakan rancangan pengurusan HPL supaya sumber hutan di kawasan tersebut dapat diuruskan secara berkekalan.

2.4.1.1. Rancangan Pengurusan Hutan Bakau Tahun 2000 Hingga 2009

Jabatan telah menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Bakau bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2009. Semakan Audit mendapati rancangan ini lebih tertumpu kepada kawasan HSK yang berada di Selat Johor dan pantai timur. Memandangkan di pesisiran Selat Melaka tidak mempunyai HSK Paya Laut maka tiada aktiviti yang dicadangkan di kawasan ini. Ini kerana HPL di tanah kerajaan dan Taman Negara Johor adalah di luar bidang kuasa Jabatan sebaliknya di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Daerah dan Perbadanan Taman Negara Johor.

2.4.1.2. Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Bagi Tahun 2010 Hingga 2019

Jabatan telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) untuk membuat lantikan terus sebuah syarikat sebagai juru perunding untuk menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut (RPHPL) Bagi Tahun 2010 Hingga 2019 dengan kos sebanyak RM0.30 juta pada bulan Februari 2010. Semakan Audit mendapati perjanjian antara Jabatan dengan syarikat tersebut masih belum ditandatangani kerana syarikat ini tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagaimana yang disyaratkan oleh PKN. Sehubungan itu, Jabatan telah memohon kelulusan daripada PKN untuk melantik anak syarikat kepada juru perunding tersebut yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan diluluskan oleh PKN pada bulan November 2010. Kesilapan Jabatan melantik syarikat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan telah menyebabkan RPHPL tahun 2010 hingga 2019 tidak dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2010.

Pada pendapat Audit, RPHPL tidak memuaskan kerana rancangan tahun 2010 hingga 2019 masih belum dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2010. Jabatan sepatutnya menyiapkan RPHPL Tahun 2010 Hingga 2019 sebelum tahun 2010.

2.4.2. Keluasan HSK Paya Laut Di Pesisiran Selat Melaka Semakin Mengecil

Mengikut rekod Jabatan, HPL yang telah diwartakan sebagai HSK di sepanjang pesisiran Selat Melaka dari Sungai Kesang, Ledang hingga ke Tanjung Piai dan Pulau Kukup, Pontian yang masih wujud sehingga akhir tahun 2010 adalah HSK Benut. Keluasan HSK Benut pada tahun 1950 adalah 2,710.5 hektar. Bagaimanapun, PBN telah meluluskan untuk mewartakan keluar secara berperingkat-peringkat kawasan tersebut dari rizab hutan bermula tahun 1961 hingga 2005 seluas 2,649.3 hektar. Oleh itu, baki HSK Benut pada masa kini adalah seluas 61.3 hektar sahaja.

Pada pendapat Audit, keluasan HSK Paya Laut di pesisiran Selat Melaka Negeri Johor semakin mengecil berbanding tahun 1950.

2.4.3. Kelewatan Untuk Mewartakan Kawasan Cadangan Hutan Simpanan Kekal

2.4.3.1. Seksyen 7 (1), APN menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai HSK dengan menyiarkannya dalam warta. MMK bil. 973 pada bulan Mei 2005 telah bersetuju supaya 6 kawasan tanah kerajaan dan Taman Negara Johor di Pulau Kukup yang terdiri daripada HPL dan dataran lumpur seluas 13,561 hektar dijadikan HSK pada bulan Mei 2005. Daripada jumlah tersebut, 4 kawasan HPL dan dataran lumpur seluas 12,756 hektar berada di pesisiran Selat Melaka. Semakan Audit mendapati semua kawasan tersebut masih belum diwartakan sebagai HSK sehingga akhir tahun 2010 walaupun telah berlaku kelewatan melebihi 5 tahun. Oleh itu, kawasan tersebut masih lagi merupakan Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK) dan berstatus sebagai tanah kerajaan.

2.4.3.2. Maklum balas Jabatan menyatakan proses mewartakan CHSK memerlukan kerja-kerja pengukuran halus di kawasan yang dicadangkan. Bagaimanapun, Jabatan menghadapi kekangan kewangan untuk melaksanakan kerja pengukuran dan usaha telah dilakukan untuk mendapatkan dana bagi tujuan tersebut. Butiran kawasan yang telah diluluskan oleh MMK untuk dijadikan HSK adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kawasan Yang Diluluskan Oleh MMK Untuk Dijadikan HSK
Di Pesisiran Pantai Selat Melaka

Bil.	Kawasan	Status Tanah	Keluasan (Hektar)		
			Hutan Paya Laut	Dataran Lumpur	Jumlah
1.	Sungai Kesang – Parit Bakar, Muar	Tanah Kerajaan	380	400	780
2.	Parit Bakar – Sungai Bagan, Batu Pahat	Tanah Kerajaan	3,681	2,250	5,931
3.	Sungai Bagan – Tanjung Piai, Pontian	Tanah Kerajaan	2,004	2,157	4,161
Jumlah Kecil			6,065	4,807	10,872
4.	Pulau Kukup	Taman Negara Johor	647	1,237	1,884
Jumlah			6,712	6,044	12,756

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

2.4.3.3. Semakan Audit mendapati antara perkara yang menyumbang kepada kelewatan pewartaan ini adalah seperti berikut:

a. Cadangan Mewujudkan HSK Tidak Dikemukakan Kepada PTG

- i. Manual Perhutanan menyatakan prosedur untuk mewujudkan HSK adalah seperti yang digariskan dalam Kaedah 8, Kaedah-Kaedah Hutan 1987 (KKH). Mengikut KKH, Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) cadangan mewujudkan HSK yang mengandungi keterangan ringkas kawasan yang dicadangkan bersama dengan pelan-pelan yang relevan bagi menunjukkan sempadan luar kawasan tersebut. PTG hendaklah dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan cadangan tersebut, merujuk cadangan itu kepada jabatan dan agensi yang berkenaan bagi mendapatkan ulasan dalam tempoh 60 hari. PTG kemudiannya akan menyediakan laporan mengenai cadangan itu dan mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam masa 30 hari dari tarikh semua ulasan diterima. PBN pula akan menimbang cadangan tersebut dan sekiranya diluluskan, kawasan tersebut hendaklah diwartakan sebagai HSK.
- ii. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengemukakan terus kertas cadangan untuk mewujudkan HSK Paya Laut kepada PBN tanpa merujuk kepada PTG. Menurut Jabatan, tindakan tersebut diambil bagi menyegerakan proses mewartakan kawasan HPL di pesisiran pantai Negeri Johor sebagai HSK lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara (MPN) Ke 18 yang diadakan pada bulan November 2004. MPN telah menyarankan agar Kerajaan Negeri mewartakan semua kawasan HPL sebagai HSK bertujuan menjamin dan mengekalkan fungsi HPL untuk kepentingan generasi akan datang. Bagaimanapun, proses pewartaan kawasan tersebut masih belum selesai sehingga kini kerana beberapa kawasan yang dicadangkan sebagai HSK merupakan tanah milik. Ini kerana Jabatan telah menggunakan maklumat yang

terdapat di atas peta topografi yang dikeluarkan oleh JUPEM pada tahun 1994 semasa mengenal pasti kawasan HPL di pesisiran Selat Melaka untuk dijadikan HSK di mana peta tersebut menunjukkan masih terdapat HPL dan dataran berlumpur. Bagaimanapun, maklumat yang terkandung dalam peta tersebut tidak kemas kini. Berikut adalah antara contoh kawasan tanah bermilik tetapi dicadangkan sebagai HSK:

- Mengikut rekod Pejabat Tanah Muar, sebahagian kawasan Parit Tunggol dan Parit Penyengat yang dicadangkan sebagai HSK adalah merupakan tanah milik. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan pada bulan November 2010 mendapati terdapat rumah dan tanaman kelapa seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

Gambar 2.1
Pokok Kelapa Yang Ditanam Oleh Pemilik Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Tunggol, Muar
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.2
Rumah Kediaman Yang Dibina Oleh Pemilik Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Penyengat, Muar
Tarikh: 11 November 2010

- Pejabat Tanah Batu Pahat pula menyatakan kawasan seluas 608.71 hektar dari Sungai Tongkang hingga Sungai Dulang, Batu Pahat yang termasuk dalam kawasan CHSK merupakan tanah milikan 102 pemilik. Lawatan Audit bersama pegawai Pejabat Tanah Batu Pahat menunjukkan tanah milik di kawasan CHSK Sungai Tongkang seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3

Tanah Milik Dalam Kawasan CHSK Sungai Tongkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Tongkang, Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.4

Tanah Milik Di Kawasan Paya Laut Di Sungai Tongkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Tongkang, Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2010

b. Pelan Lakaran Yang Disediakan Tidak Lengkap

Jabatan telah menghantar permohonan kepada Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEMJ) untuk tujuan penyediaan pelan warta kawasan CHSK yang telah diluluskan oleh PBN. Bagaimanapun, pihak JUPEMJ tidak dapat menyediakan draf pelan warta tersebut kerana pelan lakaran yang dibekalkan oleh Jabatan tidak mempunyai bacaan bearing dan tanda sempadan lot-lot berhampiran. Selain itu, pelan lakaran yang disediakan oleh Jabatan adalah berdasarkan peta topografi yang dikeluarkan oleh JUPEMJ pada tahun 1998. Oleh itu, maklumat yang terkandung dalam peta topografi tersebut adalah tidak kemas kini terutama yang melibatkan kawasan HPL yang tidak wujud lagi disebabkan oleh hakisan. Maklum balas Jabatan menyatakan maklumat lengkap berkaitan pelan seperti bearing, jarak dan keluasan sebenar hanya dapat disediakan setelah kerja-kerja mengenal pasti kawasan sebenar di lapangan dan pengukuran halus sempadan telah dibuat dan Pelan Akui diluluskan oleh JUPEMJ.

c. Kawasan Yang Dicadangkan Tidak Wujud Akibat Hakisan

Lawatan Audit ke beberapa kawasan CHSK pada bulan November 2010 mendapati kawasan tersebut telah mengalami hakisan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

i. CHSK Sungai Kesang Hingga Parit Bakar

Menurut JPS, kawasan pesisiran pantai sepanjang 10.8 km dari Parit Penyengat hingga Tanjung Tohor, Muar telah mengalami hakisan tahap Kategori 3 di mana kawasan berkenaan sedang mengalami hakisan tetapi impaknya kepada ekonomi atau harta benda amat kecil. Kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada kawasan CHSK Sungai Kesang hingga Parit Bakar. Lawatan Audit dari Parit Jawa hingga Sri Menanti di Muar iaitu sebahagian daripada CHSK Sungai Kesang hingga Parit Bakar mendapati terdapat beberapa kawasan CHSK tidak wujud lagi

kerana hakisan. **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6** menunjukkan kawasan CHSK tidak wujud lagi di Parit Bulat dan Sri Menanti dan yang tinggal hanya bekas kolam udang lama yang musnah dan bekas pokok bakau yang mati akibat hakisan.

Gambar 2.5
HPL Tidak Wujud Lagi Dan Yang Tinggal
Hanya Bekas Tapak Kolam Udang Lama Yang
Musnah Akibat Hakisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Bulat, Muar
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.6
HPL Tidak Wujud Lagi Dan Yang Tinggal
Bekas Pokok Bakau Yang Mati Akibat
Hakisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sri Menanti, Muar
Tarikh: 11 November 2010

ii. CHSK Sri Menanti

Jabatan telah melakarkan kawasan CHSK Sri Menanti dari Parit Bakar, Muar hingga Sungai Bagan, Pontian. Menurut JPS, kawasan pesisiran pantai sepanjang 2.8 km dari Tanjung Laboh hingga Parit Raja Laut, Batu Pahat telah mengalami hakisan pantai di bawah tahap Kategori 2 di mana kawasan sedang mengalami hakisan tetapi belum sampai ke tahap kritikal dan impaknya kepada kegiatan ekonomi adalah kurang. Kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada kawasan CHSK Sri Menanti. Lawatan Audit ke Sungai Lurus di Batu Pahat mendapati kawasan CHSK tidak wujud lagi kerana hakisan seperti **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**.

Gambar 2.7
CHSK Tidak Wujud Kerana Hakisan Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Lurus, Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.8
Benteng Batu Yang Dibina JPS Bagi Mengawal Hakisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Lurus, Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2010

2.4.3.4. Lawatan Audit bersama Pejabat Tanah Muar dan Batu Pahat mendapati beberapa kawasan CHSK telah dicerobohi oleh orang awam untuk aktiviti pertanian dan didirikan rumah seperti di Parit Amat, Parit Kedondong dan Parit Pechah di Daerah Muar serta Parit Simin di Daerah Batu Pahat. Bagaimanapun, Jabatan tidak boleh menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap pencerobohan tersebut kerana kawasan CHSK masih lagi berstatus tanah kerajaan. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan hanya boleh diambil oleh Pejabat Tanah. Bagaimanapun, Pejabat Tanah di daerah terbabit masih belum mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tersebut sehingga lawatan Audit. Lokasi kawasan CHSK yang telah diceroboh adalah seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

Gambar 2.9
Batu Sempadan Antara Tanah Milik Dan CHSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Amat, Muar
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.10
Pokok Kelapa Sawit Yang Baru Ditanam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Pechah, Muar
Tarikh: 11 November 2010

Gambar 2.11

Pembinaan Rumah Di Dalam Kawasan CHSK Sri Menanti



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Kendondong, Muar
Tarikh: 11 November 2010*

Gambar 2.12



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Simin, Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2010*

Pada pendapat Audit, proses pewartaan HSK adalah tidak memuaskan kerana Jabatan mengambil masa yang lama untuk mewartakannya dan sehingga kini masih belum selesai.

2.4.4. Prestasi Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Yang Bersesuaian Di Pesisiran Pantai Selat Melaka Tidak Memuaskan

2.4.4.1. Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara mula dilaksanakan mulai tahun 2005 selepas berlakunya kejadian tsunami pada bulan Disember 2004. Antara objektif program adalah:

- a. Memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semula jadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam (ombak, angin dan hakisan tanah).
- b. Memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepelbagaian biologi serta memperkaya sumber hasil pantai.
- c. Mewujudkan zon penampungan yang kukuh bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar.

2.4.4.2. Bagi pesisiran Selat Melaka, kawasan yang terlibat dengan program ini adalah di tanah kerajaan di Daerah Muar dan Batu Pahat, HSK Benut serta Taman Negara Tanjung Piai. Menurut Jabatan, keseluruhan perbelanjaan bagi melaksanakan program penanaman ini adalah berjumlah RM0.27 juta bagi tahun 2006 hingga 2010. Kos ini meliputi kerja-kerja seperti publisiti, membekal dan memasang papan tanda, penyediaan tapak tanaman, membekal dan menanam anak pokok.

2.4.4.3. Secara keseluruhannya, prestasi program penanaman yang di jalankan di pesisiran pantai Selat Melaka adalah tidak memuaskan kerana 67.5% pokok yang ditanam telah mati. Selain itu, daripada 10 projek tanaman yang dijalankan didapati 3 projek penanaman anak pokok yang boleh dikategorikan sebagai berjaya di mana

bilangan pokok yang hidup melebihi 80% iaitu di HSK Benut, Sri Menanti dan Parit Unas, Muar manakala 7 projek lagi boleh dikategorikan sebagai gagal di mana bilangan anak pokok yang hidup kurang dari 20%. Pada masa itu, Jabatan menggunakan teknik penanaman pokok secara konvensional kerana Garis Panduan Teknik Inovatif Penanaman Bakau Di pesisiran Pantai Berisiko Tinggi hanya dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia pada tahun 2009 setelah kajian dijalankan bermula tahun 2006. Menurut Jabatan, sebahagian besar anak pokok yang ditanam mati dan musnah akibat pukulan ombak kuat, vandalisme (ditebang/dimusnahkan) penduduk setempat, gangguan binatang ternakan dan faktor pencemaran air laut di kawasan tanaman. Prestasi program penanaman yang dijalankan di pesisiran pantai Selat Melaka pada tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Program Penanaman Yang Dijalankan
Di Pesisiran Pantai Selat Melaka Pada Tahun 2006 Hingga 2010

Tahun	Lokasi	Kos (RM)	Luas Tanaman (Hektar)	Bilangan Pokok		Masalah (Tahap Masalah)
				Hidup (%)	Mati (%)	
2006	Sri Menanti, Muar	49,952	1.26	80	20	
	Parit Unas, Muar		2.74	80	20	
2007	Sg Kesang, Muar	100,573	1	20	80	Ombak (Tahap 4)
	Parit Besar, Batu Pahat		0.5	0	100	Ditebang penduduk dan hakisan (Tahap 5)
	Parit Simin, Batu Pahat		2.5	20	80	Ombak dan ketam (Tahap 5)
	Punggur, Batu Pahat		1	10	90	Gangguan Ternakan (Tahap 3)
	Parit Botak, Batu Pahat		2	0	100	Air Tercemar dan ombak (Tahap 5)
2008	Punggur, Batu Pahat	3,475	0.5	10	90	Gangguan Ternakan (Tahap 3)
	Tg Piai, Pontian	32,800	0.2	10	90	Ombak/Laluan Kapal (Tahap 5)
2009	Tiada Penanaman					
2010	HSK Benut	84,000	6	95	5	
Jumlah		270,800	17.7	32.5	67.5	

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Nota: Tahap 5: Paling Serius - Kesan/impak yang amat besar ke atas kawasan projek dan sukar di atasi dengan kaedah biasa

Tahap 4: Sangat Serius - Kesan/impak yang besar ke atas kawasan projek dan sukar di atasi dengan kaedah biasa

Tahap 3: Sederhana Serius - Kesan/impak yang sederhana besar ke atas kawasan projek dan boleh di atasi dengan kaedah biasa

2.4.4.4. Lawatan Audit pada bulan Disember 2010 di 3 projek penanaman di pesisiran pantai Selat Melaka di Negeri Johor iaitu di CHSK Parit Besar dan Parit Simin di Daerah Batu Pahat dan HSK Benut di Daerah Pontian. Hasil penemuan adalah seperti berikut:

a. CHSK Parit Besar, Batu Pahat

Kesemua anak pokok bakau yang ditanam di kawasan seluas 0.5 hektar di Parit Besar pada tahun 2007 telah mati. Menurut rekod Jabatan, kesemua anak pokok bakau tersebut telah mati ditebang oleh penduduk setempat atas alasan faktor

keselamatan. Keadaan anak pokok bakau semasa ditanam pada tahun 2007 dan anak pokok bakau yang mati kerana ditebang oleh penduduk setempat adalah seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**.

Gambar 2.13
Anak Pokok Yang Ditanam Pada Tahun 2007



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri
Lokasi: Parit Besar, Batu Pahat

Gambar 2.14
Kesemua Anak Pokok Yang Ditanam Mati Pada Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Besar, Batu Pahat
Tarikh: 20 Disember 2010

b. CHSK Parit Simin, Batu Pahat

Lawatan Audit ke Parit Simin pula mendapati bilangan anak pokok yang masih hidup adalah pada tahap 20% manakala 80% lagi telah mati. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia pada tahun 2009 menunjukkan tanah di kawasan ini masih tidak mempunyai struktur yang sesuai untuk pokok hidup dengan baik kerana mempunyai lapisan tanah selut cair likat berbanding dengan keadaan tanah di kawasan dirian asal. Keadaan semasa anak pokok bakau ditanam pada tahun 2007 dan bilangan anak pokok bakau yang masih hidup semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**.

Gambar 2.15
Anak Pokok Yang Ditanam Pada Tahun 2007



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri
Lokasi: Parit Simin, Batu Pahat

Gambar 2.16
Baki Anak Pokok Yang Masih Hidup Pada Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Simin, Batu Pahat
Tarikh: 20 Disember 2010

c. HSK Benut, Pontian

Projek penanaman menggunakan teknik konvensional ini dijalankan ke atas kawasan tanah HSK Benut yang telah diceroboh untuk ternakan kolam udang pada tahun 2007. Jabatan telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja menanam pokok bakau dengan kos berjumlah RM84,000 pada tahun 2010. Selain itu, Jabatan juga telah menjalankan kerja menanam di sebahagian kecil dari kawasan tersebut. Lawatan Audit ke HSK Benut mendapati anak pokok bakau yang ditanam oleh kontraktor hidup pada tahap 95% manakala anak pokok bakau yang ditanam oleh Jabatan pula semuanya mati seperti ditunjukkan di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**. Maklum balas pihak Jabatan menyatakan kawasan yang ditanam oleh kakitangan Jabatan mempunyai tahap kemasinan air laut yang rendah di mana benteng-benteng (batas) kolam udang yang dibina sebelum ini menghalang kemasukan air laut. Keadaan ini telah menyebabkan anak pokok bakau yang ditanam mati.

Gambar 2.17
Anak Pokok Bakau Yang Ditanam Oleh Jabatan Telah Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Benut, Pontian
Tarikh: 20 Disember 2010

Gambar 2.18
Anak Pokok Bakau Yang Baru Ditanam Oleh Kontraktor Masih Hidup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Benut, Pontian
Tarikh: 20 Disember 2010

Pada pendapat Audit, Jabatan sepatutnya membuat kajian tanah dan kawasan terlebih dahulu sebelum program penanaman pesisiran pantai dilakukan terutama di kawasan yang mengalami masalah hakisan, struktur tanah yang tidak sesuai dan penempatan penduduk.

2.4.5. Aktiviti Manusia Yang Menyumbang Kepada Pencemaran HPL

2.4.5.1. Tebing Bekas Tapak Pelupusan Sampah Runtuh

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara sedang melaksanakan kerja-kerja menutup bekas tapak pelupusan sampah berhampiran laut di kawasan HPL di Rimba Terjun, Pontian dan projek ini dijangka siap pada bulan November 2011. Menurut rekod Pejabat Tanah Pontian, kawasan HPL ini merupakan tanah kerajaan yang dicadangkan sebagai HSK. Lawatan Audit bersama pegawai JPS dan Pejabat Tanah Pontian mendapati tebing bekas tapak pelupusan sampah tersebut telah runtuh akibat pukulan ombak yang kuat.

Kesannya, sampah-sampah yang ada telah dihanyutkan oleh ombak dan menutupi akar pokok di HPL menyebabkan pokok di kawasan tersebut telah mati. Selain itu, kesan runtuh tebing itu juga menyebabkan air lecet dari tapak pelupusan sampah itu telah mencemari kawasan tersebut. Tebing bekas tapak pelupusan sampah yang telah runtuh dan sampah yang berlonggok di HPL telah menyebabkan pokok di kawasan tersebut mati ditunjukkan di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.20**.

Gambar 2.19
Tebing Tapak Pelupusan Sampah Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lama, Pontian
Tarikh: 21 Disember 2010

Gambar 2.20
Sampah Yang Menyebabkan Pokok Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lama, Pontian
Tarikh: 21 Disember 2010

2.4.5.2. Sesai Dari Aktiviti Mencuci Kapal

Kawasan seluas 926 hektar di Tanjung Piai telah diwartakan sebagai Taman Negara Johor oleh Perbadanan Taman Negara Johor. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia mendapati arus air pasang membawa bersama bahan menyerupai serbuk kayu yang dikenali sebagai tanah sesai dan memendap bila air surut. Bahan ini berasid, mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mengikat fosforus dan kandungan logam berat juga tinggi yang digunakan untuk mencuci kapal. Kehadiran bahan ini memberi kesan negatif kepada kadar tumbesaran pokok dan dalam keadaan ekstrem menyebabkan pokok mati. Lawatan Audit ke kawasan tersebut mendapati sesai telah berlonggok di pesisiran pantai Taman Negara Tanjung Piai. Sesai yang berlonggok di pesisiran pantai Taman Negara Tanjung Piai seperti di **Gambar 2.21** dan **Gambar 2.22**.

Gambar 2.21
Sesai Yang Berlonggok Di Pesisiran Pantai
Tanjung Piai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perbadanan Taman Negara Tanjung Piai
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 2.22
Sesai Yang Mengandungi Minyak Terkumpul
Di Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perbadanan Taman Negara Tanjung Piai
Tarikh: 12 Januari 2011

Pada pendapat Audit, tebing bekas tapak pelupusan sampah yang runtuh dan sesai telah mencemarkan kawasan HPL dan telah menyebabkan pokok di kawasan tersebut mati.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Jabatan dan Pejabat Tanah Daerah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

2.5.1. Jabatan hendaklah menyegerakan proses pewartaan kawasan CHSK di pesisiran Selat Melaka yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2005.

2.5.2. Jabatan boleh mewujudkan bekerjasama dengan JPS untuk membina struktur pemecah ombak seperti *geotube* bagi mengatasi masalah hakisan tanah di HPL dan bagi membolehkan penanaman pokok bakau dapat dijalankan di kawasan tersebut. Selain itu, Jabatan juga perlu menjalankan kajian tanah dan kawasan sebelum kerja tanaman di sesuatu kawasan itu dijalankan.

2.5.3. Pejabat Tanah Daerah perlu menetapkan dasar yang jelas supaya tiada hak milik dikeluarkan di kawasan zon penampungan pesisiran pantai dan sungai. Selain itu, tindakan penguatkuasaan patut diambil terhadap pencerobohan tanah kerajaan oleh orang awam.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

3. PENGURUSAN TANAH MILIK PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 1953. Di bawah enakmen ini, jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan seseorang yang sedang menjawat jawatan itu adalah merupakan SSI. Kuasa SSI yang dinyatakan dalam enakmen adalah seperti berikut:

“Lembaga itu boleh mengikat perjanjian, mendapat, membeli, mengambil, memegang dan mengambil faedah harta benda yang boleh digerak dan tidak boleh digerak bagi tiap-tiap jenis dan boleh menukar nama milik, menyerah, mencagarkan, menggadai, menyerahkan semula, menukar ataupun membahagikan atau mengurus sebarang harta benda yang boleh digerak atau yang tidak boleh digerak yang dikuasakan kepada Lembaga itu dengan apa jua syarat-syarat bagaimana yang patut timbangan Lembaga itu.”

3.1.2. Walaupun SSI ditubuhkan pada tahun 1953, pembangunan tanah milik SSI mula aktif apabila Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) ditubuhkan pada tahun 1973 di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri. UPENJ bertanggungjawab menasihati Kerajaan Negeri mengenai perancangan ekonomi serta menyelaraskan semua program dan projek pembangunan, termasuk pembangunan tanah-tanah yang dimiliki oleh SSI.


3.1.3. Sehingga bulan Disember 2010, SSI memiliki 304 lot tanah dengan keluasan berjumlah 31,607.547 hektar. Daripada 304 lot ini, 49% telah digunakan untuk tujuan perdagangan, 26% untuk kemudahan awam, 14% untuk pertanian, 7% untuk perumahan dan 4% lagi untuk perindustrian. Bilangan dan keluasan tanah milik SSI mengikut daerah sehingga bulan Disember 2010 dan pecahan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Dan Keluasan Tanah Milik SSI
Mengikut Daerah Sehingga Disember 2010

Bil.	Daerah	Bilangan Tanah (Lot)	Keluasan (Hektar)
1.	Johor Bahru	129	192.335
2.	Muar	7	58.000
3.	Batu Pahat	5	8.335
4.	Segamat	13	1,509.471
5.	Kluang	9	1,530.872
6.	Kota Tinggi	23	22,951.022
7.	Pontian	30	10.464
8.	Mersing	22	5,264.957
9.	Kulaijaya	1	6.393
10.	Ledang	64	74.031
11.	Petaling Jaya, Selangor	1	1.667
Jumlah		304	31,607.547

Sumber: Pejabat SUKJ Dan Pejabat Tanah Daerah

Carta 3.1
Bilangan Tanah Milik SSI
Mengikut Jenis Penggunaan



Sumber: UPENJ Dan Pejabat SUKJ

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan tanah milik SSI telah diuruskan dengan cekap dari aspek pentadbiran, pelaksanaan dan pembangunannya mematuhi syarat penggunaan yang diluluskan serta pulangan yang diperoleh adalah setimpal dengan nilai tanah.

3.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan adalah tanah yang dimiliki oleh SSI termasuk tanah yang telah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri bermula daripada tempoh tanah dimiliki hingga tahun 2010.

3.3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan dengan tanah milik SSI seperti fail permohonan, dokumen perjanjian dan pelan tapak. Semakan dibuat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Unit SSI), UPENJ, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor dan 5 Pejabat Tanah Daerah iaitu di Pejabat Tanah Johor Bahru, Kota Tinggi, Segamat, Mersing dan Kluang. Lawatan ke lokasi tanah dan tapak projek yang dipilih turut dilakukan di 5 daerah tersebut. Selain itu, perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan tujuan pengesahan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati kelemahan berlaku dalam pengurusan tanah milik SSI. Kelemahan yang diperhatikan adalah tiadanya pemantauan terhadap tanah milik SSI yang menyebabkan pulangan daripada projek penswastaan belum diterima, tanah milik SSI belum didaftarkan hak milik, tanah belum dimajukan, tunggakan cukai tanah dan projek di atas tanah milik SSI terbengkalai.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1. Tiada Pemantauan Terhadap Tanah Milik SSI

3.4.1.1. Enakmen Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 1953 menyatakan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah merupakan entiti SSI dan bertanggungjawab menguruskan semua hartanah Kerajaan Negeri. SSI seharusnya mempunyai maklumat bagi semua tanah miliknya termasuk tanah yang telah mendapat kelulusan secara eksklusif daripada Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati maklumat hak milik tanah yang diselenggarakan seperti bilangan hak milik, kadar cukai tanah tahunan, lokasi, kegunaan dan status semasa tidak meliputi semua tanah yang dimiliki oleh SSI. Terdapat tanah yang dibangunkan secara penswastan tiada dalam Data Tanah SSI, pulangan daripada tanah SSI yang dibangunkan melalui penswastan belum diterima, ada hak milik tanah belum didaftarkan dan terdapat tanah milik SSI belum dimajukan.

3.4.1.2. Pada tahun 2010, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUKJ) telah menubuhkan Unit SSI di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mengemas kini, mengurus dan memantau harta milik SSI. Unit ini telah diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Pembangunan) seperti di **Carta 3.2**.

Carta 3.2
Carta Organisasi SUKJ



Sumber: Pejabat SUKJ

3.4.1.3. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati struktur Unit SSI hanya dianggotai oleh seorang Pegawai Tadbir Negeri Johor Gred N41 tanpa dibantu kakitangan sokongan.

Antara tugas beliau adalah mengurus dan memantau semua harta SSI, menyelaraskan permohonan memajukan dan urusan pindah milik tanah SSI serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh SUKJ. Selain itu, SSI tidak mempunyai Ahli Lembaga Pengarah sebagaimana perbadanan yang lain. Kelewatan mewujudkan Unit SSI dan struktur SSI yang tidak lengkap telah menyebabkan pemantauan yang kurang sempurna dan menyebabkan kesan seperti berikut:

a. Pulangan Yang Belum Diterima Daripada Tanah SSI Yang Dimajukan Melalui Projek Penswastaan

Pulangan kepada Kerajaan Negeri dan SSI daripada projek penswastaan adalah diterima dalam bentuk wang tunai dan *in kind* seperti rumah, bangunan komersial, dewan dan infrastruktur. Selain itu, Kerajaan juga akan memperoleh pulangan *Excess Sales Revenue* (ESR) daripada hasil jualan unit bangunan yang melebihi *Gross Sales Revenue* (GSR). Semakan Audit terhadap Laporan Status Projek Penswastaan Yang Sedang Dilaksanakan Di Negeri Johor Sehingga Bulan November Tahun 2010 yang disediakan oleh UPENJ mendapati 19 projek penswastaan dengan pulangan tunai berjumlah RM24.64 juta dan pulangan *in kind* bernilai RM39.71 juta masih belum diterima oleh SSI. Manakala, anggaran pulangan keuntungan yang belum diterima daripada penjualan secara ESR adalah berjumlah RM48.48 juta. Maklumat lanjut pulangan daripada projek penswastaan di atas tanah milik SSI yang belum diterima sehingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Pulangan Daripada Projek Penswastaan Di Atas Tanah Milik SSI
Yang Belum Diterima Sehingga Tahun 2010

Bil.	Kemajuan Projek	Jumlah Syarikat	Tunggakan Tunai		Tunggakan <i>In Kind</i>		Tunggakan ESR	
			Jumlah Projek	Jumlah (RM Juta)	Jumlah Projek	Jumlah (RM Juta)	Jumlah Projek	Jumlah (RM Juta)
1.	Siap dibina	9	6	16.41	-	-	1	6.50
2.	Sedang dibina	1	-	-	1	11.02	-	-
3.	Belum dibina	9	3	8.23	6	28.69	2	41.98
Jumlah		19	9	24.64	7	39.71	3	48.48

Sumber: UPENJ

i. Pulangan Tunai Dan *In Kind*

- Sebanyak RM16.41 juta pulangan tunai belum diterima daripada 6 projek perjanjian penswastaan yang telah siap dibina. Daripada jumlah tersebut, RM6.08 juta atau 37.0% adalah merupakan pulangan tunai daripada satu projek pembinaan kuarters kerajaan, RM7.70 juta atau 46.9% merupakan bayaran sewa tahunan kuari batu pejal yang diswastakan manakala baki 16.1% atau RM2.64 juta adalah terdiri daripada pulangan tunai yang termaktub dalam terma perjanjian. Kesemua perjanjian projek tersebut ditandatangani antara tahun 1993 hingga 2004 dan sepatutnya semua pulangan tersebut telah dijelaskan. Menurut UPENJ, tunggakan ini akan diselesaikan oleh syarikat swasta berkenaan melalui perjanjian tambahan yang melibatkan penstrukturan

semula pulangan tunai dan bayaran secara ansuran. Satu daripada pengusaha kuari tersebut telah diberi kelonggaran menjelaskan tunggakan dalam tempoh 24 bulan selepas tempoh pajakan 10 tahun tamat pada bulan Oktober 2003 dan UPENJ telah mengemukakan surat susulan kepada syarikat berkenaan.

- Semakan Audit terhadap laporan projek yang sedang dibina pula mendapati pulangan *in kind* bernilai RM11.02 juta bagi satu projek yang sedang dalam pembinaan belum lagi disiapkan sehingga akhir tahun 2010. *In kind* tersebut adalah merupakan pembinaan 450 unit rumah kos rendah, kompleks komuniti, masjid, tadika serta balai raya di atas tanah kerajaan yang diduduki setinggan. Pemaju dikehendaki menjual rumah yang dibina dengan potongan harga (subsidi) antara RM5,000 hingga RM10,000 seunit serta menampung kos pemindahan penduduk di atas tanah yang dibangunkan. UPENJ memaklumkan syarikat berkenaan telah menghadapi masalah untuk meneruskan projek. Sehubungan itu, penyusunan semula pulangan *in kind* tersebut akan dibuat di antara syarikat, UPENJ dan Kerajaan.
- Sementara itu, semakan Audit terhadap projek yang belum dibina pula mendapati 9 projek masih mempunyai tunggakan pulangan tunai dan *in kind* berjumlah RM36.92 juta. Tiga daripada projek tersebut melibatkan tunggakan tunai berjumlah RM8.23 juta dan 6 pulangan *in kind* bernilai RM28.69 juta. Perjanjian berkaitan bagi projek tersebut telah ditandatangani antara tahun 1991 hingga 2008. Contoh projek sedang dalam pembinaan tetapi pulangan *in kind* belum diterima adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Projek Pembinaan Semula Kawasan Setinggan
Sedang Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Langkasuka, Larkin, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

Gambar 3.2
Tapak Yang Belum Dibangunkan Kompleks
Komuniti Dan Sukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Suria, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

- Semakan lanjut terhadap Penyata Tunggakan Hasil Berakhir Pada 31 Disember 2010 yang dikeluarkan oleh UPENJ kepada Perbendaharaan Negeri Johor pula mendapati pulangan tunai yang belum diterima adalah berjumlah RM17.23 juta. Tunggakan ini adalah daripada 7 buah syarikat pemaju yang membangunkan tanah milik SSI di Daerah Johor Bahru, Kluang, Segamat dan Kota Tinggi. Tempoh tunggakan adalah antara 12 hingga 36 bulan. Maklumat tunggakan pulangan tunai tersebut daripada syarikat swasta kepada SSI pada 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Tunggakan Pulangan Tunai Daripada Syarikat Swasta Kepada SSI
Pada 31 Disember 2010

Bil.	Daerah	Projek Penswastaan	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
1.	Kota Tinggi	Kuari JKR Bukit Linchu, Masai	36	7.35
2.	Johor Bahru	Pembangunan	36	5.17
3.	Segamat	Pusat Pengangkutan dan Pasar Awam Segamat	36	1.48
4.	Kota Tinggi	Kuari di PTD 440, Tanjung Belungkor	36	0.95
5.	Kota Tinggi	Pelancongan Air Terjun, Kota Tinggi	30	0.28
6.	Johor Bahru	Pembangunan Semula Kawasan Setinggalan	24	1.00
7.	Simpang Renggam, Kluang	Pembangunan di atas PTD 12565 Mukim Ulu Benut	12	1.00
Jumlah				17.23

Sumber: Perbendaharaan Negeri Johor

- Pihak Audit mendapati jumlah tunggakan pulangan tunai yang dilaporkan di atas tidak mengambil kira jumlah keseluruhan tunggakan pulangan tunai bagi 19 projek yang terdapat dalam Laporan Status Projek Penswastaan Yang Sedang Dilaksanakan Tahun 2010 (Laporan Status) seperti diringkaskan dalam **Jadual 3.2**. Antara projek penswastaan yang telah siap dilaksanakan tetapi pulangan tunai kepada SSI masih belum dijelaskan oleh syarikat pemaju adalah Projek Pembangunan Setinggalan Kampung Muafakat dan Projek Pembangunan Semula Tanah Lot PTB 20144 seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**.

Gambar 3.3
Projek Pembangunan Setinggi
Telah Siap Dan Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Muafakat, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

Gambar 3.4
Projek Pembangunan Semula Tanah
Telah Siap Dan Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Datin Halimah, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

ii. Pulangan Secara *Excess Sales Revenue*

Selain pulangan tunai dan *in kind*, Kerajaan juga sepatutnya mendapat pulangan *Excess Sales Revenue* (ESR) yang diperoleh daripada pendapatan hasil jualan yang melebihi daripada harga jualan unit-unit komponen swasta seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Berdasarkan Laporan Status, pulangan ESR yang akan diterima oleh SSI daripada 7 buah syarikat adalah dianggarkan bernilai RM51.35 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya menerima sebahagian pulangan ESR berjumlah RM2.87 juta daripada sebuah projek sahaja. Kegagalan 6 buah syarikat yang lain menjelaskan pulangan ESR adalah disebabkan beberapa perkara seperti syarikat mengalami defisit, ditamatkan perjanjian, gagal mendapatkan harga jual yang lebih baik, belum mendapat hak milik tanah dan projek belum dimulakan. Menurut UPENJ, kaedah pulangan daripada ESR ini tidak relevan dan elemen pulangan ini tidak dimasukkan dalam perjanjian penswastan mulai tahun 2010. Anggaran pulangan melalui ESR daripada projek penswastan di atas tanah milik SSI sehingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Anggaran Pulangan Melalui ESR Daripada Projek Penswastaan
Di Atas Tanah Milik SSI Sehingga Tahun 2010

Bil.	Projek	Tarikh Perjanjian	Status Projek	Pulangan Melalui ESR	Anggaran Nilai ESR	
					Dibayar (RM Juta)	Penuh (RM Juta)
1.	Kompleks membeli belah	28.2.1995	Selesai	50%	-	*
2.	Pembangunan Bandar Paloh	30.5.2000	Selesai	50%	-	6.50
3.	Pelancongan Tanjung Leman	23.5.1994	Belum dibina	50%	-	40.00
4.	Perumahan dan komersil	24.10.1994	Selesai	50%	-	*
5.	Pembangunan setinggan	16.2.2002	Selesai	40%	-	*
6.	Projek Tebrau Mall	30.1.1995	Selesai	3% Dari Jualan Kasar	2.87	4.85
7.	Perumahan dan perdagangan	12.11.2003	Selesai	20%	-	*
Jumlah					2.87	51.35

Sumber: UPENJ

* - Nilai Anggaran Jualan Tidak Dinyatakan Dalam Perjanjian

b. Hak Milik Tanah Belum Didaftarkan

Semakan Audit terhadap tanah milik SSI yang belum didaftarkan dilakukan ke atas 2 aspek iaitu tanah yang belum didaftarkan atas nama SSI dan tanah yang telah mempunyai hak milik SSI tetapi belum didaftarkan atas nama persendirian atau nama pemaju.

- i. Tanah yang diberi milik kepada SSI di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) perlulah didaftarkan hak milik atas nama SSI. Pendaftaran hak milik ini hendaklah dibuat setelah SSI mendapatkan kelulusan pemilikan daripada Pihak Berkuasa Negeri dan menjelaskan segala bayaran yang dituntut melalui Notis 5A dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh notis dikeluarkan. Tanah milik SSI yang dibangunkan secara penswastaan juga perlu didaftarkan hak milik atas nama SSI. KTN juga menyatakan tanah yang belum dilucut hak daripada tanah kerajaan adalah masih kekal statusnya sebagai tanah kerajaan.
- ii. Semakan Audit terhadap senarai tanah milik SSI yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah mendapati 36 lot tanah dengan keluasan berjumlah 3,380.344 hektar masih belum didaftarkan hak milik atas nama SSI. Antara punca kelewatan pendaftaran hak milik tanah yang dikenal pasti adalah pindaan *layout* projek oleh pemaju yang belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri, tanah mempunyai rizab lain dan Notis 5A belum dijelaskan. Kelewatan pendaftaran ini menyebabkan urusan niaga tanah tidak dapat dijalankan, pulangan daripada pembangunan secara penswastaan lewat dinikmati serta cukai dan premium tanah tidak dapat dipungut.

Tanah SSI yang belum didaftarkan sebagai hak milik mengikut daerah sehingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Tanah SSI Yang Belum Didaftarkan Sebagai Hak Milik SSI Mengikut Daerah
Sehingga Tahun 2010

Bil.	Daerah	Jumlah Tanah (Lot)	Jumlah Keluasan (Hektar)	Aktiviti Dijalankan
1.	Johor Bahru	2	0.861	Pembangunan bercampur
2.	Segamat	8	1,452.743	Bangunan dan pertanian
3.	Kota Tinggi	7	4.791	Bangunan dan pertanian
4.	Pontian	3	8.169	Tapak perumahan
5.	Mersing	16	1,913.780	Pertanian
Jumlah		36	3,380.344	

Sumber: Pejabat SUKJ Dan Pejabat Tanah Daerah

- **Pembangunan Ladang Hutan, Mukim Sermin, Segamat**

Tujuh lot tanah dengan keluasan berjumlah 1,450.48 hektar di Daerah Segamat telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada SSI pada 18 April 2001 bagi tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan. Notis 5A berjumlah RM58,806 bagi 6 lot tanah telah dijelaskan pada tahun 2001 tetapi tidak didaftarkan atas hak milik SSI kerana tanah tersebut merupakan Rizab Mergastua. Manakala Notis 5A berjumlah RM31,120 bagi satu lot tanah lagi masih belum dijelaskan. Tanah milik SSI di Daerah Segamat yang belum didaftarkan hak milik sehingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tanah Milik SSI Di Daerah Segamat Yang Belum Didaftarkan Hak Milik
Sehingga Tahun 2010

Bil.	Mukim	No. PTD	Jumlah Keluasan (Hektar)	Notis 5A (RM)	Notis 5A Dibayar (Ya/Tidak)
1.	Sermin	958	485.62	31,120	Tidak
2.		959	404.69	25,941	Ya
3.		960	9.69	302	Ya
4.		961	44.49	2,043	Ya
5.		962	413.99	26,536	Ya
6.	Buluh Kasap	11105	62.35	2,846	Ya
7.		11106	29.65	1,138	Ya
Jumlah			1,450.48	89,926	

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Segamat

Tanah tersebut telah dipajakan kepada 3 syarikat yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri melalui perjanjian konsesi bertarikh 21 Mac 2001. Mengikut Perjanjian Konsesi tersebut, 15% daripada pendapatan kasar tahunan daripada jualan hasil hutan yang diluluskan, hasil yang diterima daripada kerja pembersihan tapak dan keuntungan daripada operasi ladang kelapa sawit hendaklah dimasukkan ke Akaun Amanah Ladang Hutan Swasta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati akaun amanah ini belum diwujudkan

dan tidak dapat menyemak serta mengesahkan 15% bahagian yang patut diterima oleh Kerajaan Negeri.

Semakan lanjut mendapati Kerajaan Negeri telah membatalkan perjanjian dengan salah sebuah syarikat pengusaha yang dilantik kerana telah melanggar syarat Perjanjian Konsesi. Perjanjian Hak Memungut Hasil Pertanian Dan Penggunaan Tanah telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan syarikat pengusaha baru pada 19 April 2010 untuk mengusahakan dan memungut hasil getah dan kelapa sawit yang terdapat di atas tanah tersebut dengan membayar hasil *tapping right*. Mengikut perjanjian, syarikat dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri hasil *tapping right* sebanyak RM10 sepokok bagi pokok getah dengan purata 250 batang pokok seekar, manakala bagi kelapa sawit sebanyak RM10 sepokok dengan purata 50 batang pokok seekar. Bagaimanapun, bayaran yang sepatutnya dibayar pada tahun pertama berjumlah RM1.89 juta masih belum dijelaskan. Lawatan Audit pada 4 November 2010 mendapati tanah Rizab Mergastua yang diusahakan dengan tanaman kelapa sawit dan getah masih belum didaftarkan atas hak milik SSI adalah seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5 Tanah Rizab Mergastua Yang Telah Diusahakan Dengan Tanaman Kelapa Sawit Dan Getah Tetapi Belum Didaftarkan Atas Hak Milik SSI



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Sermin, Segamat
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Sermin, Segamat
Tarikh: 4 November 2010

- iii. Semakan Audit di Pejabat Tanah Kluang dan Pejabat Tanah Johor Bahru pula mendapati tanah milik SSI yang telah dimajukan secara Serah Balik Kurnia Semula tetapi belum didaftarkan atas hak milik persendirian atau pemaju adalah seperti berikut:

- **Pembangunan Pusat Bandar Paloh, Kluang**

Di Bandar Paloh, Kluang terdapat lot tanah milik SSI seluas 5.949 hektar telah siap dimajukan oleh pihak swasta dengan projek pembangunan bercampur secara Serah Balik Kurnia Semula pada tahun 2003. Bagaimanapun, hak milik

tanah ini masih lagi atas nama SSI dan belum didaftarkan di atas nama persendirian. Oleh itu, tuntutan cukai tanah masih lagi dikenakan mengikut kadar tanah SSI yang lebih rendah berbanding dengan kadar tanah milik persendirian. Analisis Audit terhadap perbezaan kadar cukai mengikut jenis kegunaan tanah mendapati kelewatan mendaftarkan hak milik menyebabkan Kerajaan Negeri kurang mengutip hasil cukai sebanyak RM17,226 setahun. Menurut UPENJ, tanah tersebut belum didaftarkan adalah disebabkan permohonan pindaan *layout* di tapak projek belum diluluskan dan Kerajaan belum lagi mengurniakan tanah tersebut kepada pemaju. Bangunan kedai dan *in kind* yang telah siap dibina di atas tanah milik SSI di Bandar Paloh adalah seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

Gambar 3.7
Bangunan Kedai Di Bandar Paloh Yang Belum Didaftarkan Atas Nama Persendirian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Paloh, Kluang
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 3.8
Salah Satu Pulangan *In Kind* Yang Telah Siap Dibina Bagi Projek Pembangunan Pusat Bandar Paloh – Perhentian Bas Paloh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Paloh, Kluang
Tarikh: 2 November 2010

- **Pembangunan Komersial Di Permas Jaya, Johor Bahru**

Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 1.619 hektar di Lot 74631 Mukim Plentong, Johor Bahru kepada SSI untuk tujuan pembangunan bercampur pada 5 Disember 2007. Berdasarkan Laporan Status, komponen pembangunan komersial dan *in kind* kepada Kerajaan Negeri yang bernilai RM2.7 juta di Permas Jaya adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Komponen Pembangunan Dan Pulangan Projek Pembangunan Komersial Di Permas Jaya Kepada Kerajaan Negeri

Bil.	Komponen Pembangunan Projek	Unit	Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	Nilai (RM Juta)
1.	Kedai, Pejabat Dan Apartmen	38	Pusat perhentian bas, stesen teksi dan terminal lori	1.5
2.	Pejabat	3	2 unit kedai, pejabat dan apartmen	1.2

Sumber: Pejabat Tanah Johor Bahru

Kerajaan Negeri telah meminta SSI mengemukakan pelan susun atur terperinci bagi menentukan bayaran cukai dan premium mengikut syarat yang dikenakan ke atas tanah. Semakan Audit di Pejabat Tanah Johor Bahru mendapati pelan susun atur terperinci tidak dikemukakan oleh SSI. Ini menyebabkan tuntutan cukai serta premium berdasarkan bangunan yang dibina tidak dapat dibuat oleh Pejabat Tanah Johor Bahru. Menurut UPENJ, pembangunan yang telah dilaksanakan adalah teratur mengikut kebenaran merancang yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dan kini menunggu kelulusan kurniaan tanah daripada Kerajaan kepada Pemaju oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor (PTG). Bangunan kedai, pejabat, pangsapuri dan *in kind* yang terdiri daripada pusat perhentian bas, teksi, terminal lori dan 2 unit kedai pejabat serta apartmen yang telah siap dibina adalah seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**.

Gambar 3.9
Bangunan Kedai, Pejabat Dan Apartmen
Yang Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Plentong, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

Gambar 3.10
Pulangan *In Kind* Kepada Kerajaan Negeri
Yang Telah Siap – Pusat Perhentian Bas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Plentong, Johor Bahru
Tarikh: 29 Disember 2010

c. Tanah Milik SSI Belum Dimajukan

- i. Cadangan pembangunan atas tanah milik SSI dikemukakan oleh pihak swasta kepada Kerajaan Negeri melalui UPENJ. Pembangunan tanah ini dilakukan sama ada secara usaha sama, sewaan, pajakan atau secara penswastaan. Perjanjian yang ditandatangani menyatakan elemen pembangunan yang akan dilaksanakan serta pulangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati tanah milik SSI seluas 4,019.053 hektar di Daerah Kluang, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing masih belum dimajukan. Tempoh kelewatan pembangunan ini adalah antara 5 hingga 20 tahun daripada tarikh pemilikan tanah dan perjanjian ditandatangani. Tanah milik SSI yang belum dimajukan sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Tanah Milik SSI Yang Belum Dimajukan Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Daerah	No. Hak Milik	Mukim	Keluasan (Hektar)	Syarat Penggunaan
1.	Kluang	PTD 8401	Layang-Layang	25.182	Perindustrian
2.		PTD 8400	Layang-Layang	4.064	Perindustrian
3.	Kota Tinggi	PTB 2137	Kota Tinggi	0.280	Pembangunan bercampur
4.		PTD 1704 - 1705	Sedili Kechil	638.991	Pertanian
5.		PTD 4823 - 4827	Pantai Timur	869.185	
6.		PTD 1371	Pantai Timur	80.410	
7.		PTD 3703	Pantai Timur	115.302	
8.		PTD 4708	Pantai Timur	70.054	
9.		PTD 1721 - 1722	Sedili Kechil	1,832.823	
10.	Pontian	Lot 2301	Jeram Batu	4.995	Perumahan
11.	Mersing	PTD 146	Tenggaroh	298.851	Pembangunan
12.		PTD 1616	Endau	78.914	Pelancongan
Jumlah				4,019.051	

Sumber: Pejabat SUKJ Dan Pejabat Tanah Daerah

- ii. Berdasarkan **Jadual 3.8**, tanah yang belum dimajukan adalah terdiri daripada 2 lot tanah untuk tujuan perindustrian di Daerah Kluang, satu lot tanah untuk pembangunan bercampur dan 6 lot tanah pertanian di Daerah Kota Tinggi, satu lot tanah untuk perumahan di Daerah Pontian serta 2 lot tanah untuk pembangunan pelancongan di Daerah Mersing. Pembangunan pelancongan di Daerah Mersing melibatkan 3 buah syarikat swasta manakala tanah yang belum dimajukan dengan pertanian di Daerah Kota Tinggi melibatkan sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

- **Pembangunan Pelancongan Di Tanjung Leman, Mersing**

Pembangunan Pelancongan di Tanjung Leman, Mersing di atas 3 lot tanah seluas 440.491 hektar telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Johor dan 2 syarikat swasta yang lain. Kedudukan tanah yang diluluskan bagi projek pembangunan pelancongan tersebut adalah seperti di **Jadual 3.9**. Semakan Audit di Pejabat Tanah Mersing mendapati tapak pembangunan pelancongan di Plot A dan Plot C masih belum dimajukan.

Jadual 3.9
Tanah Yang Diluluskan Oleh Kerajaan Negeri Bagi Projek Pembangunan Pelancongan Di Tanjung Leman, Mersing

Bil.	No. Lot	Tarikh Kelulusan	Keluasan (Hektar)
1.	PTD 146 (Plot A)	19.6.1996	130.908
2.	PTD 72 (Plot B)	15.10.1997	141.640
3.	(Plot C)	21.9.1999	167.943
Jumlah			440.491

Sumber: Pejabat Tanah Mersing

Maklumat lanjut seperti di perenggan berikut:

- Plot A

Notis 5A berjumlah RM32,507 telah dijelaskan pada 6 November 1996. Cadangan komponen projek pembangunan pelancongan dan anggaran pulangan kepada Kerajaan Negeri mengikut perjanjian adalah seperti di **Jadual 3.10**. Lawatan Audit ke PTD 146 pada 14 Disember 2010 mendapati tiada sebarang pembangunan telah dilakukan, sebaliknya tanah tersebut dipenuhi semak samun dan hutan belukar. Selain itu, terdapat kesan tempat pembuangan sampah di sebahagian kawasan tersebut. Keadaan tanah terlibat adalah seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**. Semakan Audit mendapati hak milik tanah tersebut telah didaftarkan atas nama sebuah syarikat pemaju sedangkan tiada sebarang pembangunan dilakukan di atasnya. Hak milik tanah ini sepatutnya tidak boleh didaftarkan atas nama pemaju sehingga mendapat pengesahan daripada UPENJ bahawa obligasi pemaju di bawah perjanjian adalah teratur dan telah dipenuhi. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah membatalkan Perjanjian Penswastan yang ditandatangani pada tahun 1994. Pejabat Tanah Mersing diarahkan untuk menyediakan laporan rasmi berkaitan pengiraan jumlah premium tanah tersebut. Mengikut Peraturan Tanah Johor 1966 (J.P.U.94), pemaju diminta untuk membayar semula premium tanah berdasarkan penilaian tanah yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta berjumlah RM21.08 juta atau RM130.90 sehektar. Bagaimanapun, laporan tersebut masih belum disediakan dan menyebabkan bayaran premium tidak dapat dipungut.

Jadual 3.10
Cadangan Komponen Projek Pembangunan Pelancongan
Dan Anggaran Pulangan Kepada Kerajaan Negeri

Bil.	Komponen Pembangunan	Unit	Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	(RM Juta)
1.	Padang Golf 18 Lubang	1	Kampung dan Pusat Maklumat Pelancongan	2.0
2.	Rumah Banglo	200	Pusat Latihan Sukan	4.0
3.	Hotel 3 Bintang (150 Bilik)	1	<i>Jungle Track</i>	1.0
4.	Kompleks Perniagaan	1	Banglo Percutian (2 Unit)	0.6
5.	Rumah Pekerja	50	Keahlian Kelab Golf secara percuma	2.5
6.	Rumah Pantai	20	50% daripada keuntungan jualan bersih (anggaran)	40.0
7.	Apartmen Teres	200	-	-

Sumber: Pejabat Tanah Mersing

Gambar 3.11
Tanah Yang Belum Dimajukan Dan Dipenuhi
Dengan Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Tenggara, Mersing
Tarikh: 14 Disember 2010

Gambar 3.12
Sebahagian Tanah Yang Belum Dimajukan
Dan Dijadikan Tempat Pembuangan Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Tenggara, Mersing
Tarikh: 14 Disember 2010

- Plot C

Kerajaan Negeri telah menerima cadangan penswastan daripada sebuah syarikat pemaju untuk pembangunan pelancongan di Tanjung Leman, Mersing dengan anggaran pulangan berjumlah RM6.25 juta yang terdiri daripada pulangan *in kind* bernilai RM4.30 juta dan *profit sharing* bernilai RM1.95 juta. Menurut UPENJ, kelulusan penswastan yang diberikan kepada syarikat hanya di peringkat dasar sahaja dan belum ada perjanjian penswastan ditandatangani. Oleh itu, tidak ada apa-apa pembangunan yang boleh dilaksanakan oleh pihak syarikat. Cadangan komponen pembangunan dan pulangan *in kind* kepada Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan pelancongan di Plot C Tanjung Leman, Mersing adalah seperti di **Jadual 3.11** dan **Jadual 3.12**. Lawatan Audit pada 14 Disember 2010 mendapati tiada sebarang pembangunan dilaksanakan di atas tanah Plot C seperti di **Gambar 3.13** dan **Gambar 3.14**.

Jadual 3.11
Cadangan Komponen Pembangunan Pelancongan
Bagi Plot C Tanjung Leman, Mersing

Bil.	Komponen Pembangunan	Kuantiti (Unit)	Luas (Hektar)
1.	Apartmen percutian kos sederhana rendah	990	12.230
2.	Apartmen percutian kos sederhana	400	8.094
3.	Servis apartmen percutian	600	9.105
4.	Kondominium percutian	1,500	27.761
5.	Resort perhotelan	1	9.025
6.	<i>Yacht and boating resort</i>	1	6.070
7.	<i>Resort festival village</i>	1	3.055
8.	Stesen minyak	3	1.052
9.	Rumah pekerja	1	2.570
Jumlah			78.962

Sumber: Pejabat Tanah Mersing

Jadual 3.12
Cadangan Komponen Pulangan *In Kind* Kepada Kerajaan Negeri Bagi
Projek Pembangunan Pelancongan Di Plot C Tanjung Leman, Mersing

Bil.	Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	Luas (Hektar)
1.	Pusat Penerangan Pelancongan	0.202
2.	Perhentian bas dan teksi dan tempat letak kereta awam	2.428
3.	Gerei	0.202
4.	Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi	21.630
5.	Tasik dan kolam takungan air	4.840
6.	Tempat perkhemahan dan <i>caravan</i>	1.214
7.	Rizab kerajaan dan utiliti	58.465
Jumlah		88.981

Sumber: Pejabat Tanah Mersing

Gambar 3.13



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Tenggaroh, Mersing
Tarikh: 14 Disember 2010

Gambar 3.14

Tanah Plot C Yang Belum Dimajukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Tenggaroh, Mersing
Tarikh: 14 Disember 2010

• **Pembangunan Pelancongan Di Mukim Endau, Mersing**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan dasar pada bulan April 2006 kepada sebuah syarikat bagi cadangan pembangunan *Penyabong Marina Village* di Tanjung Penyabong dan Pulau Pelanduk serta pembangunan *Endau Golf And Beach Resort* di Tanjung Resang, Mukim Endau, Mersing. Syarikat pemaju telah diberi tempoh 6 bulan untuk menyediakan kajian terperinci bagi cadangan projek tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit di Pejabat Tanah Mersing mendapati syarikat berkenaan hanya mengemukakan cadangan pembangunan tanpa disertakan dengan pelan susun atur terperinci. Selain itu, pihak Audit mendapati cadangan penswastaan ini tidak dapat dilaksanakan sehingga perjanjian penswastaan ditandatangani oleh Kerajaan Negeri, SSI dan syarikat berkenaan. Keadaan tapak cadangan pembangunan pelancongan di Mukim Endau adalah seperti di **Gambar 3.15** dan **Gambar 3.16**.

Gambar 3.15
Cadangan Tapak Pembangunan Pelancongan Di Mukim Endau, Mersing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Penyabong Mukim Endau, Mersing
Tarikh: 15 Disember 2010

Gambar 3.16
Cadangan Tapak Pembangunan Pelancongan Di Mukim Endau, Mersing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Penyabong Mukim Endau, Mersing
Tarikh: 15 Disember 2010

- **Pembangunan Lembah Makanan Organik Bio Desaru, Kota Tinggi**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan 12 bidang tanah seluas 3,606.765 hektar di Mukim Sedili Kechil dan Mukim Pantai Timur kepada SSI pada tahun 2007 untuk tujuan pertanian. Pada bulan Julai 2010, SSI melalui *Deed Of Trust* telah memberi kuasa kepada J-Biotech Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah berkenaan dengan tanaman makanan organik. Lawatan Audit ke Mukim Pantai Timur pada bulan Ogos 2010 mendapati, tapak projek berkenaan dipenuhi semak samun dan belukar. Pembangunan Lembah Makanan Organik Bio Desaru, Kota Tinggi yang belum dimajukan adalah seperti di **Gambar 3.17** dan **Gambar 3.18**.

Gambar 3.17
Tanah SSI Di Bawah Projek Bio Desaru Lembah Makanan Yang Belum Dimajukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi
Tarikh: 18 Ogos 2010

Gambar 3.18
Tanah SSI Di Bawah Projek Bio Desaru Lembah Makanan Yang Belum Dimajukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi
Tarikh: 18 Ogos 2010

d. Projek Perumahan Di Atas Tanah Milik SSI

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 23 Ogos 2006 telah meluluskan Projek Penswastan di atas tanah PTD 11793 HS(D) 46090, Mukim Buluh Kasap, Segamat seluas 45.490 hektar untuk pembinaan 766 unit rumah kediaman pelbagai jenis, 100 unit rumah kedai dan satu tapak perniagaan. Balasan kepada kerajaan terhadap pembangunan tanah tersebut, adalah bernilai RM3.91 juta yang terdiri daripada pulangan tunai berjumlah RM3.20 juta dan *in kind* bernilai RM0.71 juta. Menurut Perjanjian Pembangunan, tarikh kuat kuasa pelaksanaan projek adalah dalam tempoh 3 bulan selepas pemaju mendapat Permit Iklan dan Lesen Pemaju Perumahan daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Lanjutan dari itu, pada bulan September 2009 Kerajaan telah meluluskan hak milik tanah didaftarkan atas nama SSI secara hak milik blok dan didaftarkan pada 2 September 2009. Kesemua fasa projek hendaklah disiapkan tidak melebihi tempoh 5 tahun atau tarikh tamat tempoh lanjutan yang mana terkemudian. Mengikut Jadual Pelaksanaan Projek Pembangunan, Fasa 1 sepatutnya siap pada 14 Mei 2008 dan keseluruhan projek siap pada bulan April 2014.
- ii. Menurut Perjanjian Pembangunan juga, kelewatan dalam menyiapkan projek boleh menyebabkan Pemaju dikenakan dikenakan bayaran ganti rugi pada kadar 10% setahun daripada kos pembinaan. Selain itu, kelulusan hak milik blok juga mensyaratkan Hak Milik Blok hendaklah didaftarkan sebagai hak milik individu dalam tempoh 5 tahun. Sekiranya gagal, kelulusan Serah Balik Kurnia Semula atas Hak Milik Blok akan terbatal.
- iii. Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati pelaksanaan projek perumahan ini telah terbengkalai. Sebanyak 20 daripada 36 unit rumah telah terbengkalai dan dipenuhi semak samun. Menurut UPENJ, pemaju hanya berjaya menyiapkan projek Fasa 1 pada bulan Mei 2010. Namun begitu, jualan rumah kurang mendapat sambutan pembeli dan ini telah menyebabkan projek perumahan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Kegagalan pemaju menyiapkan projek menyebabkan kerajaan tidak dapat memperoleh pulangan daripada projek penswastan di atas tanah tersebut. Keadaan rumah yang terbengkalai dan sebahagian daripada tanah tapak projek yang belum dibangunkan adalah seperti di **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.20**.

Gambar 3.19
Pembinaan Rumah Yang Terbengkalai Di Atas Tanah Milik SSI



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Buloh Kasap, Segamat
Tarikh: 3 November 2010*

Gambar 3.20
Sebahagian Daripada Tanah Tapak Projek Perumahan Yang Terbengkalai Belum Dimajukan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Buloh Kasap, Segamat
Tarikh: 3 November 2010*

Pada pendapat Audit, pengurusan tanah milik SSI adalah kurang memuaskan kerana SSI kurang memberikan perhatian terhadap aktiviti pembangunan yang dilaksanakan sehingga menjejaskan matlamat dan tujuan asal pemberimilikan tanah kepada SSI itu sendiri.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan tanah milik SSI dilaksanakan dengan cekap dari aspek pentadbiran, perlaksanaan dan pembangunan, mengikut syarat penggunaan yang diluluskan serta mendapat pulangan yang setimpal dengan nilai tanah, Unit SSI Pejabat SUKJ disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

3.5.1. SSI perlu distrukturkan semula sebagai sebuah perbadanan yang lengkap sebagaimana perbadanan yang lain bagi memastikan semua urusan berkaitan SSI dapat dilaksanakan dan dipantau dengan lebih baik dan teratur.

3.5.2. SSI perlu mewujudkan Bank Data Tanah yang lengkap bagi semua tanah milik SSI. Maklumat tanah ini hendaklah sentiasa dikemas kini bagi memudahkan pemantauan terhadap tanah berkenaan.

3.5.3. SSI perlu mengkaji semula semua projek yang tertangguh dan menilai semula pulangan kepada Kerajaan Negeri mengikut keadaan semasa.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

4. PENGURUSAN RUMAH KERAJAAN DAN RUMAH SEWA KERAJAAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Rumah kerajaan adalah rumah yang dibina sendiri atau dibeli daripada pemaju oleh kerajaan. Rumah sewa kerajaan pula ialah rumah milik kerajaan yang diperoleh melalui balasan daripada projek penswastan dan didaftarkan atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI). Pengurusan rumah kerajaan dan rumah sewa kerajaan (kuarters) bagi Daerah Johor Bahru adalah di bawah Unit Pengurusan Bangunan dan Aset, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Unit Pengurusan Bangunan). Fungsi unit ini adalah untuk mengurus, memantau dan menyenggara aset dan bangunan kerajaan termasuk kuarters di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

4.1.2. Kerajaan Negeri telah menetapkan keutamaan untuk menduduki rumah kerajaan dan rumah sewa kerajaan adalah kakitangan Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Johor. Bagaimanapun, permohonan kakitangan Kerajaan Persekutuan untuk menduduki kuarters boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat kekosongan. Bilangan kuarters yang diuruskan oleh Unit Pengurusan Bangunan adalah berjumlah 831 unit yang terdiri daripada 709 unit rumah sewa kerajaan dan 122 unit rumah kerajaan seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Bilangan Kuarters Di Daerah Johor Bahru Pada 31 Disember 2010

Bil.	Jenis Rumah	Kawasan	Jumlah (Unit)
1.	Rumah Sewa Kerajaan	i. Pangsapuri Bukit Saujana	205
		ii. Pangsapuri Persiaran Tanjung	114
		iii. Taman Tampoi Indah II	72
		iv. Rumah Pangsa Serantau Baru	58
		v. Jalan Ariffin	62
		vi. Taman Nusantara	198
Jumlah			709
2.	Rumah Kerajaan	Sekitar Johor Bahru	122
Jumlah			831

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

4.1.3. Kutipan sewa kuarters dan perabot bagi Daerah Johor Bahru pada tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM1.73 juta iaitu RM0.55 juta pada tahun 2008, RM0.48 juta pada tahun 2009 dan RM0.70 juta pada tahun 2010.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan rumah kerajaan dan rumah sewa kerajaan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

4.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan rumah kerajaan dan rumah sewa kerajaan di Daerah Johor Bahru oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan kerja penyenggaraan kuarters yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod, fail, laporan dan sebagainya berhubung pengurusan kuarters. Temu bual dan perbincangan juga dijalankan dengan kakitangan yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai sesuatu perkara berbangkit. Lawatan Audit ke kuarters yang dipilih telah dijalankan bagi menilai keberkesanan kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Selain itu, lawatan bersama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Johor telah diadakan bagi mendapat maklumat sama ada alat dan sistem pencegahan kebakaran di kuarters yang dipilih berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan sekiranya berlaku kebakaran. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 60 borang soal selidik kepada penghuni kuarters bagi mendapatkan maklum balas tentang kadar sewa, penyenggaraan, keselamatan, keselesaan dan kemudahan rumah kerajaan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kuarters di Daerah Johor Bahru kurang memuaskan kerana bilangan kuarters yang tidak berpenghuni adalah tinggi, penyenggaraan kuarters tidak dilaksanakan secara berjadual, tunggakan kutipan sewa dan bayaran penyenggaraan kuarters serta kurangnya pemantauan. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1. Bilangan Kuarters Yang Tidak Berpenghuni Tinggi

4.4.1.1. Semakan Audit mendapati 312 atau 37.5% daripada 831 unit kuarters di 9 kawasan adalah tidak berpenghuni pada akhir bulan Disember 2010. Kuarters ini tidak berpenghuni untuk tempoh antara Disember 2000 hingga Oktober 2010. Rumah sewa kerajaan di Taman Tampoi Indah II mencatatkan bilangan kuarters tidak berpenghuni yang paling tinggi iaitu sebanyak 76.4%, diikuti rumah sewa kerajaan di Taman Nusantara sebanyak 60.1% dan rumah sewa kerajaan di Pangsapuri Persiaran Tanjung sebanyak 50%. Analisis lanjut mendapati sebahagian besar kuarters yang tidak berpenghuni ialah rumah sewa kerajaan yang diperoleh daripada balasan projek penswastaan. Sebagai contoh, sebahagian besar rumah sewa kerajaan di Taman Nusantara tidak berpenghuni sejak dibeli oleh Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2008. Bilangan kuarters yang tidak berpenghuni pada bulan Disember 2010 ditunjukkan di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Bilangan Kuarters Yang Tidak Berpenghuni Pada Bulan Disember 2010

Bil.	Kawasan	Jumlah (Unit)	Rumah Yang Tidak Berpenghuni		Peratus (%)
			Unit	Tempoh	
1.	Rumah Sewa Kerajaan Taman Tampoi Indah II	72	55	Mac 2007 - Ogos 2010	76.4
2.	Rumah Sewa Kerajaan Taman Nusantara	198	119	Mei 2009 - Julai 2010	60.1
3.	Rumah Sewa Kerajaan Persiaran Tanjung	114	57	Januari 2007 - November 2010	50.0
4.	Rumah Sewa Kerajaan Serantau Baru	58	28	Januari 2007 - Disember 2009	48.3
5.	Rumah Sewa Kerajaan Sri Pahlawan A, Bukit Saujana	41	11	Disember 2006 - Julai 2010	26.8
6.	Rumah Sewa Kerajaan Sri Panglima A, Bukit Saujana	153	30	Mei 2007 - Oktober 2010	19.6
7.	Rumah Sewa Kerajaan Sri Bendahara B, Bukit Saujana	11	2	Mac 2010 - Ogos 2010	18.2
8.	Rumah Kerajaan	122	8	Disember 2000 - Julai 2010	6.6
9.	Rumah Sewa Kerajaan Jalan Ariffin	62	2	Mei 2010	3.2
Jumlah		831	312		37.5

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

4.4.1.2. Menurut Laporan Persidangan Dewan Negeri Johor Ke 12 Tahun 2010, antara sebab pegawai kerajaan tidak mahu menduduki kuarters adalah:

- a. Pegawai yang layak menduduki kuarters telah memiliki rumah sendiri.
- b. Pegawai yang menduduki kuarters akan kehilangan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) akan dipotong sebanyak 50%. Selain itu, pegawai berkenaan terpaksa membayar yuran penyenggaraan kepada Badan Pengurusan Bangunan sekiranya kuarters yang diduduki itu merupakan pangsapuri/apartmen. Pada amnya, keseluruhan kos yang perlu ditanggung oleh pegawai kerajaan sekiranya menduduki pangsapuri/apartmen adalah antara RM380 hingga RM583 iaitu setelah mengambil kira potongan ITP, COLA dan yuran penyenggaraan seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Contoh Kos Yang Perlu Ditanggung Pegawai Kerajaan Sekiranya Menduduki
Pangsapuri/Apartmen Pada Tahun 2010

Kos Yang Perlu Ditanggung	Persiaran Tanjung (RM)	Bukit Saujana (RM)	Taman Tampoi Indah II			Serantau Baru (RM)
			Villa Rose (RM)	Lily Jasmine (RM)	Mawar (RM)	
Yuran Penyenggaraan	183	70	110	85	50	50
Potongan COLA (50%)	150	150	150	150	150	150
Jumlah (a)	333	220	260	235	200	200
ITP Kumpulan Sokongan (b)	180	180	180	180	180	180
Kos Penyewaan Kuarters Kumpulan Sokongan (a + b)	513	400	440	415	380	380
ITP Gred 41 atau setaraf (c)	250	250	250	250	250	250
Kos Penyewaan Kuarters Gred 41 (a + c)	583	470	510	485	450	450

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

4.4.1.3. Jabatan Audit telah mengedarkan sebanyak 60 borang soal selidik kepada penghuni kuarters Pangsapuri Bukit Saujana, Persiaran Tanjung, Rumah Pangsa Serantau Baru, Taman Nusantara, Jalan Ariffin dan Taman Tampoi Indah II bagi mendapatkan maklum balas mengenai keselesaan, kemudahan serta keselamatan kuarters. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57 atau 95% borang soal selidik telah dikembalikan. Hasil maklum balas menunjukkan 47 atau 82% penghuni kuarters menyatakan kuarters yang diduduki selesa dan berpuas hati menginap di kuarters tersebut. Bagaimanapun, 38 atau 66% penghuni kuarters tidak berpuas hati dari aspek keselamatan di kawasan kuarters.

Pada pendapat Audit, bilangan kuarters yang tidak berpenghuni tinggi menunjukkan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor tidak mendapat sambutan daripada pegawai kerajaan kerana kos yang tinggi perlu ditanggung untuk menduduki kuarters berbentuk pangsapuri/apartmen dan aspek keselamatan di kawasan kuarters yang kurang memuaskan.

4.4.2. Penyenggaraan Kuarters

Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah bertanggungjawab untuk menyenggara semua kuarters dan bangunan kerajaan. Pada tahun 2008 hingga 2010, JKR telah diberikan peruntukan berjumlah RM4.91 juta bagi menjalankan kerja penyenggaraan bangunan kerajaan termasuk kuarters. Penyenggaraan boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*).

4.4.2.1. Penyenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*)

Penyenggaraan pencegahan ialah kerja-kerja yang diambil untuk memeriksa, membaiki atau menggantikan komponen atau benda secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kerosakan kuarters yang lebih serius dan memastikan kuarters sentiasa tersedia untuk dihuni.

a. Penyenggaraan Kuarters Tidak Dibuat Secara Berjadual

- i. Semakan Audit mendapati JKR Daerah Johor Bahru tidak menyediakan dan melaksanakan kerja penyenggaraan kuarters secara berjadual. Menurut JKR Daerah Johor Bahru, pemeriksaan secara berjadual tidak dapat dijalankan kerana kekurangan kakitangan di Bahagian Teknikal, peruntukan kewangan yang terhad setiap tahun dan jumlah kuarters yang terlalu banyak. Oleh itu, JKR Daerah Johor Bahru hanya menjalankan penyenggaraan berdasarkan aduan sahaja.
- ii. Peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan bangunan yang disediakan oleh JKR Daerah Johor Bahru adalah meliputi kuarters dan bangunan Kerajaan Negeri yang lain. Oleh itu, tiada peruntukan khusus untuk kerja-kerja penyenggaraan kuarters. Sehubungan itu, Bendahari Negeri Johor telah mencadangkan supaya JKR Daerah Johor Bahru mewujudkan peruntukan khusus untuk penyenggaraan kuarters bagi memastikan peruntukan yang disalurkan dibelanjakan sepenuhnya bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2008 hingga 2010, peruntukan yang diluluskan untuk JKR Daerah Johor Bahru menjalankan kerja-kerja penyenggaraan kuarters dan bangunan Kerajaan Negeri yang lain adalah berjumlah RM4.91 juta dan jumlah ini telah dibelanjakan sepenuhnya seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Peruntukan Belanja Mengurus Dan Pembangunan Untuk Penyenggaraan Kuarters Dan Bangunan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Jumlah Yang Diluluskan (RM Juta)	Jumlah Yang Dibelanjakan (RM Juta)	Peratus (%)
2008	0.83	0.84	101
2009	2.86	2.86	100
2010	1.22	1.21	99
Jumlah	4.91	4.91	100

Sumber: JKR Daerah Johor Bahru

- iii. Lawatan Audit bersama Unit Pengurusan Bangunan dan JKR Daerah Johor Bahru di 50 unit kuarters yang dipilih meliputi 16 unit kuarters yang berpenghuni dan 34 unit kuarters yang tidak berpenghuni. Tujuannya adalah bagi mendapatkan maklumat kerosakan kuarters disebabkan oleh penyenggaraan yang tidak dilaksanakan secara berjadual. Hasil lawatan mendapati 31 atau 62% unit kuarters yang dilawati mengalami kerosakan iaitu 7 unit kuarters berpenghuni dan 24 unit kuarters tidak berpenghuni. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Kerosakan Yang Ditemui Semasa Lawatan Audit
Ke Kawasan Kuarters Yang Dipilih Pada Disember 2010

Bil.	Kawasan	Unit Kuarters Yang Dilawati	Unit Kuarters Yang Rosak				Jenis Kerosakan Utama
			Berpenghuni	Tidak Berpenghuni	Jumlah	Peratus (%)	
1.	Pangsapuri Bukit Saujana	14	1	6	7	50.0	Jeriji besi berkarat, serangan anai-anai, lantai parket rosak dan resapan air di siling/dinding
2.	Pangsapuri Persiaran Tanjung	9	1	6	7	77.8	Resapan air di dinding/siling dan serangan anai-anai
3.	Pangsapuri Taman Tampoi Indah II	8	0	6	6	75.0	Jeriji besi berkarat, tombol pintu rosak dan resapan air di dinding/siling
4.	Rumah Kerajaan	12	1	6	7	58.3	Resapan air di siling/dinding dan rosak teruk
5.	Taman Nusantara	7	4	0	4	57.1	Resapan air di siling dan air hujan tempias melalui tingkap
Jumlah		50	7	24	31	62.0	

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Maklumat lanjut mengenai jenis kerosakan utama kuarters yang ditemui adalah seperti berikut:

- **Resapan Air Di Dinding Dan Siling Rumah**

Garis Panduan Penyelenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan (Garis Panduan Penyelenggaraan) menyatakan pemeriksaan kebocoran paip air dan kumbahan perlu dijalankan setiap minggu dan membaiki atau menggantikannya jika perlu. Pemeriksaan terhadap kebocoran di bumbung pula perlu dilakukan 6 bulan sekali. Tujuannya bagi mengelakkan berlakunya resapan air di bumbung dan siling yang boleh menimbulkan suasana tidak selesa kepada penghuni, merosakkan siling dan peralatan milik penghuni. Lawatan Audit mendapati 19 atau 38% daripada 50 unit kuarters yang dilawati mengalami masalah resapan air di dinding dan/atau siling. Kesan resapan air ini menyebabkan kawasan yang terlibat dipenuhi lumut dan boleh menyebabkan pendawaian elektrik rosak seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Resapan Air Di Dinding Dan Siling
Menyebabkannya Dipenuhi Lumut
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: A-1-6-A, Pangsapuri Persiaran Tanjung,
 Tampoi, Johor Bahru
 Tarikh: 17 Disember 2010

Gambar 4.2
Resapan Air Di Siling Menyebabkan Lampu
Kalimantang Berkarat
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: A-8-3-B, Pangsapuri Persiaran Tanjung,
 Tampoi, Johor Bahru
 Tarikh: 17 Disember 2010

- **Kerosakan Disebabkan Anai-Anai**

Garis Panduan Penyenggaraan menetapkan pemeriksaan terhadap serangan anai-anai ke atas struktur, rangka dan kemasan yang diperbuat daripada kayu perlu dijalankan setiap 3 bulan sekali dan rawatan perlu dijalankan sekiranya perlu. Tujuannya bagi memastikan ketahanan kayu dan bahan binaan dalam rumah berkenaan di dalam keadaan baik. Lawatan Audit mendapati 7 unit kuarters Pangsapuri Bukit Saujana telah diserang anai-anai menyebabkan kerosakan teruk kepada kuarters tersebut. Maklum balas daripada JKR Daerah Johor Bahru mengatakan penyenggaraan secara berkala bagi rawatan serangan anai-anai pada keseluruhan bangunan Pangsapuri Bukit Saujana tidak dapat dilakukan kerana kekurangan kakitangan dan peruntukan. Contoh serangan anai-anai ke atas soket elektrik dan pintu adalah seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
Soket Elektrik Rosak Disebabkan Anai-Anai
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: 10-12, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana,
 Johor Bahru
 Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 4.4
Pintu Rosak Disebabkan Anai-Anai
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: D-GF-3A-B, Pangsapuri Persiaran Tanjung,
 Tampoi, Johor Bahru
 Tarikh: 17 Disember 2010

- **Kerosakan Lantai Parket**

Garis Panduan Penyenggaraan menetapkan pemeriksaan terhadap lantai parket perlu dijalankan setiap 3 bulan dan membaiki atau menggantikannya jika didapati mengalami kerosakan. Lawatan Audit mendapati lantai parket di 6 unit kuarters telah rosak dan tertanggal kerana serangan anai-anai. Sebahagian besar lantai parket yang mengalami kerosakan adalah di Pangsapuri Bukit Saujana. Contoh keadaan parket yang rosak adalah seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.

Gambar 4.5
Lantai Parket Yang Telah Rosak
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: 07-08, Panglima A Pangsapuri Bukit
 Saujana, Johor Bahru
 Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 4.6
Lantai Parket Yang Telah Rosak
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: 07-22, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana,
 Johor Bahru
 Tarikh: 16 Disember 2010

- **Kerosakan Jeriji Besi**

Garis Panduan Penyenggaraan menghendaki pemeriksaan terhadap jeriji besi dijalankan setiap 6 bulan dan mengambil tindakan untuk mengecatnya semula jika karat atau menggantikannya sekiranya rosak. Lawatan Audit mendapati jeriji besi di 7 unit kuarters telah karat dan rosak seperti di **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7
Jeriji Besi Yang Rosak
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 07-05, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana, Johor Bahru
Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 4.8
Jeriji Besi Yang Berkarat
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 10-12, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana, Johor Bahru
Tarikh: 16 Disember 2010

- **Kuarters Mengalami Kerosakan Yang Teruk**

Lawatan Audit juga mendapati 7 unit kuarters telah mengalami kerosakan teruk dan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membaikinya. Kesemua kuarters ini tidak berpenghuni untuk tempoh antara bulan Oktober 2004 hingga Mac 2010. Antara kerosakan yang diperhatikan adalah pada pintu, tingkap, bilik air, bumbung, siling, lantai dan sebagainya. Bilangan kuarters yang mengalami kerosakan yang teruk adalah seperti di **Jadual 4.6** dan contoh kuarters yang mengalami kerosakan yang teruk adalah seperti di **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**.

Jadual 4.6
Bilangan Kuarters Yang Mengalami Kerosakan Teruk Pada Bulan Disember 2010

Bil.	Kawasan	Unit Rosak Teruk	Kali Terakhir Dihuni	Anggaran Kos Pembaikan (RM Juta)
1.	Pangsapuri Persiaran Tanjung	1	Oktober 2004	Tiada
2.	Pangsapuri Bukit Saujana	4	Januari 2007 - Mac 2010	Tiada
3.	Rumah Kerajaan	2	November 2006 - Februari 2008	0.36
Jumlah		7		

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 4.9
Kuarters Rosak Dan Usang
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: 2049, Jalan Petri, Johor Bahru
 Tarikh: 23 Disember 2010

Gambar 4.10
Keadaan Di Dalam Kuarters Yang Rosak Teruk
(Kuarters Tidak Berpenghuni)



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: JKR 1518, Jalan Skudai, Johor Bahru
 Tarikh: 23 Disember 2010

- v. Menurut Unit Pengurusan Bangunan, perbincangan telah diadakan dengan JKR Daerah Johor Bahru untuk menjalankan pemeriksaan bersama secara berjadual mengikut zon-zon tertentu berpandukan kepada Garis Panduan Penyenggaraan. Selain itu, JKR Daerah Johor Bahru akan menyediakan bajet tahunan bagi kerja-kerja penyenggaraan tersebut dan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

b. Daftar Penyenggaraan Aset Tidak Diselenggarakan

Mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995, Daftar Penyenggaraan Aset perlu disediakan bagi merekodkan semua aset yang memerlukan penyenggaraan bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sedia untuk dihuni. Setiap item dalam daftar tersebut perlu diberi kod yang menentukan keutamaan untuk penyenggaraan. Sebagai contoh, penyenggaraan lif akan diberi kod "A" kerana jika tidak diselenggarakan dengan baik boleh mengancam nyawa penghuni. Semakan Audit mendapati Daftar Penyenggaraan Aset tidak diselenggarakan oleh JKR Daerah Johor Bahru atau Unit Pengurusan Bangunan.

4.4.2.2. Penyenggaraan Pemulihan (*Corrective Maintenance*)

Penyenggaraan pemulihan merupakan tindakan yang diambil untuk membaiki, menggantikan sesuatu komponen yang rosak atau tidak dapat berfungsi mengikut piawaian yang ditetapkan. Oleh itu, sumber utama maklumat kerosakan adalah daripada aduan penghuni, Unit Pengurusan Bangunan dan pemeriksaan oleh JKR. Pengauditan yang dijalankan mendapati:

a. Aduan Kerosakan Tidak Dipantau

Piagam Pelanggan Bahagian Senggara, JKR Daerah Johor Bahru menyatakan aduan kerosakan yang diterima akan disiasat dalam tempoh 24 jam. Tindakan pembaikan kecemasan akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan pembaikan biasa pula akan disiapkan dalam tempoh 4 minggu. Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembaikan oleh Tukang K2 tidak dipantau dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan semua aduan kerosakan kecil telah diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini dapat dilihat di mana buku daftar yang diselenggarakan oleh Tukang K2 tidak pernah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, JKR Daerah Johor Bahru juga tidak menyediakan laporan mengenai prestasi pencapaian penyelesaian aduan kerosakan seperti mana yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggannya. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menilai keberkesanan kerja penyenggaraan pemulihan oleh JKR Daerah Johor Bahru.

b. Pemeriksaan Tahunan Tidak Dijalankan

Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Pejabat Kerajaan) telah menetapkan tanggungjawab JKR untuk melaksanakan pemeriksaan tahunan terhadap semua rumah dan bangunan kerajaan sekurang-kurangnya setahun sekali dan membaikinya sekiranya diperlukan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan tahunan terhadap kuarters tidak pernah dijalankan oleh JKR Daerah Johor Bahru bagi tahun 2008 hingga 2010. Menurut JKR Daerah Johor Bahru, pemeriksaan tidak dijalankan kerana kekurangan kakitangan di Bahagian Teknikal dan jumlah kuarters yang terlalu banyak.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kuarters oleh JKR Daerah Johor Bahru adalah tidak memuaskan kerana kerja penyenggaraan tidak dibuat secara berkala, aduan kerosakan tidak dipantau dan pemeriksaan tahunan tidak dijalankan.

4.4.3. Alat Dan Sistem Pencegahan Kebakaran Tidak Berfungsi Dengan Baik

4.4.3.1. Alat dan sistem pencegahan kebakaran hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan semasa berlaku kebakaran/kecemasan. Kerajaan Negeri mempunyai 162 unit kuarters berpenghuni di Pangsapuri Bukit Saujana dan 30 unit kuarters berpenghuni di Rumah Pangsa Serantau Baru. Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor (Jabatan Bomba), alat dan sistem pencegahan kebakaran di kedua-dua bangunan ini tidak pernah diperiksa oleh pihak mereka. Sehubungan itu, Jabatan Audit telah memohon kerjasama daripada Jabatan Bomba untuk membantu memeriksa alat dan sistem pencegahan kebakaran di kedua-dua bangunan tersebut. Pemeriksaan bersama Jabatan Bomba, Unit Pengurusan Bangunan dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah diadakan pada bulan Februari 2011. Bagaimanapun, wakil JKR Daerah Johor Bahru tidak dapat turut serta dalam lawatan ini.

a. Pangsapuri Bukit Saujana (Blok Panglima A, Pahlawan A Dan Bendahara B)

Menurut laporan Jabatan Bomba, terdapat banyak kerosakan pada sistem pencegahan kebakaran yang dipasang pada bangunan yang diperiksa. Antara peralatan dan sistem pencegahan kebakaran yang tidak dapat berfungsi dengan baik ialah pili bomba mengalami kebocoran, *break glass* telah pecah, lif bomba rosak, suis pengasingan elektrik tidak berfungsi, pintu rintangan api rosak, lampu kecemasan tidak berfungsi dan tanda laluan keluar tidak berfungsi. Menurut JKR Cawangan Mekanikal, kerosakan pada alat pencegahan kebakaran yang berlaku adalah di luar kawalan di mana 5 laporan polis telah dibuat angkara vandalisme semasa kerja pemasangan sedang dijalankan.

b. Rumah Pangsa Serantau Baru, Larkin

Laporan Jabatan Bomba menyatakan semua sistem pencegah kebakaran pada bangunan telah rosak dan tidak berfungsi di mana tanda laluan 'KELUAR' di pintu dan lampu kecemasan tidak menyala serta pintu rintangan api menghala ke tangga telah dihalang, dikunci dan dipaku. Selain itu, *hose reel* dan sistem pancur basah (*wet riser*) telah bocor dan tiada *nozel*. Bagaimanapun, lif bomba sahaja yang masih berfungsi dengan baik. Menurut JKR Cawangan Mekanikal, Rumah Pangsa Serantau Baru tidak terlibat dengan kerja penggantian sistem pencegahan kebakaran sebagaimana Pangsapuri Bukit Saujana. Sistem sedia ada merupakan sistem yang dipasang oleh pemaju bangunan.

c. Contoh Kerosakan Alat Dan Sistem Pencegahan Kebakaran


Contoh kerosakan alat dan sistem pencegah kebakaran di Rumah Pangsa Serantau Baru dan Pangsapuri Bukit Saujana seperti di **Gambar 4.11** dan **Gambar 4.12**.

Gambar 4.11
Pintu Rintangan Api Menuju Ke Tangga
Keluar Telah Dipaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa Serantau Baru, Johor Bahru
Tarikh: 28 Januari 2011

Gambar 4.12
Fire Alarm Panel Mengesan Kerosakan Pada
Break Glass



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana, Johor Bahru
Tarikh: 9 Februari 2011

4.4.3.2. Sehubungan itu, Jabatan Bomba telah mencadangkan supaya pihak pengurusan Pangsapuri Bukit Saujana dan Rumah Pangsa Serantau Baru:

- a. Menganjurkan kempen dan ceramah secara berkala kepada penduduk supaya mereka faham betapa pentingnya sistem pencegah kebakaran dijaga dengan baik.
- b. Menubuhkan sebuah pasukan *Emergency Response Team* di kalangan penduduk supaya mereka peka pada bahaya kebakaran dan juga memudahkan mereka menyusun pergerakan sekiranya berlaku sesuatu kebakaran.
- c. Melantik kontraktor untuk melakukan pembaikan terhadap semua sistem pencegah kebakaran yang tidak berfungsi dan merujuk kepada Jabatan Bomba untuk tujuan pemeriksaan selepas semua sistem pencegah kebakaran dipasang ataupun dibaiki.

Pada pendapat Audit, alat dan sistem pencegahan kebakaran di Rumah Pangsa Serantau Baru adalah tidak memuaskan kerana semua sistem pencegah kebakaran pada bangunan telah rosak serta tidak berfungsi, manakala alat dan sistem pencegahan kebakaran di Pangsapuri Bukit Saujana pula telah rosak akibat perbuatan vandalisme. Keadaan ini boleh menyebabkan kesulitan kepada penghuni pangsapuri sekiranya berlaku kebakaran.

4.4.4. Tunggakan Bayaran Caj Penyenggaraan Dan Bil Air

Semakan Audit menunjukkan Unit Pengurusan Bangunan mempunyai tunggakan bayaran caj penyenggaraan kepada JMB dan tunggakan bayaran bil air kepada SAJ Holdings Sdn. Bhd. (SAJH). Penjelasannya adalah seperti berikut:

4.4.4.1. Tunggakan Bayaran Caj Penyenggaraan

Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran caj penyenggaraan bagi kuarters adalah berjumlah RM2.21 juta pada akhir tahun 2010. Menurut Unit Pengurusan Bangunan, sebab-sebab berlakunya tunggakan bayaran caj penyenggaraan adalah seperti berikut:

- a. Bayaran caj penyenggaraan melalui potongan gaji bermula pada bulan Januari 2005. Sebelum itu, penghuni membayar sendiri caj tersebut terus kepada JMB.
- b. Bagi rumah tidak berpenghuni, Unit Pengurusan Bangunan tidak membayar caj penyenggaraan kepada JMB kerana tiada peruntukan tahunan disediakan.

Pecahan tunggakan bayaran caj penyenggaraan mengikut kawasan adalah seperti di **Jadual 4.7.**

Jadual 4.7
Tunggakan Bayaran Caj Penyenggaraan Kepada JMB Pada 31 Disember 2010

Bil.	Kawasan	Tempoh Tahun	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
1.	Pangsapuri Bukit Saujana	2005 - 2010	0.68
2.	Pangsapuri Persiaran Tanjung	2001 - 2009	1.01
3.	Pangsapuri Persiaran Tanjung	2009 - 2010	0.35
4.	Taman Tampoi Indah II	2004 - 2010	0.16
5.	Rumah Pangsa Serantau Baru	2003 - 2010	0.01
Jumlah			2.21

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan

4.4.4.2. Tunggakan Bayaran Caj Penyenggaraan Oleh Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.

Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya 25 unit kuarters di Pangsapuri Bukit Saujana disewakan kepada Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. (KPYPJ) mulai tahun 2000. Tujuan penyewaan adalah untuk dijadikan asrama pelajar Kolej Islam Johor. KPYPJ perlu menanggung bayaran caj penyenggaraan yang dikenakan oleh JMB. Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran caj penyenggaraan bagi 25 unit kuarters tersebut adalah berjumlah RM0.21 juta sehingga akhir tahun 2010. Menurut Unit Pengurusan Bangunan, notis untuk mengosongkan 25 unit kuarters berkenaan dan tuntutan tunggakan bayaran caj penyenggaraan telah dikeluarkan kepada KPYPJ pada bulan Disember 2010.

4.4.4.3. Tunggakan Bayaran Bil Air

- a. Perintah Am Bab E menyatakan penghuni kuarters bertanggungjawab untuk membayar deposit dan menjelaskan bayaran bil air masing-masing. Maklumat yang diperoleh dari SAJH menunjukkan bayaran deposit bagi 320 unit kuarters di Taman Nusantara, Jalan Ariffin dan Taman Tampoi Indah II telah dibuat atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI). Oleh itu, SAJH telah membuka akaun yang terlibat atas nama SSI dan menjadi tanggungjawab SSI untuk menjelaskan bil air tersebut sekiranya berlaku tunggakan. Bayaran deposit yang telah dijelaskan bagi 320 unit kuarters adalah berjumlah RM24,840. Bagaimanapun, pihak Audit tidak mempunyai maklumat pihak yang bertanggungjawab menjelaskan bayaran deposit tersebut. Butiran lanjut deposit yang telah dijelaskan adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Deposit Air Telah Dijelaskan Atas Nama SSI

Bil.	Kawasan	Unit	Deposit Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Taman Nusantara	198	70	13,860
2.	Jalan Ariffin	50	90	4,500
3.	Taman Tampoi Indah II	72	90	6,480
Jumlah		320		24,840

Sumber: SAJH

- b. Peraturan SAJH menetapkan permohonan bekalan air bersih bagi kawasan perumahan yang baru perlu dibuat secara berkelompok tanpa mengambil kira rumah tersebut akan diduduki atau sebaliknya. Semakan Audit mendapati penukaran akaun

daripada nama SSI kepada nama penghuni kuarters tidak dibuat bagi kuarters yang berpenghuni, tindakan menutup akaun juga tidak dibuat bagi kuarters yang tidak berpenghuni atau mengutip bayaran deposit daripada penghuni bagi melindungi deposit yang didahulukan oleh SSI. Oleh itu, SAJH telah menggunakan deposit air bagi menjelaskan tunggakan bayaran bil air yang dianggarkan berjumlah RM20,951 seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Deposit Air Yang Digunakan Untuk Menjelaskan
Tunggakan Bayaran Bil Air

Bil.	Kawasan	Unit	Jumlah (RM)
1.	Taman Nusantara	145	12,947
2.	Jalan Ariffin	2	174
3.	Taman Tampoi Indah II	72	7,830
Jumlah		219	20,951

Sumber: SAJH

- c. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh SAJH dan Unit Pengurusan Bangunan, jumlah tunggakan bayaran bil air bagi kuarters atas nama SSI adalah berjumlah RM60,797 pada akhir tahun 2010 seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Tunggakan Bayaran Bil Air Kepada SAJH
Pada 31 Disember 2010

Bil.	Kawasan	Jumlah (RM)
1.	Pangsapuri Bukit Saujana	56,785
2.	Jalan Ariffin	1,812
3.	Taman Nusantara	2,200
Jumlah		60,797

Sumber: SAJH

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan tambahan bagi membiayai bayaran caj pengurusan yang dikenakan oleh JMB bagi kuarters berbentuk apartmen dan pangsapuri yang tidak berpenghuni. Selain itu, kegagalan Unit Pengurusan Bangunan untuk mengambil tindakan menukar akaun deposit air daripada SSI kepada nama penghuni, menutup akaun bagi kuarters yang kosong atau mengambil deposit daripada penghuni telah meningkatkan tanggungan kewangan SSI untuk membayar tunggakan bil air di samping kehilangan deposit yang telah didahulukan.

4.4.5. Kutipan Sewa Kuarters

Peraturan menetapkan pungutan sewa kuarters hendaklah dibuat melalui potongan gaji bermula dari tarikh pegawai itu memasuki kuarters dan berakhir pada tarikh sebenar pegawai itu mengosongkannya. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati kelemahan seperti di perenggan berikut:

4.4.5.1. Tunggakan Sewa Kuarters Oleh Kakitangan Kerajaan

- a. Menurut Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, tunggakan kutipan sewa kuarters melibatkan 66 orang kakitangan kerajaan adalah berjumlah RM66,332 pada akhir bulan Disember 2010. Analisis Audit mendapati 71.5% adalah bagi tempoh tunggakan bayaran sewa kuarters kurang 2 tahun, 24.4% antara 2 hingga 4 tahun dan 4.1% melebihi 4 tahun. Kedudukan tunggakan sewa kuarters sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Kedudukan Tunggakan Sewa Kuarters Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Kawasan	Jumlah Tunggakan Mengikut Tahun (RM)			Jumlah Tunggakan (RM)
		Kurang 2 Tahun	2 Hingga 4 Tahun	Melebihi 4 Tahun	
1.	Rumah Kerajaan	17,725	6,412	250	24,387
2.	Pangsapuri Bukit Saujana	4,730	2,000	160	6,890
3.	Pangsapuri Persiaran Tanjung	9,235	3,750	750	13,735
4.	Rumah Pangsa Serantau Baru	1,920	1,600	0	3,520
5.	Taman Tampoi Indah II	2,500	2,400	1,600	6,500
6.	Taman Nusantara	5,706	0	0	5,706
7.	Jalan Ariffin	5,594	0	0	5,594
Jumlah		47,410	16,162	2,760	66,332
Peratus (%)		71.5	24.4	4.1	100

Sumber: Laporan Bendahari Negeri Johor

- b. Menurut Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor (BNJ), tunggakan bayaran sewa kuarters berlaku adalah disebabkan:
- Penyewa lambat atau gagal memaklumkan kepada pegawai gaji tarikh sebenar sewa perlu dibayar.
 - Bagi pegawai persekutuan, perubahan gaji dibuat hanya 4 kali setahun.
 - Penyewa tidak mahu membayar sewa melalui potongan gaji kerana ingin mendapatkan Imbuhan Tetap Perumahan sepenuhnya.
 - Penyewa tidak pernah menyemak slip gaji sama ada bayaran sewa telah dibuat atau diberhentikan.

4.4.5.2. Tunggakan Sewa Kuarters Oleh Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 251/2001 memutuskan 25 unit kuarters di Pangsapuri Bukit Saujana disewakan kepada KPYPJ mulai tahun 2001. Tujuan penyewaan adalah untuk dijadikan asrama pelajar Kolej Islam Johor. Bayaran sewa bulanan yang dikenakan adalah sejumlah RM80.00 seunit. Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran sewa oleh KPYPJ adalah berjumlah RM55,000 pada bulan Disember 2010.

4.4.5.3. Lebih Bayaran Sewa Oleh Pegawai Kerajaan

Semakan Audit terhadap Laporan Kutipan Sewa Kuarters oleh BNJ mendapati berlaku lebih bayaran sewa kuarters berjumlah RM12,143 pada 31 Disember 2010. Lebih bayaran ini melibatkan seramai 51 orang penghuni kuarters dan belum dikembalikan iaitu RM6,028 pada tahun 2008, RM3,090 pada tahun 2009 dan RM3,025 pada tahun 2010. Menurut Unit Pengurusan Bangunan, lebih bayaran sewa adalah disebabkan oleh potongan sewa lambat diberhentikan terutama Jabatan Persekutuan yang membuat perubahan gaji 4 kali setahun. Bayaran balik lebih sewa akan dibuat sekiranya ada permohonan daripada kakitangan yang terlibat.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan sewa yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan dengan membuat potongan gaji sepenuhnya bagi pegawai kerajaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab E. Borang Arahan Potongan yang disahkan oleh majikan hendaklah diserahkan oleh penghuni semasa penyerahan kunci dibuat.

4.4.6. Pembahagian Kuarters

4.4.6.1. Daftar Permohonan Rumah Tidak Dikemaskinikan

Menurut Pekeliling Tetap Negeri Johor Bilangan 193 Tahun 1978, antara tugas Jawatankuasa Perumahan ialah menyiarkan penyata perumahan lengkap yang mengandungi maklumat senarai menunggu dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu. Prosedur Kerja Unit Pengurusan Bangunan pula menetapkan Buku Daftar Permohonan Kuarters mengikut kelas hendaklah diselenggarakan. Semakan Audit mendapati Buku Daftar Permohonan Kuarters mengikut kelas telah diselenggarakan, tetapi tidak dikemaskinikan terutamanya maklumat berkaitan status permohonan. Semakan Audit terhadap 334 permohonan untuk menduduki kuarters bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati 106 atau 31.7% status permohonan dalam daftar tidak dicatatkan sama ada berjaya atau sebaliknya seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Jumlah Permohonan Untuk Menduduki Kuarters Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tindakan	Tahun			Jumlah
	2008	2009	2010	
Permohonan Diterima	60	72	68	200
Permohonan Ditolak	5	19	4	28
Tiada Status	19	26	61	106
Jumlah Permohonan	84	117	133	334

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan

4.4.6.2. Fail Kuarters Tidak Lengkap

Perintah Am Bab E menyatakan bayaran sewa rumah bermula dari hari masuk rumah dan berakhir pada hari sebenar pegawai itu mengosongkan rumah. Oleh itu, fail yang lengkap dan kemas kini perlu diselenggarakan bagi memudahkan rujukan dan pemantauan. Selain itu, Prosedur Kerja Unit Pengurusan Bangunan telah menetapkan supaya fail bagi

setiap kuarters diselenggarakan. Fail ini hendaklah mengandungi maklumat mengenai pemohon yang berjaya ditawarkan kuarters seperti borang permohonan, borang terima tawaran (Borang B), Surat Aku Janji, Surat Akuan Terima Kunci, Surat Akuan Masuk Rumah (Lampiran E) dan salinan slip gaji. Selain itu, bagi penghuni yang keluar kuarters, maklumat tambahan yang diperlukan ialah Akuan Keluar Rumah Kerajaan (Lampiran F), salinan Notis Pemotongan Elektrik, salinan Notis Pemotongan Air dan salinan slip gaji. Semakan Audit terhadap 70 fail kuarters mendapati 31 atau 44.3% fail tidak dikemaskinikan. Dokumen dan maklumat penting yang tidak dilengkapkan dalam fail adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Fail Kuarters Yang Tidak Lengkap

Bil.	Maklumat Yang Perlu Ada	Maklumat Yang Tiada Di Dalam Fail Kuarters		Jumlah Fail
		Kuarters Berpenghuni	Kuarters Tidak Berpenghuni	
1.	Borang Permohonan	2	4	6
2.	Borang B (Terima Tawaran)	2	1	3
3.	Surat Aku Janji	12	19	31
4.	Surat Akuan Terima Kunci	2	9	11
5.	Lampiran E (Surat Akuan Masuk Rumah)	1	2	3
6.	Salinan Slip Gaji	3	4	7
7.	Lampiran F (Akuan Keluar Rumah Kerajaan)	TB	3	3
8.	Salinan Notis Pemotongan Elektrik	TB	15	15
9.	Salinan Notis Pemotongan Air	TB	17	17

Sumber: Unit Pengurusan Bangunan

Nota: TB – Tidak Berkenaan

Pada pendapat Audit, pengurusan pembahagian kuarters tidak memuaskan kerana Daftar Permohonan Rumah tidak kemas kini dan fail tidak diselenggarakan dengan lengkap.

4.4.7. Pemantauan Kuarters Oleh Unit Pengurusan Bangunan

4.4.7.1. Pemeriksaan Secara Berkala Tidak Dijalankan

Unit Pengurusan Bangunan perlu menjalankan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan penghuni mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Bagaimanapun, sehingga kini pihak Audit belum mendapat laporan pemeriksaan secara berkala yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Bangunan.

4.4.7.2. Pemeriksaan Semasa Penghuni Keluar Kuarters Tidak Dijalankan

Mengikut Perintah Am Bab E, pegawai yang ingin mengosongkan rumah kerajaan hendaklah melaporkan hal itu kepada Jabatan Kerja Raya dan juga Pegawai Perumahan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ia bercadang hendak mengosongkan rumah tersebut. Semakan Audit mendapati arahan untuk melaporkan keluar rumah tidak dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2008 dan 2009. Bagaimanapun, pemeriksaan terhadap kuarters yang hendak dikosongkan mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2010.

Kesan pemeriksaan yang tidak dijalankan terhadap kuarters yang hendak dikosongkan telah menyebabkan berlaku barang-barang milik penghuni ditinggalkan, kerosakan, kunci kuarters tidak dikembalikan dan berlaku kecurian. Contoh kerosakan kuarters dan barang milik penghuni ditinggalkan adalah seperti di **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

Gambar 4.13
Pam Tandas Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 07-06, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana,
Johor Bahru
Tarikh: 16 Disember 2010

Gambar 4.14
Barangan Milik Penghuni Yang Ditinggalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 07-06, Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana,
Johor Bahru
Tarikh: 16 Disember 2010

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kuarters oleh Unit Pengurusan Bangunan pada tahun 2008 dan 2009 adalah tidak memuaskan kerana tiada pemeriksaan dijalankan. Bagaimanapun, usaha Unit Pengurusan Bangunan melaksanakan pemeriksaan mulai tahun 2010 adalah baik dan perlu diteruskan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan demi menjaga kebajikan penjawat awam, adalah disyorkan supaya Unit Pengurusan Bangunan SUKJ/JKR mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mewujudkan jawatankuasa khas atau memperluaskan fungsi Jawatankuasa Perumahan untuk membincangkan masalah-masalah dalam pengurusan kuarters dan mencari kaedah penyelesaian yang segera.

4.5.2. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mengkaji sama ada rumah sewa kerajaan yang tidak berpenghuni sesuai dijadikan sebagai rumah penginapan, disewakan kepada orang ramai yang berminat atau dijual sekiranya tidak diperlukan terutamanya pangsapuri dan rumah pangsa bagi mengelakkan kerajaan terpaksa menanggung caj penyenggaraan yang dikenakan setiap bulan.

4.5.3. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah kerap mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak yang terlibat dalam pengurusan kuarters seperti Bendahari Negeri, JKR, JMB dan wakil penduduk bagi membincangkan masalah kuarters.

4.5.4. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mengkaji semula kos yang ditanggung oleh penghuni kuarters terutamanya pangsapuri dan rumah pangsa.

4.5.5. JKR hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan kuarters secara berkala dan memohon peruntukan penyenggaraan tersebut daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan kuarters sentiasa dalam keadaan baik dan sedia untuk diduduki.

4.5.6. Unit Pengurusan Bangunan SUKJ hendaklah mempertimbangkan dan mengambil tindakan terhadap cadangan Jabatan Bomba untuk meningkatkan kesedaran penduduk mengenai kepentingan menjaga alat dan sistem pencegahan kebakaran, menubuhkan *emergency response team* serta memperbaiki alat dan sistem pencegahan kebakaran yang rosak terutamanya di kuarters Pangsapuri Bukit Saujana dan Rumah Pangsa Serantau Baru.

5. SISTEM NIKAH CERAI DAN RUJUK

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk (e-NCR) adalah salah satu aplikasi yang dibangunkan di bawah Projek Kerajaan Elektronik Johor atau dikenali sebagai Johor *e-Government* (JEG) Fasa II. Cadangan pembangunan JEG Fasa II telah dibentangkan oleh sebuah syarikat kepada Unit Sains, Teknologi dan ICT Negeri Johor (USTICT), Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor (MMK) masing-masingnya pada bulan April dan Mei 2006. MMK seterusnya telah meluluskan projek ini pada bulan Februari 2007 dan perjanjian projek telah ditandatangani pada bulan Februari 2008 dengan syarikat berkenaan.

5.1.2. Matlamat utama pembangunan e-NCR adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan keluarga Islam dengan menyediakan sistem pendaftaran dan penyemakan pelbagai urusan nikah, cerai dan rujuk secara *online*. Aplikasi e-NCR mempunyai 6 modul utama iaitu Modul Profil, Pra Perkahwinan, Nikah Cerai Rujuk, Khidmat Nasihat (kaunseling), Kamus Jawi dan Laporan. Kos pembangunan e-NCR adalah berjumlah RM2.93 juta dan dijadualkan mengambil masa 10 bulan untuk disiapkan iaitu bermula dari bulan April 2007 hingga Januari 2008. Bagaimanapun, beberapa masalah yang wujud di peringkat pelaksanaan menyebabkan e-NCR masih belum *go live* sehingga akhir tahun 2010.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada e-NCR telah dibangunkan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

5.3.1. Skop pengauditan adalah meliputi pembangunan e-NCR oleh Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor (USTICT) bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Pengauditan adalah terhadap semua modul e-NCR dan terbahagi kepada 2 peringkat iaitu di USTICT dan Jabatan Agama Johor.

5.3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak perjanjian projek, rekod kewangan, kertas cadangan, laporan, minit mesyuarat dan sebagainya berhubung pembangunan e-NCR di USTICT dan Jabatan Agama Johor. Analisis Audit dengan menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* bagi memilih 100 sampel data nikah untuk memastikan integriti dari aspek kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan data/maklumat dalam e-NCR bersamaan dengan rekod/dokumen sebenar yang diselenggarakan di Pejabat Agama Daerah Johor Bahru. Selain itu, temu bual dan pengedaran borang soal selidik kepada 35

orang kakitangan di Jabatan Agama Johor yang terlibat secara langsung dengan e-NCR bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanannya.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pembangunan e-NCR adalah tidak memuaskan kerana e-NCR masih belum siap sepenuhnya walaupun pembangunan sistem telah bermula sejak tahun 2006 lagi. Kelemahan yang ditemui adalah seperti penentuan jenis kertas sijil yang belum diputuskan, migrasi dan pengesahan data yang belum selesai, pengurusan *backup* yang tidak memuaskan, kawalan capaian pengguna yang kurang sempurna, perjanjian yang lewat ditandatangani dan bayaran projek tidak mengikut perjanjian. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan di atas adalah seperti berikut:

5.4.1. Prestasi Pelaksanaan e-NCR Tidak Memuaskan

5.4.1.1. Objektif utama pembangunan e-NCR adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan keluarga Islam dengan menyediakan sistem pendaftaran dan penyemakan pelbagai urusan nikah, cerai dan rujuk secara *online* oleh pengguna di rumah, pusat Internet ataupun di kiosk yang disediakan di setiap pejabat agama. Mengikut perjanjian, pembangunan e-NCR dijangka mengambil masa selama 10 bulan iaitu mulai bulan April 2007 dan *go live* pada bulan Januari 2008. Bagaimanapun, perjanjian telah menetapkan tarikh akhir siap bagi e-NCR hendaklah tidak lewat dari 30 April 2008.

5.4.1.2. Semakan Audit mendapati e-NCR masih belum *go live* sehingga akhir bulan Disember 2010 iaitu kelewatan selama 3 tahun walaupun kesemua modul telah dibangunkan dan boleh digunakan sepenuhnya. Punca utama kelewatan ini adalah kerana Jabatan Agama Johor (JAJ) masih belum memutuskan jenis kertas bagi sijil nikah. Pada awalnya JAJ meminta syarikat percetakan untuk mengemukakan sampel kertas sijil yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Bagaimanapun, JAJ akhirnya memutuskan bahawa sijil nikah tidak memerlukan ciri-ciri keselamatan yang tinggi kerana ia merupakan dokumen biasa. Sampel kertas yang dikehendaki telah diterima pada bulan Oktober 2010 tetapi sehingga akhir tahun 2010, keputusan mengenainya belum dibuat. Menurut JAJ, kelewatan untuk memutuskan jenis kertas sijil nikah adalah disebabkan kesukaran menetapkan tarikh untuk mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor bagi mendapatkan pandangan dan ulasan serta menentukan caj perkhidmatan yang akan dikenakan kepada pengguna.

5.4.1.3. Selain itu, kelewatan juga berlaku dalam pembangunan e-NCR di semua peringkat berbanding dengan tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu lewat selama 1,070 hari atau hampir 3 tahun. USTICT memaklumkan bahawa kelewatan dalam pelaksanaan projek ini adalah disebabkan penambahan skop kerja atas permintaan JAJ dan lanjutan masa telah diberikan kepada syarikat berkenaan. Tempoh kelewatan yang dimaksudkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Tempoh Kelewatan Pelaksanaan Projek e-NCR Di Semua Peringkat

Bil.	Aktiviti	Tarikh		Tempoh Kelewatan (Hari)
		Sepatut Siap (Perjanjian)	Siap Sebenar	
1.	Kajian Keperluan Pengguna	6.6.2007	21.8.2007	76
2.	Pembangunan Sistem	24.12.2007	24.6.2008	182
3.	Latihan Akhir Pengguna	16.1.2008	20.8.2009	581
4.	Go Live	25.1.2008	Belum <i>go live</i> sehingga 31.12.2010	1,070

Sumber: Perjanjian Projek Dan Laporan USTICT

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan e-NCR masih belum dapat dicapai kerana belum *go live* setelah hampir 3 tahun dibangunkan.

5.4.2. Migrasi Maklumat Nikah, Cerai, Rujuk Dan Kaunseling Belum Selesai

Maklumat sijil nikah, cerai, rujuk dan kaunseling di seluruh Negeri Johor perlu dimigrasikan secara dikunci masuk (*key in*) ke dalam e-NCR. Menurut USTICT, maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling sebelum tahun 2008 hendaklah dimigrasikan ke dalam e-NCR oleh syarikat. Pihak USTICT menetapkan, proses migrasi ini hendaklah dijalankan selama 27 bulan iaitu mulai bulan Disember 2007 hingga Februari 2010. Maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling selepas tahun 2008 pula hendaklah dilaksanakan oleh JAJ. Semakan Audit mendapati:

5.4.2.1. Berdasarkan maklumat JAJ, bilangan sijil cerai, sijil rujuk dan rekod kaunseling yang dikeluarkan pada tahun 2003 hingga 2007 adalah sebanyak 22,459 rekod. Bilangan sijil dan rekod yang dikeluarkan sebelum tahun 2003 tidak dapat dikemukakan oleh JAJ. Semakan Audit mendapati kesemua 22,459 maklumat cerai, rujuk dan kaunseling tahun 2003 hingga 2007 masih belum dimigrasikan oleh syarikat ke dalam e-NCR sehingga bulan Disember 2010 sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. Maklumat cerai, rujuk dan kaunseling yang perlu dimigrasikan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Maklumat Cerai, Rujuk Dan Kaunseling Bagi Tahun 2003 Hingga 2007
Yang Belum Dimigrasi Oleh Syarikat

Tahun	Cerai	Rujuk	Kaunseling	Jumlah
2003	1,612	315	-	1,927
2004	1,690	187	-	1,877
2005	1,521	231	3,988	5,740
2006	2,001	351	4,016	6,368
2007	2,057	227	4,263	6,547
Jumlah	8,881	1,311	12,267	22,459

Sumber: Jabatan Agama Johor

5.4.2.2. Maklumat yang diperoleh daripada USTICT pada bulan Oktober 2010 mendapati jumlah rekod asal sijil nikah sejak tahun 1900 hingga tahun 2007 di seluruh Negeri Johor adalah sebanyak 538,116 rekod. Daripada jumlah tersebut, 538,074 rekod telah selesai dimigrasikan oleh syarikat. Baki 42 rekod nikah yang tidak dapat dimigrasikan ke e-NCR adalah merupakan data yang tidak dapat dikenal pasti statusnya kerana tidak lengkap.

Bagaimanapun, USTICT dan JAJ tidak dapat memberikan bilangan sebenar maklumat sijil nikah yang ada dan perlu dimigrasikan kerana JAJ dan syarikat masih dalam proses penyemakan dan proses migrasi data masih diteruskan sehingga kini.

5.4.2.3. Maklumat yang diperoleh daripada JAJ menunjukkan sebanyak 70,254 maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling di Negeri Johor bagi tahun 2008 hingga 2010. Sehingga bulan Disember 2010, JAJ hanya berjaya memindahkan sebanyak 7,709 atau 11% sahaja rekod nikah, cerai, rujuk dan kaunseling untuk tahun 2008 hingga 2010 ke dalam e-NCR manakala bakinya masih belum dimigrasikan. Maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling bagi tempoh 2008 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Maklumat Nikah, Cerai, Rujuk Dan Kaunseling Seluruh Negeri Johor
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Nikah	Cerai	Rujuk	Kaunseling	Jumlah
2008	16,364	2,329	215	4,552	23,460
2009	16,764	2,578	337	4,831	24,510
2010	13,934	2,914	389	5,047	22,284
Jumlah	47,062	7,821	941	14,430	70,254

Sumber: Jabatan Agama Negeri Johor Dan Laporan Statistik e-NCR

Pada pendapat Audit, proses migrasi data ke dalam e-NCR tidak memuaskan kerana masih belum selesai sehingga kini. Kelewatan syarikat dan JAJ untuk memindahkan maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling boleh menyumbang kepada kelewatan untuk e-NCR go live.

5.4.3. Integriti Data

Maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling yang telah dimigrasikan oleh syarikat dan JAJ perlu disemak dengan dokumen asal dan disahkan oleh pegawai JAJ yang diberi kuasa bagi menjamin integriti data.

5.4.3.1. Data Nikah Belum Disahkan

Berdasarkan Laporan Statistik e-NCR, sejumlah 538,074 data nikah yang telah dimigrasikan oleh syarikat dan perlu disahkan oleh pegawai JAJ yang diberi kuasa. Semakan Audit mendapati JAJ telah dapat mengesahkan hanya 16,376 atau 3% sahaja data nikah pada akhir tahun 2010. Menurut JAJ, seramai 30 orang kakitangan JAJ di seluruh Negeri Johor telah dilantik untuk melaksanakan kerja pengesahan data. Oleh itu, secara puratanya setiap pegawai perlu mengesahkan 17,937 data yang telah dimigrasikan. Memandangkan pegawai ini juga perlu menjalankan tugas harian seperti menjalankan proses pendaftaran dan temu duga di kaunter, pengesahan data tidak dapat dijalankan dengan lancar pada waktu pejabat. Semakan Audit mendapati JAJ tidak proaktif untuk menyelesaikan masalah ini dengan melaksanakan secara *task force* bagi menyelesaikan kerja-kerja pengesahan selepas waktu pejabat. Bagaimanapun, pengesahan data yang telah dimigrasikan telah dilaksanakan secara *task force* pada bulan April 2010.

5.4.3.2. Data Nikah Telah Disahkan Tetapi Tidak Lengkap

Jabatan Audit telah menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* bagi menganalisis 16,376 data nikah dalam e-NCR yang telah disahkan oleh JAJ untuk menentukan kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan data yang telah dimigrasikan dengan rekod/dokumen sebenar yang diselenggarakan di Pejabat Agama Daerah Johor Bahru. Analisis Audit mendapati sebanyak 311 kes data nikah tidak mempunyai tarikh daftar nikah dan sebanyak 414 kes data nikah yang tidak mempunyai tarikh nikah. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit telah memilih 100 sampel yang terdiri daripada 60 sampel bagi kes yang tiada tarikh daftar nikah dan 40 sampel bagi kes yang tiada tarikh nikah untuk disahkan dengan salinan asal sijil nikah yang berkenaan. Semakan Audit mendapati 98 atau 98% salinan asal sijil nikah mempunyai tarikh daftar dan tarikh nikah. Ini menunjukkan bahawa data yang telah dimigrasikan dan disahkan masih belum lengkap dan sempurna. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kesilapan yang berlaku semasa syarikat membuat migrasi data dan JAJ telah mengesahkan data berkenaan.

Pada pendapat Audit, proses pengesahan data adalah tidak memuaskan kerana 3% sahaja data yang telah disahkan dan sebanyak 725 data nikah yang telah disahkan didapati tidak lengkap. Pengesahan data yang tidak lengkap boleh menjejaskan integriti data nikah.

5.4.4. Keselamatan Data Dan Kawalan Capaian

Semua data nikah, cerai, rujuk dan kaunseling perlu mempunyai salinan *backup* dan hendaklah disimpan di tempat yang selamat. Selain itu, USTICT perlu mewujudkan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) bagi memastikan e-NCR dapat dipulihkan dengan cepat sekiranya berlaku bencana. Manakala, segala akses capaian sistem perlu dikawal bagi mengelakkan sebarang capaian yang tidak dibenarkan ke atas sistem. Kelemahan yang didapati adalah seperti berikut:

5.4.4.1. Data Backup Tidak Disimpan Di Bangunan Lain

Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh USTICT pada bulan Disember 2007, menghendaki data *backup* disimpan di tempat selamat dan di bangunan lain sekurang-kurangnya dalam 3 salinan. Jabatan juga hendaklah menguji prosedur data *backup* sekurang-kurangnya sekali setahun. Semakan Audit mendapati USTICT telah membuat *backup* terhadap data e-NCR secara harian, mingguan dan bulanan dalam bentuk media dan *tape*. Bagaimanapun, salinan data *backup* ini disimpan di bilik server USTICT dan tiada salinan data *backup* disimpan di tempat lain bagi menjamin keselamatan data sekiranya berlaku bencana. Selain itu, ujian prosedur data *backup* sekurang-kurangnya sekali setahun juga tidak dilaksanakan.

5.4.4.2. Pusat Pemulihan Bencana Belum Diwujudkan

Semakan Audit selanjutnya mendapati cadangan untuk membangunkan *Disaster Recovery Centre* (DRC) di Bangunan Sultan Ibrahim (BSI) masih belum dilaksanakan. Pada masa ini DRC hanya wujud untuk projek JEG Fasa 1 iaitu Sistem Hasil Tanah Johor (SHTJ). USTICT memaklumkan DRC tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kapasiti server di BSI tidak dapat menampung keseluruhan aplikasi di bawah Projek JEG Fasa II. Oleh itu, USTICT sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat untuk mengkaji dan merancang semula pelaksanaan DRC agar dapat memenuhi keperluan semasa dan pada masa hadapan. Ini adalah disebabkan jangkaan awal USTICT terhadap jumlah data SHTJ kurang tepat menyebabkan *hard disk* yang sedia ada tidak dapat menampung data-data aplikasi lain dalam JEG Fasa II termasuk aplikasi e-NCR. USTICT sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi menambah kapasiti *hard disk* sedia ada.

5.4.4.3. Kawalan Capaian Pengguna

- a. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam dan Dasar Keselamatan ICT menyatakan kata laluan setiap pengguna hendaklah ditukarkan setiap 90 hari atau tempoh masa yang bersesuaian. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 pengguna yang menerima *user ID* di antara bulan Mac hingga November 2009 tidak menukar kata laluan mereka sehingga bulan Disember 2010. Kelewatan antara 12 hingga 21 bulan ini adalah disebabkan sistem tidak diprogramkan untuk memberi peringatan kepada pengguna supaya menukar kata laluan mereka setiap 90 hari.
- b. Seramai 4 orang pegawai JAJ yang baru berpindah ke Bahagian Undang-undang Syariah (UUS) dan Unit Pembangunan Keluarga (UPK) pada tahun 2009 dan 2010 belum diberi ID pengguna sehingga bulan Disember 2010.

Pada pendapat Audit, keselamatan data dan kawalan capaian kurang memuaskan kerana data *backup* tidak disimpan di bangunan lain, DRC untuk e-NCR masih belum diwujudkan dan kata laluan pengguna tidak ditukar setiap 90 hari.

5.4.5. Perjanjian Projek Teknologi Intelktual

Perjanjian Projek Teknologi Intelktual (Perjanjian Projek) telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri Johor dengan syarikat pada bulan Februari 2008 untuk membangunkan infrastruktur rangkaian dan sistem aplikasi projek JEG Fasa II. Keseluruhan kos pembangunan JEG Fasa II berjumlah RM39.52 juta terdiri daripada kos pelaksanaan berjumlah RM27.51 juta, kos kewangan/faedah berjumlah RM2.96 juta dan kos penyenggaraan rangkaian selama 5 tahun berjumlah RM9.05 juta. Daripada jumlah tersebut, kos pembangunan e-NCR adalah berjumlah RM2.49 juta.

5.4.5.1. Perjanjian Projek Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menyatakan perjanjian hendaklah ditandatangani secepat mungkin atau dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati syarikat telah menandatangani surat setuju terima projek pada bulan Mac 2007. Perjanjian projek yang sepatutnya ditandatangani selewat-lewatnya pada bulan Julai 2007 tetapi telah ditandatangani pada bulan Februari 2008 iaitu kelewatan selama 7 bulan. Ini kerana penyediaan draf perjanjian mengambil masa yang lama di mana USTICT telah mengemukakan draf perjanjian ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan ulasan pada bulan November 2007.

5.4.5.2. Tiada Tempoh Ditetapkan Bagi Migrasi Data

Semakan Audit terhadap jadual pelaksanaan e-NCR sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian projek mendapati tiada tempoh masa tertentu ditetapkan untuk syarikat menyiapkan proses migrasi maklumat nikah, cerai, rujuk dan kaunseling tahun 2007 dan sebelumnya. Bagaimanapun, perjanjian menyatakan bayaran bagi kerja migrasi data untuk 8 Pejabat Agama Daerah adalah berjumlah RM0.96 juta dan USTICT telah pun menjelaskan bayaran sebanyak 85% atau RM0.82 juta bagi kerja tersebut sehingga bulan Oktober 2010. Akibatnya, berlaku kelewatan kemasukan data dan menyebabkan aplikasi e-NCR tidak dapat *go live* dalam tempoh masa yang ditetapkan.

5.4.5.3. Pemberian Lanjutan Masa Yang Tidak Teratur

- a. Klausula 5.3(d) Perjanjian Projek menyatakan syarikat boleh memohon untuk melanjutkan tempoh penyiapan projek daripada Kerajaan Negeri sekiranya tidak dapat menyerahkan perkakasan dan menyiapkan aplikasi dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, penalti sebanyak RM500 sehari boleh dikenakan sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang dibenarkan. Jadual Ke 3 Perjanjian Projek pula menyatakan tempoh masa yang ditetapkan adalah berdasarkan jadual pelaksanaan projek yang disediakan oleh syarikat tetapi tidak boleh lewat dari 30 April 2008 kecuali mendapat lanjutan masa.
- b. Semakan Audit mendapati projek JEG Fasa II masih belum siap sepenuhnya pada bulan April 2008 di mana peratusan siap kerja keseluruhan bagi projek JEG Fasa II pada bulan Oktober 2010 adalah 95.4%. USTICT telah memberikan lanjutan masa kepada syarikat untuk menyiapkan projek sebanyak 2 kali pada bulan Januari dan Ogos 2010. Bagaimanapun, kedua-dua lanjutan masa tersebut telah lewat diluluskan iaitu setelah tempoh yang dibenarkan tamat seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Lanjutan Masa Yang Diberikan Oleh USTICT Sehingga Bulan Disember 2010

Bil.	Tarikh Diluluskan	Tempoh	Bilangan Hari	Sebab Lanjutan Masa
1.	27.1.2010	31.12.2009 hingga 7.4.2010	98	Tiada
2.	20.8.2010	7.4.2010 hingga 15.10.2010	190	Tiada
Jumlah			288	

Sumber: USTICT

- c. Selain itu, USTICT masih belum dapat mengemukakan kelulusan lanjutan masa projek bagi tempoh April 2008 hingga 30 Disember 2009 dan 16 Oktober 2010 hingga kini.

5.4.5.4. Bayaran Projek Tidak Mengikut Perjanjian

- a. Klausa 3.1(a) Perjanjian Projek menyatakan Kerajaan Negeri perlu menjelaskan bayaran secara ansuran mulai bulan ke 10 kepada syarikat bagi kerja-kerja pembangunan projek JEG Fasa II berjumlah RM39.52 juta. Semakan Audit mendapati jadual pembayaran yang disediakan adalah untuk keseluruhan kos pembangunan JEG Fasa II termasuk kos penyenggaraan dan tiada jadual pembayaran khusus bagi setiap aplikasi termasuk e-NCR disediakan. Jadual pembayaran projek adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Jadual Pembayaran Projek JEG Fasa II

Bil.	Pembayaran	Jumlah		Jumlah (RM Juta)
		Pembangunan (RM Juta)	Penyenggaraan (RM Juta)	
1.	No.1 pada Bulan ke 10 atau 30% daripada Kos Pembangunan	9.14	-	9.14
2.	No.2 pada Bulan ke 13	1.19	-	1.19
3.	No.3 pada Bulan ke 16	1.18	-	1.18
4.	No.4 pada Bulan ke 19	1.19	-	1.19
5.	No.5 pada Bulan ke 22	1.18	1.13	2.31
6.	No.6 pada Bulan ke 25	1.19	-	1.19
7.	No.7 pada Bulan ke 28	1.18	1.13	2.31
8.	No.8 pada Bulan ke 31	1.19	-	1.19
9.	No.9 pada Bulan ke 34	1.18	1.13	2.31
10.	No.10 pada Bulan ke 37	1.19	-	1.19
11.	No.11 pada Bulan ke 40	1.18	1.13	2.31
12.	No.12 pada Bulan ke 43	1.19	-	1.19
13.	No.13 pada Bulan ke 46	1.18	1.13	2.31
14.	No.14 pada Bulan ke 49	1.19	-	1.19
15.	No.15 pada Bulan ke 52	1.18	1.13	2.31
16.	No.16 pada Bulan ke 55	1.19	-	1.19
17.	No.17 pada Bulan ke 58	1.18	1.13	2.31
18.	No.18 pada Bulan ke 61	1.19	-	1.19
19.	No.19 pada Bulan ke 64	1.18	1.14	2.32
Jumlah Keseluruhan Projek		30.47	9.05	39.52

Sumber: USTICT

- b. Klausa 3.1(b) Perjanjian Projek pula menyatakan syarikat perlu mengemukakan Sijil Siap Kerja (*Certificate of Completion*) kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan sebaik sahaja semua komponen projek JEG Fasa II

seperti mana yang diperincikan dalam skop kerja projek telah disiapkan. Selepas Sijil Siap Kerja disahkan oleh Kerajaan Negeri, barulah bayaran projek secara ansuran boleh dilakukan seperti jadual di atas. Semakan Audit mendapati USTICT masih belum dapat mengemukakan Sijil Siap Kerja bagi projek JEG Fasa II sehingga akhir bulan Disember 2010. Bagaimanapun, bayaran ansuran telah dibuat oleh USTICT mulai bulan Januari 2009 di mana peratusan siap kerja keseluruhan projek JEG Fasa II pada masa itu adalah sekitar 49%. Sehingga akhir tahun 2010, USTICT telah menjelaskan bayaran ansuran bagi e-NCR sebanyak 11 kali berjumlah RM2.49 juta manakala peratusan siap kerja pada bulan Oktober 2010 adalah sekitar 85%. Ini bermakna USTICT telah menjelaskan bayaran ansuran projek JEG Fasa II sebelum projek siap sepenuhnya sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan kepada peraturan dan syarat dalam perjanjian telah menyebabkan kepentingan kerajaan tidak terpelihara.

5.4.6. Maklum Balas Pegawai Dan Kakitangan JAJ

5.4.6.1. Soal selidik telah dikemukakan terhadap 35 orang responden yang terdiri daripada pegawai di peringkat pengurusan dan sokongan yang terlibat secara langsung sebagai pengguna e-NCR di Ibu Pejabat JAJ, Pejabat Agama Daerah Johor Bahru dan Kluang. Hasil maklum balas yang diterima diringkaskan seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Hasil Soal Selidik Maklum Balas Pengurusan Dan Pengguna e-NCR

Bil.	Maklum Balas Soal Selidik	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1.	e-NCR mudah digunakan	65.7	34.3
2.	e-NCR membantu mendapatkan data dengan mudah dan cepat	80.0	20.0
3.	Laporan/maklumat e-NCR adalah mengikut keperluan	62.9	37.1
4.	Peralatan yang disediakan mencukupi	37.1	62.9

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4.6.2. Maklum balas daripada soal selidik menunjukkan sebanyak 23 responden atau 65.7% menyatakan e-NCR mudah digunakan dan 28 responden atau 80% bersetuju bahawa aplikasi ini membantu untuk mempercepatkan perolehan data. Bagaimanapun, 22 atau 62.9% responden menyatakan peralatan yang disediakan tidak mencukupi. Selain itu, beberapa syor terhadap penambahbaikan e-NCR juga telah diterima melalui soal selidik yang diedarkan seperti berikut:

- a. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah ditempatkan di setiap Jabatan Agama Daerah bagi membantu dan dijadikan sebagai rujukan sekiranya berlaku masalah.
- b. Rangkaian e-NCR hendaklah dipertingkatkan bagi mengelakkan berlaku gangguan yang menyebabkan sistem mengambil masa yang lama untuk memproses transaksi.

- c. Penambahan kakitangan di bahagian kaunter bagi membantu orang awam yang tidak/kurang mahir menggunakan komputer.

Pada pendapat Audit, e-NCR dapat membantu JAJ untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan keluarga Islam. Selain itu, JAJ dan USTICT perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan penambahbaikan yang diberikan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk membangunkan e-NCR mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan keluarga Islam, pihak Audit mengesyorkan USTICT dan JAJ mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. USTICT dan JAJ perlu mencari kaedah terbaik menyelesaikan masalah yang menyebabkan kelewatan *go live* e-NCR ini supaya e-NCR dapat digunakan seperti perancangan asal.

5.5.2. USTICT hendaklah mengadakan prosedur pengujian data *backup* mengikut tempoh masa dan menyimpan dengan selamat mengikut peraturan yang ditetapkan serta mewujudkan DRC dengan segera.

5.5.3. JAJ hendaklah mengadakan *task force* dengan lebih kerap dan menetapkan tempoh penyiapan proses pengesahan data-data yang telah dimigrasikan.

5.5.4. JAJ perlulah melantik lebih ramai pegawai di JAJ untuk membantu mempercepatkan proses pengesahan data. Sekiranya perlu kakitangan yang terlibat patut diberi insentif kewangan kerana perlu bekerja di luar tugas biasa.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

6. PENGURUSAN PERANGKAP SAMPAH DI SUNGAI DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Perangkap sampah yang dipasang di sungai atau saliran berfungsi untuk menyekat kehadiran sampah atau bahan tercemar yang bersaiz besar supaya tidak terus mengalir sehingga ke laut. Biasanya, perangkap sampah akan menahan sampah terapung seperti daun kering, botol dan plastik. Namun, tidak semua sisa pepejal yang terdapat dalam sungai mampu disekat oleh perangkap sampah. Bahan cemar yang bersaiz kecil seperti bakteria tidak dapat ditahan oleh perangkap sampah. Bagaimanapun, sesetengah bahan cemar yang bersaiz kecil ini secara tidak langsung melekat pada sampah yang bersaiz besar di perangkap sampah menyebabkan bahan cemar ini sukar mengalir bersama aliran air.

6.1.2. Pembinaan dan pemasangan perangkap sampah jika dilakukan dengan baik dengan mengambil kira jenis, lokasi dan proses perangkap sampah untuk disesuaikan dengan aliran air sungai, lebar dan kedalaman sungai akan memberi manfaat yang diharapkan. Proses pemungutan serta pelupusan sampah yang terperangkap menjadi lebih mudah. Justeru, keupayaan perangkap sampah untuk menampung sampah yang mempunyai pelbagai saiz dan bentuk dipengaruhi oleh kapasiti sampah yang terperangkap dan kuantiti aliran air.

6.1.3. Di Negeri Johor, perangkap sampah yang dibina adalah jenis *log boom*, *trash screen*, *gross pollutant trap* dan *automatic trash rake*. Sehingga tahun 2010, terdapat 24 perangkap sampah yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Johor yang telah dibina antara tahun 1998 hingga 2009. Kos pembinaan melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM2.13 juta dan RM0.62 juta seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Kos Pembinaan Perangkap Sampah Bagi Tahun 1998 Hingga 2009

Daerah	Jenis	Tahun	Unit	Peruntukan	
				Negeri (RM Juta)	Persekutuan (RM Juta)
Johor Bahru	<i>Log Boom</i>	2005 - 2007	11	-	0.19
	<i>Trash Screen</i>	2005 - 2006	2	-	0.03
	<i>Gross Pollutant Trap</i>	2006	1	-	0.19
	<i>Bio Block</i>	2009	4	-	0.21
Kota Tinggi	<i>Trash Screen</i>	2005	2	0.03	-
Muar	<i>Automatic Trash Rake</i>	1999	2	1.05	-
Batu Pahat	<i>Automatic Trash Rake</i>	1998	2	1.05	-
Jumlah			24	2.13	0.62

Sumber: JPS Negeri Johor

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perangkap sampah di sungai atau saliran telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

6.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

6.3.1. Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan perangkap sampah melalui peruntukan Kerajaan Negeri meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyenggaraan perangkap sampah oleh JPS bagi tahun 2008 hingga 2010 dan tahun sebelumnya.

6.3.2. Pengauditan dijalankan di JPS Negeri Johor, JPS Daerah Kota Tinggi, Muar dan Batu Pahat serta Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan dokumen berhubung dengan semua aspek pengurusan perangkap sampah. Perbandingan turut dibuat dengan perangkap sampah yang dibina melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan yang turut diuruskan oleh JPS Negeri Johor. Lawatan Audit bersama pegawai JPS dilakukan ke lokasi perangkap sampah dan saliran/parit yang berkaitan bagi meninjau keberkesanan operasi perangkap sampah dan keperluannya di kawasan terbabit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk setempat juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010 mendapati pada umumnya perangkap sampah yang dibina oleh JPS dapat mengurangkan sampah sarap di sungai Negeri Johor. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan perangkap sampah di sungai Negeri Johor seperti tiada rancangan pembinaan perangkap sampah yang lengkap disediakan, prestasi keberkesanan perangkap sampah yang dibina tidak dinilai, pembinaan perangkap sampah tidak mengikut garis panduan, kos tambahan bagi membaik pulih dan penambahbaikan, tiada penyenggaraan berkala terhadap bahagian mekanikal perangkap sampah dan penyenggaraan pembersihan oleh kontraktor tidak mengikut arahan kerja. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

6.4.1. Rancangan Pembinaan Perangkap Sampah Tidak Disediakan

6.4.1.1. Pelaksanaan setiap projek mestilah dirancang dengan teliti bagi mendapat manfaat yang maksimum. Semakan Audit mendapati JPS telah menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar. Pelan tersebut telah mengenal pasti sampah sarap yang menghalang aliran air dalam sungai dan saliran sebagai salah satu punca berlakunya banjir. Bagaimanapun, pelan tersebut tidak menyatakan butiran lengkap mengenai perangkap sampah yang hendak dibina seperti

lokasi, bilangan, jenis dan anggaran kos yang terlibat. Selain itu, JPS tidak menyediakan sasaran dan peruntukan khusus untuk pembinaan perangkap sampah di Negeri Johor.

6.4.1.2. Semakan lanjut mendapati, JPS telah membina 6 unit perangkap sampah bernilai RM2.13 juta menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dari tahun 1998 hingga 2005. Sebanyak 4 unit perangkap sampah telah dibina melalui Projek Perintis *Automatic Trash Rake* menggunakan peruntukan Projek Saliran Bandar berjumlah RM2.10 juta di Daerah Muar dan Batu Pahat pada tahun 1998 dan 1999. Selain itu, 2 unit *Trash Screen* telah dibina di bawah Projek Penahan Hakisan Tebing Sungai Johor, Kota Tinggi berjumlah RM27,542 pada tahun 2005. Keadaan tersebut berlaku kerana JPS tidak mempunyai peruntukan khusus untuk melaksanakan projek pembinaan perangkap sampah. Sehubungan itu, JPS tidak menyediakan rancangan tambahan lanjutan daripada Projek Perintis yang dilaksanakan pada tahun 1999. Bagaimanapun, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM0.62 juta dari Kerajaan Persekutuan dari tahun 2005 hingga 2009 bagi membina 18 unit perangkap sampah di Sungai Skudai, Johor Bahru di bawah Program Satu Negeri Satu Sungai. Perangkap sampah jenis *Automatic Trash Rake* di Parit Sungai Abong dan Parit Setongkat di Daerah Muar serta Parit Jalan Sultanah dan Parit Bakau Chondong di Daerah Batu Pahat seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.


Gambar 6.1

Perangkap Sampah Jenis *Automatic Trash Rake*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Setongkat, Muar
Tarikh: 25 Ogos 2010

Gambar 6.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Jalan Sultanah, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

6.4.1.3. Lawatan Audit bersama pegawai JPS Daerah Batu Pahat ke Parit Lapis dan Pasar Awam di Batu Pahat mendapati kedua-dua parit dipenuhi sampah sarap. Ini disebabkan laluan parit melalui Taman Kurnia yang mempunyai penduduk yang padat dan parit di Pasar Awam yang bersebelahan tempat pengumpulan sampah. Keadaan parit yang dipenuhi sampah sarap dan lumpur adalah seperti di **Gambar 6.3** hingga **Gambar 6.6**.

Gambar 6.3

Air Dicemari Sampah Sarap Yang Terperangkap Dalam Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Lapis, Taman Kurnia, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.4

Air Dicemari Sampah Sarap Yang Terperangkap Dalam Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Lapis, Taman Kurnia, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.5
Parit Yang Dipenuhi Lumpur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Di Pasar Awam, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.6
Air Dicemari Sampah Sarap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Di Pasar Awam, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

6.4.1.4. Semakan Audit mendapati aduan telah dibuat pada bulan Mac 2010 oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Parit Lapis kepada Pejabat Daerah Batu Pahat berkaitan sampah sarap yang bertaburan dalam parit serta keadaan air yang kelihatan hitam dan berbau busuk. Keadaan tersebut berlaku kerana perangkap sampah tidak dibina bagi menghalang segala sampah sarap dari Taman Kurnia masuk ke kawasan kampung. Pada bulan April 2010, Pejabat Daerah Batu Pahat telah mengemukakan permohonan kepada pihak JPS mencadangkan supaya sebuah perangkap sampah dibina di kawasan terbabit. Walaupun, JPS Batu Pahat telah bercadang untuk membina sebuah perangkap sampah jenis *log boom* namun sehingga bulan November 2010 tiada perangkap sampah yang dibina. Sebaliknya penduduk kampung terpaksa bergantung kepada perangkap sampah sementara yang dibina menggunakan pagar dawai dan pokok kiambang sebagai perangkap sampah semula jadi.


Namun demikian perangkap sampah ini kurang berkesan kerana penyenggaraan pembersihan secara sistematik seperti perangkap sampah jenis *log boom* sukar dilaksanakan. Sampah sarap yang terperangkap di pagar dawai dan pokok kiambang adalah seperti di **Gambar 6.7** dan **Gambar 6.8**.

Gambar 6.7
Sampah Sarap Yang Terperangkap
Di Pokok Kiambang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Lapis, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.8
Sampah Sarap Yang Terperangkap
Di Pagar Dawai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Lapis, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

6.4.1.5. Lawatan Audit ke Taman Kota Jaya dan Kampung Kelantan di Kota Tinggi pada bulan Julai 2010 mendapati tiada perangkap sampah dibina di penghujung parit bagi menyekat sampah sarap yang mengalir ke dalam Sungai Johor. Kebanyakan sampah sarap tersangkut antara semak samun yang tidak dibersihkan di dalam saluran tersebut. Keadaan parit adalah seperti di **Gambar 6.9** dan **Gambar 6.10**.

Gambar 6.9
Parit Yang Dipenuhi Semak Samun
Dan Sampah Sarap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Di Kampung Kelantan
Tarikh: 3 Julai 2010

Gambar 6.10
Sampah Yang Tersangkut Di Tebing Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Di Kampung Kelantan
Tarikh: 3 Julai 2010

6.4.1.6. Menurut JPS, perangkap sampah dibina secara *ad hoc* dan merupakan struktur sokongan untuk memastikan sistem perparitan dapat berfungsi dengan sempurna dan

berkesan. Peruntukan Program Saliran Bandar yang diterima diberi keutamaan kepada pembinaan sistem saliran dan perparitan. Selain itu, rancangan tambahan pembinaan perangkap sampah tidak disediakan kerana JPS berpendapat, sampah adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sampah tidak sepatutnya berada dalam saliran sekiranya PBT melaksanakan kawalan di punca.

Pada pendapat Audit, ketiadaan perancangan pembinaan perangkap sampah yang menyeluruh menyebabkan parit dan saliran dicemari sampah sarap.

6.4.2. Prestasi Keberkesanan Perangkap Sampah Tidak Dinilai

6.4.2.1. Menurut Kajian Keberkesanan Perangkap Sampah oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2003, penilaian keberkesanan sesebuah perangkap sampah adalah berdasarkan kesannya terhadap sampah yang terkumpul dan juga terhadap aliran air. Sesebuah perangkap sampah dianggap berkesan sekiranya banyak sampah terkumpul dan tidak menghalang aliran air. Semakin banyak sampah terkumpul tanpa menjejaskan struktur asal, perangkap sampah berkenaan dianggap mencapai tahap keberkesanan yang memuaskan. Selain itu, keberkesanan perangkap sampah juga dinilai dari segi kualiti air yang dilepaskan.

6.4.2.2. Pihak Audit mendapati tiada mekanisme pemantauan yang berkesan diwujudkan oleh JPS untuk menilai prestasi perangkap sampah yang telah dibina di Kota Tinggi, Muar dan Batu Pahat yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Tiada rekod jumlah sampah yang dikutip dan tahap kualiti air sebelum dan selepas perangkap sampah diselenggarakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat membuat analisis terhadap keberkesanan perangkap sampah yang dibina. Sebaliknya, pihak Audit mendapati JPS telah melaksanakan pemantauan terhadap keberkesanan perangkap sampah yang dibina menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dengan merekodkan jumlah berat setiap kutipan sampah dan menilai tahap kualiti air Sungai Skudai sebelum dan selepas perangkap sampah. Menurut pihak JPS, Sungai Skudai merupakan sungai yang dipilih untuk Program Satu Negeri Satu Sungai di mana pengurusannya mengikut piawaian ISO (EMS) 14001:2004 Sistem Pengurusan Alam Sekitar.

6.4.2.3. Lawatan Audit mendapati 4 perangkap sampah yang dibina di bandar Kota Tinggi dan Batu Pahat untuk memerangkap sampah dalam parit seperti di **Gambar 6.11** dan **Gambar 6.12**.

Gambar 6.11
Sampah Sarap Yang Terhalang Oleh Trash Screen Daripada Memasuki Pump Sump



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi
 Tarikh: 29 Disember 2010

Gambar 6.12
Sampah Sarap Yang Diperangkap Oleh Automatic Trash Rake



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Parit Bakau Chondong, Batu Pahat
 Tarikh: 1 November 2010

Pada pendapat Audit, JPS perlu menetapkan mekanisme bagi membolehkan prestasi keberkesanan perangkap sampah yang dibina dapat dinilai supaya kelemahan dapat diatasi dan penambahbaikan dapat dilakukan.

6.4.3. Pembinaan Perangkap Sampah Tidak Mengikut Garis Panduan

6.4.3.1. Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) menyatakan jarak antara setiap rangka penahan perangkap sampah mestilah mampu untuk menahan botol plastik atau tin minuman aluminium. Bagi tujuan itu, jarak maksimum yang ditetapkan adalah 50 milimeter. Lawatan Audit bersama-sama pegawai JPS Daerah Kota Tinggi pada bulan Disember 2010 ke lokasi perangkap sampah jenis *trash screen* mendapati jarak antara setiap rangka penahan perangkap sampah adalah antara 60 milimeter hingga 100 milimeter seperti di **Gambar 6.13** dan **Gambar 6.14**.

Gambar 6.13
Jarak 100 Milimeter Antara Rangka Penahan Di Pump Sump 1



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Sungai Kemang, Kota Tinggi
 Tarikh: 29 Disember 2010


Gambar 6.14
Jarak 60 Milimeter Antara Rangka Penahan Di Pump Sump 2



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi
 Tarikh: 29 Disember 2010


6.4.3.2. Kesannya, perangkap sampah yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik apabila banyak sampah yang bolos melalui jarak antara rangka penahan perangkap sampah yang lebih besar. Jumlah sampah yang bolos pula akan bertambah apabila pam air beroperasi menyedut air keluar dari *pump sump* semasa air sungai pasang. Sampah sarap yang tersangkut akan turut disedut oleh pam air berkenaan. Menurut pegawai JPS Daerah Kota Tinggi, sampah sarap yang disedut bersama-sama air dalam *pump sump* akan hancur dan seterusnya dibuang ke dalam Sungai Johor. Bagaimanapun, sekiranya keadaan ini berterusan, ianya boleh menyebabkan pam air rosak kerana fungsi pam air bukanlah untuk menghancurkan sampah. Sampah sarap yang telah hancur dibuang ke dalam sungai akan mendap menyebabkan sungai menjadi cetek. Sampah sarap yang membolosi *trash screen* adalah seperti di **Gambar 6.15** dan **Gambar 6.16**.

Gambar 6.15
Sampah Sarap Yang Membolosi
Trash Screen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sungai Kemang, Kota Tinggi
Tarikh: 29 Disember 2010

Gambar 6.16
Sampah Sarap Yang Tersangkut
Dan Bolos Di Trash Screen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi
Tarikh: 29 Disember 2010

Pada pendapat Audit, prestasi perangkap sampah jenis *trash screen* tidak memuaskan kerana jarak antara rangka penahan yang dibina melebihi 50 milimeter telah menyebabkan sampah sarap bolos.

6.4.4. Penyenggaraan Perangkap Sampah

Menurut MSMA, pelan penyenggaraan perangkap sampah hendaklah disediakan oleh JPS bagi memastikan perangkap sampah dapat berfungsi dengan berkesan. Semakan Audit mendapati, pelan penyenggaraan ini tidak disediakan oleh JPS. Bagaimanapun, JPS telah menjalankan penyenggaraan peralatan mekanikal dan elektrik serta kerja-kerja pembersihan di perangkap sampah. Kerja-kerja penyenggaraan perangkap sampah adalah seperti berikut:



6.4.4.1. Membaik Pulih Dan Menambah Baik Perangkap Sampah

Pihak Audit mendapati JPS Daerah Muar dan Kota Tinggi telah melaksanakan kerja membaik pulih dan menambah baik perangkap sampah sedia ada melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM0.54 juta pada tahun 2007 dan 2010 seperti di **Jadual 6.2**.

Bil.	Lokasi	Jenis Perangkap Sampah	Butiran Penyelenggaraan	Kos (RM Juta)	Tahun
1.	Parit Sungai Abong, Muar	<i>Automatic Trash Rake</i>	Membaik pulih struktur tapak perangkap sampah	0.18	2010
2.	Parit Setongkat, Muar			0.15	2007
3.	<i>Pump Sump 2</i> , Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi	<i>Trash Screen</i>	Mewujudkan sistem automasi dan pengukuhan struktur	0.21	2007
Jumlah				0.54	

a. Kerja Membaik Pulih *Automatic Trash Rake*

Gambar 6.17 **Gambar 6.18**
Cerucuk Konkrit Yang Ditanam Untuk Memperkuat Asas Tapak Perangkap Sampah



75

Bandar Kota Tinggi dan kerosakan kepada *propeler pump*. JPS Daerah Kota Tinggi telah menjalankan kerja penambahbaikan perangkap sampah jenis *trash screen* di *Pump Sump 2*, Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi berjumlah RM0.21 juta daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sejumlah RM0.17 juta adalah kerja pemasangan sistem automasi perangkap sampah yang dibina pada bulan Disember 2005 dan kerja menguatkan struktur tiang sistem automasi berjumlah RM44,223 pada bulan Disember 2007. Semakan Audit mendapati sistem automasi ini tidak berfungsi dengan baik kerana sampah yang masuk ke dalam *pump sump* perlu dimasukkan ke dalam *bucket* secara manual dan diangkat ke atas untuk dikumpulkan. Semakan lanjut mendapati pemasangan sistem automasi perangkap sampah ini tidak mendapat khidmat nasihat dan pengesahan spesifikasi daripada Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor. Selain itu, didapati rekod penyenggaraan sistem automasi *trash screen* tidak disediakan oleh JPS Daerah Kota Tinggi.

6.4.4.2. Penyenggaraan Berkala Tidak Mengikut Manual Operasi

- a. Berdasarkan Manual Operasi *Automatic Trash Rake*, pemeriksaan berkala setiap bulan hendaklah dibuat bagi memastikan perangkap sampah dapat berfungsi dengan baik dan mengesan kerosakan di peringkat awal untuk mengelakkan kerosakan yang lebih besar. Antara bahagian mesin yang perlu diperiksa ialah *screen roller chain*, *screen sprocket*, *trash screen motor chain*, *conveyor motor chain* dan *conveyor motor chain* serta *sprocket*. Selain pemeriksaan bulanan tersebut, *gear motor oil* juga perlu ditukar setiap 6 bulan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan penyenggaraan terhadap bahagian mesin dilakukan pada setiap bulan. Penyenggaraan perangkap sampah secara berkala hanya dilakukan setiap 3 bulan berdasarkan Jadual Servis Tahunan yang disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor. Bagaimanapun, penyenggaraan masih tidak dilakukan mengikut jadual, lewat di antara 9 hingga 41 hari atau tidak dilakukan langsung. Menurut JPS, penyenggaraan setiap 3 bulan adalah mencukupi berikutan kekangan masa dan kekurangan kakitangan untuk melakukan penyenggaraan ke atas semua loji JPS. Maklumat lanjut penyenggaraan *automatic trash rake* bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tarikh Penyenggaraan Automatic Trash Rake Bagi Daerah Batu Pahat Dan Muar
Pada Tahun 2007 Hingga 2010

Daerah Batu Pahat				Daerah Muar		
Jadual Servis	Parit Bakau Chondong	Parit Jalan Sultanah	Kelewatan (Hari)	Jadual Servis	Parit Sungai Abong Dan Parit Setongkat	
	Tarikh Penyenggaraan Sebenar				Tarikh Penyenggaraan Sebenar	Kelewatan (Hari)
13.1.2007	-	13.2.2007	28	16.1.2007	16.1.2007	-
12.5.2007	-	12.5.2007	-	17.4.2007	17.4.2007	-
11.8.2007	8.8.2007	11.8.2007	-	17.7.2007	17.7.2007	-
10.11.2007	10.12.2007	10.11.2007	30	16.10.2007	16.10.2007	-
12.1.2008	12.2.2008		30	14.1.2008	14.1.2008	-
12.5.2008	21.5.2008		9	15.4.2008	-	-
11.8.2008	11.8.2008		-	6.7.2008	16.7.2008	10
10.11.2008	10.11.2008		-	15.10.2008	15.10.2008	-
11.2.2009	10.2.2009	11.2.2009	-	13.1.2009	13.1.2009	-
11.5.2009	-	11.5.2009	-	14.4.2009	14.4.2009	-
11.8.2009	14.9.2009	11.8.2009	33	16.7.2009	16.7.2009	-
9.11.2009	9.11.2009		-	15.10.2009	15.10.2009	-
18.1.2010	10.2.2010	18.1.2010	22	12.1.2010	12.1.2010	-
13.4.2010	13.5.2010	13.4.2010	30	14.4.2010	14.4.2010	-
5.7.2010	16.8.2010	13.7.2010	41	16.7.2010	16.7.2010	-
13.10.2010	-	13.10.2010	-	14.10.2010	14.10.2010	-

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor

Nota: Tiada Penyenggaraan
 Penyenggaraan Lewat/Tidak Mengikut Jadual


- c. Semakan lanjut terhadap Senarai Semak Penyenggaraan oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor mendapati pemeriksaan hanya dilakukan terhadap peralatan elektrik seperti *voltmeter*, *ammeter (motor)*, lampu fasa, *ELCB*, pembumian (*test lamp*) dan *overload relay*. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan bahawa pemeriksaan dilakukan ke atas peralatan mekanikal *automatic trash rake*. Kesan daripada JPS tidak memberi tumpuan pada penyenggaraan peralatan mekanikal menyebabkan kerosakan peralatan mekanikal perangkap sampah tidak disedari. Lawatan Audit bersama pegawai JPS Daerah Batu Pahat ke lokasi perangkap sampah di Parit Jalan Sultanah pada bulan November 2010 mendapati getah *conveyor* dan *roller* bahagian tengah tidak bersentuhan. Keadaan ini menyebabkan *roller* tidak berfungsi secara maksimum kerana getah *conveyor* hanya digerakkan oleh 2 *roller* di bahagian sisi. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa *gear motor oil* juga telah ditukar setiap 6 bulan kerana tiada sebarang rekod penukaran dikemukakan untuk pemeriksaan. Perbandingan keadaan getah *conveyor* dan *roller* yang tidak bersentuhan di Parit Jalan Sultanah dengan keadaan getah *conveyor* dan *roller* yang dalam keadaan baik di Parit Bakau Chondong adalah seperti di **Gambar 6.19** dan **Gambar 6.20**.

Gambar 6.19
Getah Conveyor Yang Tidak Bersentuhan Dengan Roller



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Jalan Sultanah, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.20
Getah Conveyor Bersentuhan Dengan Roller Dalam Keadaan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Bakau Chondong, Batu Pahat
Tarikh: 1 November 2010

- d. Semakan Audit terhadap Borang Laporan Kerosakan di Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2010 mendapati, 9 laporan kerosakan telah dilaporkan iaitu 4 di Parit Bakau Chondong dan 5 di Parit Jalan Sultanah. Tiada kerosakan *automatic trash rake* dilaporkan di Daerah Muar. Di Daerah Batu Pahat pula, pembaikan serta merta terhadap peralatan yang rosak dilakukan sekiranya terdapat aduan kerosakan terhadap *automatic trash rake*. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Laporan Kerosakan Automatic Trash Rake Daerah Batu Pahat Berdasarkan Aduan Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Bil.	Tahun	Lokasi Perangkap Sampah	Kerosakan	Tarikh Aduan
1.	2007	Parit Bakau Chondong	Conveyor rosak	31.1.2007
2.		Parit Jalan Sultanah	Perangkap sampah tidak berfungsi	10.9.2007
3.		Parit Bakau Chondong	Skrut rantai tercabut	7.11.2007
4.	2008	Parit Bakau Chondong	Skrut gigi perangkap sampah tercabut	16.9.2008
5.		Parit Jalan Sultanah	Perangkap sampah tidak berfungsi	6.10.2008
6.		Parit Jalan Sultanah	Gangguan elektrik perangkap sampah	22.10.2008
7.	2009	Parit Bakau Chondong	Perangkap sampah tidak berfungsi	7.7.2009
8.		Parit Jalan Sultanah	Getah conveyor rosak	5.10.2009
9.	2010	Parit Jalan Sultanah	Getah conveyor koyak	9.3.2010

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Johor

6.4.4.3. Penyenggaraan Pembersihan Perangkap Sampah

Mengikut Arahan Kerja yang dikeluarkan oleh JPS Daerah Kota Tinggi kepada kontraktor yang dilantik, kerja pembersihan perlu dilaksanakan 2 minggu sekali di kedua-dua *pump sump* di Bandar Kota Tinggi sebagaimana yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa (Jurutera JPS Daerah). Lawatan Audit ke lokasi perangkap sampah semasa kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan pada bulan Jun dan Disember 2010 di *pump sump* 1 dan *pump sump* 2 mendapati sampah sarap yang bolos daripada *trash screen* tidak

dibersihkan. Semakan Audit mendapati tiada bukti pemantauan telah dilakukan oleh JPS Daerah Kota Tinggi semasa kerja penyenggaraan dilaksanakan. Sampah sarap yang tidak dibersihkan adalah seperti di **Gambar 6.21** dan **Gambar 6.22**.

Gambar 6.21
Sampah Sarap Yang Tidak Dibersihkan Di
Pump Sump 2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi
Tarikh: 30 Jun 2010

Gambar 6.22
Sampah Sarap Yang Tidak Dibersihkan Di
Pump Sump 1



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sungai Kemang, Kota Tinggi
Tarikh: 29 Disember 2010

Pada pendapat Audit, penyenggaraan perangkat sampah adalah kurang memuaskan kerana penyenggaraan peralatan mekanikal tidak dilakukan secara berkala mengikut manual operasi manakala sampah yang terperangkap dalam *pump sump* tidak dibersihkan semasa penyenggaraan pembersihan dilakukan.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perangkat sampah di sungai Negeri Johor dibuat dengan teratur, adalah disyorkan supaya JPS mengambil langkah-langkah berikut:

6.5.1. Mengkaji semula Pelan Induk Saliran Bandar dengan menyatakan keperluan perangkat sampah secara lebih terperinci berdasarkan kepadatan penduduk seperti di bandar dan kawasan perumahan agar sasaran, perancangan dan kajian awal dapat disediakan.

6.5.2. Membuat penilaian terhadap keberkesanan perangkat sampah agar kelemahan dapat dikenal pasti.

6.5.3. Pembinaan perangkat sampah pada masa akan datang perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Manual Saliran Mesra Alam.

6.5.4. Penyenggaraan berkala dilakukan terhadap perangkat sampah jenis mekanikal seperti yang dinyatakan dalam manual operasi.

7. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN UNGGAS

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Bagi menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan unggas komersial bumiputera, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (Jabatan) telah memperkenalkan Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas (Program) pada tahun 2001. Objektif program ini adalah untuk membantu pengusaha baru dan penternak kecil yang mempunyai komitmen tinggi dalam industri unggas tetapi tidak memiliki sumber modal untuk melaksanakannya. Bagi mengatasi masalah modal permulaan yang dihadapi oleh penternak, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sejumlah RM0.40 juta pada tahun 2008, RM0.45 juta pada tahun 2009 dan juga 2010. Peruntukan kewangan ini membantu Jabatan membiayai perbelanjaan program yang dilaksanakan melalui 2 program iaitu Program Inkubator dan Kebun Integrasi.

7.1.2. Melalui Program Inkubator, Jabatan memberikan bantuan bekalan 30,000 ekor anak puyuh berserta makanan ternakan atau 20,000 ekor anak ayam kampung kepada peserta bagi pusingan pertama sahaja. Bagi pusingan kedua dan seterusnya, peserta akan mendapatkan bekalan anak puyuh atau ayam kampung dan makanan ternakan dengan tanggungan sendiri daripada integrator yang dilantik oleh Jabatan. Penternakan Program Inkubator diusahakan di atas tanah Jabatan yang dilengkapi kemudahan prasarana ladang seperti jalan, stor, peralatan reban, bekalan air dan elektrik. Sebanyak 2 Program Inkubator telah dilaksanakan iaitu Program Inkubator Puyuh Pedaging bertempat di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Simpang Renggam, Kluang dan Program Inkubator Ayam Kampung yang bertempat di 2 lokasi iaitu di TKPM Tebing Tinggi dan TKPM Tunku Tiga, Segamat. Seramai 5 peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging dan 2 peserta Program Inkubator Ayam Kampung telah dipilih bagi tahun 2008 hingga 2010.

7.1.3. Program Kebun Integrasi mula dilancarkan pada tahun 2009. Melalui Program Kebun Integrasi ini, Jabatan memberikan bantuan permulaan seperti anak puyuh pedaging atau itik telur berserta makanan ternakan, peralatan dan reban kepada peserta sebagai galakan supaya menggabungkan aktiviti tanaman, penternakan dan akuakultur di tapak tanah sendiri bagi mencapai penternakan yang mampan. Seramai 22 peserta telah dipilih iaitu 12 peserta Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging di mana setiap peserta menerima 5,000 ekor anak puyuh. Seramai 10 peserta Program Kebun Integrasi Itik Telur pula masing-masing menerima antara 100 hingga 400 ekor anak itik pada tahun 2009 dan 2010.

7.1.4. Jabatan juga bertanggungjawab dalam mengawal selia industri ternakan unggas yang merangkumi urusan pengeluaran dan pembaharuan lesen serta penguatkuasaan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas 1997 di mana

sebanyak 2,470 lesen ladang unggas telah dikeluarkan di Negeri Johor bagi tahun 2008 hingga 2010.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek pengurusan Program Inkubator dan Kebun Integrasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, pengauditan juga meliputi aktiviti mengawal selia industri ternakan unggas merangkumi urusan pengeluaran dan pembaharuan lesen serta penguatkuasaan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas 1997. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor dan 3 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah iaitu Kluang, Pontian dan Batu Pahat. Lawatan Audit ke lokasi ladang Program Inkubator, Kebun Integrasi serta ladang unggas di Daerah Kluang, Pontian dan Batu Pahat telah dilaksanakan. Temu bual dengan 16 peserta Program Inkubator dan Kebun Integrasi serta 30 pemilik ladang unggas di lokasi yang dilawati juga diadakan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pelaksanaan kedua-dua Program Inkubator Puyuh dan Ayam Kampung untuk membantu penternak yang mempunyai komitmen tinggi dalam industri unggas tetapi tidak memiliki sumber modal belum berjaya sepenuhnya kerana menghadapi beberapa masalah dalam pelaksanaannya. Sasaran pengeluaran gagal dicapai kerana kegagalan pihak integrator membekalkan anak puyuh dan ayam kampung seperti yang disasarkan. Akibatnya, pendapatan peserta yang disasarkan juga tidak tercapai. Selain itu, didapati kemudahan reban dan peralatan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya, terdapat ladang unggas diarah tutup tetapi masih beroperasi dan ladang unggas beroperasi tanpa lesen. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui adalah seperti berikut:

7.4.1. Prestasi Pencapaian Program

7.4.1.1. Sasaran Pengeluaran Ternakan Program Inkubator Tidak Tercapai

- a. Sasaran pengeluaran dan pencapaian ternakan Program Inkubator Puyuh Pedaging dan Ayam Kampung bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.1**. Adalah didapati pencapaian ternakan Program Inkubator Puyuh Pedaging dan Ayam Kampung bagi tempoh 3 tahun berkenaan adalah tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Pengeluaran ternakan Program Inkubator Puyuh Pedaging setakat bulan Jun 2008 adalah sebanyak 46,000 ekor atau 6.4% sahaja

berbanding 720,000 ekor yang disasarkan oleh Jabatan. Pengeluaran sebenar bagi bulan Julai hingga Disember 2008 tidak dapat ditentukan kerana Jabatan tidak menyimpan rekod yang berkaitan. Pengeluaran yang dihasilkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 449,918 ekor atau 50% dan menurun sebanyak 117,217 ekor atau 13% sahaja pada tahun 2010 berbanding sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Selain itu, pengeluaran ternakan Program Inkubator Ayam Kampung secara keseluruhannya adalah antara 45.5% hingga 67.6% berbanding 120,000 ekor yang disasarkan bagi tahun 2008 hingga 2010.

Jadual 7.1
Pencapaian Ternakan Program Inkubator Puyuh Pedaging Dan Ayam Kampung
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Program Inkubator Puyuh Pedaging			Program Inkubator Ayam Kampung		
	Sasaran Pengeluaran (Ekor)	Jumlah Pengeluaran (Ekor)	Pencapaian Sasaran (%)	Sasaran Pengeluaran (Ekor)	Jumlah Pengeluaran (Ekor)	Pencapaian Sasaran (%)
2008	720,000	46,000 (Setakat Bulan Jun)	6.4	120,000	81,096	67.6
2009	900,000	449,918	50.0	120,000	54,629	45.5
2010	900,000	117,271	13.0	120,000	73,018	60.8
Jumlah	2,520,000	613,189	24.3	360,000	208,743	58.0

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor Dan Rekod Integrator

- b. Semakan Audit mendapati kegagalan mencapai sasaran pengeluaran ini adalah disebabkan oleh faktor seperti berikut:
 - i. Integrator Program Inkubator Puyuh Pedaging tidak berkeupayaan untuk membekalkan anak puyuh bagi setiap pusingan kerana menghadapi masalah ketiadaan bekalan anak puyuh.
 - ii. Integrator Program Inkubator Puyuh Pedaging mengalami masalah modal pusingan kerana mempunyai tunggakan bayaran daripada pelanggan berjumlah RM0.12 juta sehingga akhir bulan Disember 2010.
 - iii. Jumlah kemasukan anak ayam kampung bagi setiap pusingan tidak diperincikan dalam Perjanjian Kontrak yang ditandatangani antara integrator Program Inkubator Ayam Kampung dengan peserta program.
 - iv. Peserta Program Inkubator Ayam Kampung menghadapi masalah ketiadaan pekerja ladang dan menyebabkan kemasukan anak ayam kampung terpaksa ditunda.
- c. Sasaran pengeluaran yang tidak tercapai ini juga telah mengakibatkan sasaran pendapatan peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging dan Ayam Kampung iaitu melebihi RM3,000 sebulan tidak tercapai. Pendapatan peserta bagi kedua-dua Program Inkubator bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Pendapatan Peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging Dan Ayam Kampung
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Pendapatan Program Inkubator Puyuh Pedaging			Pendapatan Program Inkubator Ayam Kampung		
	Lebih RM3,000 (Bil. Peserta)	Kurang RM3,000 (Bil. Peserta)	Jumlah (Bil. Peserta)	Lebih RM3,000 (Bil. Peserta)	Kurang RM3,000 (Bil. Peserta)	Jumlah (Bil. Peserta)
2008	-	3	5 *	1	1	2
2009	3	2	5	-	1	1
2010	-	5	5	-	1	1

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor Dan Rekod Integrator

Nota: * Termasuk 2 Peserta Menerima Bantuan Anak Puyuh Pada Bulan Disember 2008

- d. Analisis Audit mendapati 3 peserta atau 60% daripada 5 peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging memperoleh purata pendapatan antara RM1,600 hingga RM2,500 sebulan pada bulan Jun 2008. Purata pendapatan sepanjang tahun 2008 tidak dapat disahkan kerana Jabatan tidak menyimpan rekod pendapatan peserta. Hanya 3 peserta atau 60% daripada peserta program ini berjaya memperoleh purata pendapatan melebihi RM3,000 sebulan tetapi bagi tempoh 4 hingga 5 bulan sahaja pada tahun 2009. Purata pendapatan peserta program pada tahun 2010 adalah antara RM230 hingga RM2,754 sebulan. Bagi Program Inkubator Ayam Kampung pula, seorang peserta sahaja memperoleh purata pendapatan sebanyak RM3,683 sebulan pada tahun 2008. Purata pendapatan seorang peserta lagi adalah sebanyak RM1,604 sebulan kerana mengalami kerugian akibat banjir dan beliau telah menarik diri pada tahun 2009. Purata pendapatan bagi seorang lagi peserta telah menurun sebanyak RM1,151 sebulan pada tahun 2009 kerana diserang wabak penyakit *fowl cholera* dan memperoleh pendapatan sebanyak RM2,784 sebulan pada tahun 2010. Menurut Jabatan, tindakan membantu integrator Program Inkubator Puyuh Pedaging telah dilakukan seperti membekalkan telur baka puyuh, menambah bilik sejuk beku serta menaik taraf pusat pemprosesan. Program khidmat rundingan bagi membina keupayaan integrator mempertingkatkan pengendalian, pengurusan ladang serta kualiti produk juga sedang dilaksanakan. Jabatan berpuas hati terhadap prestasi Program Inkubator Ayam Kampung walaupun purata pendapatan diperoleh tidak stabil kerana peserta telah menghadapi banyak faktor halangan.

7.4.1.2. Sasaran Pengeluaran Ternakan Program Kebun Integrasi Tidak Tercapai

- a. Sasaran pengeluaran dan pencapaian ternakan Program Kebun Integrasi Itik Telur dan Puyuh Pedaging pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 7.3**. Bagaimanapun, tiada sasaran pengeluaran ditetapkan oleh Jabatan bagi kedua-dua Program Kebun Integrasi pada tahun 2010. Pencapaian ternakan Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging pada tahun 2009 adalah tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Pengeluaran ternakan Program Kebun Integrasi Itik Telur tidak dapat dinilai kerana Jabatan tidak menyimpan rekod pengeluaran dan pendapatan peserta. Hasil soal selidik yang dijalankan oleh pihak Audit juga mendapati seramai 4 peserta atau 57.1% daripada 7 peserta tidak menyimpan maklumat pengeluaran serta

pendapatan diperoleh. Selain itu, pengeluaran ternakan Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging secara umumnya adalah sebanyak 6.3% berbanding 450,000 ekor yang disasarkan. Pengeluaran puyuh sebenar tidak dapat ditentukan kerana integrator tidak dapat memantau dan menyimpan rekod berkaitan sekiranya peserta menjual hasil ternakan sendiri.

Jadual 7.3
Pencapaian Ternakan Program Kebun Integrasi Itik Telur Dan Puyuh Pedaging
Pada Tahun 2009

Tahun	Program Kebun Integrasi Itik Telur			Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging		
	Sasaran Pengeluaran (Biji)	Jumlah Pengeluaran (Biji)	Pencapaian Sasaran (%)	Sasaran Pengeluaran (Ekor)	Jumlah Pengeluaran (Ekor)	Pencapaian Sasaran (%)
2009	528,000	Tiada rekod	-	450,000	28,439	6.3

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor Dan Rekod Integrator

- b. Sasaran pengeluaran yang tidak tercapai ini juga telah mengakibatkan sasaran pendapatan tambahan peserta Program Kebun Integrasi Itik Telur dan Puyuh Pedaging sebanyak RM500 sebulan tidak tercapai sepenuhnya. Pencapaian pendapatan peserta bagi kedua-dua Program Kebun Integrasi adalah seperti berikut:
 - i. Hasil soal selidik mendapati seramai 2 peserta atau 28.6% daripada 7 peserta Program Kebun Integrasi Itik Telur menyatakan memperoleh pendapatan RM500 sebulan setelah menghasilkan pengeluaran dianggarkan antara 104 hingga 200 biji telur sehari. Seramai 2 peserta atau 28.6% daripada 7 peserta program ini menyatakan memperoleh pendapatan RM500 sebulan selepas menjual itik tersebut. Pulangan diperoleh dijadikan modal pusingan untuk membeli anak itik yang baru.
 - ii. Analisis Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh integrator mendapati seramai 2 peserta atau 25% daripada 8 peserta Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging memperoleh pendapatan melebihi RM500 sebulan iaitu antara RM1,019 hingga RM1,700. Seorang peserta atau 12.5% memperoleh pendapatan sebanyak RM260. Baki 5 peserta atau 62.5% mengalami kerugian antara RM149 hingga RM2,001 pada pusingan pertama ternakan kerana burung puyuh yang dihasilkan bersaiz kecil disebabkan peserta kurang berpengalaman dalam proses penjagaan puyuh.
- c. Menurut Jabatan, kebanyakan peserta Program Kebun Integrasi Itik Telur tidak mengikut nasihat yang diberikan oleh pegawai di lapangan terutamanya berkaitan penyimpanan rekod ternakan. Kebanyakan peserta Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging juga tidak menyimpan rekod pengeluaran dan menyebabkan Jabatan sukar membuat penilaian.

Pada pendapat Audit, pencapaian kedua-dua Program Inkubator dan Program Kebun Integrasi Puyuh Pedaging adalah tidak memuaskan kerana hasil pengeluaran ternakan

yang rendah berbanding sasaran pengeluaran. Selain itu, prestasi Program Kebun Integrasi Itik Telur juga tidak dapat dinilai kerana Jabatan tidak menyimpan rekod penternakan.

7.4.2. Syarat Dalam Memorandum Persefahaman Tidak Lengkap

7.4.2.1. Bagi menjayakan pelaksanaan program, Jabatan melantik integrator sebagai pengendali Program Inkubator Puyuh Pedaging bertempat di TKPM Simpang Renggam. Memorandum Persefahaman telah disediakan dan ditandatangani antara Jabatan dengan integrator yang dilantik serta peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging pada tahun 2009 untuk tempoh 2 tahun. Integrator yang dilantik dikehendaki membekalkan anak puyuh berserta makanan ternakan kepada peserta Program Inkubator dan Kebun Integrasi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa perkara penting tidak diliputi dalam memorandum yang ditandatangani antara pihak Jabatan dengan integrator seperti berikut:

- a. Program pembekalan anak puyuh dari segi jumlah dan tempoh masa berserta makanan ternakan bagi setiap pusingan berdasarkan sasaran pengeluaran tidak diperincikan dengan jelas.
- b. Harga belian anak puyuh dan makanan ternakan yang dipersetujui tidak dinyatakan.
- c. Kadar harga jualan puyuh dewasa tidak ditetapkan sama ada mengikut harga siling atau pasaran semasa.

7.4.2.2. Syarat di atas adalah penting memandangkan memorandum yang ditandatangani antara Jabatan dengan peserta Program Inkubator mensyaratkan peserta hendaklah mendapatkan bekalan anak puyuh hanya daripada integrator. Peserta juga tidak dibenarkan menjual hasil ternakan kecuali kepada integrator yang dilantik. Temu bual Audit dengan peserta Program Inkubator dan Kebun Integrasi pada bulan Ogos 2010 mendapati kebanyakan peserta tidak dapat meneruskan penternakan dengan lancar kerana integrator gagal menyusun program pembekalan anak puyuh bagi setiap pusingan. Akibatnya, peserta Program Inkubator Puyuh Pedaging terpaksa menunggu bekalan anak puyuh daripada integrator kerana terikat dengan syarat memorandum yang ditandatangani. Peserta juga tidak dapat bergantung sepenuhnya terhadap penternakan puyuh serta terpaksa melakukan kerja lain bagi mendapatkan sumber pendapatan. Jabatan memaklumkan sebanyak 10,000 biji telur baka puyuh bernilai RM4,000 telah dibekalkan kepada integrator pada akhir bulan November 2010 untuk penetasan dan pembiakan baka bagi mengatasi masalah ketiadaan bekalan anak puyuh yang dihadapi. Lawatan susulan Audit ke ladang puyuh pedaging milik integrator di Daerah Pontian pada bulan April 2011 mendapati operasi penternakan anak baka puyuh kian giat dijalankan selepas menerima bantuan telur baka puyuh daripada Jabatan. Pihak Audit dimaklumkan telur puyuh yang berjaya ditetaskan akan diberi keutamaan untuk diagihkan kepada peserta Program Inkubator dan Kebun Integrasi. Selain itu, didapati ladang integrator berkenaan telah dilengkapi bilik sejuk untuk menstabilkan suhu telur puyuh serta mesin

pengeraman dan mesin penetasan bagi meningkatkan kadar penetasan seperti di **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**.

Gambar 7.1
Bilik Sejuk Dan Mesin Penetasan Untuk Penternakan Anak Baka Puyuh Di Ladang Integrator



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Puyuh Integrator, Kampung
Parit Yassin, Benut
Tarikh: 11 April 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Puyuh Integrator, Kampung
Parit Yassin, Benut
Tarikh: 11 April 2011


7.4.2.3. Jabatan juga memaklumkan bantuan seperti menaik taraf pusat pemprosesan di TKPM Simpang Renggam, menaik taraf bilik sejuk beku untuk menampung kapasiti penyimpanan puyuh proses, bantuan mesin *vacuum tumbler* untuk penghasilan produk tambah nilai, mesin *vacuum packaging* dan mesin pemotong puyuh yang berjumlah RM0.12 juta telah diberikan kepada integrator melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan prestasi program.

Pada pendapat Audit, Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan pihak integrator adalah tidak lengkap. Memandangkan Jabatan telah banyak membantu integrator, memorandum yang ditandatangani perlu memasukkan syarat-syarat mengenai program pembekalan anak puyuh, harga belian dan jualan anak puyuh serta puyuh dewasa bagi memastikan integrator dapat memberikan komitmen dalam menentukan kejayaan program.

7.4.3. Reban Dan Peralatan Tidak Digunakan Sepenuhnya

7.4.3.1. Jabatan menyediakan kemudahan prasarana ladang kepada peserta Program Inkubator untuk menjalankan aktiviti penternakan. Antara kemudahan yang disediakan ialah reban, alatan penternakan, jalan masuk, saliran, kemudahan bekalan elektrik dan air, tempat penyembelihan serta bilik sejuk beku. Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM0.60 juta daripada RM1.30 juta peruntukan yang diterima pada tahun 2008 hingga 2010 bagi pembelian atau penyelenggaraan reban dan peralatan. Maklumat lanjut pecahan perbelanjaan daripada peruntukan RM1.30 juta bagi tempoh 3 tahun berkenaan adalah seperti di **Carta 7.1**.

Carta 7.1
Pecahan Perbelanjaan Daripada Peruntukan RM1.30 Juta
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor

7.4.3.2. Lawatan Audit ke ladang Program Inkubator Puyuh Pedaging di TKPM Simpang Renggam, Kluang pada bulan Ogos 2010 mendapati hanya seorang daripada 5 peserta sedang menggunakan sebuah daripada 30 buah reban puyuh yang disediakan. Baki 29 buah reban yang lain dengan kapasiti ternakan 5,000 ekor setiap reban telah terbiar kosong semenjak bulan Mei 2010 kerana baki 4 peserta berkenaan masih menunggu bekalan anak puyuh pedaging daripada integrator yang dilantik. Keadaan ini telah mengakibatkan kemudahan reban, peralatan dan perkakas memproses yang disediakan oleh Jabatan bernilai RM0.24 juta tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh peserta seperti di **Gambar 7.3** dan **Gambar 7.4**.

Gambar 7.3
Reban Puyuh Terbiar Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kekal Pengeluaran Makanan Padang Ragut, Simpang Renggam, Kluang
Tarikh: 3 Ogos 2010

Gambar 7.4
Tempat Penyembelihan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kekal Pengeluaran Makanan Padang Ragut, Simpang Renggam, Kluang
Tarikh: 3 Ogos 2010

7.4.3.3. Selain itu, lawatan Audit ke lokasi Program Inkubator Ayam Kampung mendapati ladang di TKPM Tunku Tiga, Segamat yang diusahakan oleh peserta yang telah menarik diri pada tahun 2009 telah terbiar kosong kerana tiada pengambilan peserta baru dibuat oleh Jabatan. Keadaan ladang ayam yang terbiar kosong adalah seperti di **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.6**. Menurut Jabatan, proses membantu membangunkan prestasi integrator Program Inkubator Puyuh Pedaging sedang dilakukan bagi memastikan bekalan anak

puyuh kepada para peserta adalah berterusan. Selain itu, Jabatan memaklumkan jalan ke tapak TKPM Tunku Tiga telah mengalami banjir dan tidak ramai peserta yang berminat kerana khuatir akan menghadapi risiko kerugian jika banjir berlaku.

Gambar 7.5

Reban Ayam Kampung Terbiar Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kekal Pengeluaran Makanan Padang Ragut, Tunku Tiga, Segamat
Tarikh: 24 November 2010

Gambar 7.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kekal Pengeluaran Makanan Padang Ragut, Tunku Tiga, Segamat
Tarikh: 24 November 2010

Pada pendapat Audit, tindakan Jabatan menyediakan kemudahan prasarana ladang adalah baik. Bagaimanapun, wujud unsur pembaziran kerana kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya disebabkan masalah ketiadaan bekalan anak puyuh dan faktor cuaca.

7.4.4. Permohonan Pembaharuan Lesen Unggas

Seksyen 14(1), Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas 1997 (Enakmen) menetapkan permohonan memperbaharui lesen unggas hendaklah dikemukakan kepada Jabatan dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh luput lesen. Mengikut Borang P2, sebanyak 1,406 keputusan permohonan pembaharuan lesen unggas telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Ladang Unggas iaitu sebanyak 707 di Daerah Batu Pahat, 241 di Daerah Kluang dan 458 di Daerah Pontian bagi tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit terhadap proses pembaharuan lesen unggas mendapati perkara seperti berikut:

7.4.4.1. Ladang Unggas Diarah Tutup Tetapi Masih Beroperasi

Permohonan pembaharuan lesen unggas oleh 5 buah ladang ayam daging di Daerah Batu Pahat pada tahun 2010 tidak diluluskan kerana melanggar syarat Enakmen. Notis pemberitahuan penutupan operasi ladang ternakan unggas juga telah dikeluarkan pada akhir bulan April 2010 dan semua pemilik ladang terbabit diberi tempoh 3 bulan dari tarikh notis untuk menutup operasi penternakan. Lawatan Audit ke lokasi ladang unggas yang diarah tutup pada bulan November 2010 mendapati hanya sebuah ladang telah ditutup manakala 4 buah ladang lagi masih menjalankan operasi penternakan seperti biasa. Ini kerana pemilik ladang terbabit telah mengemukakan surat rayuan untuk meneruskan

aktiviti penternakan ke peringkat Ibu Pejabat pada bulan Mei 2010 tetapi belum ada keputusan mengenainya. Lawatan Audit juga mendapati berlaku pembiakan larva dan lalat di kawasan ladang tersebut. Keadaan ladang unggas yang masih beroperasi walaupun diarah tutup adalah seperti di **Gambar 7.7** hingga **Gambar 7.10**. Menurut Jabatan, rayuan hanya diterima daripada 2 penternak dan kini dalam peringkat membawa rayuan tersebut ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk kelulusan.

Gambar 7.7

Ladang Ayam Masih Beroperasi Walaupun Diarah Tutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paloh, Batu Pahat
Tarikh: 3 November 2010

Gambar 7.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paloh, Batu Pahat
Tarikh: 3 November 2010

Gambar 7.9

Kesalahan Membenarkan Pembiakan Larva Di Kawasan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 2, Jalan Air Hitam
Tarikh: 3 November 2010

Gambar 7.10

Ujian Indeks Lalat Melebihi 10 Ekor Di Kawasan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 2, Jalan Air Hitam
Tarikh: 3 November 2010

7.4.4.2. Ladang Unggas Tanpa Lesen

- a. Sebanyak 2 ladang puyuh pedaging dan 3 ladang ayam daging di Daerah Kluang telah beroperasi tanpa lesen unggas pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati 2 permohonan lesen ladang puyuh pedaging telah dikemukakan oleh penternak masing-masing semenjak tahun 2005 dan tahun 2006. Pemeriksaan ladang bagi tujuan pelesenan juga telah dilakukan dalam tahun yang sama tetapi sehingga kini

permohonan tersebut masih belum diluluskan. Menurut Jabatan, ladang puyuh berkenaan tidak dilesenkan kerana dikategorikan sebagai projek sosio-ekonomi. Sekiranya ladang tersebut dilesenkan, ia akan ditutup kerana tidak memenuhi syarat Enakmen berkaitan. Kertas kerja bagi mendapatkan pengecualian sementara sedang disediakan dan akan dibawa ke MMK untuk kelulusan.

- b. Selain itu, sebanyak 3 ladang ayam daging yang dimiliki oleh seorang penternak telah beroperasi tanpa lesen kerana lesen unggas dikeluarkan telah tamat tempoh pada 31 Disember 2009. Pihak Audit juga mendapati tiada permohonan pembaharuan lesen unggas dikemukakan oleh penternak terbabit kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kluang. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pemantauan ke atas ladang beroperasi tanpa lesen berkenaan dilakukan kerana pihak Audit mendapati pemeriksaan secara berkala selepas lesen dikeluarkan tidak dijalankan. Oleh itu, kutipan lesen tidak dapat dipungut serta tindakan di bawah Seksyen 9, Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas 1997 juga tidak dapat diambil. Mengikut Enakmen tersebut, denda tidak melebihi RM10,000 tetapi tidak kurang daripada RM5,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan ke atas penternak yang melakukan kesalahan menjalankan perladangan unggas tanpa lesen yang sah. Menurut Jabatan, notis supaya memperbaharui lesen unggas telah dihantar tetapi tiada tindakan diambil oleh penternak. Penternak tersebut telah memasukkan anak ayam sebanyak satu pusingan di salah sebuah ladang berkenaan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.

7.4.4.3. Ladang Unggas Kategori 'Ladang C' Yang Masih Beroperasi

Seksyen 7(2)(a)(iii), Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas 1997 (Enakmen) menetapkan jarak ladang unggas sedia ada mestilah melebihi 200 meter daripada rumah kediaman, sekolah atau tempat beribadat. Semakan Audit mendapati 7 buah ladang unggas yang beroperasi di Negeri Johor melebihi 20 hingga 25 tahun tetapi tidak dilesenkan sehingga kini dan diarah sama ada ditutup atau berpindah ke lokasi baru yang dibenarkan dalam Enakmen. Kesemua ladang berkenaan telah dikategorikan sebagai 'Ladang C' kerana telah beroperasi sebelum Enakmen berkuat kuasa pada tahun 2000 dan kedudukan ladang tidak mengikut syarat iaitu kurang 200 meter daripada rumah kediaman, sekolah, masjid dan rumah berhala. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua penternak 'Ladang C' diberi pilihan sama ada menutup ladang atau berpindah berdasarkan keputusan mesyuarat yang telah diadakan pada akhir bulan Disember 2009. Notis pemberitahuan penutupan operasi ladang ternakan unggas telah dikeluarkan antara bulan Januari hingga Mac 2010 di mana penternak diberikan tempoh 5 bulan dari tarikh notis untuk menutup operasi. Bagaimanapun, 7 penternak berkenaan telah mengemukakan rayuan supaya dibenarkan beroperasi dan diberi lesen. Menurut Jabatan, kertas kerja bagi menyelesaikan isu 'Ladang C' telah disediakan untuk dibawa ke MMK. Namun demikian, lawatan Audit ke lokasi 'Ladang C' di Daerah Pontian dan Batu Pahat

pada bulan Oktober dan November 2010 mendapati ladang berkenaan masih meneruskan operasi penternakan seperti ditunjukkan di **Gambar 7.11**.

Gambar 7.11
Jarak 'Ladang C' 100 Meter Dengan
Masjid Jamek Parit Kemang, Senggarang



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Kampung Baru, Senggarang, Batu Pahat
Tarikh: 3 November 2010*

Pada pendapat Audit, pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan adalah kurang memuaskan kerana terdapat ladang unggas yang beroperasi tanpa memiliki lesen yang sah. Jabatan juga mengambil masa yang terlalu lama dalam usaha menyelesaikan masalah. Jabatan sepatutnya meningkatkan pemantauan dan mengambil tindakan menyelesaikan masalah dengan segera.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas serta pelesenan unggas dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor serta pejabat perkhidmatan veterinar daerah yang terlibat melaksanakan perkara berikut:

7.5.1. Mengkaji semula Memorandum Persefahaman yang disediakan antara Jabatan dengan integrator dengan memasukkan syarat mengenai butir-butir bekalan anak puyuh, harga belian anak puyuh dan kadar jualan puyuh dewasa.

7.5.2. Memastikan jumlah kemasukan anak puyuh pedaging atau ayam kampung mengikut pusingan pada setiap tahun disediakan secara terperinci supaya pengeluaran ternakan dihasilkan dapat mencapai sasaran pengeluaran serta sasaran pendapatan yang ditetapkan.

7.5.3. Menyediakan jadual pemantauan secara berkala bagi memastikan ladang unggas yang beroperasi memiliki lesen serta tidak melanggar syarat Enakmen berkaitan.

7.5.4. Mengkaji semula dasar bantuan bekalan anak puyuh kepada peserta Program Inkubator daripada satu pusingan sahaja kepada sekurang-kurangnya 3 pusingan bagi membolehkan peserta memperoleh keuntungan secukupnya untuk penyediaan modal pusingan seterusnya.

PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU

8. PENGURUSAN LESEN DAN PERMIT HIBURAN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Di Negeri Johor, mulai Januari 1999 pengurusan lesen dan permit hiburan adalah tertakluk di bawah Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 (Enakmen No. 4 Tahun 1998) yang digubal untuk menggantikan Enakmen Panggung Wayang Dan Tempat Hiburan Awam 1958 (Enakmen No. 6 Tahun 1958) yang telah berkuat kuasa sejak bulan November 1958. Lesen dan permit hiburan diwajibkan kepada pengusaha dan penganjur yang menjalankan aktiviti perniagaan berunsur hiburan. Di Daerah Johor Bahru, Pejabat Daerah Johor Bahru (PDJB) adalah agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pengeluaran dan kutipan hasil bayaran lesen dan permit hiburan serta melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan pengawalseliaan hiburan dan tempat-tempat hiburan yang meliputi 3 kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

8.1.2. Kutipan lesen dan permit hiburan bagi PDJB menyumbang sebanyak RM6.02 juta bagi tahun 2008 hingga 2010. Jadual pungutan hasil bagi lesen dan permit hiburan PDJB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Pungutan Hasil Bagi Lesen Dan Permit Hiburan PDJB
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun			2008	2009	2010	Jumlah
Bil.	Kod Hasil	Perihal	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	71434	Lesen Panggung Wayang Dan Tempat Hiburan	0.40	0.36	0.53	1.29
2.	71452	Lesen Kedai <i>Billiard</i>	0.06	0.24	0.23	0.53
3.	71484	Permit Hiburan	1.00	1.46	1.74	4.20
Jumlah			1.46	2.06	2.50	6.02

Sumber: Penyata Hasil 2008, 2009 Dan 2010 PDJB

8.1.3. Jenis lesen dan permit hiburan yang dikeluarkan ialah Lesen Hiburan Muzik dan Tari Menari, Lesen Hiburan Snuker, *Billiard*, *American Pooltable* dan *Juke Box*, Lesen Permainan *Bowling*, Lesen Pusat Hiburan Keluarga, Lesen Panggung Wayang, Permit Konsert, Nyanyian, Pertunjukan, Sarkas, Pesta Ria, *Funfair*, Permit Wayang Cina, Jamuan dan Sembahyang, serta hiburan lain yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui perintah dan warta. Bilangan lesen dan permit hiburan di Johor Bahru adalah seperti di **Jadual 8.2** dan **Jadual 8.3**.

Jadual 8.2
Bilangan Lesen Hiburan PDJB
Mengikut Kawasan PBT Setakat Tahun 2010

Mengikut Kawasan PBT Setakat Tahun 2020						
Bil.	Kawasan PBT	Status Lesen	* Lesen Hiburan	Lesen Pusat Hiburan Keluarga	**Lesen Snuker	Lesen Bowling
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Tetap	171	26	11	3
		Sementara	80	24	6	-
2.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Tetap	71	25	9	2
		Sementara	44	15	4	-
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	Tetap	1	3	3	-
		Sementara	4	1	4	-
Jumlah			371	94	37	5

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru

Nota * : Lesen Hiburan Terdiri Daripada Muzik, Muzik Live Band, Karaoke, Karaoke Box, Tari Menari, American Pooltable, Billiard Dan Snuker.

** : Lesen Snuker terdiri Daripada Kemudahan Permainan Snuker Dan Billiard Sahaja Tanpa Hiburan Yang Lain.

Jadual 8.3
Bilangan Permit Hiburan PDJB
Mengikut Kawasan PBT Setakat Tahun 2010

Bil.	Kawasan PBT	Status Lesen	Permit Nyanyian/ Konsert	Permit Funfair	Permit Wayang Cina/ Sembahyang
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Sementara	29	95	45
2.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Sementara	9	-	32
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	Sementara	7	-	1
Jumlah			45	95	78

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti pengurusan lesen dan permit hiburan diuruskan dengan teratur dan cekap serta aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan.

8.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi prosedur pengeluaran lesen dan permit hiburan, penguatkuasaan dan kutipan hasil di PDJB. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2008 hingga 2010 di PDJB. Lawatan Audit bersama-sama pegawai PDJB ke premis perniagaan pelesen yang dipilih juga telah diadakan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab termasuk pegawai Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Mac 2011 mendapati pengurusan lesen dan permit hiburan oleh PDJB adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah pengeluaran lesen tidak mematuhi tempoh piagam pelanggan, hasil lesen kurang dipungut disebabkan tidak mengikut kadar yang ditetapkan, pengurusan permit tidak teratur dan aktiviti penguatkuasaan tidak dilaksanakan menyebabkan terdapat pengusaha beroperasi tanpa lesen. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

8.4.1. Pengeluaran Lesen Hiburan Tidak Mematuhi Tempoh Piagam Pelanggan

8.4.1.1. Piagam Pelanggan PDJB menyatakan keputusan permohonan Lesen Hiburan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan dari tarikh permohonan diterima. Permohonan yang lengkap akan diproses dan salinan borang permohonan dikemukakan kepada Jabatan Polis, Jabatan Bomba, Suruhanjaya Tenaga, PBT dan mana-mana jabatan yang difikirkan perlu untuk ulasan dari aspek keselamatan bangunan, ketenteraman awam dan lokasi. Ulasan daripada Agensi Kerajaan terlibat dibentangkan semasa Jawatankuasa Keselamatan Daerah Johor Bahru yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Seterusnya, perakuan jawatankuasa tersebut berserta ulasan daripada Agensi akan dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor (MKNNJ) untuk dibawa ke Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan untuk sokongan. Perbandingan mengenai proses dan tempoh kelulusan permohonan lesen hiburan di Negeri Melaka, mendapati permohonan lesen hiburan dan premis diuruskan bersekali oleh PBT. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di dalam piagam pelanggannya menetapkan 14 hari sebagai tempoh kelulusan permohonan lesen hiburan.

8.4.1.2. Semakan Audit terhadap 40 fail permohonan lesen hiburan bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati terdapat kes permohonan lesen hiburan yang mengambil masa melebihi 6 bulan untuk diluluskan. Daripada 40 permohonan yang disemak hanya 2 atau 5% permohonan yang diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan, 11 atau 27.5% permohonan belum menerima jawapan daripada salah satu Jabatan Teknikal atau PBT dan selebihnya, 27 atau 67.5% permohonan lewat menerima surat sokongan daripada Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan iaitu melebihi 6 bulan untuk kelulusan. Adalah didapati faktor yang menyumbang kepada kelewatan adalah disebabkan perkara seperti berikut:

- a. PDJB tidak menetapkan tempoh bagi Agensi Kerajaan berkaitan untuk memberikan ulasan dari aspek keselamatan bangunan, ketenteraman awam dan lokasi.
- b. Borang permohonan pelesen dan gambar premis luar dan dalam tidak dikemukakan kepada MKNNJ untuk memudahkan pemeriksaan seterusnya.
- c. Surat sokongan permohonan daripada Jabatan Teknikal atau PBT lewat diterima. Terdapat kes di mana surat yang dikeluarkan kepada 4 Jabatan Teknikal tersebut

mengambil masa melebihi sebulan untuk diproses sebelum diberi jawapan kepada PDJB.

- d. Bagi tahun 2008 hingga 2010, surat sokongan daripada Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan lewat dikeluarkan kerana jawatankuasa bermesyuarat sekali setahun iaitu pada bulan September 2008, Ogos 2009 dan April 2010.
- e. MKNNJ turut membuat lawatan pemeriksaan mengikut peraturan yang telah ditetapkan terhadap premis pelesen di mana sebelum ini pemeriksaan yang sama telah dijalankan oleh Jabatan Teknikal.
- f. Selain menguruskan permohonan lesen hiburan dari PDJB, MKNNJ juga bertanggungjawab menguruskan permohonan lesen hiburan dari Pejabat Daerah yang lain.

8.4.1.3. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mac 2011 sebanyak 112 permohonan lesen hiburan yang terdiri daripada 44 lesen sementara dan 68 tiada lesen sementara bagi tahun 2003 hingga 2010 yang masih belum menerima sokongan dari Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan. Kedudukan permohonan lesen hiburan PDJB yang masih belum menerima sokongan dari Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan bagi tahun 2003 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Kedudukan Permohonan Lesen Hiburan PDJB Yang Masih Belum Menerima
Sokongan Dari Jawatankuasa Kecil Lesen Hiburan
Bagi Tahun 2003 Hingga 2010

Status Lesen	Permohonan Mengikut Tahun								Jumlah
	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	
Diluluskan lesen sementara	-	-	-	7	3	3	5	26	44
Tiada lesen sementara	1	-	3	7	15	7	8	27	68
Jumlah	1	-	3	14	18	10	13	53	112

Sumber: Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor

8.4.1.4. Memandangkan pengusaha memerlukan lesen hiburan untuk memulakan perniagaan dan pihak PDJB tidak mahu kehilangan hasil, PDJB mengambil pendekatan mengeluarkan lesen sementara bagi tempoh 3 bulan dan diperbaharui setiap 3 bulan sementara menunggu sokongan daripada Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan dan seterusnya diluluskan oleh Pegawai Daerah Johor Bahru untuk pengeluaran lesen tetap. Bagaimanapun, Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 tidak ada peruntukan mengenai pengeluaran lesen sementara.

8.4.1.5. Pihak PDJB memaklumkan kelulusan telah dapat dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan kelewatan adalah disebabkan menunggu sokongan muktamad oleh Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan. Di samping itu, pengeluaran lesen sementara oleh pihak PDJB adalah di atas

syor Jawatankuasa Kira-kira Raya Awam Negeri Johor bagi mengelakkan kerajaan kehilangan hasil.

Pada pendapat Audit, tempoh kelulusan permohonan lesen hiburan adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi tempoh piagam pelanggan. Sebagai langkah kawalan jangka pendek, MKNNJ hendaklah dengan segera memastikan mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan diadakan lebih kerap untuk memberi sokongan kepada permohonan lesen hiburan baru dan yang tertunggak. Pengeluaran lesen sementara boleh menjejaskan matlamat kawalan keselamatan sebagaimana tujuan asal penglibatan MKNNJ.

8.4.2. Hasil Lesen Kurang Dipungut

Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Johor bertarikh 23 Ogos 1989 menyatakan kadar bayaran lesen bagi mesin simulasi di Pusat Hiburan Keluarga (PHK) ditetapkan adalah sebanyak RM150 seunit sebulan. Semakan Audit mendapati PDJB telah membuat keputusan untuk menurunkan kadar bayaran lesen mesin simulasi daripada RM150 kepada RM10 seunit sebulan kepada semua pengusaha PHK di Daerah Johor Bahru tanpa kelulusan Kerajaan Negeri. Temu bual dengan pegawai Unit Pelesenan di Pejabat Daerah lain di Negeri Johor, kadar RM150 seunit sebulan bagi lesen permainan mesin simulasi masih kekal dikenakan. Kesan penurunan kadar lesen bagi 8 buah pusat hiburan bagi tahun 2009 dan 2010 telah menyebabkan hasil lesen permainan bagi mesin simulasi berkurang berjumlah RM1.83 juta. PDJB memaklumkan pengusaha pusat hiburan telah merayu kepada Pegawai Daerah Johor Bahru pada ketika itu dan beliau bersetuju menurunkan kadar tersebut sehingga menunggu kelulusan Kerajaan Negeri Johor mengenai kadar baru.

8.4.3. Penguatkuasaan Ke Atas Pusat Hiburan

8.4.3.1. Mengikut rekod pusat hiburan PDJB setakat bulan Disember 2010, PDJB mempunyai sebanyak 507 pusat hiburan pelbagai kategori yang perlu dipantau. Semakan Audit mendapati PDJB tidak mempunyai Unit Penguatkuasaan, Unit Pendakwaan dan kemudahan stor untuk menyimpan barang rampasan dengan selamat. Bagaimanapun, PDJB telah melantik Pegawai Penguatkuasa yang terdiri daripada 6 orang pegawai dalaman yang mempunyai tanggungjawab/tugas masing-masing di Unit Pentadbiran untuk melaksanakan penguatkuasaan. Semakan juga mendapati tiada rancangan tahunan dibuat mengenai aktiviti penguatkuasaan lesen hiburan bagi tahun 2008 hingga 2010 dan penguatkuasaan hanya dibuat secara *ad hoc* apabila ada pengaduan. Tiada surat akuan geledah dikeluarkan pada tahun 2008, 6 surat akuan geledah telah dikeluarkan pada tahun 2009 dan 7 surat akuan geledah pada tahun 2010 setelah susulan dari pasukan penguatkuasaan. Kesan daripada ketiadaan perancangan dan pelaksanaan penguatkuasaan secara bersepadu menyebabkan beberapa pusat hiburan tetap beroperasi walaupun tanpa lesen. Di samping itu, penguatkuasaan yang dilaksanakan secara *ad hoc* apabila ada pengaduan sahaja juga telah menimbulkan masalah logistik kerana tidak mempunyai stor dan pengangkutan.

8.4.3.2. Pihak PDJB memaklumkan tambahan 4 orang pegawai dalaman PDJB termasuk Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi memperkukuhkan pasukan penguatkuasaan. Perancangan penguatkuasaan juga telah disediakan bermula bulan April hingga Jun 2011 mengikut kawasan.

8.4.3.3. Pusat Hiburan Tanpa Lesen

a. Perniagaan Panggung Wayang

Pemeriksaan Audit melalui carian laman sesawang (*website*) mendapati Daerah Johor Bahru mempunyai 9 buah premis panggung wayang yang sedang beroperasi. Pihak PDJB telah menjalankan siasatan pada bulan Februari 2011 dan mendapati 4 premis panggung wayang telah beroperasi tanpa lesen hiburan dan merampas barangan di premis tersebut iaitu CPU komputer, mesin cetak tiket dan tiket yang belum bercetak. Pihak Audit mendapati barangan tersebut telah dipulangkan setelah bayaran kompaun dibuat sebanyak RM3,000 bagi setiap perniagaan.

b. Alat Permainan Yang Tiada Dalam Senarai Kategori Lesen Hiburan Pusat Hiburan Keluarga

Jenis-jenis mesin permainan yang dibenarkan untuk kanak-kanak adalah seperti *Kiddy Riders*, *Carnival*, *Novelty Game* dan simulasi. Semasa pemeriksaan Audit dilakukan di beberapa PHK di sekitar Johor Bahru terdapat alat permainan baru seperti di **Gambar 8.1** hingga **Gambar 8.3** di bawah yang beroperasi tanpa lesen hiburan. Perkara ini berlaku kerana bentuk hiburan tidak dikategorikan dalam senarai serta kadar lesen hiburan tidak ditetapkan menyebabkan pembayaran lesen hiburan tidak dibuat oleh pelesen kepada PDJB. Oleh itu, Jawatankuasa Penilai perlu diwujudkan bagi meneliti maklumat pelbagai jenis mesin permainan baru yang dicadangkan semasa mengemukakan permohonan lesen bagi menentukan kadar bayaran lesen yang patut dikenakan.

Gambar 8.1
Alat Permainan Yang Tiada Dalam Senarai Kategori Hiburan PHK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Taman Desa Tebrau
Johor Bahru
Tarikh: 17 Januari 2011

Gambar 8.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Taman Desa Tebrau
Johor Bahru
Tarikh: 17 Januari 2011

Gambar 8.3
Alat Permainan Yang Tiada Dalam Senarai
Kategori Hiburan PHK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Taman Desa Tebrau
Johor Bahru
Tarikh: 17 Januari 2011

c. Bayaran Bagi 2 Mesin Permainan Hiburan Simulasi Diambil Kira Sebagai Sebuah Mesin Permainan

Peralatan atau kelengkapan permainan kanak-kanak seperti mesin permainan hiburan simulasi yang tidak mudah diubahsuai untuk tujuan perjudian adalah merupakan jenis mesin permainan berbentuk hiburan yang dibenarkan di PHK. Di antara jenis-jenis mesin permainan simulasi adalah seperti *Daytona USA 2*, *Virtual Cap DX*, *Space Harmer* dan *After Burner*. Semakan Audit mendapati pengusaha hanya membayar lesen hiburan bagi sebuah mesin permainan hiburan simulasi sedangkan terdapat 2 mesin dengan perisian yang sama di mana 2 pemain boleh berkongsi permainan untuk tujuan perlawanan atau untuk permainan sendiri. Setiap mesin permainan simulasi tersebut dikenakan caj berasingan untuk pengunjung. **Gambar 8.4** dan **Gambar 8.5** menunjukkan kedudukan 2 mesin permainan hiburan simulasi diambil kira sebagai sebuah mesin.

Gambar 8.4
Kedudukan 2 Mesin Permainan Hiburan Simulasi Diambil Kira Sebagai Sebuah Mesin



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perniagaan di Jalan Dato' Sulaiman,
 Johor Bahru
 Tarikh: 17 Januari 2011

Gambar 8.5
Kedudukan 2 Mesin Permainan Hiburan Simulasi Diambil Kira Sebagai Sebuah Mesin



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perniagaan di Jalan Dato' Sulaiman,
 Johor Bahru
 Tarikh: 17 Januari 2011

d. Pusat Snuker Dan *Billiard*

- i. Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan Bil. 14/99 yang berkuat kuasa mulai 15 Julai 1999 mengenai pengeluaran Pusat Latihan Snuker dan *Billiard* daripada kategori hiburan, menyatakan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 26 Mei 1999 telah memutuskan:
 - Supaya pusat snuker dan *billiard* yang hanya mempunyai kemudahan permainan snuker dan *billiard* sahaja adalah dikeluarkan daripada kategori hiburan dan tidak lagi dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan, dan
 - Pusat snuker dan *billiard* yang mempunyai kemudahan hiburan yang lain hendaklah dikekalkan sebagai pusat hiburan yang perlu dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan.
- ii. Surat Pejabat Ketua Penolong Setiausaha, Cawangan Kerajaan Tempatan, Johor bertarikh 2 Februari 2000 membuat perakuan pusat hiburan snuker dikekalkan sebagai pusat hiburan dan perlu dilesenkan dan permohonan pengecualian boleh dibuat bagi pertimbangan Jawatankuasa Keselamatan Negeri.
- iii. Semakan Audit terhadap 26 fail berkaitan pusat snuker dan *billiard* yang mempunyai lesen tetap/sementara mendapati 12 pengusaha tidak membayar lesen kerana berpendapat bahawa snuker dikategorikan sebagai acara sukan. Lawatan Audit bersama pegawai PDJB telah dijalankan pada bulan Mac 2011 di 2 buah pusat snuker mendapati sebuah premis telah diambil alih oleh sebuah syarikat snuker yang lain di mana pengusaha berkenaan telah menjalankan perniagaan *cybercafe*, *American Pooltable*, meja snuker dan lain-lain permainan hiburan telah dijalankan tanpa lesen hiburan bagi kesemua jenis perniagaan.

Manakala, di sebuah lagi pusat snuker didapati pengusaha masih menjalankan perniagaan menjual minuman keras dan 18 meja snuker tanpa lesen hiburan walaupun telah dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 semasa pemeriksaan PDJB pada bulan Mac 2011 kerana gagal menunjukkan lesen. Bagaimanapun, PDJB hanya merampas bola snuker sahaja bagi kedua-dua premis tersebut. Kedua-dua pusat snuker masih tidak membuat permohonan lesen di PDJB. **Gambar 8.6** hingga **Gambar 8.9** menunjukkan jenis perniagaan yang telah dijalankan tanpa lesen.

Gambar 8.6
Pusat Permainan PHK Yang Beroperasi Tanpa Lesen Hiburan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Skudai, Johor Bahru
Tarikh: 22 Mac 2011

Gambar 8.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Skudai, Johor Bahru
Tarikh: 22 Mac 2011

Gambar 8.8
Pusat Snuker Yang Beroperasi Tanpa Lesen Hiburan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Skudai, Johor Bahru
Tarikh: 22 Mac 2011

Gambar 8.9
American Pooltable Yang Beroperasi Tanpa Lesen Hiburan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Perniagaan di Skudai, Johor Bahru
Tarikh: 22 Mac 2011

e. Pusat *Bowling*

Semasa lawatan Audit dijalankan bersama-sama pegawai PDJB di sebuah pusat membeli-belah di Johor Bahru, didapati pusat *bowling* tersebut telah beroperasi tanpa lesen di mana bayaran terakhir lesen adalah pada 31 Disember 2007. Tunggakan bayaran lesen yang patut dikenakan kepada operator *bowling* tersebut dari tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak RM72,000.

8.4.3.4. Kawalan Barang Rampasan

PDJB tidak membuat rampasan terhadap kesemua peralatan di premis peniaga yang tidak mempunyai lesen kerana tidak mempunyai stor dan pengangkutan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa barang yang dirampas semasa penguatkuasaan terhadap 4 buah panggung wayang iaitu 9 unit CPU komputer, 9 unit mesin cetak tiket wayang dan 12 kotak tiket wayang yang belum dicetak telah disimpan di dalam bilik Penolong Pegawai Daerah, Bahagian Khas Pelesenan. Pihak Audit mendapati bilik tersebut tidak sesuai dijadikan stor disebabkan tiada kawalan di mana bilik itu tidak boleh sentiasa dikunci bagi menjamin keselamatan barang yang disita. Lawatan yang dibuat ke stor Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) mendapati stor tersebut dikhaskan untuk menyimpan barang rampasan di kawasan MPPG.

Pada pendapat Audit, aktiviti penguatkuasaan terhadap tempat-tempat hiburan oleh Pejabat Daerah Johor Bahru adalah tidak memuaskan dan telah menyebabkan terdapat pengusaha-pengusaha pusat hiburan menjalankan perniagaan tanpa lesen hiburan.

8.4.4. Peraturan Permohonan Permit Untuk Pertunjukan Pentas/Konsert Dan Lain-lain

Berdasarkan Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan Johor 1998, perenggan 15(1), Pegawai Daerah Johor Bahru boleh menghendaki mana-mana orang memberi cagaran tidak melebihi RM50,000 untuk memastikan semua peraturan dipatuhi dengan sewajarnya. Mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh PDJB selaras dengan syarat tersebut bagi permohonan untuk mendapatkan permit pertunjukan pentas/konsert, cagaran akan dikenakan RM1,000 bagi pertunjukan lebih daripada seminggu dan RM20,000 bagi pertunjukan untuk sebulan. Permohonan hendaklah dihantar 2 bulan dari tarikh pertunjukan. Semakan Audit terhadap 29 permohonan permit pertunjukan pentas/*funfair* mendapati 6 permohonan permit bagi tempoh pertunjukan melebihi 30 hari telah diluluskan. Sebanyak 4 daripada permohonan tersebut yang memohon permit bagi tempoh pertunjukan antara 30 hingga 92 hari tidak dikenakan deposit. Selain itu, 2 permohonan bagi tempoh pertunjukan selama 32 hari, pengusaha telah dikenakan bayaran deposit berjumlah RM5,000 manakala bagi pertunjukan selama 184 hari, pengusaha dikenakan deposit berjumlah RM2,000 walaupun bayaran sepatutnya bagi sebulan pertunjukan adalah berjumlah RM20,000. Maklum balas dari PDJB menyatakan deposit untuk permit hiburan (konsert/*funfair*) dikenakan mengikut budi bicara Pegawai Daerah Johor Bahru.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap permohonan permit adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang dikeluarkan.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan memperbaiki prestasi pengurusan lesen dan permit hiburan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.5.1. PDJB hendaklah menetapkan piagam pelanggan yang lebih realistik dengan mengambil kira aspirasi golongan pengusaha pusat hiburan di mana proses permohonan lesen perniagaan lebih dipermudahkan.

8.5.2. Mengkaji peranan MKNNJ dan meninjau sama ada kelulusan di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) adalah memadai untuk meluluskan permohonan lesen hiburan kecuali bagi kes-kes rayuan dan lesen berisiko tinggi sahaja perlu dirujuk kepada MKNNJ sebelum kelulusan.

8.5.3. Penguatkuasaan perlu dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu bagi mengawal dan bertindak terhadap pengusaha yang sedang beroperasi tanpa lesen.

8.5.4. Mengkaji kesesuaian kemungkinan menyerahkan urusan memproses dan meluluskan lesen kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk aktiviti penguatkuasaan memandangkan pihak PBT mempunyai Unit Penguatkuasaan dan terlibat dengan pengeluaran lesen premis perniagaan.

8.5.5. Pengusaha pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen perlu didakwa di bawah peruntukan seksyen 6 dan lain-lain peruntukan yang berkaitan, Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta menyenaraikannya.

9. PROGRAM BANTUAN AM

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor (JKM) bertanggungjawab memberi penjagaan dan perlindungan kepada masyarakat yang tidak berkemampuan seterusnya merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Johor untuk membasmi kemiskinan dan memastikan setiap golongan masyarakat dapat menikmati peluang kehidupan yang sempurna melalui pelbagai skim pemberian bantuan kebajikan antaranya adalah Program Bantuan Am. Objektif pemberian Bantuan Am adalah seperti berikut:

9.1.1.1. Membantu individu/keluarga yang kurang berkemampuan dari segi kewangan supaya dapat mengurangkan dan meringankan beban kewangan mereka sama ada buat sementara waktu mahupun sehingga suatu tempoh kewangan mereka dapat dipulihkan.

9.1.1.2. Membantu mereka sebagai saraan untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan.

9.1.1.3. Sebagai elaun perangsang untuk menggalakkan kumpulan sasar supaya minat bekerja.

9.1.1.4. Meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya golongan orang tua, kanak-kanak dan ibu tunggal agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan berpeluang menikmati kemudahan yang selesa dan terjamin.

9.1.2. Kumpulan sasaran bagi penerimaan Program Bantuan Am JKM adalah individu yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Terdampar, Orang Papa, kes wanita dan gadis serta keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan. Kriteria yang diambil kira untuk melayakkan pemohon mendapatkan Bantuan Am ialah warganegara Malaysia dan bermastautin di Negeri Johor, pendapatan keluarga di bawah PGK semasa, bilangan anak/tanggungan, keadaan rumah, umur pemohon serta kecacatan dan keuzuran disebabkan penyakit. Kadar Bantuan Am yang ditetapkan antara RM50 hingga RM115 sebulan dan tambahan sebanyak 33.3% melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. JKM menerima peruntukan kewangan sejumlah RM24.69 juta daripada Kerajaan Negeri Johor dan RM3.06 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2008 hingga 2010. Prestasi perbelanjaan Bantuan Am berbanding peruntukan kewangan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Prestasi Perbelanjaan Bantuan Am Kerajaan Negeri
Dan Persekutuan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Kerajaan Negeri		Kerajaan Persekutuan	
	Peruntukan Kewangan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan Kewangan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2008	6.55	6.20	0.80	0.87
2009	8.49	7.42	0.61	0.61
2010	9.65	9.32	1.65	1.62

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor

9.1.3. Penyampaian perkhidmatan JKM dalam pengurusan Bantuan Am telah mendapat pengiktirafan SIRIM melalui persijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2010.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.

9.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Bantuan Am oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor bagi tahun 2008 hingga 2010 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Pengauditan dijalankan dengan menyemak daftar berkaitan permohonan, siasatan, kelulusan, rekod penerima bantuan dan bayaran serta dokumen lain yang berkaitan. Lawatan ke rumah penerima bantuan dan temu bual juga dibuat untuk meninjau dan melihat situasi sebenar penerima Bantuan Am tersebut serta temu bual dengan pegawai JKM. Selain daripada pengauditan di JKM Negeri (Ibu Pejabat), pengauditan turut diadakan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Johor Bahru dan Batu Pahat sebagai sampel. Pihak Audit juga mendapatkan khidmat Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor bagi mengesahkan status kewujudan penerima bantuan. Selain itu, pihak Audit membuat lawatan ke 3 lokasi bayaran bantuan untuk memastikan pengagihan Bantuan Am dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Januari 2011 mendapati beberapa aspek dalam pengurusan Program Bantuan Am perlu ditambah baik. Antara kelemahan yang ditemui ialah siasatan bagi kes baru dan kajian semula kes lewat dijalankan, kelulusan dan agihan wang bantuan melebihi tempoh yang ditetapkan, maklumat di senarai penerima bantuan yang tidak tepat, penyelenggaraan rekod yang tidak teratur serta kelemahan penyelenggaraan maklumat permohonan secara manual (fail individu penerima) dan sistem (e-Bantuan). Kelemahan yang berlaku boleh menjejaskan pencapaian matlamat dan golongan sasaran Bantuan Am. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

9.4.1. Kelemahan Dalam Menguruskan Permohonan Dan Kelulusan Bantuan Am

9.4.1.1. Siasatan Lewat Dijalankan

- a. Mengikut Piagam Pelanggan JKM, permohonan hendaklah disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima. Temu ramah dengan pemohon akan diadakan sama ada pemohon hadir ke pejabat JKM atau Pegawai Penyiasat melawat ke rumah pemohon bantuan. Selepas temu ramah, Pegawai Penyiasat akan melakukan siasatan ke rumah pemohon untuk menilai keadaan kehidupan pemohon dengan mengisi maklumat peribadi dan sokongan di dalam Borang JKM 17. Semakan Audit mendapati 43 permohonan baru telah lewat disiasat antara 2 hingga 477 hari selepas 2 minggu permohonan diterima. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Bilangan Permohonan Baru Lewat Disiasat Di Daerah Johor Bharu
Dan Batu Pahat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Daerah	Jumlah Pemohon	Lewat Siasat		Tempoh Kelewatan (Hari)
			Bilangan Pemohon	Peratusan (%)	
1.	Johor Bharu	22	19	86.4	16 - 477
2.	Batu Pahat	30	24	80.0	2 - 453
Jumlah		52	43	82.7	2 - 477

Sumber: Fail Individu Penerima Bantuan Am

- b. Semakan lanjut mendapati antara sebab siasatan lewat dijalankan ialah:
- Temu ramah lewat dilaksanakan iaitu selepas 3 hingga 598 hari dari tarikh permohonan.
 - Maklumat pemohon yang tidak lengkap seperti alamat rumah yang tidak tepat terutamanya di kawasan kampung dan setinggan.
 - JKM perlu mendapatkan pengesahan pihak ketiga seperti hospital (bagi permohonan Bantuan Am melalui hospital).
- c. Menurut JKM, keadaan bertambah sukar apabila pemohon tiada di rumah semasa siasatan dijalankan menyebabkan lawatan siasatan perlu dibuat semula. Di Daerah Batu Pahat, *task force* telah ditubuhkan pada November hingga Disember 2010 untuk menjalankan siasatan dan berjaya menyelesaikan semua permohonan tertunggak dalam tempoh 2 bulan. Dengan itu, PKMD Batu Pahat boleh menumpukan terhadap permohonan baru mulai tahun 2011. Perbincangan dengan Unit Kebajikan Hospital Batu Pahat juga telah dibuat untuk memastikan maklumat pemohon seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat rumah adalah lengkap. Pertambahan bilangan permohonan pada setiap tahun yang perlu diproses tidak dapat ditampung oleh pegawai kes sedia ada juga menjejaskan pematuhan kepada piagam pelanggan JKM. Mengikut norma kerja JKM, seorang pegawai kes bertanggungjawab terhadap antara 35 dan 40 kes merangkumi skim bantuan Persekutuan dan Negeri bermula dari proses permohonan bantuan, siasatan,

pengagihan wang bantuan dan kajian semula kes. Pada masa kini, seorang pegawai kes perlu menguruskan antara 250 hingga 400 kes bagi kedua-dua skim bantuan.

9.4.1.2. Permohonan Lewat Diluluskan

- a. Piagam Pelanggan JKM menetapkan permohonan hendaklah diluluskan dan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu dari tarikh siasatan dijalankan atau dalam masa satu bulan dari tarikh permohonan. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 pula menyatakan permohonan hendaklah diluluskan oleh Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Am Dan Pelajaran Daerah (JKBA). Semakan Audit mendapati hanya 10 daripada 52 permohonan bagi Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat yang telah diluluskan dengan lengkap ditandatangani oleh Pegawai Daerah dan diletakkan tarikh. Kesemua 10 permohonan tersebut telah lewat diluluskan antara 6 hingga 329 hari, manakala 42 permohonan lagi yang telah diluluskan tidak ditandatangani oleh Pengerusi JKBA dan/atau tidak ditarikhkan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Permohonan Lewat Diluluskan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Daerah	Jumlah Pemohon	Permohonan Lewat Diluluskan	Peratusan (%)	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Johor Bahru	22	7	31.8	77 - 329
2.	Batu Pahat	30	3	10.0	6 - 208
Jumlah		52	10	19.2	6 - 329

Sumber: Fail Individu Penerima Bantuan Am

- b. Punca utama permohonan lewat diluluskan ialah siasatan lewat dijalankan oleh pegawai kes menyebabkan laporan siasatan lewat disediakan, seterusnya ia lewat dikemukakan kepada Pengerusi JKBA untuk kelulusan. Kelewatan berpanjangan apabila Pengerusi JKBA perlu menumpukan perhatian terhadap tugas hakiki sebagai Pegawai Daerah. Semakan lanjut mendapati JKM pernah mengemukakan kertas kerja kepada Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Keluarga, Pembangunan Masyarakat Negeri Johor pada tahun 2006 yang mencadangkan supaya kuasa meluluskan permohonan Bantuan Am diberikan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Bagaimanapun, cadangan tersebut ditolak sebelum ia dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Kelewatan kelulusan permohonan memberi kesan kepada penerima bantuan yang lewat menerima wang bantuan dan menjejaskan keperluan kewangan mereka.
- c. Pegawai Daerah Batu Pahat memaklumkan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah lewat mengemukakan borang permohonan menyebabkan tarikh kelulusan permohonan melebihi setahun dari tarikh permohonan. Menurut JKM, mulai tahun 2011, proses kelulusan menjadi lebih cepat selepas pelaksanaan sistem Siasatan Tanpa Lawatan Ke Rumah. Berbanding kelulusan permohonan bantuan Kerajaan Persekutuan yang akan diberikan serta-merta kerana kuasa kelulusan diberikan

kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, kelulusan untuk Bantuan Am Negeri masih perlu dirujuk kepada Pegawai Daerah.

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan dan kelulusan Bantuan Am oleh JKM adalah kurang memuaskan kerana kelewatan menjalankan siasatan dan meluluskan permohonan.

9.4.2. Kelemahan Dalam Pengagihan Wang Bantuan Am

9.4.2.1. Wang Bantuan Lewat Diagihkan

a. Wang Bantuan Tidak Diagihkan Pada Awal Bulan

- i. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 bertarikh 1 Jun 2008 menyatakan pembayaran wang bantuan hendaklah dibuat pada setiap awal bulan semasa. Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan bahawa mulai 1 September 2009, pembayaran bantuan hendaklah dibuat pada 1 hari bulan setiap bulan. Semakan Audit terhadap 107 baucar bayaran di PKMD Johor Bahru bagi bulan Jun 2008 hingga November 2010 mendapati wang bantuan sejumlah RM0.54 juta bagi 3,382 atau 90.5% daripada 3,738 orang penerima bantuan lewat diagihkan antara 9 hingga 83 hari. PKMD Batu Pahat pula lewat mengagihkan bantuan berjumlah RM0.60 juta kepada 5,358 atau 77.1% daripada 6,949 orang penerima bantuan antara satu hingga 207 hari. Kelewatan dikira dari hari kelapan bulan bayaran bagi tempoh bulan Januari 2008 hingga Ogos 2009, manakala kelewatan bagi tempoh September 2009 hingga Disember 2010 dikira dari hari kedua bulan bayaran. Jumlah yang terlibat bagi kedua-dua daerah mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Wang Bantuan Lewat Diagihkan Kepada Penerima Bantuan
Daerah Johor Bahru Dan Batu Pahat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Daerah	Tahun	Jumlah (RM Juta)	Bil. Penerima Bantuan	Tempoh Kelewatan (Hari)
Batu Pahat	2008	0.17	1,617	10 - 192
	2009	0.29	2,557	1 - 207
	2010	0.14	1,184	1 - 28
Jumlah		0.60	5,358	1 - 207
Johor Bahru	2008	0.12	1,014	15 - 83
	2009	0.30	1,693	14 - 82
	2010	0.12	675	9 - 54
Jumlah		0.54	3,382	9 - 83

Sumber: Baucar Bayaran PKMD Johor Bahru dan Batu Pahat

- ii. Antara sebab pengagihan lewat dibuat ialah baucar bayaran lewat disediakan oleh PKMD dan seterusnya lewat dikemukakan kepada JKM Negeri. Semakan Audit terhadap Daftar Baucar Bayaran PKMD Johor Bahru mendapati 27 daripada 237 baucar (11.4%) bagi tahun 2008 hingga bulan November 2010 disediakan selepas 1 haribulan bulan semasa. Menurut JKM, kelewatan pengagihan wang bantuan pada tahun 2008 disebabkan pada masa itu semua bantuan dibayar secara tunai

sama ada di PKMD atau di rumah penerima. Jika penerima gagal hadir ke pejabat, pegawai kes akan membuat pembayaran ke rumah penerima dan susulan kedua perlu dibuat sekiranya penerima tiada di rumah. Masalah kelewatan pengagihan wang bantuan dijangkakan dapat diselesaikan pada tahun 2011 apabila kaedah pembayaran melalui bank dilaksanakan sepenuhnya.

b. Pengagihan Wang Bantuan Melalui Bank

i. Resit Bank Tidak Dikepikan Dengan Baucar Bayaran

Selain daripada pengagihan secara tunai, PKMD Batu Pahat juga membuat pengagihan Bantuan Am melalui kemasukan wang bantuan ke akaun bank penerima mulai tahun 2008. Semakan Audit mendapati 96 slip deposit tunai melalui mesin ATM (*Automatic Teller Machine*) tidak dilampirkan bersama baucar bayaran berjumlah RM10,860 sebagai bukti kemasukan wang bantuan ke dalam akaun penerima. Kemasukan wang bantuan ini dilakukan sendiri oleh pegawai kes yang diberi tanggungjawab. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh sebenar pengagihan dibuat dan sama ada pengagihan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Pengesahan Kemasukan Bantuan Ke Akaun Bank Penerima Tidak Dibuat

Bagi sebahagian penerima Bantuan Am di Daerah Batu Pahat, Perbendaharaan Negeri Johor akan mengeluarkan cek atas nama Bank Simpanan Nasional (BSN). Bank tersebut akan mengkreditkan wang bantuan ke akaun penerima berdasarkan senarai nama berserta maklumat penerima iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank yang disediakan oleh PKMD Batu Pahat. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran mendapati tiada pengesahan bank terhadap wang bantuan bulan Jun, Julai, Ogos dan Oktober 2010 berjumlah RM0.11 juta yang diagihkan kepada 970 orang penerima bantuan. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh sebenar pengagihan dibuat dan sama ada pengagihan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan lanjut mendapati perkara ini berlaku disebabkan PKMD Batu Pahat tidak pernah menyatakan kepada bank mengenai keperluan mengemukakan pengesahan kemasukan wang bantuan ke akaun penerima bantuan.

c. Bayaran Bantuan Am Tidak Disempurnakan Dalam Tempoh 21 Hari

- i. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 menyatakan pengagihan wang bantuan mesti disempurnakan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek diterima. Semakan Audit terhadap baucar bayaran PKMD Johor Bahru bagi bulan Jun 2008 hingga November 2010 mendapati wang bantuan sejumlah RM0.11 juta tidak diagihkan dalam tempoh 21 hari kepada 737 atau 19.7% daripada 3,738 orang penerima bantuan. Bagi Daerah Batu Pahat pula, jumlah yang terlibat adalah RM0.25 juta

kepada 2,235 daripada 6,949 orang penerima bantuan (32.2%) bagi bulan Februari 2008 hingga Oktober 2010. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Bayaran Bantuan Yang Disempurnakan Melebihi 21 Hari Di
Daerah Johor Bahru Dan Batu Pahat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Daerah	Tahun	Jumlah (RM Juta)	Bil. Penerima Bantuan	Tempoh Kelewatan (Hari)
Johor Bahru	2008	0.03	261	1 - 9
	2009	0.07	400	1 - 23
	2010	0.01	76	1 - 12
Jumlah		0.11	737	1 - 23
Batu Pahat	2008	0.11	980	1 - 102
	2009	0.13	1,112	1 - 155
	2010	0.01	143	1 - 15
Jumlah		0.25	2,235	1 - 155

Sumber: Baucar Bayaran PKMD Johor Bahru Dan Batu Pahat

- ii. Menurut JKM, bayaran Bantuan Am tidak dapat disempurnakan dalam tempoh 21 hari disebabkan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak diterima serentak. Pembayaran perlu dibuat serentak untuk mengelakkan proses pengagihan yang berulang. Selain itu, tindakan pegawai kes yang membuat susulan mengagihkan wang bantuan sama ada di pejabat atau ke rumah penerima apabila penerima tidak hadir ke pusat pembayaran berpusat menyebabkan wang bantuan tidak diagihkan dalam tempoh 21 hari.

9.4.2.2. Maklumat Kad Pengenalan Penerima Silap Masuk

Pihak Audit telah menyemak status penerima Bantuan Am yang menerima bantuan secara tunai dengan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor (JPNJ) berdasarkan Senarai Nama Penerima Bantuan yang disediakan oleh PKMD Johor Bahru dan Batu Pahat. Semakan Audit terhadap 50 penerima bantuan bagi Daerah Johor Bahru dan 30 penerima bantuan bagi Daerah Batu Pahat mendapati kad pengenalan bagi 10 penerima bantuan tiada dalam pangkalan data JPNJ, seorang penerima bantuan memiliki kad pengenalan orang lain dan seorang penerima bantuan memiliki kad pengenalan yang merujuk kepada nama penerima bantuan yang lain. Antara sebab perkara ini berlaku ialah:

- a. Kesilapan pegawai JKM Daerah merekodkan/menaip maklumat penerima bantuan di mana nombor kad pengenalan di Laporan Siasatan (Borang JKM 17) dan Laporan Kajian Semula Kes (Borang Arahan Kerja No. 12) berbeza dengan nombor di kad pengenalan semasa mewujudkan fail individu dan senarai penerima bantuan.
- b. Kad pengenalan tidak dikemukakan oleh penerima bantuan semasa pengagihan wang bantuan.
- c. Tiada salinan kad pengenalan dalam fail individu penerima bantuan.

Tindakan penambahbaikan telah diambil di mana pihak JKM Malaysia telah membekalkan 2 unit alat pengimbas cap jari bagi setiap daerah pada tahun 2011 untuk mengelakkan kesilapan dan penipuan maklumat kad pengenalan.

9.4.2.3. Lebihan Wang Bantuan Lewat Dikembalikan Kepada Perbendaharaan Negeri

Arahan Perbendaharaan 96(c) menyatakan baki wang yang tidak dituntut hendaklah dipulangkan kepada Perbendaharaan dalam tempoh 21 hari dari tarikh ia diterima. Semakan Audit terhadap rekod pengembalian wang bantuan mulai bulan Jun 2008 hingga November 2010 bagi PKMD Johor Bahru mendapati wang bantuan daripada peruntukan Kerajaan Negeri yang tidak dapat diagihkan sejumlah RM0.10 juta telah lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri antara 4 hingga 108 hari. PKMD Batu Pahat pula lewat mengembalikan sejumlah RM0.10 juta kepada Perbendaharaan Negeri antara satu hingga 191 hari. Selepas teguran Audit, pihak JKM telah menyediakan jadual yang menyatakan tarikh wang bantuan diagihkan kepada daerah dan tarikh lebihan sepatutnya dikembalikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengagihan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan pengagihan wang bantuan, kesilapan mencatatkan nombor kad pengenalan penerima Bantuan Am di senarai penerima bantuan dan lebihan wang bantuan lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri.

9.4.3. Kelemahan Dalam Kajian Semula Kes

9.4.3.1. Kajian Semula Kes Lewat Dijalankan

Mengikut Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan, kelulusan bantuan adalah bagi tempoh 6 bulan. Bantuan bagi tempoh berikutnya akan diteruskan selepas siasatan semula dibuat iaitu dalam tempoh 2 bulan sebelum bantuan tamat. Pegawai Penyiasat akan membuat siasatan untuk mengetahui status penerima jika mereka masih memerlukan bantuan atau membuat syor untuk ditamatkan jika didapati keadaan hidup penerima telah bertambah baik dan telah berdikari atau ada anak-anak yang telah dewasa yang dapat membantu. Hasil siasatan akan direkodkan dalam Laporan Kajian Semula Kes. Cadangan dan syor daripada Pegawai Penyiasat perlu disokong oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah sebelum diluluskan oleh Pegawai Daerah. Semakan Audit mendapati siasatan semula kes bagi 28 penerima bantuan di Daerah Johor Bahru dan 8 penerima bantuan di Daerah Batu Pahat yang tamat pada tahun 2008 hingga 2010 lewat dijalankan iaitu selepas 4 hingga 354 hari dari tarikh lanjutan bantuan bermula/berkuat kuasa. Antara sebab utama kajian semula kes lewat dijalankan ialah siasatan kajian semula bagi Bantuan Am Negeri perlu dijalankan 2 kali setahun berbanding siasatan bagi bantuan kewangan Persekutuan yang dijalankan hanya sekali setahun. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Kajian Semula Kes Lewat Disiasat Di Daerah Johor Bahru Dan Batu Pahat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Daerah	Jumlah Pemohon	Bil. Pemohon Lewat Siasat	Tempoh Kelewatan (Hari)
Johor Bahru	51	28	7 - 213
Batu Pahat	30	8	4 - 354
Jumlah	81	36	4 - 354

Sumber: Fail Individu Penerima Bantuan Am

9.4.3.2. Kajian Semula Kes Lewat Diluluskan

- a. Menurut Piagam Pelanggan JKM, kajian semula kes hendaklah diluluskan oleh Pegawai Daerah dalam tempoh 14 hari dari tarikh siasatan dijalankan. Semakan Audit terhadap sampel penerima bantuan yang sama mendapati kajian semula kes bagi 44 penerima bantuan Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat lewat diluluskan antara 6 hingga 294 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Kajian Semula Kes Lewat Diluluskan Di Daerah Johor Bahru
Dan Batu Pahat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Daerah	Jumlah Pemohon	Bil. Pemohon	Tempoh Kelewatan (Hari)
Johor Bahru	51	30	6 - 262
Batu Pahat	30	14	21 - 294
Jumlah	81	44	6 - 294

Sumber: Fail Individu Penerima Bantuan Am

- b. Walaupun kelulusan lewat diberikan, pemberian Bantuan Am ini tetap diteruskan mengikut tempoh lanjutan berikutnya. Kajian semula kes lewat diluluskan kerana siasatan kajian kes semula lewat dijalankan dan Laporan Kajian Semula Kes lewat disokong oleh PKMD. Semakan lanjut mendapati 61 Laporan Kajian Semula Kes bagi Daerah Johor Bahru lewat disokong oleh PKMD antara satu hingga 76 hari, manakala PKMD Batu Pahat lewat menyokong 14 Laporan Kajian Semula Kes antara 4 hingga 70 hari dari tarikh siasatan kajian semula.

Pada pendapat Audit, pengurusan kajian semula kes oleh JKM adalah kurang memuaskan kerana siasatan lewat dijalankan dan lewat diluluskan.

9.4.4. Kegagalan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan)

9.4.4.1. Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) merupakan sistem berasaskan web yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data yang kemas kini dan teratur untuk pengurusan Skim Bantuan Kewangan. Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk memudahkan tugas memasukkan data pemohon ke dalam pangkalan data, mempercepatkan proses kelulusan permohonan, memudahkan penjadualan pembayaran

kepada penerima bantuan, mengemas kini maklumat penerima bantuan dan mempercepatkan penjaan laporan serta penganalisisan maklumat penerima bantuan. Semakan Audit mendapati pelaksanaan sistem ini di Ibu Pejabat JKM, PKMD Johor Bahru dan Batu Pahat masih belum digunakan sepenuhnya untuk merekodkan maklumat mengenai penerima Bantuan Am Negeri Johor. Gangguan capaian sistem semenjak bulan Julai 2009 masih berlaku sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan kerana sistem yang tidak stabil walaupun JKM Malaysia telah memperkemas dan meningkatkan keupayaan talian sistem ini dari Intranet kepada Internet mulai tahun 2009. Kegagalan sistem e-Bantuan berfungsi dengan baik telah menjejaskan kerja pendaftaran dan pemprosesan data pemohon yang masih dilakukan secara manual. Penyelenggaraan maklumat secara manual menyebabkan JKM tidak dapat menyediakan senarai induk (*Master Listing*) penerima bantuan yang tepat mengikut daerah, jumlah pembayaran Bantuan Am mengikut tahun dan daerah serta kaedah pengagihan wang bantuan sukar dikenal pasti bagi setiap penerima bantuan.

9.4.4.2. Pihak Audit dimaklumkan JKM Malaysia telah membekalkan peralatan *broadband* dan komputer riba kepada PKMD untuk memudahkan maklumat penerima bantuan direkodkan ke dalam sistem walaupun di luar waktu pejabat. Menurut JKM, PKMD Johor Bahru telah menerima 15 unit *broadband* dan 15 unit komputer riba, manakala PKMD Batu Pahat menerima 13 unit *broadband* dan 13 unit komputer riba pada tahun 2011. Capaian Internet bagi Sistem e-Bantuan juga telah stabil mulai tahun 2011 dan boleh digunakan sepenuhnya di mana maklumat mengenai penerima Bantuan Am telah direkodkan dalam sistem. Bagaimanapun, medan dalam sistem e-Bantuan mengenai kelulusan oleh Pegawai Daerah masih belum diwujudkan.

Pada pendapat Audit, oleh kerana sistem e-Bantuan dapat meningkatkan pengurusan Program Bantuan Am dengan lebih cekap dan teratur, penggunaan sistem ini hendaklah diperluaskan dan digunakan sepenuhnya.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan Program Bantuan Am, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor disyorkan melaksanakan perkara berikut:

9.5.1. Mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kuasa meluluskan permohonan Bantuan Am Negeri dan kajian semula kes diberikan secara alternatif kepada pegawai paling kanan di Pejabat Daerah untuk mengatasi masalah kelewatan kelulusan apabila Pegawai Daerah tiada di pejabat atau sibuk dengan tugas-tugas lain.

9.5.2. Meningkatkan kawalan dalaman dan pemantauan terhadap dokumen semasa pengagihan wang bantuan di peringkat Ibu Pejabat JKM dan PKMD.

9.5.3. Meminta kerjasama daripada organisasi yang dipercayai seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar institut pengajian tinggi untuk menjalankan siasatan bagi kajian semula kes bagi mengurangkan beban tugas pegawai kes JKM.

9.5.4. Menambah baik sistem e-Bantuan dengan mengemukakan cadangan penambahan medan untuk kelulusan Pegawai Daerah bagi Bantuan Am Negeri.

10. SISTEM PENGURUSAN PERAKAUNAN

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Sistem Pengurusan Perakaunan (e-Akaun) adalah satu aplikasi *web-based* yang memberi kemudahan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) melaksanakan proses perakaunan bagi 3 Kumpulan Wang iaitu Zakat, Baitulmal dan Wakaf. Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2005 oleh syarikat pembekal yang telah dilantik secara rundingan terus setelah mendapat persetujuan Mesyuarat Ahli Majlis pada tahun 2003. Sistem yang sepatutnya disiapkan pada 31 Julai 2008 telah disiapkan sepenuhnya selepas lanjutan masa iaitu pada bulan Februari 2009 dengan kos berjumlah RM0.48 juta. Sistem tersebut mengandungi 7 modul asas iaitu Belanjawan, Peruntukan, Lejar Am, Komitmen, Akaun Kena Bayar, Pembekal dan Laporan dan 3 modul tambahan iaitu Buku Tunai, Penyesuaian Bank dan Panjar Wang Runcit.

10.1.2. MAIJ juga mempunyai 4 sistem lain iaitu Sistem Pungutan Zakat (SPZv3) bagi memproses pungutan zakat, e-Wakaf bagi pembelian saham wakaf secara *online*, e-Agihan bagi mengurus agihan dan bantuan-bantuan zakat dan e-Aset bagi menguruskan aset dan inventori.

10.1.3. Objektif e-Akaun adalah untuk menyelenggarakan maklumat berkaitan perakaunan, membantu pihak pengurusan membuat keputusan berkaitan penilaian, menjana maklumat yang diperlukan oleh pihak pengurusan untuk membuat perancangan dan keputusan berkaitan harta serta mempertingkatkan pengurusan akaun.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan dan pengurusan e-Akaun telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pembangunan sistem, kawalan am dan aplikasi serta pelaksanaan e-Akaun bagi tahun 2005 hingga 2010. Kaedah pengauditan adalah dengan menganalisis data, menyemak perjanjian, mengkaji integrasi dengan sistem sedia ada, menilai tahap keselamatan ICT dan dokumen berkaitan. Temu bual dan soal selidik dengan pegawai MAIJ juga dibuat untuk mendapatkan maklum balas.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pada keseluruhannya, pelaksanaan e-Akaun adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah e-Akaun tidak berintegrasi dengan lain-lain sistem, perbezaan angka bagi data yang disatukan, perjanjian kontrak lewat disediakan, pelaksanaan *backup* yang tidak teratur dan polisi latihan bagi pengguna tidak disediakan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

10.4.1. Kelemahan Pembangunan e-Akaun

Tujuan e-Akaun dibangunkan adalah untuk memastikan MAIJ dapat melaksanakan proses perakaunan bagi 3 Kumpulan Wang iaitu Zakat, Baitulmal dan Wakaf. Bagaimanapun, pungutan bagi Kumpulan Wang Zakat akan diproses melalui Sistem Pungutan Zakat (SPZv3). Pada masa yang sama, MAIJ juga menggunakan perisian perakaunan *Unit Business System* (UBS) untuk penyediaan penyata kewangannya memandangkan e-Akaun masih belum stabil sepenuhnya. Pihak Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pembangunan e-Akaun sebagaimana berikut:

10.4.1.1. e-Akaun Tidak Berintegrasi Dengan Lain-Lain Sistem

Semakan Audit mendapati 3 sistem MAIJ iaitu e-Wakaf, e-Agihan dan e-Aset telah dibangunkan pada tahun 2009 mengikut tujuannya masing-masing. Sistem tersebut sepatutnya dapat berintegrasi dengan e-Akaun agar laporan mengenainya dapat dijana terus. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati semasa pembangunan awal e-Wakaf, e-Agihan dan e-Aset, keperluan untuk memastikan sistem tersebut dapat diintegrasikan dengan e-Akaun tidak diambil kira. Ini menyebabkan semua laporan akhir mengenai transaksi bagi 3 sistem tersebut akan dikemukakan secara manual kepada Unit Kewangan untuk penyediaan penyata kewangan dengan menggunakan perisian perakaunan UBS.

10.4.1.2. Modul Tidak Lengkap

Semakan Audit mendapati, MAIJ telah merekodkan transaksi simpanan tetap dan sipiutang/akruan secara manual. Laporan mengenainya akan dimasukkan dalam perisian perakaunan UBS bagi penyediaan lejar akaun, imbalan duga dan penyata kewangan. Ini disebabkan keperluan pengguna mengenai transaksi simpanan tetap dan sipiutang/akruan tidak diambil kira semasa pembangunan e-Akaun. Penggunaan perisian perakaunan UBS akan menyebabkan pengulangan dan penambahan beban kerja serta kemungkinan berlaku kesilapan dalam memasukkan maklumat.

10.4.1.3. Perbezaan Jumlah Pungutan Zakat Antara e-Akaun Dengan SPZv3

Bagi memastikan semua data pungutan dapat disatukan dalam e-Akaun, data pungutan zakat dalam SPZv3 akan dimigrasikan dalam e-Akaun pada setiap hari untuk

membolehkan Unit Kewangan membuat semakan jumlah keseluruhan pungutan MAIJ bagi semua pungutannya yang terdiri dari Kumpulan Wang Zakat, Baitulmal dan Wakaf pada keesokan harinya. Semakan Audit mendapati laporan bulanan pungutan zakat dalam SPZv3 tahun 2009 dan 2010 bagi 12 daerah berbeza dengan laporan dalam e-Akaun seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Perbezaan Jumlah Pungutan Tahunan Zakat Antara SPZv3 Dengan e-Akaun
Mengikut Daerah Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Daerah	2009			2010		
		SPZv3 (RM Juta)	e-Akaun (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	SPZv3 (RM Juta)	e-Akaun (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
1.	Ibu Pejabat	48.48	19.47	29.01	55.19	43.77	11.42
2.	Johor Bahru	22.05	TM	22.05	24.33	22.99	1.34
3.	Batu Pahat	5.97	TM	5.97	7.02	4.46	2.56
4.	Muar	4.25	TM	4.25	4.19	3.69	0.50
5.	Kota Tinggi	2.62	TM	2.62	3.06	2.38	0.68
6.	Ledang	0.38	TM	0.38	0.80	3.41	(2.61)
7.	Segamat	2.33	TM	2.33	2.85	2.42	0.43
8.	Kluang	3.07	TM	3.07	3.36	1.94	1.42
9.	Pontian	2.00	TM	2.00	2.16	1.83	0.33
10.	Pasir Gudang	3.19	TM	3.19	3.64	0.76	2.88
11.	Mersing	0.67	TM	0.67	0.84	0.74	0.10
12.	Kulaijaya	1.39	TM	1.39	1.97	1.44	0.53
Jumlah		96.40	19.47	76.93	109.41	89.83	19.58

Sumber: Laporan e-Akaun Dan SPZv3

Nota: TM - Tiada Maklumat Dalam e-Akaun

Jadual 10.1 menunjukkan perbezaan jumlah pungutan zakat yang ketara antara Laporan Bulanan SPZv3 dengan Laporan Bulanan e-Akaun iaitu sebanyak RM76.93 juta pada tahun 2009 dan RM19.58 juta pada tahun 2010. Perbezaan ini disebabkan SPZv3 dan e-Akaun dibangunkan menggunakan 2 *platform* dan pembekal yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan kedua-dua sistem ini tidak berupaya untuk berintegrasi antara satu sama lain kerana mempunyai pangkalan data yang berbeza dan menyebabkan maklumat antara keduanya tidak dapat dibaca terus oleh sistem. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbezaan juga berlaku mengikut jenis zakat seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Perbezaan Jumlah Pungutan Tahunan Zakat Antara SPZv3 Dengan e-Akaun
Mengikut Jenis Zakat Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Jenis Zakat	2009			2010		
		SPZv3 (RM Juta)	e-Akaun (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	SPZv3 (RM Juta)	e-Akaun (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
1.	Zakat Emas & Perak	0.17	TM	0.17	0.25	0.17	0.08
2.	Zakat Wang Simpanan	27.63	TM	27.63	33.32	26.57	6.75
3.	Zakat Pendapatan	34.08	19.47	14.61	38.09	31.96	6.13
4.	Zakat Saham	0.30	TM	0.30	0.37	0.26	0.11
5.	Zakat Perniagaan	34.01	0.00	34.01	37.15	30.69	6.46
6.	Zakat Galian & Rikaz	0.00	TM	0.00	0.00	0.00	0.00
7.	Zakat Ternakan	0.14	TM	0.14	0.16	0.13	0.03
8.	Zakat Tanaman	0.07	TM	0.07	0.07	0.05	0.02
Jumlah		96.40	19.47	76.93	109.41	89.83	19.58

Sumber: Laporan e-Akaun Dan SPZv3

Nota: TM - Tiada Maklumat Dalam e-Akaun

Pada pendapat Audit, objektif pembangunan e-Akaun tidak tercapai kerana e-Akaun tidak berintegrasi dengan sistem-sistem yang digunakan oleh MAIJ menyebabkan Penyata Kewangan tidak dapat dijana melalui e-Akaun. MAIJ terpaksa menggunakan perisian UBS dan ada transaksi yang direkodkan secara manual kerana modul yang berkaitan tidak disediakan dalam e-Akaun dan terdapat juga perbezaan angka antara laporan bulanan e-Akaun dengan Sistem SPZv3 yang disatukan.

10.4.2. Perbezaan Baki Peruntukan Di Buku Vot Manual Dengan e-Akaun

MAIJ menggunakan Buku Vot manual dan Modul Peruntukan dalam e-Akaun secara serentak untuk mencatatkan peruntukan dan perbelanjaan. Semakan Audit mendapati baki peruntukan di Modul Peruntukan e-Akaun berbeza dengan baki Buku Vot manual sebanyak RM21.70 juta. Perbezaan ini disebabkan oleh proses pengemaskinian tidak dilakukan oleh Pembantu Tadbir Kewangan secara berkala. Oleh itu, laporan antara Buku Vot manual dan Modul Peruntukan e-Akaun tidak akan menunjukkan angka yang tepat sepanjang masa. Perbezaan vot manual dan sistem yang ketara boleh menjejaskan kesahihan untuk mengesahkan penyata kewangan kelak. Baki peruntukan bagi tahun 2010 berbeza antara Buku Vot manual dengan Modul Peruntukan dalam e-Akaun seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Perbezaan Baki Peruntukan Bagi Tahun 2010
Antara Buku Vot Manual Dengan Modul Peruntukan e-Akaun

Bil.	Kumpulan Wang	Buku Vot Manual (RM Juta)	e-Akaun (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
1.	Zakat			
	i. Fakir	2.34	6.27	3.93
	ii. Miskin	4.53	10.96	6.43
	iii. Amil	1.99	5.11	3.12
	iv. Fisabilillah	2.35	7.35	5.00
2.	Baitulmal	1.88	3.75	1.87
3.	Wakaf	0.06	1.41	1.35
Jumlah		13.15	34.85	21.70

Sumber: Modul Peruntukan e-Akaun Dan Buku Vot Manual

Pada pendapat Audit, penggunaan Buku Vot manual dan Modul Peruntukan e-Akaun secara serentak adalah tidak memuaskan kerana terdapat perbezaan angka yang ketara telah menjejaskan integriti data.

10.4.3. Kawalan Am

Kawalan Am adalah penting terhadap pembangunan sistem dan merupakan kawalan terhadap pemprosesan komputer yang merangkumi prosedur secara manual dan program. Kawalan Am dalam persekitaran ICT dapat memberi jaminan yang munasabah terhadap pencapaian objektif kawalan dalaman. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

10.4.3.1. Perjanjian Kontrak Lewat Ditandatangani

Tempoh perjanjian bagi pembangunan e-Akaun adalah selama 3 tahun iaitu dari 1 Ogos 2005 hingga 31 Julai 2008. Bagaimanapun, perjanjian kontrak ditandatangani pada 23 April 2008 iaitu 3 bulan sebelum kontrak pembangunan e-Akaun tamat. Semakan Audit mendapati perjanjian kontrak lewat ditandatangani kerana kelewatan proses penyediaan draf pertama perjanjian sehingga perjanjian ditandatangani telah mengambil masa 2 tahun 3 bulan. Penyediaan draf pertama hanya disediakan 5 bulan selepas pembangunan e-Akaun dimulakan. Selain itu, semakan Audit terhadap syarat kontrak mendapati keperluan waranti, wang jaminan pelaksanaan dan penalti tidak dinyatakan dalam perjanjian.

10.4.3.2. Jejak Audit Melalui Log Transaksi Tidak Dibuat

Mengikut Arahan Teknologi Maklumat MAMPU dan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000, jejak audit perlu diwujudkan bagi merekodkan maklumat transaksi seperti tarikh, masa, lokasi, pengguna dan aktiviti yang dijalankan termasuk perubahan sistem aplikasi dan capaian serta cubaan capaian oleh penggodam (*hackers*). Jejak audit hendaklah disemak dari semasa ke semasa, dibuat *backup* dan disimpan untuk tujuan rujukan dan tindakan. Semakan Audit mendapati e-Akaun ini tidak mempunyai jejak audit bagi semua transaksinya. Ketiadaan jejak audit menyukarkan Pentadbir Sistem untuk mengesan kesilapan dan penyelewengan jika maklumat diceroboh.

10.4.3.3. Panduan Dan Dokumentasi Sistem Tidak Lengkap

Panduan Pengguna e-Akaun hendaklah disediakan oleh pembekal dan dikemukakan kepada MAIJ untuk rujukan pengguna dan pentadbir sistem semasa mengendalikan e-Akaun. Pembekal hendaklah menyerahkan dokumentasi sistem yang lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* kepada MAIJ selewat-lewatnya sebelum perjanjian tamat pada 31 Julai 2008. Dokumen yang perlu diserahkan merangkumi Panduan Pengguna dan *Functional And Technical Requirement Specification* bagi setiap modul aplikasi yang dibangunkan. Semakan Audit mendapati pembekal hanya menyediakan Panduan Pengguna untuk rujukan MAIJ. Bagaimanapun, panduan pengguna tersebut tidak dibuat edaran kepada semua pegawai yang menggunakan e-Akaun. Bagi memudahkan pihak pengguna, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) MAIJ memaklumkan pihaknya ada memberi taklimat sebanyak 2 kali mengenai panduan penggunaan e-Akaun sejak ia dibangunkan. Selain itu, seramai 11 atau 40.7% pengguna menyatakan mereka tidak mengetahui kewujudan panduan pengguna yang boleh dijadikan rujukan.

10.4.3.4. Tiada Prosedur Kawalan Perubahan

Kawalan perubahan sistem perlu diwujudkan untuk memastikan kesahihan perubahan sistem terjamin. Ini termasuk penetapan prosedur bagi meluluskan sebarang perubahan yang dijalankan. Pembekal perlu menyediakan dokumentasi dan cadangan perubahan terhadap sistem kepada Jawatankuasa Teknikal untuk kelulusan dan seterusnya membuat pemantauan ke atas setiap perubahan yang dibuat. Semakan Audit mendapati tiada prosedur atau borang tertentu digunakan bagi tujuan tersebut dan tiada pemantauan daripada pihak MAIJ. Ini menyebabkan terdapat 2 modul di dalam dokumen perjanjian berbeza dengan modul yang dibangunkan di dalam e-Akaun. Dua modul tersebut diganti kerana tidak digunakan setelah setahun beroperasi kerana pengguna kurang jelas mengenai fungsi modul tersebut seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Perbezaan Modul Antara Perjanjian Dan Pelaksanaan

Bil.	Jenis Modul	
	Perjanjian	Pelaksanaan
1.	Modul Pembekal	Modul Penerima (Unit Bantuan)
2.	Modul Laporan	Modul Penyewa (Unit Kewangan)

Sumber: Perjanjian Dan e-Akaun

10.4.3.5. Pelaksanaan *Backup* Tidak Teratur

Backup hendaklah disimpan di tempat yang selamat di bangunan lain sekurang-kurangnya dalam 3 salinan. MAIJ hendaklah menguji data *backup* sekurang-kurangnya sekali setahun. Semakan Audit mendapati MAIJ tidak mempunyai polisi pelaksanaan *backup* secara formal dan tidak didokumenkan. Selain itu, MAIJ juga tidak dapat membuktikan bahawa salinan *backup* telah dibuat. Oleh itu, ujian *restore* ke atas *backup* tidak dilakukan bagi memastikan sama ada data yang disimpan dapat dibaca dan digunakan semula.

10.4.3.6. Polisi Dan Rancangan Latihan Bagi Pengguna Tidak Disediakan

MAIJ perlu merancang untuk mengadakan latihan yang formal bagi melatih/melatih semula kesemua kakitangan yang menggunakan e-Akaun dan pegawai daripada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sejajar dengan perancangan BTM MAIJ. Semakan Audit mendapati tiada perancangan latihan formal dilakukan oleh MAIJ. Pengguna hanya diberi tunjuk ajar secara *hands on* semasa bertugas. Oleh itu, pengguna akan berhubung terus dengan pembekal untuk menyelesaikan masalah sama ada melalui talian telefon atau pembekal akan datang ke pejabat. Amalan ini (pembekal datang ke pejabat) akan mengambil masa untuk menyelesaikan masalah sekiranya tindakan yang serta-merta perlu dilakukan. Selain itu, MAIJ juga didapati terlalu bergantung pada pembekal bagi menyelesaikan masalah. Menurut MAIJ, pegawai yang menggunakan modul-modul utama e-Akaun kerap berlaku pertukaran. Oleh itu, tunjuk ajar secara *hands on* adalah kaedah yang lebih mudah dan pantas dilakukan.

10.4.3.7. *Transfer Of Technology* Tidak Menyeluruh

Transfer of Technology (TOT) adalah bermaksud pemindahan teknologi daripada pembekal kepada BTM MAIJ mengenai e-Akaun bagi memastikan MAIJ tidak terlalu bergantung kepada pembekal jika timbul sebarang masalah. Semakan Audit mendapati TOT masih belum dilaksanakan oleh pembekal kepada MAIJ. Ini kerana kelemahan perjanjian tidak menyatakan keperluan TOT dalam Perjanjian Pembangunan Sistem. Menurut MAIJ, TOT ada dilakukan tetapi tidak secara menyeluruh. Ia melibatkan pemasangan dan pengujian sistem di komputer pengguna yang dilakukan oleh Juruteknik Komputer MAIJ.

10.4.3.8. Pengurusan Perkhidmatan Meja Bantuan Belum Diwujudkan

Perkhidmatan Meja Bantuan adalah perlu bagi memudahkan pengguna untuk berhubung dengan Pentadbir Sistem sekiranya terdapat masalah dan kemusykilan yang perlu diselesaikan segera. Semakan Audit mendapati perkhidmatan meja bantuan untuk e-Akaun tidak diwujudkan. Amalan yang dilakukan oleh MAIJ ialah dengan menghubungi terus pembekal jika ada sebarang kemusykilan yang timbul.

Pada pendapat Audit, Kawalan Am MAIJ tidak memuaskan kerana dokumen perjanjian lewat disediakan, jejak audit dan perkhidmatan meja bantuan tidak diwujudkan, panduan *Functional And Technical Requirement Specification* tidak disediakan, tiada prosedur Kawalan Perubahan yang sistematik, latihan yang tidak formal dan TOT yang masih belum dilaksanakan menyebabkan MAIJ terlalu bergantung kepada pembekal. Ini boleh menjejaskan keberkesanan tugas seharian pengguna sistem sekiranya masalah yang dihadapi tidak dapat diselesaikan dengan segera.

10.4.4. Maklum Balas Pengguna e-Akaun Terhadap Soal Selidik Audit

Soal selidik terhadap 30 responden yang terdiri daripada 27 pengguna dan 3 pihak pengurusan yang terlibat telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas responden terhadap keberkesanan pelaksanaan e-Akaun di MAIJ. Berikut adalah hasil analisis soal selidik tersebut:

10.4.4.1. Penggunaan e-Akaun

Seramai 23 atau 76.7% responden bersetuju sistem ini mudah digunakan manakala, 7 atau 23.3% responden tidak bersetuju sistem ini mudah digunakan. Antara masalah yang dihadapi oleh pengguna mengenai sistem ini ialah sistem kerap *hang*, input data kerap berulang, masa proses panjang antara menu dan banyak peringkat bagi satu transaksi, *duplicate effort* dan terdapat data yang telah dikemaskinikan tetapi outputnya masih lagi data yang lama.

10.4.4.2. Kebergantungan Penyelesaian Masalah e-Akaun

Analisis Audit terhadap soal selidik pengguna mengenai kebergantungan penyelesaian masalah terhadap e-Akaun adalah seperti berikut:

- a. Seramai 25 atau 92.6% pengguna menyatakan akan menghubungi terus pembekal sekiranya menghadapi masalah semasa menggunakan e-Akaun.
- b. Seramai 21 atau 77.8% pengguna menyatakan pembekal mudah dihubungi.
- c. Seramai 7 atau 25.9% pengguna menyatakan pembekal akan mengambil masa selama satu hingga 2 hari untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- d. Seramai 5 atau 18.5% pengguna menyatakan tindakan penyelesaian masalah akan diambil kurang dari satu hari.

Kebergantungan terhadap tindakan penyelesaian masalah yang melibatkan pembekal akan mengambil masa dan akan mengganggu tugas seharian pengguna terutamanya jika masalah tersebut perlu diselesaikan dengan segera. MAIJ perlu memastikan BTM mempunyai kepakaran mengenai sistem yang dibangunkan melalui TOT yang dibuat oleh pembekal.

10.4.4.3. Cadangan Dan Pandangan Pengguna Terhadap Soal Selidik Audit

Analisis Audit terhadap soal selidik pengguna juga mendapati pelbagai cadangan dan pandangan telah diberikan bagi mempertingkatkan e-Akaun seperti berikut:

- a. Menyediakan manual pengguna yang lebih lengkap dan mudah difahami.
- b. Memastikan masalah integrasi antara SPZv3 dengan e-Akaun dapat diatasi supaya tiada lagi berlaku perbezaan angka agar semakan dan laporan akhir mengenai jumlah keseluruhan pungutan mudah dilakukan.

- c. Mewujudkan medan dan memasukkan data nama penyewa di dalam Modul Penyewa agar semakan senarai nama penyewa boleh terus dilakukan melalui e-Akaun.
- d. Setiap peringkat proses dalam e-Akaun dapat diringkaskan serta menambah baik sistem bil bagi sewaan baitulmal agar ia lebih *user friendly*.

Pada pendapat Audit, keberkesanan pelaksanaan e-Akaun perlu dipertingkatkan agar sistem ini dapat melancarkan tugas seharian pegawai MAIJ.

10.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Sistem Pengurusan Perakaunan MAIJ adalah tidak dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan objektif e-Akaun dapat dicapai, adalah disyorkan perkara berikut:

10.5.1. Penambahbaikan terhadap e-Akaun dibuat dengan mengambil kira keperluan pengguna dan dapat berintegrasi dengan sistem yang ada supaya penyata kewangan dapat dikeluarkan tanpa menggunakan perisian perakaunan UBS.

10.5.2. Mengenal pasti kelemahan antara e-Akaun dan SPZv3 dan menambah baik sistem berkenaan bagi memastikan integriti data terjamin.

10.5.3. Memperbanyakkan latihan kepada pegawai yang menggunakan e-Akaun dan pegawai BTM MAIJ perlu mendapatkan peralihan teknologi mengenai e-Akaun agar MAIJ tidak bergantung sepenuhnya kepada pembekal.

10.5.4. Bagi meningkatkan kawalan terhadap pelaksanaan e-Akaun, MAIJ perlu menyediakan polisi dan standard keselamatan maklumat untuk digunakan sebagai rujukan kepada semua pengguna dan menyediakan Meja Bantuan bagi memastikan masalah pengguna dapat ditangani dengan cepat.

11. PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Bangunan pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru (Majlis) terletak di atas tanah Lot PTD 7316 dan PTD 7317 mukim bandar berkeluasan 0.45 hektar. Pada tahun 2001, Majlis telah bercadang untuk membina bangunan tambahan. Tujuan utama pembinaan bangunan tambahan ini adalah untuk memenuhi keperluan ruang pejabat yang tidak mencukupi serta mewujudkan suasana yang lebih selesa kepada pengunjung dan kakitangan Majlis. Untuk tujuan itu, Majlis telah mengenal pasti lokasi tapak pembinaan bangunan tambahan iaitu di Lot 7317 yang terletak bersebelahan dengan bangunan ibu pejabat Majlis sedia ada. Skop kerja bangunan tambahan meliputi pembinaan sebuah menara pejabat 6 tingkat dan disambungkan terus dengan bangunan sedia ada yang dilengkapi dengan Dewan Mesyuarat Utama, Bilik Tindakan, Pejabat Datuk Bandar, Pejabat Setiausaha dan Bilik Ahli Majlis.

11.1.2. Kos pembangunan asal projek ini dianggarkan RM24 juta dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Majlis pada bulan Julai 2005. Bagaimanapun, kos kontrak dikurangkan kepada RM14.81 juta melalui Arahan Perubahan Kerja pada 15 November 2006. Sehingga akhir tahun 2010, Akaun Muktamad bagi kontrak kerja ini belum disediakan dan sejumlah RM18.38 juta telah dibayar kepada kontraktor. Peruntukan membiayai projek ini adalah melalui kemudahan pinjaman Bank Muamalat *Revolving Fund* (MRF) berjumlah RM15 juta dan selebihnya daripada sumber dana Majlis sendiri.

11.1.3. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dipilih melalui tender terbuka selepas mengadakan proses pra-kelayakan kontraktor pada bulan Oktober 2005. Penyeliaan projek pula dilaksanakan oleh juru perunding yang dilantik oleh Majlis. Tempoh kontrak asal selama 2 tahun bermula dari 1 Januari 2006 telah dilanjutkan sehingga bangunan siap dibina sepenuhnya pada 21 Ogos 2009 selepas 6 kali lanjutan masa. Bangunan tambahan Ibu Pejabat Majlis yang telah siap adalah seperti **Gambar 11.1**.

Gambar 11.1
Bangunan Tambahan Pejabat
Majlis Bandaraya Johor Bahru



Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembinaan bangunan tambahan Majlis telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat selaras dengan matlamat pembinaannya.

11.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan bangunan tambahan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Pengauditan ini dilaksanakan dengan menyemak kontrak, fail, rekod dan dokumen berkaitan di Jabatan Kewangan dan Jabatan Kejuruteraan Majlis. Pemeriksaan fizikal di tapak projek juga dilaksanakan bagi meninjau keadaan bangunan dari aspek penggunaan, penyenggaraan dan keselamatan bangunan. Selain itu, temu bual dengan pegawai Majlis, juru perunding dan orang awam juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat tambahan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati walaupun Majlis telah menyiapkan pembinaan bangunan tambahan, tujuan pembinaan projek ini tidak tercapai sepenuhnya kerana ruang pejabat masih tidak mencukupi yang menyebabkan beberapa Jabatan di Majlis masih terus beroperasi di luar bangunan tambahan yang baru dibina. Pihak Audit juga mendapati keseluruhan pembinaan projek ini tidak diuruskan dengan baik kerana pembinaan tidak mengikut perancangan asal, projek lewat disiapkan selama 597 hari, perbelanjaan projek tanpa peruntukan, pengurusan kontrak yang lemah, bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan dan penggunaan kemudahan yang tidak optimum. Faktor yang menyebabkan berlakunya kelemahan tersebut ialah tiada perancangan yang sempurna dan kelemahan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh juru perunding dan kontraktor. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

11.4.1. Prestasi Projek

11.4.1.1. Projek Lewat Disiapkan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan kerja pembinaan projek ini pada 31 Disember 2007 iaitu dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemilikan tapak pada 1 Januari 2006. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan pada 21 Ogos 2009 selepas 6 lanjutan masa diberikan kepada kontraktor iaitu tempoh kelewatan selama 597 hari. Antara sebab lanjutan masa diluluskan ialah pindaan reka bentuk bangunan, faktor cuaca, kerja-kerja tambahan dan kelewatan sambungan bekalan elektrik oleh TNB. Kelewatan menyiapkan projek menyebabkan Majlis tidak dapat menggunakan ruang pejabat dan kemudahan yang disediakan seperti yang telah dirancang. Majlis juga terpaksa membuat tambahan pembayaran sewa pejabat di Menara Tabung Haji Johor Bahru sepanjang tempoh kelewatan iaitu sejumlah RM0.62 juta. Butiran lanjut mengenai lanjutan masa yang diberikan adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Sebab Dan Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan

Bil.	Tempoh	Tarikh Perakuan	Tempoh Lanjutan Masa (Hari)	Sebab Lanjutan Masa
1.	1.1.2008 hingga 29.6.2008	13.12.2007	180	Pindaan keseluruhan bentuk cadangan (150 hari) Hujan berterusan yang menyebabkan banjir besar (30 hari)
2.	30.6.2008 hingga 27.10.2008	13.6.2008	120	Perubahan kedudukan <i>piling</i> semasa kerja dijalankan (38 hari) Perubahan kedudukan koridor dan penambahan bilik AHU di lantai bawah dan tingkat 1 berikutan perubahan sistem <i>air-cond</i> daripada VRF kepada <i>cooling tower</i> (66 hari) Faktor hujan (16 hari)
3.	28.10.2008 hingga 26.12.2008	27.10.2008	60	Pengesahan bilik kawalan CCTV, PA System dan panel kawalan pencegah kebakaran (15 hari) Pengesahan reka bentuk dalaman untuk kaunter serta lokasi bilik kebal dan bilik stor Jabatan Kewangan (60 hari) Faktor hujan (3 hari) Bekalan elektrik daripada TNB (60 hari)
4.	27.12.2008 hingga 24.2.2009	12.1.2009	60	Bekalan elektrik daripada TNB (30 hari) Kerja-kerja tambahan (30 hari)
5.	25.2.2009 hingga 31.3.2009	30.4.2009	35	Bekalan elektrik daripada TNB Bekalan air daripada SAJH Pertukaran bahan dan reka bentuk struktur bagi menutupi tangki air Arahan bagi perubahan susun atur pejabat dan kerja-kerja M&E Arahan penyambungan semula kerja-kerja pemasangan rangkaian talian komputer di bangunan baru
6.	1.4.2009 hingga 21.8.2010	Tiada tarikh	142	Bekalan elektrik daripada TNB masih belum disambung menyebabkan kerja-kerja pengujian sistem M&E tidak dapat dijalankan (72 hari) Arahan daripada Pegawai Penguasa untuk membaik pulih bangunan sedia ada (70 hari)
Jumlah			597	

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

11.4.1.2. Pemberian Lanjutan Masa Tidak Teratur

Mengikut Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 16 Mei 2007, pelanjutan masa yang pertama hendaklah diberi berasaskan tempoh yang dianggap berpatutan bagi kontraktor menyiapkan projek. Pelanjutan masa yang berulang kali hendaklah dielakkan. Pelanjutan masa hanya dibenarkan sekiranya punca kelewatan projek adalah di luar kawalan kontraktor serta memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak kerja. Semakan Audit mendapati 6 lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor dalam tempoh kontrak kerja. Amalan memberi pelanjutan masa secara berulang kali kepada kontraktor yang lewat menyiapkan projek adalah bertentangan dengan Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan tersebut. Selain itu, Majlis telah meluluskan lanjutan masa selama 197 hari di mana punca kelewatan adalah disebabkan oleh masalah bekalan elektrik daripada TNB yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak kontraktor dan Majlis. Menurut Majlis, kelewatan yang berlaku adalah berpunca daripada TNB sendiri yang tidak dapat menyelesaikan masalahnya.

11.4.1.3. Perubahan Skop Kerja Yang Ketara

Perancangan hendaklah dibuat dengan sempurna dan teliti di peringkat awal pelaksanaan projek dengan mengambil kira semua keperluan Majlis bagi memastikan pembinaan projek dapat disiapkan tanpa kelewatan. Semakan Audit mendapati pihak Majlis telah membuat perubahan skop kerja yang ketara semasa kerja pembinaan projek pada tahap 9.45%. Majlis telah mengubah bangunan tambahan yang pada asalnya 6 tingkat pejabat dan auditorium kepada bangunan 2 tingkat pejabat dan 4 tingkat tempat letak kereta. Lanjutan masa selama 150 hari telah diberikan kepada kontraktor untuk membolehkan perunding menyediakan reka bentuk, plan pembinaan dan senarai kuantiti yang baru. Perubahan terhadap skop kerja pembinaan bangunan baru Majlis menyebabkan perancangan awal yang telah dibuat sejak tahun 2001 mengalami perubahan yang ketara di mana sebahagian besar reka bentuk bangunan pejabat baru Majlis telah diubah. Menurut Majlis, perubahan ini dilakukan bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta kakitangan. Perubahan skop kerja juga menyebabkan peningkatan terhadap yuran juru perunding bertambah sejumlah RM0.54 juta iaitu daripada RM1.70 juta kepada RM2.24 juta.

11.4.1.4. Perubahan Harga Kontrak Tidak Terikat

- a. Setiap perubahan daripada perjanjian kontrak kerja yang dibuat melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan antaranya perubahan tersebut tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal. Bagi APK yang melibatkan pengukuran semula kuantiti sementara (*provisional quantity*) tanpa tambahan atau perubahan skop kerja asal yang menyebabkan pengurangan harga kontrak, kelulusan adalah di bawah kuasa Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati skop kerja kontrak pembinaan 6 tingkat bangunan pejabat termasuk aras bawah berharga RM24.39 juta telah diubah kepada

2 tingkat bangunan pejabat dan 4 tingkat tempat meletak kereta berharga RM14.81 juta iaitu penurunan sebanyak 39.28%. Perbandingan antara skop kerja asal mengikut kontrak dengan skop kerja pembinaan yang baru adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Perbandingan Antara Skop Kerja Asal Dengan Skop Kerja Baru

Bil.	Butiran Kerja	Kos Kontrak Asal (RM Juta)	Kos Anggaran Baru (RM Juta)
1.	<i>Preliminaries and Demolition Works</i>	0.41	0.43
2.	<i>Piling</i>	0.86	0.86
3.	<i>Building</i>		
	- <i>New Parking Building</i>	-	2.67
	- <i>Roof Slab Parking</i>	-	0.45
	- <i>New Office Building & Tower</i>	8.04	2.90
	- <i>Ramp</i>	-	0.56
	- <i>Refurbishment To Existing Building</i>	1.74	0.50
4.	<i>Mechanical & Electrical</i>	-	0.55
5.	<i>External Works</i>	3.17	3.10
6.	<i>Prime Cost and Provisional Sums</i>		
	- <i>New Building</i>	7.19	1.35
	- <i>Existing Building</i>	1.53	1.07
	- <i>Provisional Sums</i>	1.45	0.37
Jumlah		24.39	14.81

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

- b. Perubahan skop kerja tersebut dibuat atas arahan daripada Pegawai Penguasa bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kalangan kakitangan Majlis. Bagaimanapun, perubahan skop kerja tersebut diluluskan Pegawai Penguasa melalui APK. Perubahan skop kerja walaupun melibatkan pengurangan harga kontrak yang besar tidak menepati kriteria yang ditetapkan bagi pelaksanaan kerja melalui APK. Skop kerja baru telah menukar sebahagian besar skop kerja asal dan kerja-kerja seperti pembinaan tempat meletak kereta dan *ramp* yang tidak ditentukan dalam kontrak asal. Selain itu, tiada perjanjian baru/tambahan dibuat semasa penurunan harga kontrak asal kepada harga baru RM14.81 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati harga projek telah meningkat kepada RM18.38 juta iaitu meningkat sebanyak RM3.57 juta atau 24%. Peningkatan tersebut adalah disebabkan penambahan kerja-kerja baru yang dibuat melalui APK dan bayaran sepenuhnya telah dibuat oleh Majlis. Mengikut penjelasan Majlis, perubahan skop kerja tidak dimuktamadkan kerana pihak perunding masih dalam penyediaan pelan keseluruhan pada masa itu mengikut keperluan Majlis yang dikemukakan dari masa ke semasa. Maklumat lanjut berhubung kerja tambahan adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Pembayaran Yang Telah Dibuat Majlis Sehingga 31 Disember 2010

Bil.	Butiran Kerja	Kos Anggaran Baru (RM Juta)	Kerja Tambahan (RM Juta)	Pembayaran Sehingga 31 Disember 2010 (RM Juta)	Catatan
1.	<i>Preliminaries and Demolition Works</i>	0.43	-	0.43	
2.	<i>Piling</i>	0.86	-	0.86	
3.	<i>Building</i>				
	<i>New Parking Building</i>	2.67	-	2.67	
	<i>Roof Slab Parking</i>	0.45	-	0.45	
	<i>New Office Building & Tower</i>	2.90	-	2.90	
	<i>Ramp</i>	0.56	-	0.56	
	<i>Refurbishment To Existing Building</i>	0.50	-	0.50	
4.	<i>Mechanical & Electrical</i>	0.55	-	0.55	
5.	<i>External Works</i>	3.10	-	3.10	
6.	<i>Prime Cost and Provisional Sums</i>				
	<i>New Building</i>	1.35	-	1.35	
	<i>Existing Building</i>	1.07	-	1.07	
	<i>Provisional Sums</i>	0.37	-	0.37	
7.	Laluan Pejalan Kaki	-	0.41	0.41	Dibuat melalui APK No.6
8.	Wall Cladding	-	2.01	2.01	Dibuat melalui APK No.7
9.	Variation of Price	-	1.15	1.15	Melalui Surat Persetujuan
Jumlah		14.81	3.57	18.38	

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pada pendapat Audit, APK yang dikeluarkan adalah tidak teratur. Perubahan skop kerja yang ketara tidak boleh dibuat dan diluluskan melalui penggunaan APK kerana ia melibatkan perubahan terhadap sebahagian besar reka bentuk bangunan. Pihak Majlis patut membuat tender semula bagi kontrak kerja yang melibatkan perubahan skop kerja yang begitu besar. Begitu juga kerja-kerja tambahan di luar skop kerja asal sepatutnya dielakkan selepas kerja-kerja projek dimulakan.

11.4.1.5. Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan

- Bangunan yang mempunyai bumbung rata sering kali mengalami masalah resapan air sekiranya permukaan bumbung retak, air bertakung dan lapisan kalis air tidak berfungsi. Kerja menyapu lapisan kalis air perlu dibuat dengan kecerunan yang betul supaya air boleh mengalir ke sistem saliran air hujan dan tidak bertakung. Lepaan di permukaan bumbung rata akan mengalami keretakan apabila berlaku pengecutan. Semasa kerja-kerja melepai dijalankan, *contraction joint* perlu dibuat di permukaannya untuk mengelakkan keretakan. Pemeriksaan Audit mendapati kesan keretakan dan takungan air wujud di permukaan bumbung rata di Aras 5 bangunan. Perkara ini berlaku disebabkan kecerunan tidak dibuat mengikut lukisan pembinaan. Selain itu, *contraction joint* juga tidak dinyatakan dalam lukisan pembinaan menyebabkan tiada ruang konkrit yang digunakan sebagai bahan permukaan bumbung untuk mengembang apabila cuaca panas. Selain itu, saluran longkang hujan juga tidak

dibersihkan menyebabkan pengaliran air tersekat dan melimpah di atas permukaan bumbung. Kesan keretakan dan takungan air di Aras 5 adalah seperti di **Gambar 11.2** dan **Gambar 11.3**. Selepas mendapat teguran Audit, pihak kontraktor mengikut arahan Majlis telah membaiki permukaan retak di Aras 5 dengan menggunakan lapisan *epoxy* dan menambah *expansion point* bagi mengelakkan keretakan berlaku.

Gambar 11.2
Permukaan Bumbung Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 25 Ogos 2010

Gambar 11.3
Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 25 Ogos 2010

- b. Penyediaan permukaan dan ikatan kepada permukaan yang dilepa, kualiti pasir, nisbah campuran yang betul serta lepaan yang konsisten perlu diberi perhatian bagi mendapatkan lepaan permukaan lantai yang berkualiti, tidak retak dan tertanggal. Pemeriksaan Audit mendapati lepaan simen di bahagian permukaan lantai tingkat tangki air telah retak dan pecah. Terdapat lubang-lubang di lantai yang dipenuhi dengan pasir yang peroi. Keadaan ini menunjukkan kerja lepaan di permukaan lantai yang dibuat adalah tidak berkualiti. Di aras yang sama, terdapat 2 tangki air untuk kegunaan domestik telah dipasang di atas rasuk konkrit. Pemeriksaan Audit mendapati lepaan simen pada rasuk konkrit telah retak dan pecah. Kesan lepaan simen yang telah retak dan pecah adalah seperti di **Gambar 11.4** dan **Gambar 11.5**.

Gambar 11.4
Lepaan Simen Retak Dan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 25 Ogos 2010

Gambar 11.5
Rasuk Konkrit Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 25 Ogos 2010

- c. Berdasarkan spesifikasi, permukaan lepaan simen hendaklah dilicinkan dengan kemas. Pemeriksaan Audit mendapati terdapat kesan tapak kasut yang terbenam di beberapa kawasan pembinaan seperti di sepanjang lantai koridor Aras 2 tempat letak kereta. Keadaan ini membuktikan juru perunding tidak menyelia kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan rapi. Pihak Majlis juga tidak seharusnya menerima hasil kerja yang tidak berkualiti.
- d. Selepas sesuatu projek disiapkan, sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan dan kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati perjanjian hendaklah dimaklumkan kepada kontraktor utama secara bertulis. Ini bagi membolehkan kontraktor membaiki kecacatan dan ketidaksempurnaan tersebut tanpa melibatkan perbelanjaan tambahan semasa projek tersebut masih berada dalam tempoh tanggungan kecacatan yang tamat pada 21 Ogos 2010. Semakan Audit mendapati Majlis telah melaporkan senarai kerosakan dan kecacatan pembinaan kepada kontraktor pada 13 Julai 2010. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada bulan Januari 2011, terdapat kerosakan yang masih belum dibaiki dengan sempurna atau mengalami kerosakan semula selepas dibaiki oleh pihak kontraktor seperti di laluan koridor di aras bawah, tempat letak kereta di Aras 3 dan kawasan tangki air. Butiran lanjut kerosakan yang masih berlaku adalah seperti di **Gambar 11.6** hingga **Gambar 11.9**.

Gambar 11.6
Bocor Di Antara Bangunan Lama Dengan
Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras Bawah, Laluan Koridor
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.7
Bocor Di Bahagian Lampu, Lampu Rosak Dan
Casing Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras Bawah, Laluan Koridor
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.8
Floor Trap, Longkang, Tiang Dan Permukaan
Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 3, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.9
Air Bertakung Di Bawah Tangki Dan Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 12 Januari 2011

11.4.2. Perbelanjaan Projek Tanpa Peruntukan Yang Mencukupi

11.4.2.1. Seksyen 57 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) menetapkan sesuatu perbelanjaan tidak boleh dilakukan melainkan jika dimasukkan dalam anggaran. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi pembinaan projek ini telah dibuat tanpa peruntukan yang mencukupi di mana hanya RM5 juta disediakan bagi tahun 2006. Manakala baki peruntukan perbelanjaan bagi maksud pembangunan projek ini yang dianggarkan sejumlah RM24 juta tidak dimasukkan ke dalam bajet 2007 hingga 2009.

11.4.2.2. Pihak Audit dimaklumkan peruntukan yang diperlukan tidak dimasukkan ke dalam bajet mengikut tahun pelaksanaannya disebabkan kedudukan kewangan Majlis adalah agak lemah tanpa dana yang mencukupi untuk membiayai projek pembinaan

tersebut. Oleh itu, pihak Majlis terpaksa mendapatkan kemudahan kredit pembiayaan daripada sebuah institusi kewangan pada tahun 2007 bagi melaksanakan pembangunan projek ini.

11.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM15 juta merupakan kemudahan kredit pembiayaan daripada bank telah diterima sepenuhnya dengan dikenakan faedah bank (*rollover fee*) pada kadar 5.0% hingga 5.5% setahun. Pembiayaan ini menyebabkan Majlis menanggung beban pembayaran caj bank yang tinggi. Sehingga bulan Disember 2010, Majlis telah membayar sejumlah RM1.18 juta bagi faedah kewangan dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Bank semenjak pengeluaran kali pertama wang kemudahan kredit dibuat pada bulan November 2007. Selain itu, Majlis hanya dapat membayar balik RM2 juta daripada RM15 juta kemudahan kredit yang digunakan kerana kedudukan kewangan Majlis tidak mengizinkan.

Pada pendapat Audit, peruntukan terhadap sesuatu maksud perbelanjaan yang dibuat oleh Majlis hendaklah dimasukkan ke dalam bajet tahunan sebagai langkah kawalan perbelanjaan. Selain itu, kemudahan kredit pembiayaan pembinaan projek ini adalah tidak sesuai digunakan oleh Majlis kerana ia merupakan pinjaman jangka pendek bagi menstabilkan modal kerja. Pembayaran balik lebih awal kemudahan kredit sebanyak RM15 juta ini akan menguntungkan Majlis dari segi pengurangan bayaran faedah.

11.4.3. Pengurusan Kontrak Yang Lemah

11.4.3.1. Pelaksanaan Kerja Tambahan Melalui Arahan Perubahan Kerja

- a. Arahan Perbendaharaan 202 menjelaskan bahawa sesuatu perubahan atau penyimpangan daripada perjanjian kontrak hendaklah dibuat melalui Arahan Perubahan Kerja (APK). Setiap perubahan daripada kontrak kerja juga hendaklah memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan antaranya pelaksanaan kerja tambahan hendaklah seboleh-bolehnya dibuat melalui tawaran tender atau sebut harga berasingan. Majlis telah meluluskan 8 APK antaranya APK No. 6 bagi kerja Laluan Pejalan Kaki bernilai RM0.40 juta dan APK No. 7 bagi kerja *Metal Wall Cladding* bernilai RM2 juta dan diberikan kepada kontraktor utama. Semakan Audit mendapati walaupun kerja *Metal Wall Cladding* ada dinyatakan dalam skop kerja kontrak asal tetapi jumlahnya amat kecil sekali iaitu RM84,550 sahaja. Oleh yang demikian, kedua-dua kerja tersebut yang berjumlah RM2.40 juta sepatutnya dikira sebagai kerja baru dan diuruskan secara tawaran tender atau sebut harga berasingan. Selain itu, penentuan harga kerja baru tidak disahkan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja. Ini disebabkan semua APK diluluskan oleh Pegawai Penguasa sendiri tanpa merujuk kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja. Perolehan kerja baru melalui APK adalah bertentangan dengan peraturan kewangan.
- b. Majlis menyatakan pelaksanaan kerja tambahan melalui APK terpaksa dibuat kerana pelaksanaan kerja secara tender akan mengganggu kontrak kerja yang sedang

berjalan. Ini kerana penyediaan dokumen tender dan lukisan lengkap bagi kerja tambahan tersebut tidak dapat disediakan dalam tempoh masa yang singkat.

11.4.3.2. Tawaran Kerja-Kerja Subkontraktor Dinamakan Tidak Dibuat Secara Tender

- a. Semua kerja yang dianggap kerja pakar termasuk kerja Mekanikal dan Elektrik (M&E) hendaklah dilaksanakan secara Wang Kos Prima (WKP). Tatacara pengurusan bagi kerja-kerja berdasarkan WKP adalah sebagaimana perolehan biasa di mana pelantikan Subkontraktor Dinamakan adalah dibuat melalui proses tawaran tender mengikut syarat kontrak. Semakan Audit mendapati Majlis telah membuat tawaran kerja secara lantikan terus kepada kontraktor utama untuk melaksanakan kerja-kerja M&E atas permohonan daripada kontraktor dengan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit selanjutnya mendapati harga perolehan kerja-kerja M&E yang berjumlah RM3.99 juta adalah harga tawaran yang dikemukakan oleh kontraktor tanpa proses rundingan dan pengesahan harga daripada pihak Majlis. Majlis menjelaskan persetujuan harga perolehan berjumlah RM3.99 juta adalah dibuat mengikut syor juru perunding M&E yang menyediakan anggaran berjumlah RM4.1 juta.
- b. Pihak Audit telah memilih kontrak kerja pemasangan sistem CCTV yang bernilai RM140,000 dan beberapa butiran kerja di bawah *Electrical – Luminaires & Fittings* untuk dibuat semakan. Hasil daripada semakan mendapati harga yang dibayar oleh Majlis adalah antara 28% hingga 289% lebih tinggi daripada harga pasaran. Pada pendapat Audit, harga perolehan bagi sebahagian kerja-kerja M&E yang dibayar kepada kontraktor adalah tidak munasabah. Butiran terhadap beberapa harga peralatan CCTV yang dipasang adalah seperti di **Jadual 11.4**. Contoh peralatan CCTV dan pendawaian elektrik berdasarkan lawatan susulan Audit pada bulan Januari 2011 adalah seperti di **Gambar 11.10** hingga **Gambar 11.15**.

Jadual 11.4
Perbandingan Harga Perolehan Dengan Harga Pasaran Berkaitan Kerja Pemasangan CCTV,
Pemasangan Lampu Dan Pendawaian Elektrik

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Harga Seunit		% Perbezaan Seunit	Jumlah Harga		Perbezaan Jumlah Harga (RM)
			Dibayar (RM)	*Pasaran (RM)		Dibayar (RM)	Pasaran (RM)	
CCTV SYSTEM								
1.	1/4"color dome camera, 420 TVL,0.1 lux, 3.5mm colour camera. (Gambar 11.10)	16	600	220	173	9,600	3,520	6,080
2.	Day/Night camera c/w housing and bracket similar to brand: Samsung, model SCC-C4301P or equivalent	21	1,500	1,170	28	31,500	24,570	6,930
3.	16 channel digital video recorder, real time display, 200FPS for recording c/w 160GB HDD similar to brand: D-Teg, model SRXM5016 or equivalent (Gambar 11.11)	2	18,000	5,000	260	36,000	10,000	26,000
4.	21" flat screen CRT colour monitor similar to brand: Panasonic, model WV-CK2020 or equivalent. (Gambar 11.12)	4	4,000	1,560	156	16,000	6,240	9,760
5.	1000VA UPS similar to brand: Riello, model VS1005 or equivalent.	2	2,400	1,300	85	4,800	2,600	2,200
Jumlah						97,900	47,930	50,970
LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG								
1.	Luminaires and fittings – 1 x 18W Bare Chennel Flourescent Fittings c/w Wire Mesh Guard. (Gambar 11.14 dan Gambar 11.15)	70	350	90	289	24,500	6,300	18,200
Jumlah						24,500	6,300	18,200
ELECTRICAL WIRING								
1.	Lighting point using 2 x 1.5sq.mm PVC + E cable c/w 10A SP Red Colour Flushed Switch.	288	90	70	29	25,920	20,160	5,760
2.	Lighting point using 2 x 1.5sq.mm PVC + E cable c/w 10A SP Ivory Flushed Switch.	779	90	70	29	70,110	54,530	15,580
Jumlah						96,030	74,690	21,340
ELECTRICAL – LUMINAIRES AND FITTINGS								
1.	Emergency light c/w 3 Hrs Back-up Battery (Bomba approved type). (Gambar 11.13)	160	200	110	82	32,000	17,600	14,400
2.	'KELUAR' light c/w 3 Hrs Back-up Battery (Bomba approved type)	57	220	130	69	12,540	7,410	5,130
Jumlah						44,540	25,010	19,530

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru

Nota:* Harga pasaran diperoleh melalui temu bual dengan pembekal kerja yang serupa dengan tambahan 30% sebagai margin keuntungan kepada kontraktor utama

Gambar 11.10
1/4" Color Dome Camera 420 TVL, 0.1 lux,
3.5mm Colour Camera Dibayar RM600
Berbanding Harga Pasaran RM220




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Ruang Pejabat Kaunter Pembayaran
 Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.11
16 Channel Digital Video Recorder
c/w 160GB HDD Dibayar RM18,000 Berbanding
Harga Pasaran RM5,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bilik CCTV
 Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.12
21" Flat Screen CRT Colour Monitor
Dibayar RM4,000 Setiap Satu Berbanding
Harga Pasaran RM1,560



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bilik CCTV
 Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.13
Emergency Light c/w 3 Hrs Back-up
Battery Dibayar RM200 Berbanding
Harga Pasaran RM110




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Ruang Pejabat Kaunter Pembayaran
 Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.14
Sebatang Lampu *Flourescent* 18w Dibayar RM350 Berbanding Harga Pasaran RM90



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Berbumbung
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.15
Sebatang Lampu *Flourescent* 18w Dibayar RM350 Berbanding Harga Pasaran RM90



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Berbumbung
Tarikh: 12 Januari 2011

11.4.3.3. Pembayaran Penuh Bagi Kerja/Bekalan Yang Tidak Dilaksanakan/Diterima

- a. Mengikut *Memorandum Of Agreement* yang ditandatangani pada 19 Mac 2004 dan surat pelantikan perunding bertarikh 30 September 2003, juru perunding utama yang dilantik diberi tanggungjawab sepenuhnya bagi menyediakan Perakuan Sijil Bayaran kepada kontraktor. Bayaran hanya boleh dibuat untuk kerja yang sebenar dijalankan dan peralatan yang dibekalkan mengikut spesifikasi kerja binaan bangunan dan Senarai Bahan (*Bill Of Quantities*). Semakan Audit secara rawak terhadap bayaran untuk kerja-kerja *Electrical*, *Telephone*, *Computer Networking*, *Public Address* dan *Fire Protection Services* mendapati pembayaran penuh berjumlah RM0.40 juta telah dibuat bagi 18 jenis peralatan yang tidak dipasang atau dibekalkan. Pembayaran penuh dibuat berdasarkan perakuan siap kerja oleh juru perunding M&E. Selain itu, sebanyak RM15,475 telah dibayar bagi kerja *Electrical Wiring* di bangunan Aras 6 yang tidak wujud. Butirannya adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Peralatan Yang Tidak Dipasang/Dibekalkan

Bil.	Peralatan	Bilangan Jenis Item Yang Disemak	Unit Patut Dibekal	Unit Sebenar Dibekal	Unit Tidak Dibekal	Jumlah (RM)
1.	Fireman Intercom	1	16	14	2	2,800
2.	CCTV System	2	6	2	4	20,000
3.	External Works	1	1		1	1,250
4.	Electrical – Luminaires & Fittings (pemasangan lampu)					
	- Aras 2 hingga 4	1	48	42	6	1,200
	- Aras 6 (tidak wujud)	9	140	-	140	284,000
	- Compound Lighting	4	50	6	44	89,200
Jumlah		18	261	64	197	398,450

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru


- b. Perkara ini berlaku disebabkan bayaran telah dibuat berdasarkan spesifikasi kerja dan senarai bahan yang asal tanpa mengambil kira perubahan skop kerja baru. Perunding arkitek dan ukur bahan juga turut tidak membuat pengesahan kerja dengan teliti untuk tujuan pembayaran. Pihak Majlis memaklumkan pelarasan harga kontrak akan dibuat selepas laporan pengukuran terakhir disediakan oleh pihak perunding. Jumlah terlebih bayar yang ditentukan akan ditolak dalam Perakuan Bayaran Muktamad.

Pada pendapat Audit, apa-apa bayaran yang dibuat sebelum semakan kerja/bekalan disempurnakan/dibekalkan adalah merupakan *improper payment*. Majlis patut menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang membuat pembayaran tidak teratur. Selain itu, juru perunding yang membuat pengesahan bagi kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan dan diterima patut disenaraihitamkan oleh Majlis.

11.4.4. Penggunaan Tempat Letak Kereta Tidak Optimum

11.4.4.1. Perubahan skop kerja yang dibuat oleh Majlis adalah bertujuan mengatasi masalah kekurangan tempat meletak kereta bagi kakitangan. Tempat letak kereta dibina dari Aras 2 hingga ke Aras 5 di bangunan baru yang tidak disediakan dengan kemudahan lif. Lif sedia ada di bangunan lama bermula dari aras bawah hingga ke Aras 3 sahaja. Terdapat 200 lot tempat kereta yang disediakan iaitu 49 lot bagi setiap Aras 2 hingga 4 manakala, Aras 5 mempunyai 53 lot. Lawatan Audit ke tempat letak kereta di Aras 4 dan 5, mendapati 24 buah kereta berada di tempat letak kereta di Aras 4 manakala hanya 2 kereta sahaja di ruang tempat letak kereta di Aras 5. Kedudukan tempat letak kereta dan selekoh radius pusingan *ramp* pada bulan Januari 2011 seperti di **Gambar 11.16** dan **Gambar 11.17**.

Gambar 11.16
Tempat Letak Kereta Di Aras 5
Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 11.17
Keadaan Selekoh Radius Pusingan Ramp



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 3 dan 4, Bangunan Tambahan Majlis
Tarikh: 12 Januari 2011

11.4.4.2. Berdasarkan maklum balas daripada 30 kakitangan Majlis yang dikhaskan tempat letak kereta di Aras 5 Bangunan Tambahan Majlis, didapati 28 daripada mereka telah meletak kereta di Aras 3 dan 4 kerana terdapat banyak lot letak kereta yang kosong di situ. Semakan lanjut mendapati ramai kakitangan yang diperuntukkan kemudahan tempat meletak kereta di Aras 3 dan 4 sebenarnya bekerja di luar bangunan Majlis dan meletak kereta mereka berhampiran pejabat masing-masing. Ini menyebabkan kesesakan tempat meletak kereta di ruang luar pejabat Majlis dan bangunan yang berhampiran khususnya di kawasan sekeliling bangunan JOTIC dan Mahkamah. Keadaan ini seterusnya menimbulkan masalah mendapatkan tempat meletak kereta kepada orang awam. Mengikut maklum balas kakitangan Majlis, antara sebab-sebab tempat letak kereta di Aras 5 tidak digunakan sepenuhnya adalah seperti di **Jadual 11.6**. Menurut Majlis, tempat letak kereta di Aras 5 adalah dikhaskan untuk kenderaan Majlis manakala lot letak kereta di Aras 3 dan 4 adalah terbuka kepada kakitangan Majlis gred 22 hingga gred 36.

Jadual 11.6
Maklum Balas Kakitangan Majlis Berkaitan Tempat Meletak Kereta
Di Aras 5 Bangunan Tambahan Majlis

Bil.	Sebab	Jumlah Responden	Catatan
1.	Banyak lot letak kereta yang kosong di Aras 3 dan 4	28	Mereka yang diperuntukkan lot letak kereta sebenarnya bekerja di luar bangunan MBBJ
2.	Tempat letak kereta tidak berbumbung	14	Terdedah kepada cuaca panas dan hujan
3.	Tiada kemudahan lif	4	Lantai bangunan baru dan lama pada Aras 5 tidak bersambung. Kakitangan terpaksa turun tangga ke aras bawah
4.	Selekoh ram kereta yang tajam dan ruang laluan sempit	3	Tidak <i>user friendly</i> dan membahayakan pemandu kereta
5.	Pejabat terletak di luar bangunan MBBJ	2	Meletak kereta berhampiran tempat kerja seperti di kawasan Bangunan JOTIC
6.	Tempat sunyi dan masalah keselamatan	2	Untuk mereka yang perlu kerja lebih masa dan balik lewat

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

11.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan kontrak kerja pembinaan dan juga memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Audit ini tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan agar Majlis mengambil perhatian kepada perkara berikut:

11.5.1. Majlis hendaklah merancang dengan teliti dan mengenal pasti keperluan projek sebenar daripada peringkat awal bagi mengelakkan perubahan skop kerja yang ketara dan tambahan kerja selepas projek bermula.

11.5.2. Majlis hendaklah memastikan setiap projek yang diluluskan pelaksanaannya mempunyai peruntukan dalam bajet tahunan bagi mengelakkan berlakunya perbelanjaan tanpa peruntukan dan mengenal pasti beban kewangan yang akan ditanggung.

11.5.3. Pengurusan dan pentadbiran kontrak pembinaan dalam aspek pemberian lanjutan masa, arahan perubahan kerja, tambahan kerja baru dan sebagainya hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan kerajaan yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Majlis. Kontrak kerja perlu di tender semula jika terdapat perubahan skop kerja yang ketara.

11.5.4. Majlis perlu memastikan pembayaran tidak dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Siasatan yang menyeluruh perlu dijalankan untuk menentukan sama ada perkara yang sama berlaku di skop kerja-kerja lain. Majlis patut mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

11.5.5. Majlis hendaklah mengenal pasti punca sebenar penggunaan ruang tempat letak kereta di Aras 5, Bangunan Tambahan Majlis yang tidak optimum dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadapnya.

12. PENGURUSAN PEROLEHAN MUZIUM YAYASAN WARISAN JOHOR

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Yayasan Warisan Johor (Yayasan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 7 Tahun 1988 pada 11 Oktober 1988 dan mula beroperasi sejak tahun 1990an. Yayasan adalah bertanggungjawab untuk memelihara warisan budaya dan sejarah Negeri Johor. Antara objektif utama Yayasan adalah untuk memelihara, memulihara, mengembang dan menyebarkan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, seni dan budaya Johor. Bagi tujuan itu, Yayasan telah menyediakan muzium, pusat sejarah, galeri seni dan seumpamanya bagi menyimpan dan melestarikan warisan sejarah, seni dan budaya Johor serta mengumpul bahan artifak yang berkaitan dengan warisan sejarah, seni dan budaya Johor.

12.1.2. Bahagian Pemuziuman adalah bahagian dalam struktur organisasi Yayasan yang bertanggungjawab memelihara warisan bersejarah. Bagi mencapai objektif tersebut, Yayasan bertindak aktif mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar yang terletak di Jalan Yahya Al-Dattar, Bukit Senyum, Johor Bahru untuk dijadikan sebagai Muzium Tokoh Johor. Selain menyebarkan maklumat dan pengetahuan berhubung warisan sejarah, seni dan budaya Johor, pameran tetap dan sementara kepada orang awam juga diadakan di Muzium Kota Tinggi dan Galeri Seni Johor. Fungsi muzium dan galeri ialah sebagai pusat pengumpulan dan pameran artifak bersejarah terutamanya yang berkaitan dengan seni dan budaya Negeri Johor.

12.1.3. Pada tahun 2004, Yayasan telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta bagi mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar yang dibina pada tahun 1893 untuk menjadi Muzium Tokoh Johor. Sehingga bulan Disember 2010, Yayasan telah menawarkan kerja-kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar kepada sebilangan kontraktor yang melibatkan kerja-kerja ubahsuai bangunan dan elektrik serta pembekalan kelengkapan pameran dengan kos bernilai RM3.96 juta. Selain itu, Yayasan juga membelanjakan sejumlah RM2 juta bagi tujuan perolehan bahan artifak bersejarah seperti pakaian dan tekstil, perhiasan diri, peralatan perusahaan, alat muzik, senjata dan alat peperangan, ukiran kayu, permainan dan hiburan, mata wang, manuskrip dan alat pertanian untuk tatapan dan informasi masyarakat umum.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan Yayasan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mematuhi keperluannya.

12.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Yayasan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen pengurusan artifak bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar sebagai Muzium Tokoh Johor serta aspek perolehan, penerimaan, penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan artifak muzium. Selain itu, lawatan Audit telah dijalankan di Muzium Tokoh Johor, Muzium Kota Tinggi dan Galeri Seni Johor untuk menentukan tahap penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan artifak serta kerja mengubahsuai bangunan berkenaan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai di peringkat Yayasan dan Muzium Tokoh Johor, Muzium Kota Tinggi dan Galeri Seni Johor juga turut dilaksanakan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati beberapa kelemahan daripada segi perolehan kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar serta perolehan, penyimpanan dan penyenggaraan bahan artifak dan aset. Antaranya ialah perolehan kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar tidak dibuat secara sebut harga dan tender, nombor siri pendaftaran aset tidak dilabelkan, maklumat lokasi bahan artifak tidak direkod dalam e-Peralatan, Daftar Pergerakan Aset tidak dikemas kini, pemeriksaan tahunan bahan artifak tidak dilakukan dan bahan artifak yang terbakar belum dilupuskan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

12.4.1. Perolehan Kerja Mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar Tidak Dibuat Secara Sebut Harga Dan Tender

Mesyuarat Jawatankuasa Muzium-Muzium Negeri Johor pada bulan November 2004 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM4.5 juta kepada Yayasan untuk melaksanakan projek kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar sebagai Muzium Tokoh Johor. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menyatakan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM200,000 hingga RM500,000 perlu dipelawa secara sebut harga manakala bagi perolehan bekalan perkhidmatan melebihi RM500,000 perlu dibuat secara tender. Bagaimanapun, kerja mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar hanya bermula pada tahun 2009 yang merangkumi perolehan bagi kerja mengubahsuai bangunan, kerja elektrik dan membekal kelengkapan pameran melibatkan seramai 14 kontraktor pada tahun 2009 dan 61 kontraktor pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati kontraktor tersebut ditawarkan kerja mengubahsuai dengan kos melebihi RM0.50 juta setahun. Kontraktor bagi pembekalan kelengkapan pameran pula berjumlah RM0.42 juta setahun manakala, kerja elektrik pula melibatkan perolehan berjumlah RM0.48 juta. Ini kerana kontraktor tersebut dipelawa melakukan kerja mengubahsuai bangunan, membekal kelengkapan pameran dan kerja elektrik mengikut bahagian dalam bangunan itu dengan nilai setiap kerja tidak melebihi RM50,000 walaupun kerja keseluruhan bagi setiap kerja melebihi RM50,000. Menurut Yayasan, sekiranya pengurusan sebut harga dan tender dilaksanakan, ia akan mengambil

masa yang panjang. Oleh itu, kerja tersebut telah ditawarkan secara lantikan terus kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja mengubahsuai bangunan berkenaan yang dibuat secara berperingkat mengikut keperluan semasa. Bilangan kontraktor, senarai kerja mengubahsuai bangunan, kerja elektrik, perolehan kelengkapan pameran dan nilai kontrak di Bangunan Dato' Jaafar pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1** hingga **Jadual 12.3** berikut:

Jadual 12.1
Bilangan Kontraktor, Senarai Kerja Mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar
Dan Nilai Kontrak Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Butiran	Jumlah Kontraktor	Julat Kos (RM)	Nilai Kontrak (RM)
Tahun 2009				
1.	Kerja membersihkan dan menanam pokok	3	19,200 - 48,600	86,306
2.	Kerja membaikpulih dan membuat tandas	2	49,800 - 49,900	98,800
3.	Kerja ubahsuai	3	39,800 - 49,700	134,500
4.	Kerja memasang jubin	4	30,700 - 49,900	176,602
5.	Kerja menggantikan bumbung dan menutup ruang tingkap	2	49,300 - 49,900	99,250
Jumlah		14		595,458
Tahun 2010				
1.	Kerja membina kedai buku dan bilik	2	16,900 - 33,900	50,850
2.	Kerja ubahsuai	13	26,500 - 49,900	574,620
3.	Kerja membekal dan memasang jubin	2	48,420 - 48,430	96,857
4.	Kerja mengganti bumbung	2	38,000 - 49,900	87,995
5.	Kerja membuka dan membina pagar	5	29,800 - 49,800	209,190
6.	Kerja membekal dan memasang pintu	3	34,700 - 49,200	122,402
7.	Kerja mengecat	2	28,200 - 48,700	77,402
8.	Kerja pemulihan ruang dan hiasan dalaman	4	35,400 - 49,800	165,390
9.	Kerja memasang <i>plywood</i>	3	14,600 - 34,400	83,550
Jumlah		34		1,468,256
Jumlah Besar		50		2,063,714

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Jadual 12.2
Bilangan Kontraktor, Senarai Kerja Elektrik Bangunan Dato' Jaafar
Dan Nilai Kontrak Pada Tahun 2010

Bil.	Butiran	Bilangan Kontraktor	Julat Kos (RM)	Nilai Kontrak (RM)
1.	Kerja elektrik	2	39,500 - 49,100	88,620
2.	Kerja perbekalan dan pemasangan lampu	5	29,200 - 49,500	213,054
3.	Kerja membekal dan memasang penghawa dingin	5	25,400 - 42,500	175,340
Jumlah		12		477,014

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Jadual 12.3
Bilangan Kontraktor, Senarai Perolehan Kelengkapan Pameran
Bangunan Dato' Jaafar Dan Nilai Kontrak Pada Tahun 2010

Bil.	Butiran	Bilangan Kontraktor	Julat Kos (RM)	Nilai Kontrak (RM)
1.	Kerja membekal peralatan pejabat	2	2,800 - 49,800	52,730
2.	Kerja membekal dan memasang perabot	6	19,600 - 49,700	201,732
3.	Belian karpet	2	11,300 - 42,500	53,841
4.	Membekal dan memasang alat pandang dengar	3	30,800 - 49,900	115,604
Jumlah		13		423,907

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Pada pendapat Audit, Yayasan hendaklah menawarkan sebut harga dan tender mengikut nilai kerja bagi setiap jenis kerja dan tidak memecahkecilkan nilai kerja mengikut bahagian dalam Bangunan Dato' Jaafar.

12.4.2. Maklumat Lokasi Bahan Artifak Tidak Direkod Dalam e-Peralatan

Sistem e-Peralatan merupakan sistem pengurusan aset bersepadu yang berfungsi merekod dan menyimpan maklumat harta modal, inventori dan stok bekalan pejabat Yayasan seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Sistem yang bernilai RM80,000 telah dibangunkan oleh sebuah syarikat yang dilantik oleh Yayasan. Sistem ini membolehkan kakitangan Yayasan berupaya menguruskan harta modal, inventori dan stok bekalan pejabat dengan cara lebih sistematik dan efisien. Yayasan telah mengguna pakai e-Peralatan bermula dari tahun 2008 sehingga kini. Penggunaan e-Peralatan juga membolehkan pihak Yayasan menjalankan pemeriksaan dan pelupusan aset. Selain itu, e-Peralatan juga boleh mengemaskini rekod penempatan bagi setiap aset yang telah didaftarkan atau dipinjamkan supaya penyimpanan dan penyelenggaraan rekod menjadi lebih sistematik dan efisien. Semakan Audit mendapati maklumat lokasi dalam e-Peralatan tidak dikemas kini sepenuhnya. Maklumat lokasi penyimpanan artifak yang melibatkan perolehan bernilai RM2 juta tidak direkod dalam e-Peralatan telah menyebabkan kesukaran kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan artifak dengan berkesan. Maklumat bahan artifak berkenaan telah diisi sendiri oleh pembekal pada tahun 2008 yang menyebabkan berlaku duplikasi dengan maklumat yang sedia ada. Semakan lanjut terhadap Daftar Induk Artifak secara manual mendapati maklumat bagi 12 bahan artifak bernilai RM16,140 tidak menunjukkan lokasi penyimpanan sebenar artifak tersebut. Contoh lokasi bahan artifak yang tidak bersamaan dengan Daftar Induk Artifak adalah seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Lokasi Sebenar Bahan Artifak Tidak Bersamaan Dengan Lokasi Di Daftar Induk Artifak

Bil.	Bahan Artifak	No. Siri Pendaftaran	Nilai (RM)	Lokasi Daftar Induk Artifak	Lokasi Sebenar
1.	Kacip Kuda	YWJ 1464 08 AP5 11	1,140	Stor	Persada
2.	Kacip Besar	YWJ 1494 08 AP5 15	1,800	Kota Tinggi	Persada
3.	Tepak Sirih 4 Segi	YWJ 1518 08 AP1 303	1,500	Kota Tinggi	Persada
4.	Tepak Sirih Bujur	YWJ 1519 08 AP1 304	1,500	Kota Tinggi	Persada
5.	Tepak Sirih	YWJ 1622 08 AP1 313	2,500	Kota Tinggi	Persada
6.	Kacip	YWJ 1630 08 AP1 319	1,600	Kota Tinggi	Persada
7.	Gobek	YWJ 1797 09 AP1 330	500	Kota Tinggi	Persada
8.	Kacip	YWJ 1798 09 AP1 331	800	Kota Tinggi	Persada
9.	Kacip	YWJ 1799 09 AP1 332	800	Kota Tinggi	Persada
10.	Kacip	YWJ 1800 09 AP1 333	1,500	Kota Tinggi	Persada
11.	Kacip	YWJ 1801 09 AP1 334	1,500	Kota Tinggi	Persada
12.	Tepak Sirih	YWJ 1813 09 AP1 338	1,000	Kota Tinggi	Persada
Jumlah			16,140		

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Pada pendapat Audit, penyimpanan maklumat aset sepatutnya dikemas kini dengan menggunakan e-Peralatan bagi memastikan harta modal, inventori dan bahan artifak dapat dikesan.

12.4.3. Pemeriksaan Harta Modal, Inventori Dan Artifak Tidak Dilakukan

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 perenggan 11.5(a) pemeriksaan aset perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Lembaga Pemeriksa. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan keadaan dan fizikal aset adalah baik, setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan dikemas kini serta aset tersebut berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pemeriksaan terhadap harta modal tidak dilaksanakan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010.

12.4.4. Nombor Siri Pendaftaran Harta Modal Dan Inventori Di Muzium Tidak Dilabelkan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 perenggan 11.2(a) menyatakan semua aset kerajaan hendaklah diberi tanda pengenalan supaya mudah dikenali dan dikesan untuk tindakan pemeriksaan dan pelupusan. Semakan Audit terhadap Daftar Harta Modal dan Inventori bagi tahun 2008 hingga bulan Oktober 2010, mendapati sebanyak 310 harta modal dan inventori bernilai RM0.95 juta telah diterima dan direkodkan. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal mendapati 5 unit harta modal dan inventori di Muzium Kota Tinggi tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran kerana pembekal menghantar harta modal dan inventori tersebut terus ke Muzium Kota Tinggi tanpa melalui Unit Kewangan Yayasan. Menurut Yayasan, label aset dicetak di peringkat Pejabat Yayasan dengan menggunakan e-Peralatan tetapi label aset tidak dihantar dan ditampal pada aset berkenaan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 12.5** dan **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.3**.

Jadual 12.5
Harta Modal Dan Inventori Yang Tidak Dilabelkan Nombor Siri Pendaftaran

Bil.	No. Siri Pendaftaran	Butiran	Unit	Harga (RM)	Lokasi
1.	YWJ/MKT/H/08/0001	Manuquire PVC	1	2,600	Muzium Kota Tinggi
2.	YWJ/MKT/H/08/0002	Manuquire PVC	1	2,600	Muzium Kota Tinggi
3.	YWJ/MKT/I/08/0001	White Board 4'x8'	1	256	Muzium Kota Tinggi
4.	YWJ/MKT/I/08/0011	White Board Stand	1	240	Muzium Kota Tinggi
5.	YWJ/MKT/I/08/0002	Pemain DVD	1	229	Muzium Kota Tinggi
Jumlah			5	5,925	

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Gambar 12.1
Pemain DVD



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muzium Kota Tinggi
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 12.2
White Board



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muzium Kota Tinggi
Tarikh: 9 November 2010

Gambar 12.3
Patung Manuquire Memperagakan Baju



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muzium Kota Tinggi
Tarikh: 9 November 2010

12.4.5. Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori Tidak Dikemas Kini

Sehingga bulan November 2010, Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori masih belum dikemas kini. Daripada 167 inventori yang diterima dari tahun 2008 hingga bulan Oktober 2010, sebanyak 6 unit khemah boleh lipat dan sebuah tangga lipat SMP 10 bernilai RM2,256 tidak direkod dalam Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori semasa pemeriksaan fizikal dijalankan seperti di **Jadual 12.6**.

Jadual 12.6
Inventori Yang Tidak Direkod Dalam Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori

Bil.	No. Siri Pendaftaran	Butiran	Unit	Harga (RM)
1.	YWJ/MKT/I/08/004	Tangga Lipat SMP 10	1	468
2.	YWJ/MKT/I/08/0005-10	Khemah Boleh Lipat	6	1,788
Jumlah			7	2,256

Sumber: Yayasan Warisan Johor

12.4.6. Pemeriksaan Tahunan Ke Atas Bahan Artifak Tidak Dibuat

Bahan artifak merupakan warisan sejarah yang dipelihara kesenian dan mempunyai budaya tersendiri. Ia merupakan aset Yayasan yang sangat bernilai. Perolehan dan penyimpanan bahan artifak hendaklah dilakukan dengan teliti dan cermat supaya warisan sejarah terpelihara. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Yayasan telah membuat perolehan pelbagai koleksi warisan sejarah yang bernilai RM2 juta. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa yang tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan aset untuk membuat pemeriksaan ke atas harta modal dan inventori. Pemeriksaan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Pemeriksaan Audit terhadap rekod dan fizikal bahan artifak berkenaan tidak menunjukkan pemeriksaan berkala dilaksanakan oleh pihak Yayasan. Keadaan ini berlaku kerana pegawai pemeriksa aset yang dilantik tidak menjalankan pemeriksaan terhadap bahan artifak sekurang-kurangnya sekali setahun. Butiran bahan artifak yang diperolehi pada tahun 2008 hingga bulan Oktober 2010 adalah seperti di **Jadual 12.7**.

Jadual 12.7
Senarai Bahan Artifak Yang Diperolehi Pada Tahun 2008 Hingga Bulan Oktober 2010

Bil.	Butiran Artifak	Unit	Amaun (RM)
1.	Pakaian Dan Tekstil	90	202,300
2.	Perhiasan Diri	35	59,000
3.	Alat-alat Perusahaan	455	741,009
4.	Alat Berkaitan Dengan Penyediaan API	3	4,475
5.	Alat Muzik (Bunyi-bunyian)	9	32,250
6.	Senjata Dan Alat Peperangan	243	761,805
7.	Mata Wang	117	169,895
8.	Manuskrip	40	29,701
9.	Pengangkutan	1	9,000
Jumlah		993	2,009,435

Sumber: Yayasan Warisan Johor

12.4.7. Artifak Yang Terbakar Pada Tahun 2008 Masih Belum Dilupuskan

Semakan Audit terhadap Laporan Kebakaran Bangunan Dato' Onn di Batu Pahat menyebabkan kemusnahan 10 jenis artifak yang bernilai RM32,725 masih belum dibuat pelupusan disebabkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan belum ditubuhkan. Senarai bahan artifak yang terbakar adalah seperti di **Jadual 12.8**.

Jadual 12.8
Senarai Bahan Artifak Yang Terbakar Di Bangunan Dato' Onn Batu Pahat
Yang Masih Belum Dibuat Pelupusan Pada Tahun 2008

Bil.	Artifak	No. Siri Pendaftaran	Harga (RM)
1.	Tepak Sireh	YWJ 1242 06 API 26	3,000
2.	Tepak Sireh	YWJ 1314 06 API 269	8,500
3.	Tepak Sireh	YWJ 1230 06 API 256	2,500
4.	Tepak Sireh	YWJ 1391 07 AP.22	7,650
5.	Pahar	YWJ 658 97 API 181	325
6.	Gramophone	YWJ 1308 06 AMS 1	4,500
7.	Radio	W15.015	Sumbangan
8.	Kotak Songkok	YWJ 1310 06 AP8 19	350
9.	Pasu Tembaga	YWJ 1241 06 API 263	4,000
10.	Tepak Sireh	YWJ 1031 2000 PA3 67	1,900
Jumlah			32,725

Sumber: Yayasan Warisan Johor

Pada pendapat Audit, pendaftaran aset perlu dikemas kini dan dilabel supaya pegawai yang bertanggungjawab mudah menjalankan pemeriksaan fizikal setiap tahun. Selain itu, setiap pegawai yang bertanggungjawab sepatutnya merekod pergerakan aset dari semasa ke semasa untuk mengelakkan aset tidak dapat dikesan. Yayasan juga perlu mematuhi prosedur pelupusan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan Yayasan dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Yayasan Warisan Johor melaksanakan perkara berikut:

12.5.1. Pengurusan perolehan di Yayasan perlu dilaksanakan secara sebut harga atau tender bagi mengurangkan kos pengurusan perolehan.

12.5.2. Menjalankan pemeriksaan yang lebih kerap terhadap bahan artifak bagi memastikan keselamatan rekodnya sentiasa dikemas kini.

12.5.3. Mewujudkan satu garis panduan khusus bagi pengurusan dan penyimpanan artifak agar nilai sejarah artifak terpelihara.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

13. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 Pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada Tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan syarikat terhadap 3 syarikat iaitu YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd., Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. dan Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.

YAYASAN WARISAN JOHOR

14. YWJ CITRA HOLDINGS SDN. BHD.

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd. (YWJ Citra) yang ditubuhkan pada 14 Julai 2005 adalah merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Warisan Johor. Sehingga bulan Disember 2010, modal saham dibenarkan YWJ Citra ialah RM10 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM5.5 juta. Aktiviti utama YWJ Citra adalah pegangan pelaburan, penerbitan dan percetakan, pembangunan dan hartanah, perladangan, pengurusan acara persembahan dan Akademi Seni Johor. YWJ Citra telah menetapkan objektif utama antaranya untuk melaksanakan dasar kerajaan dalam memajukan masyarakat bumiputera dan negara ke arah berdaya saing yang lebih tinggi, mengangkat darjat warisan budaya dalam segala bidang perniagaan yang dijalankan dan penghormatan ini menjanjikan kelancaran kerja-kerja yang dilaksanakan, mengurangkan ketidakceapan, dan menyediakan modal insan mahir dan berwibawa. Manakala, visi korporat YWJ Citra adalah untuk menjadi sebuah badan korporat yang mendukung konservasi warisan dan sejarah di samping menerapkan pembangunan holistik di dalam setiap bidang yang diceburi dengan berpegang kepada prinsip "Memartabatkan Warisan Budaya".

14.1.2. YWJ Citra mempunyai 9 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada YAB Menteri Besar Johor sebagai Pengerusi, seorang Ketua Pegawai Eksekutif YWJ Citra, seorang Ketua Pegawai Operasi YWJ Citra, 2 orang ahli Exco Kerajaan Negeri Johor, 3 orang Pegawai Kerajaan Negeri Johor dan seorang Pengarah Yayasan Warisan Johor. Pengurusan syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang Ketua Pegawai Operasi serta dibantu oleh 4 orang kakitangan eksekutif. Bahagian Operasi dan

Sokongan pula diketuai oleh seorang Pengurus Kanan Kumpulan dan dibantu oleh 7 orang kakitangan. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Yayasan Warisan Johor, YWJ Citra perlu menerima pakai undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah YWJ Citra.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan YWJ Citra adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

14.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus YWJ Citra. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati, pada umumnya prestasi kewangan YWJ Citra adalah tidak memuaskan di mana syarikat ini telah mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2007 hingga 2009. Kedudukan aset dan liabiliti juga berada pada tahap tidak memuaskan disebabkan modal kerja YWJ Citra dari tahun 2007 hingga 2009 semakin kurang nilainya. Di samping itu, dari segi pengurusan aktiviti pelaburan hartanah pula, terdapat kelemahan dalam usaha untuk menjana hasil bagi YWJ Citra disebabkan bangunan rumah kedai masih belum disewakan sejak ianya dibeli. Selain itu, terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi. Penjelasan lanjut mengenai prestasi kewangan dan pengurusan kewangan YWJ Citra serta aktiviti adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

14.4.1. Prestasi Kewangan

14.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tahun 2007 hingga 2009, prestasi YWJ Citra adalah tidak memuaskan di mana ia mengalami kerugian bersih sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Kerugian berjumlah RM0.15 juta pada tahun 2007 meningkat kepada RM0.97 juta atau 546.7% pada tahun 2008 dan terus meningkat kepada RM1.27 juta atau 30.9% pada tahun 2009. Kerugian meningkat disebabkan penurunan hasil dan peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2007 hingga 2009.


- b. Hasil YWJ Citra terbahagi kepada 2 komponen iaitu, hasil dan pendapatan lain. Hasil merangkumi jualan buku dan percetakan, hasil daripada aktiviti pembangunan dan pembinaan, Bengkel Kembara Wangsa dan Acara Persembahan. Manakala pendapatan lain terdiri daripada yuran pengurusan, hibah, diskaun diterima dan penjualan kayu. Hasil YWJ Citra telah menurun daripada RM1.82 juta pada tahun 2007 kepada RM1.32 juta pada tahun 2008 dan seterusnya kepada RM0.79 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2007, perolehan YWJ Citra merangkumi sumber utama berjumlah RM1.68 juta dari acara persembahan, RM0.05 juta dari pembangunan dan pembinaan dan RM0.09 juta dari jualan buku dan percetakan. Manakala bagi tahun 2008, tiada sumbangan langsung dari acara persembahan. Sumbernya adalah bergantung semata-mata dari pembangunan dan pembinaan berjumlah RM1.25 juta serta jualan buku dan lain-lain berjumlah RM0.07 juta yang menyebabkan penurunan hasil YWJ Citra kepada RM1.32 juta. Sungguhpun demikian, dengan peningkatan hasil dari sumber pembangunan dan pembinaan, impak penurunan hasil dikurangkan. Bagi tahun 2009 pula, hasil telah menurun kepada RM0.79 juta disebabkan sumber ini daripada pembangunan dan pembinaan hanya dapat menyumbang setakat RM0.35 juta. Hasil dari jualan buku dan lain-lain berjumlah RM0.29 juta dan sumber baru dari Bengkel Kembara Wangsa berjumlah RM0.15 juta tidak dapat menyekat penurunan hasil yang ketara. Pendapatan lain berjumlah RM0.01 juta masing-masing bagi tahun 2007 dan 2008 adalah merupakan yuran pengurusan. Manakala bagi tahun 2009 pendapatan lain meningkat kepada RM0.07 juta terdiri daripada jualan kayu berjumlah RM0.05 juta serta yuran pengurusan dan lain-lain berjumlah RM0.02 juta.
- c. Perbelanjaan YWJ Citra yang terdiri daripada perbelanjaan operasi, am dan pentadbiran serta kewangan secara keseluruhan meningkat daripada RM1.98 juta pada tahun 2007 kepada RM2.30 juta pada tahun 2008 dan menurun sedikit kepada RM2.13 juta pada tahun 2009. Analisis khususnya terhadap perbelanjaan am dan pentadbiran serta kewangan YWJ Citra pula mendapati peningkatan ketara daripada RM0.53 juta pada tahun 2007 kepada RM1.03 juta atau 94.4% pada tahun 2008. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2008 merangkumi kos kakitangan (gaji, elaun, bonus, KWSP, kursus dan lawatan), perkhidmatan profesional serta susut nilai hartanah, loji dan peralatan. Perbelanjaan bagi tahun 2009 terus meningkat kepada RM1.62 juta atau 57.3% berbanding dengan tahun 2008 disebabkan peningkatan faedah pinjaman, gaji, elaun dan bonus, gaji dan elaun pengarah serta susut nilai dan pelunasan hartanah, loji dan peralatan.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi YWJ Citra bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.1** dan **Carta 14.1**.

Jadual 14.1
Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi YWJ Citra
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Hasil	1.82	1.32	0.79
Perbelanjaan Operasi	1.45	1.27	0.51
Untung Kasar	0.37	0.05	0.28
Pendapatan Lain	0.01	0.01	0.07
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	0.53	1.02	1.39
Untung Operasi	(0.15)	(0.96)	(1.04)
Kos Kewangan	0	0.01	0.23
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(0.15)	(0.97)	(1.27)
Cukai	0.01	0	0
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	(0.14)	(0.97)	(1.27)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Carta 14.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian YWJ Citra
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

14.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Untuk menilai prestasi kewangan YWJ Citra, beberapa nisbah kewangan telah dikira terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan YWJ Citra bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan YWJ Citra Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	6.05:1	1.06:1	0.63:1
Margin Keuntungan	(8.3%)	(73.5%)	(160.8%)
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.09):1	(0.15):1	(0.04):1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(0.11):1	(0.39):1	(0.07):1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan untuk menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan YWJ Citra adalah menurun dari tahun 2007 hingga 2009 iaitu daripada 6.05 kali pada tahun 2007 menurun dengan ketara kepada 0.63 kali pada tahun 2009. Ini menunjukkan kedudukan kewangan YWJ Citra tidak berupaya untuk menampung liabiliti semasa kerana kecairan yang rendah.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan bertujuan untuk mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, margin untung bersih YWJ Citra menunjukkan penurunan yang negatif di mana syarikat telah mengalami kerugian berterusan iaitu dari 8.3% kepada 160.8%. Berdasarkan margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi YWJ Citra adalah tidak stabil kerana menunjukkan penurunan yang begitu ketara dari tahun 2007 hingga 2009 disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan operasi.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset bertujuan untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Mengikut perkiraan Audit, bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009, kadar pulangan yang diperoleh YWJ Citra adalah rendah dan berkedudukan negatif iaitu 9 sen pada tahun 2007, 15 sen pada tahun 2008 dan 4 sen pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengurusan aset syarikat tidak diurus dengan cekap dan produktif dalam menjana keuntungan bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Nisbah pulangan ke atas ekuiti diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah ekuiti. Mengikut perkiraan Audit, YWJ Citra tidak memberi pulangan

kepada pemegang sahamnya kerana mencatatkan defisit iaitu sejumlah 11 sen pada 2007, sejumlah 39 sen pada tahun 2008 dan sejumlah 7 sen pada tahun 2009.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan YWJ Citra adalah tidak memuaskan di mana YWJ Citra tidak mempunyai sumber pendapatan yang konsisten dan mengalami kerugian dari tahun 2007 hingga 2009.

14.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti perniagaan YWJ Citra meliputi perladangan, pembangunan dan hartanah, Bengkel Kembara Wangsa serta penerbitan dan percetakan. Prestasi aktiviti YWJ Citra secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan berdasarkan prestasi pendapatan yang diterima bagi tahun 2007 hingga 2009. YWJ Citra belum mempunyai aktiviti perniagaan yang kukuh berkaitan dengan tujuan asal penubuhan. Aktiviti perladangan dimulakan dalam tahun 2008, dibiayai dengan pinjaman berjumlah RM8 juta. Selain itu, pelaburan dalam hartanah pada tahun 2007 dibiayai dengan pinjaman daripada Affin Bank Bhd berjumlah RM2.47 juta untuk menjana pendapatan sewaan yang berterusan. Penemuan Audit terhadap aktiviti perladangan dan hartanah adalah seperti di perenggan berikut:

14.4.2.1. Aktiviti Perladangan

Pembangunan ladang kelapa sawit di PTD 4968, 4969, 4970 dan 4971 Mukim Padang Endau, Daerah Mersing seluas 642.329 hektar (1,587.2 ekar). Aktiviti ini diuruskan oleh YPJ Plantation Management Sdn. Bhd. (YPJPM) sebagai agen YWJ Citra. Perjanjian bagi pembangunan ladang melalui *Technical Service And Management Agreement* telah dibuat pada bulan Januari 2008 di antara YWJ Citra dan YPJPM untuk pengurusan ladang tersebut bagi tempoh 20 tahun. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Pelantikan Agen

Pelantikan agen untuk menguruskan pembangunan ladang kelapa sawit YWJ Citra perlu dilaksanakan dengan teliti dari sudut kepakaran, kemudahan, pengalaman dan unsur bayaran agen bagi faedah dan keuntungan jangka panjang. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah YWJ Citra telah membuat keputusan melantik YPJPM untuk menguruskan pembangunan ladang kelapa sawit tanpa menerima tawaran daripada agen tersebut. YWJ Citra tidak berpeluang untuk menganalisis dan merunding harga untuk memperoleh kos yang lebih kompetitif dan menguntungkan kerana telah terikat dengan jadual bayaran sepertimana dinyatakan dalam perjanjian. Menurut YWJ Citra, tindakan untuk meneruskan pembangunan ladang dibuat atas kepakaran agen yang telah berjaya menguruskan ladang kelapa sawit di Negeri Johor.

b. Kajian Kemungkinan Untuk Pembangunan Ladang

- i. Di peringkat perancangan pembangunan ladang baru YWJ Citra perlu mengadakan kajian kemungkinan tanah untuk menentukan kesesuaian tanaman.

Mengikut perjanjian mengenai jadual bayaran, sejumlah RM10,000 adalah untuk kerja *soil study and feasibility study leading to crop suitability*. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan ke atas tanah tersebut tidak dilaksanakan oleh agen. Laporan Kesesuaian Tanah yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Tanah Jabatan Pertanian Johor pada tahun 2001 menggariskan butiran mengikut kawasan, nama tanah, kelas *terain*, keluasan serta peratus, kesesuaian semasa, kesesuaian potensi dan syor. Mengikut laporan tersebut, sebahagian kawasan tapak projek adalah kurang sesuai untuk tanaman kelapa sawit. Analisis Laporan Kesesuaian Tanah mendapati hanya 44.6% kawasan tapak projek dikategorikan sebagai sesuai atau sederhana sesuai untuk penanaman kelapa sawit seperti di **Jadual 14.3**.

Jadual 14.3
Laporan Kesesuaian Tanah PTD 4968, 4969, 4970 Dan 4971
Mukim Padang Endau, Daerah Mersing

Bil	Kawasan Tapak	Nama Tanah	Kelas Terain	Keluasan		Kesesuaian Semasa Tanaman Kelapa Sawit
				Hektar	%	
1.	DRN 3	Siri Durian	Berombak	53	8.7	Sesuai
2.	GMI 3	Siri Gajah Mati	Berombak	61	10.0	Sederhana
3.	LIK 1	Siri Lubuk Itek	Rata	59	9.7	Tidak sesuai
4.	MDG 1	Sri Medang	Rata	77	12.7	Sesuai
5.	PBG 1	Sri Penambang	Rata	80	13.2	Sesuai
6.	PET/s 1	Gambut Cetek	Rata	48	7.9	Tidak sesuai
7.	PET/M 1	Gambut Sederhana Dalam	Rata	80	13.2	Tidak sesuai
8.	PET/d 1	Gambut Dalam	Rata	149	24.6	Tidak sesuai
Jumlah Hektar				607	100	

Sumber: Laporan Kesesuaian Tanah, Bahagian Pengurusan Tanah Jabatan Pertanian Johor Tahun 2001

- ii. Lawatan Audit ke ladang kelapa sawit YWJ Citra pada bulan Oktober 2010 mendapati penanaman pokok kelapa sawit telah selesai dilaksanakan di keseluruhan ladang tersebut seperti di **Gambar 14.1** dan **Gambar 14.2**.

Gambar 14.1

Kawasan Tanaman Kelapa Sawit Di Ladang YWJ Citra



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

- iii. Bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan ditenggelami air seperti di **Gambar 14.3** hingga **Gambar 14.5**.

Gambar 14.3

Kawasan Yang Ditenggelami Air



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010*

Gambar 14.4



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010*

Gambar 14.5

Kawasan Yang Ditenggelami Air



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010*

c. Parit Gajah Tidak Dapat Menghalang Ancaman Gajah

- i. Parit gajah (*trench*) telah digali di sekeliling sempadan tapak projek sebagai langkah kawalan pencerobohan dan kerosakan tanaman kelapa sawit daripada ancaman gajah. Lawatan Audit mendapati sebahagian parit yang digali telah dipenuhi dengan tanah dan menjadi cetek. Menurut YWJ Citra, hujan yang turun telah menyebabkan hakisan tanah memasuki parit dan sebahagian dasar parit menjadi cetek seperti di **Gambar 14.6** dan **Gambar 14.7**.

Gambar 14.6

Parit Gajah Yang Cetek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

- ii. Menurut YWJ Citra, pencerobohan gajah kerap berlaku di kawasan ladang menyebabkan kerosakan kepada pokok kelapa sawit seperti di **Gambar 14.8**.

Gambar 14.8
Kerosakan Pokok Kelapa Sawit Kerana Pencerobohan Gajah





Sumber: YPJPM
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 30 Januari 2011

d. Pembersihan Kawasan Ladang

Dalam penyediaan tapak, pembersihan kawasan (*clearing existing vegetation*) hendaklah dilaksanakan supaya penanaman dapat dilaksanakan dan pertumbuhan pokok kelapa sawit adalah seperti mana yang dijadualkan. Lawatan Audit ke ladang pada bulan Oktober 2010 terdapat pembersihan di beberapa kawasan tidak dilaksanakan dengan sempurna. Usaha tidak diambil untuk mengeluarkan kayu berhampiran anak pokok kelapa sawit dan terdapat di beberapa kawasan kayu terbiar dan reput. Menurut YWJ Citra dan YPJPM kaedah ini adalah mengikut *zero burning technique* yang diamalkan bagi pembersihan tapak daripada *logged-over forest* dan

Gambar 14.9 Kayu-Kayu Yang Dilonggokkan Dan Terbiar Di Kawasan Ladang **Gambar 14.10**



Program *weeding* berjadual adalah bagi mengurus dan memastikan pertumbuhan dan kesuburan kelapa sawit. Semakan Audit mendapati perbelanjaan *maintenance weeding* sehingga bulan Jun 2010 adalah berjumlah RM0.24 juta seperti di **Jadual 14.4**.

Bil.	Jadual Weeding	Jumlah (RM Juta)
1.	First 6 month at monthly interval (6 rounds)	0.20
2.	Second 6 month at 2 monthly interval (3 rounds)	0.04
Jumlah		0.24

160

Gambar 14.11

Pokok Kelapa Sawit Yang Dikelilingi Tumbuh-Tumbuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.13

**Pokok Kelapa Sawit Yang Dikelilingi
Tumbuh-Tumbuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
Tarikh: 27 Oktober 2010

f. Penanaman *Leguminous Cover Crop*

- i. Langkah konservasi tanah dengan menanam *leguminous cover crop* di keseluruhan kawasan adalah bagi mengurangkan hakisan tanah serta memperbaiki sifat tanah melalui *nitrogen fixation*. Semakan Audit mendapati, YWJ Citra tidak mengambil tindakan untuk memastikan penanaman menutup bumi secara menyeluruh dengan *leguminous cover crop* bagi mengadakan kawalan dan menyekat hakisan tanah di kawasan tapak projek. Sehingga bulan Mei 2010, perbelanjaan bagi bekalan, penyediaan dan penanaman adalah berjumlah RM0.16 juta telah dibuat seperti di **Jadual 14.5**.

Jadual 14.5
Kerja Tambahan Dilaksanakan Setakat Bulan Mei 2010
Di Tanah PTD 4968, 4969, 4970 Dan 4971

Bil.	Jenis Kerja	Siap Dilaksanakan	
		Unit	Amaun (RM)
1.	Menanam kacang penutup bumi (<i>Mucuna Braceteata</i>)	200	15,000
2.	Menanam kacang penutup bumi (<i>Pueraria Javanica</i>)	136.3	10,222
3.	Biji benih (<i>Mucuna Braceteata</i>)	150	25,200
4.	Penjagaan Nursery Polybag (<i>Mucuna Braceteata</i>)	180,000	14,400
5.	Penjagaan Di ladang (<i>Mucuna Braceteata</i>)	150	4,500
6.	Biji benih (<i>Pueraria Javanica</i>)	186	37,107
7.	Membaja (<i>Pueraria Javanica</i>)(CIRP)	186.31	1,825
8.	Membekal biji benih <i>Pueraria Javanica</i>	600	17,100
9.	Menanam dan menyulam benih <i>Pueraria Javanica</i>	100	7,000
10.	Menanam dan menjaga benih <i>Pueraria Javanica</i>	172.96	27,673
Jumlah			160,027

Sumber: Baucar Bayaran YWJ Citra 31 Mei 2010

- ii. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2010 mendapati sebahagian besar kawasan tidak ada tanaman/pertumbuhan *leguminous cover crop* dan menyebabkan ladang kelapa sawit terdedah kepada hakisan tanah. YWJ Citra memaklumkan tanaman ini mati semasa musim panas dan tumbuh sendiri melalui biji benih yang telah diserap tanah semasa penanaman awal. Kawasan ladang yang tidak ditanam dengan *leguminous cover crop* adalah seperti di **Gambar 14.14** dan **Gambar 14.15**. Manakala, tumbuhan *leguminous cover crop* yang tidak tumbuh melata adalah seperti di **Gambar 14.16** dan **Gambar 14.17**.

Gambar 14.14

Tiada Penanaman Leguminous Cover Crop Di Kawasan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
 Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.15

Tiada Penanaman Leguminous Cover Crop Di Kawasan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
 Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.16
Tumbuhan *Leguminous Cover Crop* Yang Tidak Tumbuh Melata



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
 Tarikh: 27 Oktober 2010

Gambar 14.17
Tumbuhan *Leguminous Cover Crop* Yang Tidak Tumbuh Melata



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Mukim Padang Endau, Mersing
 Tarikh: 27 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, aktiviti perladangan yang dilaksanakan perlu diberi perhatian serius supaya pendapatan diperoleh seperti mana disasarkan pada tahun 2012 dan seterusnya menyumbang sebagai salah satu sumber pendapatan utama. Usaha perlu dibuat bagi memastikan penanaman *leguminous cover crop*, penyelenggaraan parit gajah, mengadakan operasi *weeding* berjadual, pembersihan kawasan, langkah mengatasi kawasan ditenggelami air supaya penghasilan yang optimum diperoleh oleh YWJ Citra.

14.4.2.2. Pembelian 10 Unit Rumah Kedai Di Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat

YWJ Citra telah mendapat kelulusan untuk membeli 10 unit rumah kedai di Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat bernilai RM3.08 juta untuk disewakan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Walaupun pihak universiti tidak meneruskan minat untuk menyewa hartanah, pengurusan YWJ Citra telah meneruskan pembelian sebanyak 10 unit rumah kedai. Semakan Audit mendapati bangunan rumah kedai masih belum disewakan kerana YWJ Citra berhasrat untuk menyewakan keseluruhan rumah kedai kepada satu penyewa sahaja. Lawatan Audit ke Bandar Universiti, Parit Raja pada bulan Julai 2010 mendapati 10 unit bangunan rumah kedai terbiar dan tiada kawalan keselamatan. Keadaan rumah kedai yang masih kosong adalah seperti di **Gambar 14.18** dan **Gambar 14.19**.

Gambar 14.18
Keadaan 10 Unit Rumah Kedai Milik YWJ Citra Yang Masih Kosong



Sumber: YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.
Lokasi: Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat
Tarikh: 27 Julai 2010

Gambar 14.19
Keadaan 10 Unit Rumah Kedai Milik YWJ Citra Yang Masih Kosong



Sumber: YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.
Lokasi: Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat
Tarikh: 27 Julai 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan hartanah adalah tidak memuaskan kerana rumah kedai yang dimiliki belum dapat disewakan.

14.4.3. Tadbir Urus Korporat

14.4.3.1. Penubuhan Syarikat Subsidiari

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1993 menetapkan semua pelaburan syarikat subsidiari Kerajaan termasuk penubuhan syarikat baru dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Penubuhan syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti 100% oleh Kerajaan atau syarikat Kerajaan adalah tidak dibenarkan melainkan atas sebab mendesak dan mustahak. Ini adalah bagi menggalakkan usaha sama di antara kerajaan dan swasta. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat subsidiari hendaklah sebahagiannya terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan kumpulan syarikat tetapi dilantik daripada kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang diperlukan.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2010, YWJ Citra telah menubuhkan 2 buah syarikat subsidiari milikan 100% dengan modal berbayar sebanyak RM10,000 bagi setiap syarikat. Penubuhan syarikat subsidiari dan lantikan Ahli Lembaga Pengarah hanya mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra tanpa kelulusan Yayasan Warisan Johor. Objektif penubuhan syarikat ini adalah untuk mempelbagaikan dan memperkukuhkan aktiviti YWJ Citra dengan menjadi syarikat sokongan. Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra Printing & Advertising Sdn. Bhd. dan Jati Citra Construction Sdn. Bhd. terdiri daripada seorang pegawai eksekutif dari YWJ Citra. Senarai syarikat subsidiari milikan penuh YWJ Citra adalah seperti di **Jadual 14.6**.

Jadual 14.6
Syarikat Subsidiari YWJ Citra Milikan 100%

Bil.	Syarikat	Tarikh Penubuhan	Aktiviti	Modal Berbayar (RM)	Peratusan Pegangan (%)
1.	YWJ Citra Printing & Advertising Sdn. Bhd.	28 Mei 2007	Penerbitan dan Percetakan	10,000	100
2.	Jati Citra Construction Sdn. Bhd.	13 Mei 2009	Pembangunan dan Hartanah	10,000	100

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

- c. Semakan Audit terhadap penyata kewangan YWJ Citra Printing & Advertising Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 2007 hingga 2009 menunjukkan syarikat tersebut telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM5,170 bagi tahun 2007 dan RM5,209 bagi tahun 2009, manakala bagi tahun 2008 syarikat itu telah mengalami kerugian sebanyak RM10,532. Pendapatan bagi tahun 2007 YWJ Citra Printing & Advertising Sdn. Bhd. adalah daripada projek percetakan dan iklan untuk projek teater, alat tulis YWJ Citra dan grafik buku untuk unit penerbitan. Jati Citra Construction Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 2009 tetapi masih belum memulakan perniagaan. Sehingga akhir tahun 2009, Jati Citra Construction Sdn. Bhd. telah menanggung perbelanjaan penubuhan syarikat dan yuran audit berjumlah RM3,215. Keuntungan/kerugian bagi 2 syarikat subsidiari YWJ Citra bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.7**.

Jadual 14.7
Keuntungan/Kerugian Bagi 2 Syarikat Subsidiari YWJ Citra Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Syarikat Subsidiari	Butiran	Tahun		
			2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	YWJ Citra Printing & Advertising Sdn. Bhd.	Keuntungan/Kerugian	5,170	(10,532)	5,209
2.	Jati Citra Construction Sdn. Bhd.	Keuntungan/Kerugian	-	-	(3,215)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari YWJ Citra Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Pada pendapat Audit, penubuhan syarikat subsidiari dan lantikan ahli lembaga pengarahnya dari YWJ Citra tidak mendedahkan syarikat kepada pengetahuan/pengalaman baru. Penubuhan 2 syarikat subsidiari ini perlu dibawa kepada dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Yayasan Warisan Johor.

14.4.3.2. Lembaga Pengarah

Menurut Buku Hijau, sekurang-kurangnya 1/3 daripada Ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas dan bilangan Ahli Lembaga Pengarah tidak melebihi 10 orang. Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan wujudnya Tadbir Urus Korporat di dalam Kumpulan, termasuk menetapkan matlamat strategik, menentukan arah yang perlu dicapai oleh pengurusan dan seterusnya bermesyuarat secara kerap bagi memantau pencapaian berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI). Semakan Audit mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra hanya dibuat sekali pada tahun 2006, sekali pada tahun

2007 dan sekali dalam tahun 2010. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra tidak dibuat pada tahun 2008 dan 2009. Kekurangan mesyuarat Lembaga Pengarah juga menyebabkan kelulusan segera yang diperlukan dibuat melalui Ketetapan Beredar. Semakan Audit mendapati bilangan Ketetapan Beredar semakin meningkat bilangannya setiap tahun di mana pada tahun 2007 sebanyak 7 Ketetapan Beredar dan pada tahun 2010 sebanyak 16 Ketetapan Beredar. Selain itu, pihak Audit mendapati kandungan mesyuarat yang meliputi perkara penting seperti pembentangan dan kelulusan bajet tahunan, laporan prestasi kewangan setiap suku tahun, pencapaian KPI dan kelulusan pembayaran bonus tidak dibincangkan.

14.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menyatakan mengenai garis panduan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Keperluan ini timbul di dalam Kumpulan Syarikat Kerajaan yang besar dan mengandungi syarikat subsidiari yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas prestasi kewangan kumpulan syarikat. Jawatankuasa ini boleh ditubuhkan di mana perlu bagi mana-mana lapisan syarikat subsidiari. Di antara objektifnya adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat induk dan semua syarikat subsidiari dan bersekutu melalui kajian audit atau pemeriksaan khas dan laporan audit dalam. Semakan Audit mendapati YWJ Citra belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Adalah juga didapati bagi tahun 2007 hingga 2010, tiada pengauditan dijalankan ke atas YWJ Citra oleh mana-mana pihak termasuk dari pihak Yayasan Warisan Johor.

14.4.3.4. Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan antara lainnya cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari Kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Semakan Audit mendapati kakitangan YWJ Citra telah menerima bonus sebanyak sebulan gaji bagi tahun 2008 dan 2009 walaupun syarikat telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.97 juta dan RM1.27 juta masing-masing bagi tahun 2008 dan 2009. Tiada kelulusan bayaran bonus daripada Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan serta tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat YWJ Citra adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra tidak dibuat mengikut ketetapan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam belum ditubuhkan dan bayaran bonus dibuat tanpa mengambil kira prestasi keuntungan syarikat.

14.4.3.5. Prosedur Kerja Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan sebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat membantu memelihara aset syarikat, mengelakkan penyelewengan dan kesilapan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan, seterusnya membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati YWJ Citra tidak mempunyai tatacara peraturan kewangan dalam menguruskan kewangan syarikat.

14.4.3.6. Pengurusan Aset

Pengurusan aset perlu dilaksanakan supaya rekod-rekod, aset dan maklumat penting sentiasa dalam keadaan terkawal, selamat dan dapat mengelakkan daripada berlakunya kecurian serta kehilangan. Semakan Audit mendapati YWJ Citra tidak menyediakan Prosedur Pengurusan Aset. Antara kelemahan yang diperhatikan dalam pengurusan aset ialah:

- a. Daftar/Rekod Penggunaan peralatan pejabat bagi merekodkan pergerakan atau penggunaan aset seperti mesin faks, mesin fotostat tidak disediakan.
- b. Pemeriksaan tahunan terhadap harta modal adalah untuk mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu harta modal dan perlu diperiksa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Pemeriksaan aset tidak dilakukan oleh pegawai aset dan tiada bukti menunjukkan pemeriksaan aset dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Rekod pemeriksaan terhadap aset YWJ Citra juga tidak diselenggarakan.
- c. YWJ Citra tidak mempunyai prosedur berkaitan kawalan terhadap penggunaan kenderaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan YWJ Citra adalah kurang memuaskan kerana tatacara peraturan kewangan, prosedur pengurusan aset dan prosedur pengurusan kenderaan tidak disediakan.

14.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penubuhan YWJ Citra mencapai objektifnya dan Yayasan Warisan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dikemaskan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

14.5.1. Memperkemarkan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan YWJ Citra dan Yayasan Warisan Johor.

14.5.2. Memberikan fokus kepada aktiviti perladangan bagi memastikan pembangunan adalah sepertimana disasarkan supaya memperoleh sumber pendapatan utama dan konsisten.

14.5.3. Memastikan 10 unit rumah kedai di Bandar Universiti Parit Raja, Batu Pahat disewakan bagi menjana pendapatan dan seterusnya membantu pembayaran balik terhadap pinjaman yang diperoleh daripada bank.

15. JOHOR SKILLS DEVELOPMENT CENTRE SDN. BHD.

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI) adalah sebuah syarikat yang dimiliki 75% oleh Perbadanan Johor. Syarikat ini ditubuhkan pada 29 Disember 1993 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga bulan Disember 2010, modal saham dibenarkan PUSPATRI ialah RM1 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM0.50 juta. Sejumlah 375,000 saham berbayar PUSPATRI dipegang oleh Perbadanan Johor manakala baki 125,000 saham berbayar PUSPATRI atau 25% dimiliki oleh Pengarah Urusan PUSPATRI. Kegiatan utama syarikat PUSPATRI ialah menyediakan latihan teknikal berterusan dan menaik taraf kemahiran untuk tenaga kerja perindustrian. PUSPATRI telah mendapat pentauliahkan sebagai sebuah pusat latihan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan menjadi ahli Persekutuan Pusat Pembangunan Kemahiran Malaysia (FMSDC). PUSPATRI telah menetapkan objektif utama antaranya mewujudkan peluang pembelajaran yang berterusan kepada tenaga kerja industri, pelajar lepasan SPM dan siswazah menganggur serta membantu meningkatkan kemahiran tenaga kerja berasaskan teknologi agar dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti serta melahirkan tenaga kerja mahir yang berketerampilan.

15.1.2. PUSPATRI mempunyai 5 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi, seorang Pengarah Urusan, 2 wakil Perbadanan Johor dan seorang wakil syarikat subsidiari Perbadanan Johor. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 27 orang kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Johor, PUSPATRI perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PUSPATRI.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PUSPATRI adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

15.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus PUSPATRI. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah

diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Februari 2011 mendapati PUSPATRI memperoleh keuntungan bersih RM1.69 juta pada tahun 2009 berbanding keuntungan RM1.62 juta pada tahun 2008. Pengurusan aktiviti utama PUSPATRI bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti pengambilan pelajar yang mengikuti kursus jangka panjang tidak mencapai sasaran iaitu antara 2.7% hingga 100% dan sebanyak 83.6% hingga 88.5% kursus jangka pendek tidak dapat dilaksanakan mengikut sasaran yang ditetapkan. Selain itu, tuntutan penuh sebanyak RM0.69 juta dibuat bagi 66 pelajar yang berhenti mengikuti kursus. Pelajar juga dikenakan bayaran pendaftaran dan lain-lain bayaran sedangkan yuran kursus telah meliputi bayaran berkaitan dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Terdapat juga peralatan bantuan mengajar bernilai RM0.64 juta yang dibeli pada bulan September 2010 masih belum dibekalkan. Dalam tadbir urus korporat pula, PUSPATRI tidak menerima pakai pekeliling berkaitan syarikat kerajaan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan kewangan PUSPATRI serta aktivitiinya adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

15.4.1. Prestasi Kewangan

15.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tahun 2007 hingga 2009, prestasi kewangan PUSPATRI adalah memuaskan di mana memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit PUSPATRI bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009, keuntungan sebelum cukai PUSPATRI pada tahun 2007 berjumlah RM2.99 juta dan menurun sebanyak 47.2% kepada RM1.58 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, keuntungan kembali meningkat pada tahun 2009 sebanyak 7% kepada RM1.69 juta. Keuntungan sebelum cukai yang menurun dengan ketara pada tahun 2008 adalah disebabkan penurunan dalam lain-lain pendapatan di mana PUSPATRI tidak mendapat geran latihan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (Kementerian Kewangan). Sebaliknya, PUSPATRI telah menggunakan geran latihan tahun 2007 yang berjumlah RM7.28 juta bagi menjalankan kursus jangka panjang pada tahun 2008. Walaupun berlaku peningkatan dalam hasil sebanyak RM1.11 juta atau 194.7% iaitu hasil yang diterima daripada kursus jangka pendek yang dijalankan, ia hanya mampu menampung purata 12.2% perbelanjaan operasi PUSPATRI. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 meningkat semula disebabkan PUSPATRI telah mendapat semula geran latihan daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM8.42 juta di samping peningkatan dalam lain-lain pendapatan seperti yuran pendaftaran yang dikenakan kepada pelajar mulai tahun 2009, dividen dan sewa diterima. Selain itu, PUSPATRI

juga telah memperoleh hasil tambahan daripada penyediaan tempat latihan untuk kegunaan Kolej Komuniti bagi program pengukuhan graduan kursus *Welding Process Technology* yang berjumlah RM0.65 juta.


- b. Perbelanjaan PUSPATRI terdiri daripada belanja pentadbiran dan operasi. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi bagi tempoh 2007 hingga 2009 menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2008, meningkat sebanyak RM0.49 juta atau 6.0% dan pada tahun 2009 meningkat sebanyak RM1.43 juta atau 16.5%. Peningkatan bagi tahun 2008 disebabkan peningkatan gaji dan kerja lebih masa, insentif dan bonus, bayaran pensyarah jemputan serta elaun pelajar. Manakala pada tahun 2009, jumlah perbelanjaan semakin meningkat disebabkan terdapat pengambilan sebanyak 2 kali bagi kursus jangka panjang yang menyebabkan peningkatan dalam belanja pengiklanan, percetakan, bayaran pensyarah jemputan serta yuran pelajar.
- c. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PUSPATRI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 15.1** dan **Carta 15.1**.

Jadual 15.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi PUSPATRI
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Hasil	0.57	1.68	1.97
Lain-lain Pendapatan	10.59	8.56	9.81
Jumlah Pendapatan	11.16	10.24	11.78
Belanja Operasi Dan Pentadbiran	(8.17)	(8.66)	(10.09)
Keuntungan Sebelum Cukai	2.99	1.58	1.69
Cukai	(0.04)	0.04	0.00
Keuntungan Selepas Cukai	2.95	1.62	1.69
Keuntungan Berkumpul	3.00	4.62	6.31

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PUSPATRI Tahun 2007 Hingga 2009

Carta 15.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PUSPATRI Tahun 2007 Hingga 2009

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PUSPATRI Tahun 2007 Hingga 2009

15.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PUSPATRI, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PUSPATRI bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 15.2**.

Jadual 15.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun		
		2007	2008	2009
i.	Nisbah Semasa	0.91:1	1.34:1	1.74:1
ii.	Margin Keuntungan	524.6%	94.0%	85.8%
iii.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.12:1	0.07:1	0.08:1
iv.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.84:1	0.32:1	0.25:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PUSPATRI Tahun 2007 Hingga 2009

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa PUSPATRI bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah di bawah kadar 2 iaitu antara 0.91 hingga 1.74. Walaupun kadar nisbah kecairan kurang daripada 2, tetapi ianya lebih daripada satu bagi tahun 2008 dan 2009 menunjukkan syarikat masih mempunyai kecairan yang baik untuk menampung liabiliti semasa. Tahap kecairan yang semakin meningkat ini adalah disebabkan oleh pertambahan deposit serta pengurangan pemiutang dan pelbagai pemiutang.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan PUSPATRI menurun dengan ketara pada tahun 2008 berbanding 2007 iaitu daripada RM5.25 kepada 94 sen dan semakin menurun pada tahun 2009 pada kadar 85 sen. Penurunan margin keuntungan pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh PUSPATRI tidak menerima geran latihan daripada kerajaan. Penurunan ini menunjukkan tiada nilai tambah daripada pendapatan syarikat terhadap kadar keuntungan syarikat.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana keuntungan. Nisbah pulangan yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009, nisbah pulangan atas aset yang diperoleh PUSPATRI tidak konsisten di mana ia menurun daripada 12 sen pada tahun 2007 kepada 7 sen pada tahun 2008 dan meningkat pada tahun 2009 pada kadar 8 sen. Nisbah pulangan atas aset yang menurun pada tahun 2008 disebabkan oleh pengurangan penghutang dan tunai di bank serta tunai di tangan. Ini menunjukkan prestasi PUSPATRI dalam menguruskan aset bagi menjana keuntungan adalah kurang memuaskan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi nisbah yang diperolehi semakin tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati ekuiti PUSPATRI pada tahun 2007 memberi pulangan kepada pemegang saham iaitu sebanyak 84 sen. Pulangan pada tahun 2008 menurun kepada 32 sen dan semakin menurun kepada 25 sen pada tahun 2009. Pulangan yang rendah menunjukkan prestasi operasi PUSPATRI kurang memberi keuntungan kepada pemegang saham pada tahun 2008 dan 2009 berbanding tahun 2007 disebabkan oleh pendapatan yang berkurangan pada tahun 2008 dan 2009.

15.4.2. Pengurusan Aktiviti

Sebagai sebuah syarikat yang bertindak sebagai sebuah pusat latihan bertauliah, PUSPATRI telah menawarkan program kemahiran teknikal yang terbahagi kepada kursus jangka panjang dan jangka pendek. Kursus jangka panjang dikhususkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu *Workforce Technical Transformation Program* (WTTP) dan kepada siswazah yang menganggur iaitu *Industrial Skills Enhancement*

Program (INSEP). Tempoh program WTPP adalah antara 12 hingga 24 bulan manakala INSEP pula antara 4 hingga 8 bulan. Setiap pelajar yang mengikuti kursus akan diberi elaun bulanan antara RM290 hingga RM1,000 sebulan, tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diterima. Bagi kursus jangka pendek pula, bilangan hari kursus adalah antara satu hingga 14 hari serta ditawarkan kepada pekerja industri dan orang awam. PUSPATRI telah menerima geran daripada Kementerian Kewangan bagi mengendalikan kursus jangka panjang dan daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) untuk kursus jangka pendek. Selain geran latihan, PUSPATRI juga menerima geran pembangunan bagi pembelian peralatan latihan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) berjumlah RM0.52 juta pada tahun 2008 dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berjumlah RM3.55 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2009, PUSPATRI tidak menerima geran pembangunan daripada mana-mana pihak. Pihak Audit telah membuat penilaian bagi aktiviti latihan dan pengurusan geran Kerajaan oleh PUSPATRI bagi menentukan ia telah dilaksanakan serta diurus dengan cekap, berkesan serta berhemah. Semakan Audit telah mendapati perkara-perkara seperti berikut:

15.4.2.1. Pengambilan Pelajar Kursus Jangka Panjang Tidak Mencapai Sasaran

- a. PUSPATRI telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar setiap tahun bagi memastikan geran yang diperolehi dapat digunakan sepenuhnya. Butiran lanjut mengenai sasaran pelajar dan bilangan pelajar yang mendaftar bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 15.3**.

Jadual 15.3
Sasaran Dan Bilangan Sebenar Pelajar Mendaftar Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Kursus/Program	2008 (Bil. Pelajar)		2009 (Bil. Pelajar)		2010 (Bil. Pelajar)		Purata (%)
		Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	
1.	WTPP	300	0	300	280	300	0	
2.	INSEP	450	0	450	450	400	375	
Jumlah (Orang)		750	0	750	730	700	375	
Peratus Pelajar Mendaftar (%)		0		97.3		53.6		50.2
Peratus Pelajar Tidak Mencapai Sasaran (%)		100		2.7		46.4		49.8

Sumber: PUSPATRI

- b. Berdasarkan **Jadual 15.3**, PUSPATRI telah mensasarkan seramai 750 pelajar pada tahun 2008 dan 2009 serta 700 pelajar pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati pengambilan pelajar bagi tahun 2008 hingga 2010 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2008, tiada pelajar mendaftar daripada 750 pelajar yang disasarkan manakala 20 pelajar atau 2.7% sahaja pada tahun 2009 dan 325 pelajar atau 46.4% pada tahun 2010. Jumlah pelajar tidak mencapai sasaran pada tahun 2008 disebabkan PUSPATRI tidak membuat pengambilan pelajar kerana tidak menerima geran latihan daripada Kementerian Kewangan manakala pada tahun 2010 pula PUSPATRI hanya menerima geran bagi program INSEP sahaja. Selain itu, PUSPATRI juga bergantung pada geran latihan dan tidak dapat menjalankan kursus jangka panjang jika tidak mendapat geran latihan daripada agensi kerajaan. Butiran

lanjut mengenai geran latihan yang diterima daripada Kementerian Kewangan adalah seperti di **Jadual 15.4**.

Jadual 15.4
Geran Latihan Yang Diterima Daripada Kementerian Kewangan
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Nama Kursus/Program	Kumpulan Sasaran	Jumlah Geran Diterima (RM Juta)		
			2008	2009	2010
1.	Workforce Technical Transformation Program (WTTP)	Pelajar Lepas SPM	-	4.82	-
2.	Industrial Skills Enhancement Program (INSEP)	Siswazah Menganggur	-	9.97	7.80
Jumlah			-	14.79	7.80

Sumber: PUSPATRI

- c. Menurut PUSPATRI, permohonan bagi mendapatkan geran latihan daripada Kementerian Kewangan telah dibuat pada setiap tahun, namun kelulusan permohonan geran tersebut adalah bergantung pada keputusan Kementerian Kewangan. PUSPATRI menyatakan jumlah geran latihan yang diterima pada tahun 2010 bagi kursus INSEP adalah lebih rendah berbanding permohonan yang dibuat kepada Kementerian Kewangan.

15.4.2.2. Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek Tidak Mencapai Sasaran

- a. PUSPATRI turut menawarkan kursus jangka pendek kepada pekerja industri dan orang awam yang berminat dalam bidang kemahiran teknikal. SME Corp akan menanggung 80% daripada yuran kursus manakala 20% lagi ditanggung oleh syarikat perindustrian yang berdaftar dengan SME Corp yang menghantar peserta mengikuti kursus tersebut. Bagi kursus yang dihadiri oleh orang awam, segala kos perbelanjaan kursus akan ditanggung sendiri oleh peserta kursus. Setiap tahun PUSPATRI menyediakan jadual pelaksanaan kursus jangka pendek yang akan dijalankan untuk diedarkan kepada syarikat, agensi dan orang awam. Butiran bagi sasaran bilangan kursus dan pelaksanaan sebenar kursus adalah seperti di **Jadual 15.5**.

Jadual 15.5
Sasaran Dan Pelaksanaan Sebenar Kursus Jangka Pendek Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Sasaran dan Pelaksanaan Secara Kursus Saja 1 Oktober 2008 Hingga 2010						
Tahun	Bilangan Kursus				Peratus Pelaksanaan (%)	Peratus Tidak Dilaksanakan (%)
	Sasaran	Pelaksanaan				
		Geran SME & Kerjasama	PUSPATRI	Jumlah		
2008	585	20	71	91	15.6	84.4
2009	478	20	35	55	11.5	88.5
2010	359	17	42	59	16.4	83.6
Jumlah	1,422	57	148	205	14.4	85.6
Purata					14.5	85.5

Sumber: PUSPATRI

- b. Berdasarkan **Jadual 15.5**, sasaran kursus jangka pendek yang dilaksanakan oleh PUSPATRI adalah sebanyak 585 kursus pada tahun 2008, 478 kursus bagi tahun 2009 dan 359 kursus bagi tahun 2010. Semakan Audit mendapati pelaksanaan kursus jangka pendek bagi tahun 2008 hingga 2010 tidak mencapai sasaran iaitu hanya 91 kursus atau 15.6% kursus dilaksanakan pada tahun 2008, sebanyak 55 kursus atau 11.5% pada tahun 2009 dan 59 kursus atau 16.4% pada tahun 2010. Secara puratanya, PUSPATRI tidak dapat melaksanakan 85.5% kursus jangka pendek yang telah ditetapkan bagi tahun 2008 hingga 2010. Perkara ini disebabkan PUSPATRI bergantung kepada sumber kewangan luaran iaitu geran daripada SME Corp dan program kerjasama agensi lain pada tahun 2008 hingga 2010. Sumber kewangan yang terhad di mana sebahagian besar jumlah pendapatan adalah daripada geran turut menjadi sebab kursus jangka pendek melalui pembiayaan sendiri tidak dapat dijalankan mengikut sasaran. Butiran geran yang diterima daripada SME Corp dan program kerjasama yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 15.6**.

Jadual 15.6
Geran Yang Diterima Daripada SME Corporation Dan Kursus Yang Dijalankan
Secara Kerjasama Penaja Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Nama Kursus/Program	Tempoh Kursus	Tajaan Geran	Jumlah Geran Diterima (RM Juta)		
				2008	2009	2010
1.	Kursus Jangka Pendek	2-14 hari	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp)	0.92	0.85	0.58
2.	Kursus Jangka Pendek	2-14 hari	Institut Kemahiran Belia Negara	0.08	0.05	0.08
3.	Kursus Pengukuhan Graduan (<i>Welding</i>)	3 bulan	Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi	TB	0.65	TB
4.	<i>Biotechnology Entrepreneurship Special Training</i> (BeST)	3 bulan	Malaysia Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (anak syarikat Kementerian Kewangan)	TB	TB	1.37
Jumlah				1.00	1.55	2.03

Sumber: PUSPATRI

Nota: TB-Tidak Berkenaan. Kerjasama Hanya Berlaku Pada Tahun Yang Berkenaan.

- c. Berdasarkan **Jadual 15.6**, geran yang diterima daripada SME Corp dalam tahun 2008 hingga 2010 adalah semakin menurun iaitu daripada RM0.92 juta pada tahun 2008 kepada RM0.85 juta pada tahun 2009 dan RM0.58 juta pada tahun 2010. Begitu juga dengan geran yang diterima daripada program kerjasama yang tidak tetap dan bergantung kepada keperluan sesebuah kementerian, agensi atau syarikat yang bekerjasama. Pelaksanaan kursus jangka pendek yang tidak mencapai sasaran menyebabkan pendapatan daripada kursus jangka pendek menurun daripada RM1.66 juta pada tahun 2008 kepada RM1.31 juta pada tahun 2009 dan RM1.08 juta pada tahun 2010 tanpa mengambil kira pendapatan daripada program kerjasama dengan agensi lain. Butiran lanjut pendapatan dan perbelanjaan kursus jangka pendek bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 15.7**.

Jadual 15.7
Jumlah Pendapatan Dan Perbelanjaan Kursus Jangka Pendek Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Pendapatan (RM Juta)				Jumlah Besar Pendapatan (RM Juta) (c)+(d)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Lebih Pendapatan (RM Juta)
	Geran SME & IKBN (a)	Yuran Kursus Anjuran PUSPATRI (b)	Jumlah (a)+(b)=(c)	Program Kerjasama (d)			
2008	1.00	0.66	1.66	-	1.66	1.38	0.28
2009	0.90	0.41	1.31	0.65	1.96	1.54	0.42
2010	0.66	0.42	1.08	1.37	2.45	1.92	0.53
Jumlah	2.56	1.49	4.05	2.02	6.07	4.84	1.23

Sumber: PUSPATRI

- d. Berdasarkan **Jadual 15.7**, semakan Audit mendapati pendapatan daripada SME Corp dan program kerjasama dengan agensi lain adalah tidak tetap. Program Kerjasama dengan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi telah dijalankan dalam tahun 2009 dan program BeST pula dalam tahun 2010. Yuran peserta kursus anjuran PUSPATRI sendiri bergantung pada bilangan kursus yang dijalankan dan peserta yang hadir. Pendapatan daripada yuran tersebut bagi tahun 2008 hingga 2010 hanya RM1.49 juta iaitu 24.5% daripada jumlah pendapatan dari kursus jangka pendek berjumlah RM6.07 juta. Pendapatan dari geran SME Corp dan program kerjasama menyumbang jumlah yang besar iaitu 75.5% daripada pendapatan kursus jangka pendek. Ini menunjukkan PUSPATRI tidak boleh bergantung pada pendapatan daripada yuran kursus jangka pendek bagi menampung kos operasi.
- e. Di samping itu, kursus jangka pendek tidak mencapai sasaran adalah disebabkan beberapa faktor lain seperti tiada elaun kursus disediakan berbanding program WTTP dan INSEP, kekurangan bilik kuliah, kekurangan peralatan dan tenaga pengajar kerana keutamaan diberikan kepada pelaksanaan program WTTP dan INSEP.
- f. PUSPATRI memaklumkan bagi memastikan pelaksanaan kursus jangka panjang dan pendek mencapai sasaran, beberapa strategi dirancang seperti menjalankan lebih banyak kerjasama dengan pihak industri dan agensi kerajaan serta memastikan program latihan yang ditawarkan adalah mengikut keperluan dan perkembangan industri semasa. PUSPATRI telah menandatangani Perjanjian Usahasama bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan mendapat kelulusan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTs) manakala kelulusan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) sedang dalam proses.

15.4.2.3. Tuntutan Dibuat Bagi Pelajar Berhenti

- a. Bagi tempoh 2008 hingga 2010, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan geran latihan program WTTP dan INSEP kepada PUSPATRI berjumlah RM22.59 juta untuk melatih 1,105 orang pelajar. Tuntutan bagi geran yang telah diluluskan adalah melalui Akaun Amanah yang dikendalikan oleh Unit Perancang

Ekonomi Negeri Johor (UPENJ). Mengikut Arahan Amanah bagi Akaun Amanah PUSPATRI, tuntutan pembayaran oleh PUSPATRI adalah berdasarkan pengambilan pelajar mengikut kadar pakej yang telah ditetapkan bergantung kepada jenis kursus yang ditawarkan termasuk bayaran elaun pelajar. Butiran lanjut mengenai jumlah geran yang diterima dan bilangan pelajar yang mengikuti kursus INSEP dan WTTP bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 15.8**.

Jadual 15.8
Jumlah Geran Latihan Diluluskan Dan Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus
Pada Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	INSEP			WTTP		
	Jumlah Geran (RM Juta)	Bilangan Pelajar Ditetapkan	Bilangan Pelajar Menamatkan Kursus	Jumlah Geran (RM Juta)	Bilangan Pelajar Ditetapkan	Bilangan Pelajar Menamatkan Kursus
2008	-	-	-	-	-	-
2009	9.97	450	438	4.82	280	247
2010	7.80	375	354	-	-	-
Jumlah	17.77	825	792	4.82	280	247

Sumber: PUSPATRI

- b. Semakan Audit mendapati tuntutan perbelanjaan bagi program INSEP dan WTTP kepada UPEN Johor adalah termasuk bilangan pelajar yang telah berhenti menjalani kursus di PUSPATRI iaitu 66 pelajar bagi tahun 2009 dan 2010 yang terdiri daripada 33 orang bagi program INSEP dan 33 orang bagi program WTTP. Jumlah tuntutan bagi pelajar yang berhenti adalah berjumlah RM0.69 juta bagi tahun 2009 dan 2010. Butiran lanjut mengenai jumlah pelajar yang tidak menamatkan kursus pada tahun 2009 dan 2010 serta jumlah tuntutan terlibat adalah seperti di **Jadual 15.9**.

Jadual 15.9
Tuntutan Bagi Pelajar Yang Tidak Menamatkan Kursus Pada Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Program	Bilangan Pelajar Ditetapkan	Bilangan Pelajar Menamatkan Kursus	Bilangan Pelajar Berhenti	Tuntutan Pelajar Berhenti (RM Juta)
1.	INSEP 1/2009	223	220	3	0.03
2.	INSEP 2/2009	227	218	9	0.12
3.	WTTP 1/2009	140	120	20	0.17
4.	WTTP 2/2009	140	127	13	0.14
5.	INSEP 1/2010	200	188	12	0.17
6.	INSEP 2/2010	175	166	9	0.06
Jumlah		1,105	1,039	66	0.69

Sumber: PUSPATRI

- c. Menurut PUSPATRI, tuntutan perbelanjaan kepada UPEN Johor adalah berdasarkan bilangan pelajar yang diluluskan secara pakej. Perbincangan mengenai perkara ini dengan Kementerian Kewangan telah diadakan dan tuntutan peruntukan dibuat secara pakej setelah mengambil kira kesemua kos tetap yang terlibat sepanjang program dijalankan.

15.4.2.4. Pelajar Program INSEP Dan WTTP Dikenakan Pelbagai Yuran

- a. Geran yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah termasuk kos bagi pembayaran elaun pelajar dan yuran kursus. Semakan Audit mendapati mulai tahun 2009, PUSPATRI telah mengenakan bayaran pendaftaran kepada setiap pelajar sebanyak RM100 yang dibayar sendiri oleh pelajar. Sejumlah RM0.11 juta bayaran pendaftaran telah diterima dalam tahun 2009 dan 2010. Di samping itu, pelajar Program INSEP dan WTTP tahun 2009 dan 2010 juga dikenakan bayaran lain yang dipotong terus daripada elaun bulanan seperti berikut:
 - i. Bayaran kos pentadbiran bagi menampung kos pakaian, sijil, insurans, konvokesyen, komputer, telefon, kemudahan rekreasi, fotostat dan alat tulis, penyelenggaraan pusat dan peralatan, keselamatan, kebersihan dan kebajikan pelajar sepanjang tempoh kursus antara RM71.25 hingga RM200 sebulan.
 - ii. Bayaran asrama dan pengangkutan sebanyak RM8.35 hingga RM150 sebulan. Bayaran ini hanya dikenakan kepada pelajar yang menginap di asrama.
 - iii. Deposit asrama sebanyak RM200 yang akan dikembalikan apabila kursus tamat.
 - iv. Denda jika tidak menghadiri kuliah mengikut kadar antara RM16.50 hingga RM40 sehari.
- b. Semakan Audit mendapati PUSPATRI telah membuat tuntutan sewa asrama, pengangkutan dan kos pentadbiran daripada geran yang dikemukakan kepada UPEN Johor. Menurut PUSPATRI, potongan yang dibuat daripada elaun pelajar adalah bagi kos penyenggaraan asrama yang tidak dituntut daripada geran.

15.4.2.5. Peralatan Bantuan Mengajar Belum Dibekalkan

- a. Selain mendapat geran latihan daripada Kementerian Kewangan, PUSPATRI turut mendapat geran pembangunan bagi pembelian peralatan latihan daripada MECD pada tahun 2008 dan daripada MITI pada tahun 2010. Butiran lanjut mengenai geran pembangunan yang diterima oleh PUSPATRI bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 15.10**.

Jadual 15.10
Geran Pembangunan Bagi Pembelian Peralatan Mengajar Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Tajaan Geran	Unit/Jabatan Di PUSPATRI	Jumlah Geran Diterima (RM Juta)		
			2008	2009	2010
1.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD)	Unit Computer Numerical Control (CNC)	0.52	-	-
2.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)	i. Unit CNC	-	-	0.48
		ii. Unit Teknologi Kimpalan			0.34
		iii. Jabatan Advance Manufacturing Technology (AMT)			1.26
		iv. Jabatan Elektrik & Elektronik (E&E)			1.47
Jumlah			0.52	-	3.55

Sumber: PUSPATRI

- b. Berdasarkan **Jadual 15.10**, PUSPATRI telah menerima geran pembangunan sebanyak RM0.52 juta daripada MECD dan RM3.55 juta daripada MITI. Jawatankuasa Tender Dan Sebut Harga PUSPATRI telah mencadangkan tawaran daripada sebuah syarikat bagi pembekalan, pemasangan dan pengujian peralatan mengajar bagi Jabatan E&E dan Jabatan AMT berjumlah RM2.73 juta. Cadangan tersebut diluluskan oleh Lembaga Perolehan MITI pada 1 September 2010. Manakala, pembelian peralatan mengajar bagi Unit CNC dan Unit Teknologi Kimpalan berjumlah RM0.82 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilih Sebut Harga PUSPATRI di mana 2 buah syarikat telah dilantik bagi membekalkan peralatan tersebut.
- c. Semakan Audit juga mendapati peralatan alat bantuan mengajar bagi Jabatan E&E dan Jabatan AMT berjumlah RM0.30 juta telah lewat dibekalkan selama 93 hari. Pembekal tersebut telah memohon lanjutan masa pada 24 Disember 2010 dan PUSPATRI telah bersetuju memberi lanjutan masa selama 45 hari iaitu sehingga 10 Februari 2011. Permohonan lanjutan masa kedua dimohon pada 7 Februari 2011 setelah pembekal berkenaannya gagal membekalkan peralatan mengajar dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan. PUSPATRI bersetuju memberi tambahan 45 hari lagi sehingga 27 Mac 2011. Bagi peralatan Unit Teknologi Kimpalan yang dibekalkan secara sebut harga, didapati sehingga 29 Mac 2011 syarikat masih belum membekalkan peralatan dalam tempoh yang ditetapkan dan bayaran mengenainya masih belum dibuat. Permohonan lanjutan masa hanya dimohon oleh syarikat pembekal peralatan untuk Unit Teknologi Kimpalan pada 9 Mac 2011 dan diluluskan sehingga 12 April 2011. Maklumat lanjut mengenai tender dan sebut harga serta kelewatan yang dimaksudkan adalah seperti **Jadual 15.11**.

Jadual 15.11
Maklumat Tender Dan Sebut Harga Pembelian Peralatan Bantuan Mengajar
Dari Geran Pembangunan Tahun 2010

Bil.	Unit/ Jabatan Yang Menerima Peralatan Mengajar	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Sepatutnya Dibekalkan	Kos Peralatan Sehingga 29.3.2011		Lanjutan Masa		Tempoh Kelewatan Sehingga 29.3.2011 (Hari)
				Dibekalkan (RM Juta)	Belum Dibekalkan (RM Juta)	Pertama	Kedua	
Tender								
1.	Jabatan E&E dan Jabatan AMT	1.47	27.12.10	1.27	0.20	10.2.11	27.3.11	93
2.		1.26	27.12.10	1.16	0.10	10.2.11	27.3.11	93
Jumlah		2.73		2.43	0.30			
Sebut Harga								
3.	Unit Teknologi Kimpalan	0.34	12.1.11	Tiada	0.34	12.4.11	-	75
4.	Unit CNC	0.48	28.2.11	0.48	-	15.3.11	-	Tiada
Jumlah		0.82		0.48	0.34			
Jumlah Besar		3.55		2.91	0.64			

Sumber: PUSPATRI

- d. Hasil semakan Audit mendapati PUSPATRI tidak mengenakan denda kelewatan pada kadar RM200 sehari disebabkan syarikat pembekal telah memohon lanjutan masa dan PUSPATRI telah bersetuju berdasarkan syarat dalam kontrak perjanjian. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati PUSPATRI tidak mengenakan denda kelewatan berjumlah RM15,000 bagi tempoh kelewatan selama 75 hari terhadap syarikat yang membekalkan peralatan untuk Unit Teknologi Kimpalan yang tidak memohon lanjutan masa pada awalnya. Pihak Audit juga mendapati tempoh lanjutan masa yang diberikan kepada syarikat yang membekal peralatan untuk Jabatan AMT dan Jabatan E&E selama 90 hari adalah bersamaan dengan tempoh membekalkan peralatan yang dipersetujui. Oleh itu, tempoh masa yang diambil untuk membekalkan peralatan adalah selama 180 hari berbanding tempoh asal yang dipersetujui. Pihak Audit mendapati kontrak perjanjian bagi tender dan sebut harga berkaitan masih belum ditandatangani sehingga bulan Februari 2011. Kelewatan bekalan peralatan ini telah melewati penggunaan peralatan terkini dalam proses pembelajaran di PUSPATRI.
- e. Menurut PUSPATRI, peralatan tidak dapat dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan disebabkan hampir 90% daripada peralatan mengajar adalah merupakan barangan import yang memerlukan masa untuk dibekalkan dan dipasang serta pembekal menghadapi masalah kewangan.

15.4.2.6. Maklum Balas Pelajar PUSPATRI

- a. Pada bulan Februari 2011, pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 147 orang pelajar Program INSEP 2/2010 dan WTPP 2/2009 yang belum tamat pengajian. Hasil maklum balas pelajar mengenai perkhidmatan PUSPATRI mendapati pelajar tidak pasti jumlah sebenar potongan yang dikenakan daripada elaun bulanan kerana PUSPATRI tidak mengeluarkan dokumen pengesahan pemotongan kepada pelajar pada setiap bulan. Jumlah elaun bulanan dan potongan juga tidak dinyatakan dalam surat tawaran kepada pelajar. Menurut PUSPATRI taklimat kepada pelajar berkaitan pemotongan dari elaun bulanan telah diberikan kepada pelajar semasa pendaftaran setiap pengambilan.
- b. Pihak Audit juga mendapati 60% pelajar berpuas hati dengan peralatan bantuan mengajar yang disediakan dan sesuai dengan bidang kemahiran yang diajar. Bagi peralatan komputer yang disediakan, hanya 52% pelajar menyatakan ianya mencukupi manakala sebanyak 44% pelajar kurang berpuas hati. Selain peralatan komputer, pelajar juga tidak berpuas hati dengan akses internet, kemudahan mesin cetak dan mesin fotostat yang tidak mencukupi. Bagaimanapun, sebanyak 92% pelajar berpuas hati dengan tenaga pengajar yang mengajar dan bersesuaian dengan kursus yang diambil. Seramai 38 pelajar atau 26% daripada 147 pelajar tidak berpuas hati dengan suasana bilik kuliah yang tidak selesa kerana alat pendingin hawa, kerusi dan meja yang rosak. Daripada jumlah tersebut, seramai 55 pelajar atau 37% menginap di asrama yang disediakan, manakala seramai 33 pelajar atau 60% yang menginap di asrama menyatakan kemudahan yang disediakan tidak mencukupi. Ini kerana kemudahan asrama yang disediakan adalah sekadar katil, tilam dan bantal sahaja, manakala almari pakaian dan meja belajar tidak disediakan. Perkara ini turut dibangkitkan dalam Laporan Audit Dalam oleh Unit Audit Dalam Perbadanan Johor yang menjalankan pengauditan pada bulan April 2009. Laporan tersebut menyatakan kelengkapan asrama yang disediakan tidak lengkap seperti yang dinyatakan dalam Perkara 4 (Penginapan), Garis Panduan Penyediaan Tempat Latihan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Mengenai aspek keselamatan pula, seramai 28 daripada 55 pelajar yang menginap di asrama tidak berpuas hati dengan tahap keselamatan yang disediakan kerana sering berlaku kecurian. Keadaan bilik asrama adalah seperti di **Gambar 15.1** dan **Gambar 15.2**.

Gambar 15.1
Hanya Katil Bertingkat, Tilam Dan Bantal
Disediakan Di Asrama Pelajar Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Taman Mawar, Pasir Gudang
Tarikh: 25 Februari 2011

Gambar 15.2
Hanya Katil Bertingkat, Tilam Dan Bantal
Disediakan Di Asrama Pelajar Perempuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Taman Cendana, Pasir Gudang
Tarikh: 25 Februari 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PUSPATRI adalah kurang memuaskan terutama bagi pengambilan pelajar bagi kursus jangka panjang (WTP dan INSEP) yang tidak mencapai sasaran dan pelaksanaan kursus jangka pendek di bawah 20% daripada sasaran. Selain itu, berlaku kelewatan dalam membekalkan peralatan mengajar.

15.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat PUSPATRI adalah seperti berikut:

15.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Dan Unit Audit Dalam

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas,

mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat.

- b. Semakan Audit mendapati PUSPATRI tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan secara khusus. Pihak Audit dimaklumkan perkara yang berkaitan dengan jawatankuasa tersebut akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa EXCO. Bagi Unit Audit Dalam (UAD) pula, PUSPATRI menggunakan khidmat UAD Perbadanan Johor yang telah menjalankan pengauditan operasi dan kewangan di PUSPATRI pada tahun 2009 dan 2010.

15.4.3.2. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati PUSPATRI tidak membuat bayaran dividen kepada Perbadanan Johor pada tahun 2007 hingga 2009 dan tahun-tahun sebelumnya sejak ditubuhkan seperti yang ditetapkan oleh pekeling disebabkan keuntungan yang diperoleh digunakan untuk menjana operasi semasa PUSPATRI. Menurut PUSPATRI, pembayaran dividen tidak dibuat kerana memberikan keutamaan untuk membuat bayaran balik pendahuluan Perbadanan Johor. Pembayaran dividen akan dibuat setelah semua pendahuluan selesai dibayar.

15.4.3.3. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham. Semakan Audit mendapati PUSPATRI telah membayar bonus kepada kakitangannya bagi tahun 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, pembayaran bonus hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah PUSPATRI dan Jawatankuasa Bonus Kumpulan Perbadanan Johor. Tiada bukti menunjukkan ia telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat PUSPATRI adalah baik namun perlu dipertingkatkan dan diteliti kembali terutamanya perkara yang berkaitan pembayaran

dividen kepada Perbadanan Johor dan pembayaran bonus kakitangan. Ini kerana, PUSPATRI tidak pernah membayar dividen kepada Perbadanan Johor walaupun menjana keuntungan dan pembayaran bonus tidak dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.

15.4.3.4. Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat milik Perbadanan Johor, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, PUSPATRI juga perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan peraturan kewangan yang ditetapkan kepada syarikat kerajaan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan PUSPATRI adalah memuaskan tetapi masih perlu diperbaiki terutamanya kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Perbelanjaan - Pembelian Hartanah

PUSPATRI telah menyewa 35 unit rumah pangsa di Taman Cendana, Pasir Gudang milik Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan 49 bilik Tingkat 3 dan 4 di Taman Mawar, Pasir Gudang untuk menempatkan pelajar lelaki. Semakan Audit mendapati PUSPATRI telah membeli hartanah tersebut pada tahun 2010 secara perkongsian antara PUSPATRI (48%) dengan Perbadanan Johor (52%). Bagaimanapun, perjanjian perkongsian tersebut masih belum dimeterai setakat bulan Disember 2010. Ini kerana status pembelian hartanah tersebut masih belum selesai sehingga kini. PUSPATRI telah membayar RM1.39 juta atau 15% daripada harga hartanah berjumlah RM9.30 juta. Baki berjumlah RM7.91 juta masih belum dijelaskan dan perjanjian pinjaman dengan bank masih belum ditandatangani. Mengikut perjanjian pembelian hartanah tersebut, baki bayaran perlu dijelaskan kepada pemilik hartanah tersebut dalam tempoh 3 bulan dan PUSPATRI boleh dikenakan kadar penalti sebanyak 8% setahun mengikut *daily basis* bagi kelewatan yang berlaku. Menurut PUSPATRI, proses pembelian hartanah masih berterusan dan tidak akan dikenakan sebarang penalti oleh pemilik hartanah tersebut disebabkan perkara tersebut masih dalam tindakan peguam Perbadanan Johor.

b. Pengurusan Aset

Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit mendapati pengurusan aset PUSPATRI adalah kurang memuaskan disebabkan perkara seperti berikut:

- i. Tidak menyediakan garis panduan bagi pengurusan aset syarikat.
- ii. Daftar Aset Tetap yang diselenggarakan tidak lengkap dengan maklumat seperti jenis aset, jenama dan model, nombor siri pembuatan, tandatangan pegawai yang

bertanggungjawab, lokasi penempatan dan pergerakan aset serta maklumat pemeriksaan harta.

iii. Pendaftaran aset tetap tidak dibuat mengikut unit aset tetapi mengikut bilangan yang dibeli dan didaftarkan dalam satu kad Daftar Aset Tetap dengan nombor siri pendaftaran yang sama.

iv. Kelemahan pada Buku Log kenderaan PUSPATRI adalah seperti berikut:

- Jadual penyenggaraan, pembaikan dan penggantian direkodkan tetapi tandatangan pegawai yang memberi kuasa tidak dibuat setiap kali penyenggaraan sebaliknya hanya ditandatangani pada bulan berikutnya.
- Nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa tidak dibuat setiap kali kenderaan digunakan tetapi hanya ditandatangani pada hujung bulan.
- Kiraan di ruangan cerakinan tidak dibuat dengan tepat kerana penggunaan bagi bulan baru tidak dimulakan di muka surat yang baru.

v. Sebahagian aset PUSPATRI yang diperiksa tidak dilabel nombor siri pendaftaran dan tidak di *emboss* "Hak Milik PUSPATRI".

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan PUSPATRI adalah baik tetapi terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aset terutama dari segi pendaftaran aset, kawalan Buku Log dan pelabelan aset kerana tiada garis panduan disediakan.

15.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PUSPATRI dapat dicapai sepenuhnya dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

15.5.1. Mempertingkatkan pelaksanaan kursus jangka pendek supaya dapat menyumbang pendapatan yang tinggi sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada kursus jangka panjang yang memperoleh peruntukan geran kerajaan. Ini membolehkan PUSPATRI berdaya maju serta menjalankan fungsi latihan secara sendiri dan berterusan.

15.5.2. Memastikan peralatan yang dibeli diterima dengan segera dan digunakan dalam tempoh yang ditetapkan. Dasar pemberian lanjutan masa kepada pembekal hendaklah dikaji semula supaya tidak melebihi daripada tempoh perjanjian.

15.5.3. Memperkemaskan serta mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan merujuk Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Perbadanan Johor dan Kerajaan Negeri Johor.

16. KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ SDN. BHD.

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd. (KPYPJ) yang ditubuhkan pada 6 Mac 1996 adalah merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Sehingga bulan Disember 2010, modal saham dibenarkan KPYPJ ialah RM5 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1 juta. Perniagaan utama KPYPJ adalah menyediakan perkhidmatan pengurusan latihan dan pendidikan. Visi KPYPJ adalah untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang cemerlang dalam melahirkan tenaga kerja mahir, berketerampilan dan berdaya saing. KPYPJ telah menetapkan objektif utama antaranya menyediakan peluang pendidikan kedua kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang layak tetapi tidak mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar lepasan SPM yang sememangnya tidak mempunyai kelayakan akademik untuk diberi kursus bercorak kemahiran.

16.1.2. KPYPJ mempunyai 12 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi, seorang Ketua Pegawai Eksekutif, 6 orang wakil kerajaan, seorang wakil YPJ, seorang wakil syarikat subsidiari YPJ, seorang wakil swasta dan seorang wakil Persatuan Sejarah Malaysia. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang dibantu oleh 346 orang kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh YPJ, KPYPJ perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah KPYPJ.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KPYPJ adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan.

16.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus KPYPJ. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah juga dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati pada umumnya prestasi kewangan KPYPJ adalah kurang memuaskan di mana syarikat ini telah mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2007 hingga 2009. Kedudukan aset dan liabiliti KPYPJ juga berada pada tahap kurang memuaskan disebabkan modal kerja menunjukkan negatif dan ekuiti berbaki negatif. Pengurusan aktiviti pula didapati kurang memuaskan di mana kolej-kolej tidak mencapai sasaran pelajar mengakibatkan syarikat mengalami kerugian dan tuntutan perbelanjaan pemasaran yang dilibatkan oleh KPYPJ tidak diperoleh daripada kolej-kolej. Beberapa syarikat subsidiari yang ditubuhkan tidak menjana keuntungan dan tidak aktif. Selain itu, terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi. Penjelasan lanjut mengenai prestasi kewangan dan pengurusan kewangan KPYPJ serta aktiviti adalah seperti di perenggan berikut:

16.4.1. Prestasi Kewangan

16.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tahun 2007 hingga 2009, KPYPJ mengalami kerugian bersih sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM0.10 juta pada tahun 2007, RM0.26 juta pada tahun 2008 dan RM0.02 juta pada tahun 2009. Kerugian yang ditanggung syarikat bagi tahun kewangan 2007 dan 2008 adalah disebabkan penurunan dalam jumlah pendapatan tidak seimbang dengan penurunan dalam jumlah perbelanjaan. Penurunan pendapatan pada tahun 2007 adalah berjumlah RM4.41 juta atau 39.7%, namun penurunan dalam perbelanjaan pula hanya berjumlah RM0.80 juta atau 10.5%. Keadaan ini menjadikan nisbah penurunan perbelanjaan berbanding penurunan pendapatan pada tahun 2007 adalah 0.18:1. Pada tahun 2008, jumlah pendapatan menurun sebanyak RM0.46 juta atau 6.9%. Manakala, penurunan dalam perbelanjaan pula hanya berjumlah RM0.30 juta atau 4.4%. Bagi tahun 2009 pula, jumlah penurunan pendapatan adalah RM1.01 juta atau 16.2% manakala jumlah perbelanjaan menurun sebanyak RM1.25 juta atau 19.2%. Walaupun perbelanjaan bagi tahun 2007 hingga 2009 menurun, hasil yang diperoleh masih belum mampu memberi keuntungan disebabkan kemerosotan jumlah hasil yang diterima.
- b. Pendapatan utama KPYPJ adalah daripada yuran pengurusan, pendapatan sewa kem latihan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), sewa rumah kedai dan kutipan yuran pelajar seperti yuran penginapan asrama dan yuran konvokesyen serta lain-lain pendapatan. Pendapatan syarikat pada tahun 2007 adalah berjumlah RM6.71 juta dan menurun pada tahun 2008 kepada RM6.25 juta dan menurun lagi kepada RM5.24 juta pada tahun 2009. Analisis Audit mendapati penurunan hasil sebanyak 6.9% pada tahun 2008 adalah disebabkan penurunan dalam caj guaman, pendapatan sewa kem latihan dan terdapat pelarasan caj guaman terlebih diambil kira. Pendapatan KPYPJ semakin menurun sebanyak 16.2% pada tahun 2009 adalah disebabkan pendapatan sewa kem PLKN berkurangan sebanyak 7.8% atau RM0.33 juta di mana bayaran yang diterima daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara adalah

berdasarkan jumlah sebenar pelatih di kem latihan. Selain itu, pendapatan sewa rumah kedai juga menurun pada kadar 100% pada tahun 2009 kerana pengurusan sewa rumah kedai tersebut telah diserahkan kepada syarikat subsidiari KPYPJ iaitu KPYPJ Management Services Sdn. Bhd. Manakala yuran penginapan asrama pada tahun 2009 direkod berdasarkan yuran sebenar diterima menyebabkan penurunan sebanyak RM0.27 juta atau 65.9% iaitu daripada RM0.41 juta pada tahun 2008 kepada RM0.14 juta. Selain itu, penurunan dalam lain-lain pendapatan iaitu faedah atas simpanan tetap di bank pada tahun 2009 berjumlah RM0.02 juta atau 66.7% turut menyumbang kepada penurunan pendapatan pada tahun 2009.


- c. Perbelanjaan KPYPJ terdiri daripada belanja pentadbiran dan operasi. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi bagi tempoh 2007 hingga 2009 menunjukkan penurunan yang ketara di mana pada tahun 2008 ia menurun sebanyak 4.4% iaitu daripada RM6.81 juta pada tahun 2007 kepada RM6.51 juta dan semakin menurun sebanyak 19.2% kepada RM5.26 juta pada tahun 2009. Penurunan pada tahun 2008 disebabkan penurunan gaji dan elaun, bayaran pemprosesan, cukai harta, kursus dan latihan, peralatan dan buku latihan, perjalanan dan penginapan, sewa asrama dan yuran profesional. Manakala penurunan yang tinggi pada tahun 2009 disebabkan terdapat pelarasan perbelanjaan terlebih diambil kira berjumlah RM0.75 juta. Penurunan dalam jumlah perbelanjaan ini juga disebabkan oleh penurunan perbelanjaan yuran pengurusan, alat tulis dan percetakan, pembaikan dan penyenggaraan, caj perkhidmatan serta penurunan lain-lain perbelanjaan operasi.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi KPYPJ bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 16.1** dan **Carta 16.1**.

Jadual 16.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KPYPJ
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Hasil	6.66	6.17	5.21
Lain-lain Pendapatan	0.05	0.08	0.03
Jumlah Pendapatan	6.71	6.25	5.24
Belanja Operasi dan Pentadbiran	(6.81)	(6.51)	(5.26)
Kerugian Sebelum Cukai	(0.10)	(0.26)	(0.02)
Cukai	0.01	0.08	(0.10)
Kerugian Selepas Cukai	(0.09)	(0.18)	(0.12)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPYPJ Tahun 2007 Hingga 2009

Carta 16.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPYPJ
Tahun 2007 Hingga 2009

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPYPJ
Tahun 2007 Hingga 2009

16.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KPYPJ, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan KPYPJ bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 16.2**.

Jadual 16.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.82:1	0.58:1	0.54:1
Margin Keuntungan	(1.5%)	(4.2%)	(0.4%)
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.002):1	(0.004):1	(0.0003):1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.21:1	0.40:1	0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPYPJ Tahun 2007 Hingga 2009

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati tahap kecairan KPYPJ pada tahun 2007 adalah 0.82 kali dan ia menurun kepada 0.58 kali pada tahun 2008. Pada tahun 2009, tahap kecairan KPYPJ terus menurun kepada 0.54 kali. Tahap kecairan KPYPJ yang menurun bagi 3 tahun berturut-turut dan berada di bawah kadar 2 menyebabkan KPYPJ berdepan dengan risiko untuk menyelesaikan liabiliti semasa.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil, ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan KPYPJ adalah kurang daripada RM1 di mana KPYPJ mengalami kerugian sejumlah 2 sen pada tahun 2007, 4 sen pada tahun 2008 dan kerugian sejumlah 0.4 sen pada tahun 2009. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi KPYPJ adalah tidak stabil kerana menunjukkan penurunan hasil yang tidak menentu.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana keuntungan. Kadar nisbah yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009, kadar pulangan atas aset yang diperoleh KPYPJ adalah rendah dan berkedudukan negatif serta tidak konsisten di mana ia menurun daripada negatif 0.2 sen pada tahun 2007 kepada negatif 0.4 sen pada tahun 2008 dan meningkat semula pada tahun 2009 kepada negatif 0.03 sen. Pulangan ke atas aset yang menurun pada tahun 2008 disebabkan oleh kerugian selepas cukai yang meningkat walaupun jumlah aset meningkat pada tahun tersebut. Ini menunjukkan KPYPJ kurang cekap dalam menguruskan aset bagi menjana keuntungan syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi kadar nisbah yang diperoleh, semakin tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati kadar pulangan yang diperoleh pemegang saham KPYPJ meningkat daripada 21 sen pada tahun 2007 kepada 40 sen pada tahun 2008 tetapi menurun dengan ketara kepada 3 sen pada tahun 2009. Kadar nisbah yang semakin menurun ini disebabkan pengurangan hasil yang ketara dan tidak menentu serta tidak dapat memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham.

16.4.2. Pengurusan Aktiviti

Sebagai sebuah syarikat yang berteraskan pendidikan, KPYPJ mempunyai 4 buah kolej iaitu Kolej Islam Johor, Institut Teknologi Perindustrian YPJ, Institut Hospitaliti YPJ dan Kolej Komuniti YPJ yang mempunyai cawangan di Johor Bahru, Segamat, Batu Pahat, Muar dan Kota Tinggi. Bagaimanapun, kesemua kolej tersebut adalah di bawah kelolaan syarikat subsidiari yang dimiliki 100% oleh KPYPJ. Kolej Islam Johor Sdn. Bhd. menguruskan Kolej

Islam Johor, Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd. menguruskan Institut Teknologi Perindustrian YPJ dan Institut Hospitaliti YPJ, manakala Kemahiran YPJ Sdn. Bhd. menguruskan Kolej Komuniti YPJ. Butiran mengenai kolej dan syarikat subsidiari yang menguruskan kolej masing-masing adalah seperti di **Jadual 16.3**.

Jadual 16.3
Ringkasan Kolej Dan Syarikat Subsidiari Milik KPYPJ

Bil.	Nama Kolej	Syarikat Pengurusan
1.	Kolej Islam Johor	Kolej Islam Johor Sdn. Bhd.
2.	Institut Teknologi Perindustrian YPJ	Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd.
3.	Institut Hospitaliti YPJ	Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd.
4.	Kolej Komuniti YPJ	Kemahiran YPJ Sdn. Bhd.

Sumber: KPYPJ Sdn. Bhd.

Pihak Audit telah membuat penilaian aktiviti KPYPJ berkaitan prestasi pengambilan pelajar dan pelaburan syarikat subsidiari. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

16.4.2.1. Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran


- a. KPYPJ telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar pada setiap tahun berdasarkan pengambilan pelajar sebanyak 2 kali setahun iaitu sesi Disember/Januari dan sesi Jun/Julai. Sasaran pelajar dan jumlah pelajar yang mendaftar di 8 buah kolej KPYPJ pada kedua-dua sesi tersebut bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 16.4** dan **Carta 16.2**.

Jadual 16.4
Jumlah Sasaran Pelajar Berbanding Yang Mendaftar Di Institut/Kolej KPYPJ
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Nama Kolej	Jumlah Sasaran Pelajar			Jumlah Pelajar Yang Mendaftar			Peningkatan/(Penurunan) Jumlah Pelajar Mendaftar		
		Tahun			Tahun			Tahun		
		2008	2009	2010	2008	2009	2010	2008	2009	2010
1.	Institut Teknologi Perindustrian YPJ	510	525	285	196	116	134	(314)	(409)	(151)
2.	Institut Hospitaliti YPJ	370	360	270	213	136	227	(157)	(224)	(43)
3.	Kolej Islam Johor	565	350	320	257	92	87	(308)	(258)	(233)
4.	Kolej Komuniti YPJ Johor Bahru	0	420	180	19	198	164	19	(222)	(16)
5.	Kolej Komuniti YPJ Segamat	840	230	180	715	171	188	(125)	(59)	8
6.	Kolej Komuniti YPJ Batu Pahat	180	180	150	85	65	79	(95)	(115)	(71)
7.	Kolej Komuniti YPJ Muar	315	280	140	179	247	184	(136)	(33)	44
8.	Kolej Komuniti YPJ Kota Tinggi	180	180	100	186	180	59	6	0	(41)
Jumlah		2,960	2,525	1,625	1,850	1,205	1,122	(1,110)	(1,320)	(503)

Sumber: Bahagian Pemasaran Dan Penyelidikan KPYPJ

Carta 16.2
Jumlah Sasaran Pelajar Berbanding Yang Mendaftar
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Bahagian Pemasaran Dan Penyelidikan KPYPJ

- b. Berdasarkan **Jadual 16.4** dan **Carta 16.2**, jumlah pelajar yang mendaftar ke institut/kolej KPYPJ bagi tahun 2008 hingga 2010 tidak mencapai sasaran dan semakin menurun. Pada tahun 2008, jumlah pelajar yang tidak mencapai sasaran adalah seramai 1,110 orang atau 37.5%, seramai 1,320 orang atau 52.3% pada 2009 dan seramai 503 orang atau 31% pada 2010. Penurunan ini disebabkan beberapa faktor seperti tiada jaminan pembiayaan kepada pelajar, bangunan dan peralatan pembelajaran kolej KPYPJ tidak setanding dengan IPTS/IPTA yang lain dan kadar pusing ganti pensyarah yang tinggi. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Tiada Jaminan Mendapat Pinjaman Pelajaran Daripada Yayasan Pelajaran Johor Dan Tiada Sambungan Kerjasama Dengan Penaja Luar

- KPYPJ menguruskan pinjaman pelajar daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) serta badan berkanun yang lain seperti PERKESO. Semakan Audit mendapati PTPTN, MARA, PTPK dan YPJ adalah antara pihak yang memberi tajaan bagi pembiayaan pengajian pelajar bagi tahun 2008 hingga 2010. Pada tahun 2010, penurunan penajaan adalah kesan daripada dasar kuota baru YPJ yang menetapkan tidak lagi menaja kursus Diploma Kemahiran Malaysia seperti Diploma Sistem Maklumat dan Diploma Sistem Komputer di Kolej Komuniti Segamat. Selain itu, MARA juga tidak lagi memberikan pinjaman bagi kursus Diploma Kemahiran Malaysia yang dikendalikan oleh Kolej Komuniti Segamat dan telah menetapkan kuota mengikut jumlah permohonan. Butiran lanjut mengenai bilangan pelajar yang mendapat tajaan daripada YPJ dan agensi lain adalah seperti di **Jadual 16.5**.

Jadual 16.5
Bilangan Pelajar Yang Mendapat Tajaan YPJ Dan Agensi Lain

Bil.	Badan Penaja	Tahun		
		2008	2009	2010
1.	Yayasan Pelajaran Johor	194	138	110
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	234	182	277
3.	Majlis Amanah Rakyat	230	126	61
4.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	95	123	170
5.	Lain-Lain (Badan-Badan Berkanun)	4	-	-
6.	Akademi Binaan Malaysia-CIDB	404	370	154
7.	Yayasan Strategik Sosial	19	50	-
8.	Yayasan Felda	32	-	-
9.	Felda Prodata	120	92	168
Jumlah Pelajar Mendapat Tajaan		1,332	1,081	940
Jumlah Pelajar Tidak Mendapat Tajaan		57	38	71
Jumlah Pelajar Pada Akhir Tahun		1,389	1,119	1,011

Sumber: Bahagian Tajaan, KPYPJ

Nota: Jumlah Pelajar Pada Akhir Tahun Adalah Termasuk Pelajar Dari Tahun Sebelum Yang Tidak Mendapat Tajaan Tetapi Mendapat Tajaan Pada Tahun Berikutnya

- Merujuk kepada **Jadual 16.5**, jumlah pelajar yang mendapat tajaan YPJ semakin menurun iaitu sebanyak 56 orang pelajar atau 28.9% pada tahun 2009 dan 28 orang pelajar atau 20.3% bagi tahun 2010. Pinjaman daripada MARA juga menurun pada tahun 2009 sebanyak 104 orang atau 45.2% berbanding tahun 2008 dan penurunan sebanyak 65 orang atau 51.6% pada tahun 2010. Selain YPJ, tajaan/pinjaman daripada agensi lain seperti PTPTN dan PTPK menunjukkan trend turun naik bilangan tajaan kepada pelajar bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain daripada sebab yang melibatkan dasar badan penaja atau agensi berkenaan, ia juga disebabkan pelajar melakukan beberapa kesilapan seperti kesalahan semasa mengisi permohonan secara *online*, pelajar pernah mendapat tajaan semasa belajar di kolej lain, tidak cukup syarat kelayakan akademik, dokumen tidak lengkap dan permohonan dihantar selepas tarikh tutup.
- KPYPJ juga telah mewujudkan kerjasama dengan agensi/pihak penaja lain seperti Akademi Binaan Malaysia-CIDB (ABM), Yayasan Strategik Sosial (YSS), Yayasan Felda dan Felda Prodata. Semakan Audit mendapati ABM, YSS dan Yayasan Felda telah mengurangkan kuota tajaan mereka dalam tempoh 2008 hingga 2010.
- Pihak YPJ memaklumkan telah menaikkan peruntukan bagi pinjaman YPJ daripada RM1.04 juta kepada RM2.40 juta bagi memberi peluang lebih ramai pelajar mendapat pinjaman pendidikan. Selain itu, KPYPJ memaklumkan kerjasama dengan penaja luar menghadapi masalah untuk disambung kerana kebanyakan penaja telah mengurangkan peruntukan pinjaman.

ii. Bangunan Dan Peralatan Pembelajaran Kolej KPYPJ Tidak Setanding Dengan Institut Pengajian Tinggi Swasta/Awam Lain

- Pihak Audit telah melawat ke Institut Hospitaliti YPJ, Kolej Islam Johor, Kolej Institut Teknologi Perindustrian (ITP) YPJ dan Kolej Kemahiran YPJ Johor Bahru mendapati struktur bangunan yang lama/usang seperti di **Gambar 16.1** dan **Gambar 16.2**. Selain itu, pihak Audit telah membuat perbandingan peralatan pembelajaran di ITP dan Institut Kemahiran Mara Johor Bahru (IKM) mendapati peralatan pembelajaran di IKM adalah lebih baik seperti di **Gambar 16.3** hingga **Gambar 16.6**.

Gambar 16.1
Bangunan Institut Hospitaliti YPJ Terletak Di
Deretan Rumah Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Institut Hospitaliti YPJ, Johor Bahru
Tarikh: 26 Julai 2010

Gambar 16.2
Bangunan Pentadbiran Kolej Islam Johor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolej Islam Johor, Johor Bahru
Tarikh: 26 Julai 2010

Gambar 16.3
Mesin Larik Di Institut Teknologi
Perindustrian YPJ Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Institut Teknologi Perindustrian YPJ,
Johor Bahru
Tarikh: 11 April 2011
Tahun Dimiliki: Sebelum 1999

Gambar 16.4
Mesin Larik Di Institut Kemahiran Mara
Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru
Tarikh: 14 April 2011
Tahun Dimiliki: 2001

Gambar 16.5
Mesin Canai Di Institut Teknologi
Perindustrian YPJ Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Institut Teknologi Perindustrian YPJ,
 Johor Bahru
 Tarikh: 11 April 2011
 Tahun Dimiliki: Sebelum 1999

Gambar 16.6
Mesin Canai Di Institut Kemahiran Mara
Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru
 Tarikh: 14 April 2011
 Tahun Dimiliki: 2001

- Selain itu, pihak Audit dimaklumkan kolej ITP kerap dilanda banjir sekiranya hujan lebat kerana tapak kampus terletak di kawasan tanah rendah. Ini menyebabkan pelajar belajar dalam keadaan yang tidak selesa serta kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran di kolej KPYPJ berbanding dengan IPTA atau kolej swasta yang lain. Kelemahan ini turut disahkan oleh Unit Audit Kualiti, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) semasa agensi itu membuat lawatan dan pemeriksaan terhadap kolej-kolej KPYPJ.
- KPYPJ memaklumkan perancangan pembinaan kampus induk kolej KPYPJ telah bermula dan proses pembinaan bangunan sedang dilaksanakan. Projek pembinaan kampus induk KPYPJ ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah KPYPJ dan akan diuruskan oleh YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH). Apabila projek tersebut siap, YPJH akan menyerahkannya kepada KPYPJ. KPYPJ juga memaklumkan, beberapa langkah awal telah diambil antaranya, penstrukturan semula syarikat dan penggabungan kolej-kolej yang mempunyai aktiviti yang sama akan dilaksanakan pada bulan Jun 2011.
- Pihak Audit mendapati antara impak daripada persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif dan pelan penajaan pelajar yang tidak mencukupi menyebabkan strategi pemasaran KPYPJ menjadi kurang berkesan. Akibatnya, pendaftaran pelajar tidak mencapai sasaran walaupun pelbagai usaha promosi telah dijalankan bagi menarik pelajar melanjutkan pelajaran di KPYPJ dan turut melibatkan kos perbelanjaan pemasaran yang tinggi.

iii. Pusing Ganti Pensyarah Yang Tinggi

- Pensyarah yang dilantik di kolej KPYPJ adalah terdiri daripada pensyarah tetap dan kontrak. Pihak Audit mendapati jumlah pensyarah kontrak adalah seramai 121 orang atau 66.5% pada tahun 2008, seramai 117 orang atau 65.7% pada tahun 2009 manakala seramai 87 orang atau 61.3% pada tahun 2010. Kedudukan pensyarah tetap dan kontrak di kolej KPYPJ adalah seperti di **Jadual 16.6**.

Jadual 16.6
Kedudukan Pensyarah Tetap Dan Kontrak Bagi Kolej KPYPJ
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Status		Jumlah	Peratus Kontrak (%)
	Tetap	Kontrak		
2008	61	121	182	66.5
2009	61	117	178	65.7
2010	55	87	142	61.3

Sumber: Bahagian Pentadbiran, KPYPJ

- Jadual 16.6** menunjukkan bilangan pensyarah berstatus kontrak adalah lebih ramai daripada bilangan pensyarah tetap iaitu antara 61.3% hingga 66.5% bagi tahun 2008 hingga 2010. Keadaan ini boleh mengganggu proses pembelajaran sekiranya pensyarah kontrak berkenaan mendapat pekerjaan tetap di tempat lain ataupun kontrak perkhidmatan ditamatkan. KPYPJ memaklumkan pelantikan pensyarah secara tetap tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan kewangan syarikat. Namun begitu, KPYPJ telah mengambil langkah menyerap secara tetap pensyarah kontrak yang sudah berkhidmat melebihi 5 tahun serta merancang untuk menyediakan skim perkhidmatan dan laluan kerjaya kepada pensyarah yang akan dilakukan secara berperingkat.
- Selain itu, jumlah pensyarah KPYPJ yang berhenti bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seramai 92 orang di mana 78 orang adalah pensyarah kontrak. Kedudukan pusing ganti pensyarah kolej KPYPJ bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 16.7**.

Jadual 16.7
Kedudukan Pusing Ganti Pensyarah Kolej KPYPJ
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Jumlah Pensyarah	Pensyarah Berhenti			
		Tetap (a)	Kontrak (b)	Jumlah Berhenti (a)+(b)	Peratus Pusing Ganti (%)
2008	182	4	31	35	19.2
2009	178	6	21	27	15.2
2010	142	4	26	30	21.1
Jumlah		14	78	92	

Sumber: Bahagian Pentadbiran, KPYPJ

- KPYPJ memaklumkan antara sebab pemberhentian ialah pensyarah menerima tawaran kerja baru di tempat lain, tidak berpuas hati dengan gaji yang diterima dan situasi bekerja di KPYPJ serta mendapat tawaran melanjutkan pelajaran.

Pada pendapat Audit, pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran kerana aktiviti pemasaran KPYPJ adalah tidak berkesan, persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif, peralatan pembelajaran yang disediakan adalah lama dan masalah pensyarah yang kerap berhenti.

16.4.2.2. Prestasi Pelaburan Syarikat Subsidiari

- a. Sehingga bulan Disember 2010, KPYPJ mempunyai 5 buah syarikat subsidiari di mana 4 daripadanya adalah aktif manakala sebuah lagi tidak aktif. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 16.8**.

Jadual 16.8
Prestasi Syarikat Subsidiari KPYPJ Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Subsidiari	Ekuiti (%)	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai			Keuntungan/ (Kerugian Terkumpul)
			2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Syarikat Aktif						
1.	Kolej Islam Johor Sdn. Bhd.	100	0.16	(0.41)	0.47	6.36
2.	Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd.	100	0.65	0.04	0.15	(5.61)
3.	Kemahiran YPJ Sdn. Bhd.	100	0.04	(0.10)	0.04	(2.17)
4.	KPYPJ Management Services Sdn. Bhd.	100	(0.67)	(0.79)	(0.54)	(3.33)
Syarikat Tidak Aktif (Dorman)						
5.	Kolej Teknologi Binaan Johor Sdn. Bhd.	100	0.47	(0.09)	0.39	(1.48)

Sumber: KPYPJ Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan **Jadual 16.8**, syarikat yang aktif iaitu Kolej Islam Johor Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM6.36 juta manakala Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd. (ATPSB) memperoleh keuntungan selepas cukai 3 tahun berturut-turut pada tahun 2007 hingga 2009 tetapi masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM5.61 juta. Semakan Audit mendapati syarikat Kemahiran YPJ Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM2.17 juta walaupun memperoleh keuntungan pada tahun 2007 dan 2009 masing-masing berjumlah RM0.04 juta. Selain itu, KPYPJ Management Services Sdn. Bhd. (KPMS) mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2007 hingga 2009 dan mencatatkan kerugian terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM3.33 juta. KPYPJ memaklumkan pihaknya sedang dalam perancangan untuk menyusun semula struktur syarikat KPMS dan mewujudkan skim keusahawanan untuk Unit Katering. Perkara ini telah dicadangkan kepada Lembaga Pengarah KPYPJ dan diluluskan di mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2010, namun pelaksanaannya belum bermula.
- c. Sementara itu, syarikat subsidiari KPYPJ yang dormant iaitu Kolej Teknologi Binaan Johor Sdn. Bhd. (KTBJSB) mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM1.48 juta dan memberhentikan operasinya pada 15 Disember 2006. Mesyuarat Lembaga

Pengarah KPYPJ pada 14 Disember 2006 telah menetapkan pemindahan kursus-kursus diploma di KTBJSB iaitu kursus kerjasama Universiti Teknologi Malaysia ke Institut Teknologi Perindustrian YPJ (ITP) yang dapat menjimatkan deposit kerjasama, yuran validasi dan tenaga kerja. Pihak Audit mendapati KTBJSB juga telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat pada 15 April 2008 untuk menubuhkan sebuah syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti kafe siber. Semakan lanjut mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah KPYPJ pada 29 Disember 2009 telah meluluskan kerjasama tersebut ditamatkan. Pihak Audit mendapati pada 23 April 2010 KPYPJ telah mengemukakan permohonan membatalkan nama syarikat subsidiari tersebut kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan seterusnya menutup syarikat subsidiari. Maklum balas diterima daripada SSM menyatakan permohonan tersebut telah diluluskan pada 2 September 2010.

Pada pendapat Audit, keputusan Lembaga Pengarah KPYPJ membenarkan penutupan atau pembubaran syarikat subsidiari yang tidak aktif adalah wajar dan menepati kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.

16.4.2.3. Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil.12 Tahun 1993, pinjaman kepada syarikat subsidiari dan lapisan syarikat subsidiari tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang *subsidized* serta syarat yang longgar hendaklah dihentikan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008 hingga 2010, KPYPJ telah memberi pendahuluan kepada 5 syarikat subsidiarinya. Setakat 31 Disember 2010 baki hutang syarikat subsidiari kepada KPYPJ adalah berjumlah RM37.30 juta. Daripada jumlah tersebut, RM11.63 juta adalah untuk Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd. yang menguruskan 2 buah kolej KPYPJ iaitu Institut Hospitaliti YPJ dan Institut Teknologi Perindustrian YPJ manakala selebihnya adalah untuk 4 syarikat subsidiari KPYPJ yang lain bagi membiayai operasi syarikat. Semakan lanjut mendapati syarikat subsidiari ada membuat bayaran balik pendahuluan kepada KPYPJ tetapi tidak sepenuhnya. Ini disebabkan syarat atau prosedur mengenai pendahuluan kepada syarikat subsidiari tiada disediakan. Baki pendahuluan syarikat subsidiari pada 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 16.9**.

Jadual 16.9
Baki Pendahuluan Syarikat Subsidiari KPYPJ Pada 31 Disember 2010

Bil.	Nama Syarikat Subsidiari	Baki Pendahuluan Pada 31 Disember 2010 (RM Juta)
1.	Akademi Teknologi Perindustrian Sdn. Bhd.	11.63
2.	Kolej Islam Johor Sdn. Bhd.	9.05
3.	Kemahiran YPJ Sdn. Bhd.	9.32
4.	KPYPJ Management Services Sdn. Bhd.	4.52
5.	Kolej Teknologi Binaan Johor Sdn. Bhd.	2.78
Jumlah		37.30

Sumber: Rekod Kewangan KPYPJ

Pada pendapat Audit, pengurusan pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari tidak memuaskan kerana bayaran balik tidak dibuat sepenuhnya dan KPYPJ tidak menyediakan syarat atau prosedur pembayaran balik pendahuluan.

16.4.2.4. Tuntutan Belanja Pemasaran Kepada Kolej Belum Diperoleh Semula

Bahagian Pemasaran dan Penyelidikan KPYPJ (BPP) akan mengeluarkan sejumlah peruntukan untuk belanja pemasaran bagi pihak kolej. Bayaran semula akan dibayar oleh kolej berkenaan berdasarkan Nota Debit yang dihantar oleh KPYPJ di mana perbelanjaan tersebut akan dibahagi sama rata antara kolej. Semakan Audit mendapati jumlah pendahuluan belanja pemasaran BPP berjumlah RM1.10 juta masih belum dijelaskan oleh kolej berkenaan bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, semakan lanjut mendapati Nota Debit berjumlah RM1.10 juta yang dikeluarkan kepada kolej dikenakan sama rata tanpa sebarang penetapan pengiraan yang tertentu. Ini kerana tiada perjanjian atau garis panduan berkaitan pendahuluan disediakan bagi menyatakan syarat pemberian dan pembayaran balik pendahuluan antara KPYPJ dan syarikat subsidiari yang mengelola kolej-kolej KPYPJ. Butiran perbelanjaan pemasaran BPP bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 16.10**.

Jadual 16.10
Perbelanjaan Pemasaran BPP Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Jumlah Pendahuluan Belanja Pemasaran (RM Juta)	Jumlah Nota Debit Dihantar (RM Juta)
2008	0.40	0.40
2009	0.43	0.43
2010	0.27	0.27
Jumlah	1.10	1.10

Sumber: Bahagian Pemasaran Dan Penyelidikan KPYPJ

16.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Malaysia untuk tadbir urus korporat pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebijakan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir Urus Korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KPYPJ adalah seperti berikut:

16.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Dan Unit Audit Dalam

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang ahli yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif dan pihak luar bukan dari pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam Agensi Kerajaan hendaklah menjadi Setiausaha jawatankuasa dan perlu berpengalaman serta menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati KPYPJ ada menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan. KPYPJ mempunyai 2 Jawatankuasa Audit iaitu Jawatankuasa Audit Dalam Dan Kualiti Peringkat Pengurusan KPYPJ (JKP) dan Jawatankuasa Audit Dalam Dan Kualiti Pengurusan Akademik (JKA). Pihak Audit mendapati 2 jawatankuasa ini tidak dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. Selain itu, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Audit tidak ditetapkan dan hanya diadakan sekiranya diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.
- c. Pihak Audit juga mendapati KPYPJ ada menubuhkan Unit Audit Dalam Dan Kualiti (UADK). Sehingga bulan Disember 2010, UADK mempunyai 4 orang kakitangan termasuk seorang Timbalan Pengarah UADK. Pada tahun 2008, UADK telah menjalankan 6 daripada 8 jenis pengauditan yang dirancang, pada tahun 2009 pula 3 pengauditan daripada 7 jenis pengauditan yang telah dirancang, manakala pada tahun 2010, 3 pengauditan daripada 8 jenis pengauditan yang telah dirancang. Pihak Audit dimaklumkan pengauditan tidak dapat dijalankan adalah disebabkan oleh faktor kekangan masa dan kakitangan.
- d. Laporan Audit berserta maklum balas hanya dirujuk kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kepada Jawatankuasa Audit. Bagi tahun 2008 hingga bulan Disember 2010, didapati hanya sekali sahaja daripada 12 pengauditan yang dijalankan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit manakala selebihnya tidak dibentangkan kerana tiada arahan daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Ini menyebabkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan UADK tidak dapat dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk diambil tindakan seterusnya.

16.4.3.2. Jawatankuasa Lain Yang Ditubuhkan

Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat juga menggariskan Lembaga Pengarah perlu mewujudkan jawatankuasa lain yang dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas, mempunyai kemahiran dan berpengalaman bagi membantu memantapkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati KPYPJ ada menubuhkan Jawatankuasa Kualiti dan Jawatankuasa Tawaran Dan Sebut Harga.

a. Jawatankuasa Kualiti

Jawatankuasa Kualiti dipengerusikan oleh Pengarah Audit Dalam dan Kualiti. Ia juga diwujudkan bagi setiap jabatan/bahagian di KPYPJ. Jawatankuasa ini terbahagi kepada 2 peringkat iaitu peringkat KPYPJ (Ibu Pejabat) dan peringkat kolej/bahagian/unit. Jawatankuasa peringkat Ibu Pejabat akan memberi garis panduan dan pemahaman dalam bentuk standard prosedur kerja kepada semua jawatankuasa peringkat kolej/bahagian/unit. Jawatankuasa Kualiti peringkat kolej/bahagian/unit pula akan mengambil tindakan membentuk standard prosedur kerja masing-masing melalui perancangan yang dirangka. Semakan Audit mendapati jawatankuasa tersebut bermesyuarat sekali sahaja sejak ia ditubuhkan iaitu pada tahun 2007, manakala minit mesyuarat juga tidak disediakan.

b. Jawatankuasa Tawaran Dan Sebut Harga

Garis panduan dan peraturan perolehan secara tender telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Bagaimanapun KPYPJ tidak mengguna pakai garis panduan tersebut. KPYPJ hanya akan menubuhkan Jawatankuasa Tender apabila ada tender ditawarkan untuk memilih syarikat yang menepati syarat.

16.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan di mana dividen dibayar sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati KPYPJ tidak membuat bayaran dividen kepada Yayasan Pelajaran Johor sejak penubuhan hingga 2010 disebabkan KPYPJ mengalami kerugian.

16.4.3.4. Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu

diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah agensi kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham. Semakan Audit mendapati KPYPJ tidak membayar bonus bagi tahun 2008 hingga 2010 walaupun cadangan bayaran bonus telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah KPYPJ untuk tahun 2008. Bayaran bonus tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan kewangan yang dialami oleh KPYPJ.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat KPYPJ adalah kurang memuaskan kerana Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993. Laporan Unit Audit Dalam Dan Kualiti yang disediakan juga tidak dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit. Selain itu, Jawatankuasa Kualiti yang ditubuhkan hanya bermesyuarat sekali sejak ia ditubuhkan.

16.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat milik Yayasan Pelajaran Johor, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, KPYPJ juga perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan peraturan kewangan yang ditetapkan kepada syarikat kerajaan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan KPYPJ adalah di tahap kurang memuaskan dan masih perlu dipertingkatkan terutamanya bagi kawalan terimaan, kawalan pembayaran, prosedur kerja dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah:

- a. Kawalan terimaan KPYPJ kurang memuaskan kerana buku daftar terimaan tunai dan cek serta penyesuaian daftar terimaan tidak disediakan. Pihak Audit hanya dapat mengesahkan semua terimaan telah dicatat dalam buku tunai dan dibankkan melalui resit rasmi yang dikeluarkan serta slip deposit bank.
- b. Terdapat beberapa kelemahan terhadap kawalan perbelanjaan seperti:

i. Pengurusan Perolehan

- Semakan Audit mendapati bagi tahun 2007 hingga 2010, sebanyak 8 tender dikeluarkan oleh KPYPJ yang bernilai antara RM19,900 hingga RM4.89 juta. Daripada 8 tender tersebut hanya satu tender iaitu Kerja-kerja Pembangunan Tambahan di Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Insan YPJ untuk Program PLKN bernilai RM4.89 juta tidak mengikut amalan proses pemilihan tender oleh KPYPJ seperti tiada dokumen sokongan berkenaan pemilihan syarikat dan pelantikan Jawatankuasa Tender. Tender yang diberikan kepada sebuah syarikat pada tahun 2007 tidak dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan iaitu pada 1 April 2008. Syarikat tersebut kemudian memohon

tempoh lanjutan dan diluluskan sehingga 10 Julai 2008. Bagaimanapun, kontrak perjanjian telah ditamatkan pada 10 September 2008 kerana syarikat tersebut gagal menyiapkan projek tersebut tanpa sebarang jawapan atau alasan yang munasabah setelah 3 kali surat peringatan diberikan.

- Semakan Audit mendapati KPYPJ telah membuat pembayaran sejumlah RM0.21 juta kepada syarikat tersebut. Bagi mengira kerugian yang ditanggung oleh KPYPJ, juru perunding telah dilantik bagi menilai kerja-kerja yang dilakukan dan mendapati syarikat tersebut perlu membayar sejumlah RM0.86 juta kepada KPYPJ kerana penamatan kontrak. Sehingga bulan Disember 2010, syarikat tersebut masih belum menjelaskan sebarang pembayaran kepada KPYPJ walaupun surat peringatan telah dikemukakan. Bagaimanapun, KPYPJ masih belum mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat tersebut. Pada bulan November 2008, syarikat kedua telah dilantik oleh KPYPJ bagi penyambungan kerja-kerja terhenti projek tersebut dengan nilai tender berjumlah RM4.68 juta.
 - KPYPJ memaklumkan dokumentasi bagi tender projek berkaitan sedang dikesan manakala dokumen persetujuan panel jawatankuasa melantik syarikat telah dikemukakan kepada pihak Audit pada bulan Februari 2011. KPYPJ menjelaskan perbincangan dengan peguam telah dibuat pada bulan Februari 2011 bagi tujuan tindakan susulan terhadap syarikat tersebut.
- ii. Pengeluaran cek berganda atau lebih dari sekali bernilai RM50,000 yang dikeluarkan bagi perbelanjaan yang sama pada tarikh yang sama walaupun ketetapan kuasa menandatangani cek bernilai RM50,001 telah dinyatakan dengan jelas dalam ketetapan beredar KPYPJ bertarikh 10 Julai 2009.
 - iii. Baucar bayaran yang disediakan bagi pendahuluan kepada syarikat subsidiari tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan.
 - iv. Cek-cek yang dikeluarkan tidak mengikut turutan dan tarikh tidak dicatatkan di keratan cek.
 - v. Dokumen sokongan yang dilampirkan tidak dicap "DIJELASKAN".
- c. Tiada prosedur dan garis panduan pendahuluan tunai kepada kakitangan disediakan sejak ditubuhkan hingga bulan Jun 2010 menyebabkan terdapat kakitangan yang masih diberikan pendahuluan walaupun tidak membuat pemulangan dokumen perbelanjaan sebelumnya. Semakan Audit mendapati pada bulan Disember 2009 hanya 7 daripada 16 orang kakitangan telah mengemukakan dokumen perbelanjaan. Selain itu, terdapat catatan jurnal berjumlah RM0.03 juta bagi pendahuluan 10 orang kakitangan telah dikontrakan dan menunjukkan baki kosong di lejar pada tahun 2009. Bagaimanapun, KPYPJ telah mewujudkan Tatacara Dan Peraturan Mengenai

- d. Pengurusan aset KPYPJ adalah tidak memuaskan kerana daftar aset dan inventori tidak disediakan serta pemeriksaan fizikal aset tidak dijalankan bagi tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, Buku Log Kenderaan tidak dikemas kini kerana ruangan seperti jadual penyenggaraan, pembaikan, penggantian, pembelian bahan api, cerakinan penggunaan bahan api dan bacaan meter tidak diisi. Buku Log juga tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, aset-aset KPYPJ tidak diberi nombor siri pendaftaran dan tidak ditandakan "Hak Milik KPYPJ".

KPYPJ telah merancang beberapa peraturan mengenai pengurusan kewangan terutamanya pengurusan aset. Ketua Pegawai Eksekutif memaklumkan tindakan telah diambil untuk membentuk semula Unit Aset dan Selenggara yang telah dibubarkan pada tahun 2008 manakala, semua buku log kenderaan telah dikemas kini.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan KPYPJ adalah tidak memuaskan kerana tatacara peraturan kewangan seperti pengurusan perolehan, pengurusan aset dan kenderaan tidak disediakan. Selain itu, KPYPJ tidak mematuhi beberapa prosedur kewangan syarikat terutamanya mengenai kawalan perbelanjaan.

16.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan KPYPJ dapat dicapai sepenuhnya dan Yayasan Pelajaran Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

16.5.1. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Johor.

16.5.2. Mengkaji semula kedudukan syarikat-syarikat subsidiari dengan andaian kegiatan syarikat adalah berterusan (*going concern*) dan mengambil tindakan menutup atau menstrukturkan semula syarikat subsidiari yang mengalami kerugian berterusan serta menetapkan dasar/garis panduan berkaitan pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari.

16.5.3. Memastikan polisi kewangan berkaitan dengan kawalan pembayaran seperti pendahuluan tunai kepada kakitangan diperketatkan dan dipatuhi.

16.5.4. Merealisasikan cadangan penggabungan kolej-kolej di bawah satu kolej atau kampus induk dan mempertingkatkan kualiti KPYPJ dari segi akademik dan infrastruktur.

16.5.5. Memastikan strategi pemasaran dibuat dengan lebih efektif supaya strategi yang tidak berkesan dan merugikan dibuat penambahbaikan atau digugurkan memandangkan berlaku penurunan yang ketara dalam bilangan pelajar yang mendaftar di kolej.



BAHAGIAN III PERKARA AM

17. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

17.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

17.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

17.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor.

18. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009, sejumlah 48 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 14 syor bagi tahun 2009. Bagi 34 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

18.1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI JOHOR

- Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Impak Kepada Aktiviti Nelayan Dan Kehidupan Akuatik Didapati pengorekan pasir sama ada di laut atau di sungai memberi impak yang besar kepada nelayan dan alam sekitar dan boleh menjejaskan aktiviti harian dan pendapatan nelayan. Aktiviti pengorekan pasir juga menyebabkan air berkelodak dan keruh. Kelodak lumpur akan melekat pada jaring dan menyebabkan tangkapan ikan berkurangan.	Pengangkutan pasir menggunakan ponton tidak dapat dielakkan bagi aktiviti pengorekan pasir Sungai Johor terutamanya laluan ke kuala mengakibatkan kerosakan peralatan menangkap ikan nelayan tempatan. Bagaimanapun, pembayaran pampasan kepada nelayan terlibat telah dibuat oleh pengusaha pasir berkenaan.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	Tiada Lawatan Berkala Ke Kawasan Aktiviti Pengambilan Pasir Oleh PTG Johor Dan Pejabat Tanah Daerah Mengikut rekod tindakan penguatkuasaan aktiviti pengambilan pasir, hanya 4 daripada 25 kes yang dilawati oleh PTG Johor pada tahun 2009 adalah selepas mendapat aduan awam mengenai aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran.	PTG Johor telah mengadakan pemantauan ke kawasan aktiviti bagi tujuan memperbaharui kelulusan lesen pengeluaran pasir mengeluarkan bahan batuan dan menyediakan laporan siasatan terhadap aduan awam.

18.2. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

- Pengurusan Program Bantuan Rumah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
3.	Permohonan Tidak Lengkap Diluluskan Penerima yang dipilih menerima bantuan bina baru di bawah Program Bantuan Rumah hendaklah mematuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Salinan hak milik atau surat kebenaran menduduki tanah hak milik orang lain hendaklah difailkan di dalam fail permohonan.	Salinan hak milik tanah atau surat kebenaran menduduki tanah hak milik orang lain telah difailkan dalam fail permohonan penerima bantuan bina baru bagi Daerah Mersing dan Segamat sahaja tetapi tidak difailkan dalam fail permohonan penerima bantuan di Daerah Kluang.
4.	Surat Perjanjian Rumah Yang Standard Tiada Disediakan Tiada surat perjanjian yang standard disediakan bagi bantuan rumah yang diterima atas tanah Kerajaan.	Pejabat Daerah Kluang dan Mersing masih belum menyediakan surat perjanjian kepada 10 orang penerima bantuan rumah yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri. Pihak UPENJ juga masih belum menyediakan surat perjanjian yang standard untuk diguna pakai di setiap pejabat daerah.

18.3. UNIT SAINS TEKNOLOGI DAN ICT NEGERI JOHOR

- Projek Pusat Internet e-Desa

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
5.	Rumusan Dan Syor Audit Maklumat daripada Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor (USTICT) yang diperoleh menunjukkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah memutuskan supaya semua Pusat e-Desa di seluruh Negeri Johor ditutup	USTICT masih belum melaksanakan pelupusan semua aset Pusat e-Desa kerana tidak mempunyai rekod harta modal.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	dan USTICT diberi tanggungjawab untuk melupuskan aset Pusat e-Desa mengikut peraturan yang berkaitan.	

18.4. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR

- Pengurusan Pengendalian Kes Syariah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
6.	Kes Yang Didaftarkan Belum/Lewat Disebut Didapati sebanyak 2,046 kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan pada tahun 2007 hingga 2009 telah disebut/dibicarakan di mahkamah melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh kes didaftarkan.	Kes yang belum/lewat disebut masih berlaku dalam tahun 2010 di mana sebanyak 806 kes Mal dan Jenayah di MTS Johor Bahru dan Muar telah disebut/dibicarakan melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh didaftarkan.
7.	Kawalan Fizikal Dan Persekitaran Bilik Server Sistem pendawaian tidak dikemaskan dan barang-barang seperti kotak, tangga dan alat pembersih hampa gas disimpan di bilik kawalan suis di MTS Muar.	Bilik kawalan suis MTS Muar tidak berubah kerana masih menumpang di bangunan Pejabat Agama Daerah Muar.

18.5. JABATAN PERIKANAN NEGERI JOHOR

- Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
8.	Kuantiti Hasil Pengeluaran Akuakultur Tidak Mencapai Sasaran Pengeluaran akuakultur setakat 2009 adalah sebanyak 43,149.57 tan metrik atau 47.8% berbanding kuantiti sasaran 90,300 tan metrik.	Kuantiti pengeluaran hasil akuakultur sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak 46,319.38 tan metrik atau 51.3% berbanding kuantiti sasaran 90,300 tan metrik. Ini disebabkan lokasi projek akuakultur yang kerap kali dilanda banjir dan kawasan yang terhad masih menjadi punca utama sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
9.	Kawasan Darat Akuakultur Yang Berpotensi Tidak Dibangunkan Hanya 725.17 hektar atau 51.7% daripada 1,401.50 hektar kawasan berpotensi dibangunkan.	Keluasan tanah yang dikenal pasti tidak bertambah dan masih lagi terdiri dari tanah kerajaan. Tiada lokasi baru dikenal pasti.
10.	Kelulusan Pewartaan Zon Industri Akuakultur Belum Diperoleh Kerajaan Johor masih belum meluluskan pewartaan Zon Industri Akuakultur (ZIA).	Sehingga kini kelulusan ZIA masih belum diperoleh daripada kerajaan. Kawasan yang diusahakan masih terdedah kepada gangguan kapal dan pencemaran kerana tidak dilindungi. Perkara ini masih dalam perbincangan dan penelitian pejabat-pejabat tanah daerah berkaitan pencarian kawasan ZIA yang baru.
11.	Tidak Ramai Peserta Yang Menerima Bantuan Daripada purata 1,008 orang pengusaha yang membuat permohonan, hanya 3% atau 30 orang sahaja yang diberikan bantuan.	Pada tahun 2010, peruntukan yang diberikan hanya RM200,000 setahun dan tiada peserta akuakultur yang menerima bantuan. Sebahagian besar perbelanjaan diperuntukkan kepada projek model sangkar dan selebihnya digunakan untuk salah satu program pelepasan umum dan perbelanjaan lain.
12.	Operasi Kolam Ternakan Di Bawah Kapasiti Sebanyak 7 kolam dan sangkar pengusaha telah diisi dengan 77,000 ekor ikan sahaja berbanding kapasiti sebenar yang mampu menampung sehingga 685,344 ekor ikan.	Sehingga kini, bantuan benih yang diberikan kepada pengusaha hanya sebagai galakan sahaja dan ada kolam yang tidak menggunakan bantuan pengudaraan hanya dapat menampung 20% sahaja daripada kapasiti sebenar.
13.	Bantuan Benih Dan Peralatan Lewat Dibekalkan Seramai 11 daripada 22 pengusaha mendakwa lewat menerima bantuan sehingga melebihi 6 bulan.	Kelewatan bekalan benih dan peralatan disebabkan oleh pihak pembekal.
14.	Sasaran Pendapatan RM3,000 Tidak Tercapai Seramai 10 daripada 22 orang pengusaha mendakwa tidak berjaya menghasilkan pendapatan RM3,000 sebulan.	Pengusaha ikan air tawar seperti ikan keli masih lagi tidak dapat mencapai sasaran pendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		kerana lebih penawaran ikan daripada permintaan yang menyebabkan harga borong jualan ikan yang rendah, dan tidak dapat menampung kos pengeluaran.
15.	Penternak Tidak Mendapat Latihan Yang Secukupnya Seramai 11 daripada 22 pengusaha mendakwa tidak berpeluang mengikuti kursus anjuran Jabatan Perikanan.	Jabatan memaklumkan tiada peruntukan khusus untuk latihan program akuakultur.
16.	Kos Pengeluaran Bertambah Berbanding Pendapatan Kos bahan makanan ikan telah meningkat antara 42.2% hingga 45% pada tahun 2009 berbanding tahun 2006. Purata kos pengeluaran ikan air tawar semusim pula adalah RM3.50 sedangkan purata hasil jualan di pasaran secara pukal adalah RM2.80 sekilogram.	Pada tahun 2010, purata kos pengeluaran ikan air tawar menggunakan makanan palet semusim adalah RM4.70 sekilogram sedangkan purata hasil jualan di pasaran secara pukal masih kekal pada harga sekitar RM2.80 hingga RM3.20 sekilogram.

18.6. JABATAN PELANCONGAN NEGERI JOHOR

- Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
17.	Prestasi Kemasukan Pelancong Ke Negeri Johor Prestasi kemasukan pelancong ke Negeri Johor kurang memuaskan kerana pencapaian sasaran adalah rendah pada tahun 2008 dan 2009. Prestasi kemasukan pelancong pada tahun 2010 berdasarkan statistik Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM).	Jumlah pelancong ke Negeri Johor telah meningkat sebanyak 3% iaitu daripada 3.63 juta pada tahun 2010 berbanding pada tahun 2009 berjumlah 3.53 juta.
18.	Pusat Informasi Pelancong Tidak Berfungsi Sepenuhnya a. Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC Johor Bahru yang juga menempatkan pejabat MTPNJ (Jabatan Pelancongan Negeri Johor) dan LPPM (Lembaga Penggalakan Pelancongan Negeri Johor) kurang dikunjungi kerana tiada papanunjuk arah di pintu masuk selain daripada suasana suram dan gelap. b. Pusat Informasi Pelancong di Pontian tutup dan pintu pagar berkunci.	a. Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menaikkan taraf kemudahan asas di Bangunan JOTIC seperti tandas dan landskap. Pusat Informasi Pelancong (TIC) dan Galeri MBJB telah dibuka pada Februari 2011. b. Pihak Pejabat Daerah Pontian sedang meneliti lokasi yang sesuai untuk

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		menempatkan semula Kaunter Informasi Pelancong Daerah Pontian bagi memudahkan pelancong mendapatkan informasi pelancongan Daerah Pontian.

18.7. YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TA'ZIM

- Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga Sakinah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
19.	Pelaksanaan Program Ceramah Bersiri Tidak Mengikut Perancangan Bilangan Modul Dan Kampung Yang Ditetapkan Sebanyak 1,178 dari 2,520 modul yang disasarkan melalui ceramah bersiri bagi tahun 2008 dan 2009 tidak dapat dicapai yang melibatkan semua DUN yang dipilih. Ini adalah kerana seperti berikut: - Pegawai Penggerak telah melaksanakan modul yang sama secara berulang. - Pegawai Penggerak lebih mengutamakan pengamalan di hospital. - Bilangan kampung yang diwakili oleh Pegawai Penggerak tidak seimbang. - Pegawai Penggerak juga perlu memenuhi jemputan ceramah dari pihak luar. - Kurang pemantauan dari Pegawai Penyelaras.	Pada tahun 2010, pelaksanaan ceramah bersiri bertambah baik di mana hanya 55 dari 1,260 modul yang disasarkan sahaja tidak dapat dicapai yang terdiri dari 3 dari 14 DUN yang dipilih. Laporan Pemantauan juga menunjukkan Pegawai Penyelaras telah mengambil tindakan membuat pemantauan dengan lebih kerap mengikut program yang diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan mengikut DUN.
20.	Pelaksanaan Program Tidak Mempunyai Sasaran Tertentu Yayasan tidak menyasarkan program kepada golongan yang bermasalah dan tidak menjalankan kerjasama antara unit/agensi/jabatan lain bagi mendapatkan maklumat peserta untuk mengikuti Program Penghayatan MKS.	Pelaksanaan program masih lagi tertumpu kepada penduduk di sesuatu kawasan serta pelajar sekolah.

18.8. MAJLIS PERBANDARAN MUAR

- Pengurusan Kemudahan Awam

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
21.	Kemudahan Awam Tidak Disenggara Dengan Sempurna Sebanyak 38 atau 71.9% daripada 53 kemudahan awam dan komponennya tidak disenggarakan sewajarnya.	Majlis Perbandaran Muar (Majlis) belum membuat tindakan penyenggaraan.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
22.	Kompleks Kolam Renang Terbiar Sebuah kompleks kolam renang yang berharga RM1.5 juta tidak ekonomik untuk dibaiki dan kini terbiar dan ditinggalkan sejak penutupannya pada tahun 1998.	Tiada kemajuan dalam tindakan yang diambil oleh Majlis untuk membaiki dan memastikan ianya beroperasi semula.
23.	Kemudahan Pondok Perhentian Bas Tidak Mencukupi Kemudahan pondok perhentian bas di sepanjang laluan bas awam tidak mencukupi.	Tiada tindakan diambil untuk menambah atau membina kemudahan pondok perhentian bas.
24.	Pencerobohan Tapak Kemudahan Awam Sebanyak 29 atau 40% daripada 72 lot permainan dan tanah lapang telah diceroboh orang awam yang menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang Majlis.	Majlis belum mengambil sebarang tindakan susulan terhadap pencerobohan tapak kemudahan awam.
25.	Tapak Kemudahan Awam Untuk Pusat Kejiranan Tidak Mencukupi Kedudukan tapak kawasan lapang, dewan orang ramai dan surau/tempat ibadah tidak diagihkan mengikut kepadatan penduduk dan keluasan sesuatu sektor kejiranan dalam tapak pembangunan.	Tiada sebarang tindakan diambil oleh Majlis.

18.9. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

- Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
26.	Projek Pembangunan Usaha Sama Masih Belum Bermula Selepas 2 Hingga 10 Tahun Perjanjian Ditandatangani Ponderosa – Projek pembangunan bagi tanah Ponderosa belum bermula kerana Province Treasure Sdn. Bhd. (PTSB) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Sungai Kim Kim – <i>Layout</i> yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang oleh IDJ Kim Kim Sdn. Bhd. (IDJ) tidak mendapat kelulusan termasuk faktor zon guna tanah Sungai Kim Kim sebagai	Projek pembangunan masih belum bermula. KPRJ masih belum menjelaskan bayaran premium tanah berjumlah RM1.38 juta atas kelulusan Serah Balik dan Kurnia Semula. Perbincangan masih dijalankan bagi menstrukturkan semula perjanjian dan strategi pembangunan. IDJ sedang menyediakan pelan <i>layout</i> yang baru untuk pertimbangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang setelah mendapat kelulusan pertukaran zon guna tanah tersebut.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	Hutan Simpan. IDJ sedang dalam perancangan mengemukakan <i>layout</i> baru setelah KPRJ berjaya mendapatkan pertukaran zon guna tanah bagi tanah tersebut.	
27.	Tanah Untuk Projek Usaha Sama Digadaikan Prestasi pembangunan 8 komponen projek usaha sama KPRJ dan Cemerlang Land Sdn. Bhd. (CLSB) tidak memuaskan iaitu 5 komponen masih belum bermula, Projek Rumah Pangsa Kos Rendah lewat dimulakan dan projek rumah teres 2½ tingkat masih dalam pembinaan. Manakala, baki bayaran penjualan tanah bagi pembinaan stesen minyak sejumlah RM0.59 juta masih belum dijelaskan oleh CLSB kepada KPRJ.	5 komponen tersebut masih belum bermula, kemajuan Projek Rumah Pangsa Kos Rendah adalah dalam anggaran 60% dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2012 serta Fasa 1 bagi projek rumah teres 2½ tingkat telah siap sepenuhnya dan sedang menunggu kelulusan memperoleh Sijil Layak Menduduki (CF). Manakala, bayaran RM0.59 juta masih belum dijelaskan kerana masalah pindah milik.
28.	Prestasi Pelaburan Syarikat Subsidiari Sebanyak 2 syarikat subsidiari KPRJ tidak aktif iaitu Minda Rakyat Sdn. Bhd. dan Anggerik Nusantara Sdn. Bhd. tidak dihantar ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk proses <i>strike off</i>. Selain itu, 2 buah syarikat mencatatkan kerugian bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008.	2 buah syarikat yang tidak aktif masih belum ditutup manakala 2 buah syarikat yang lain masih lagi mengalami kerugian bagi tahun kewangan 2009.
29.	Baki Terhutang Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari Baki terhutang pendahuluan kepada syarikat subsidiari pada 31 Disember 2009 berjumlah RM24.60 juta dan tiada perjanjian dibuat berkaitan pendahuluan tersebut.	Baki terhutang pendahuluan kepada syarikat subsidiari pada 31 Mac 2011 berjumlah RM6.39 juta. KPRJ telah membuat draf surat perjanjian berkaitan pendahuluan kepada syarikat subsidiari. Bagaimanapun, ianya belum dilaksanakan kerana belum dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah KPRJ.
30.	Penyata Tahunan Dan Mesyuarat Agung Tahunan Mesyuarat Agung bagi tahun 2008 dan 2009 masih belum diadakan, Penyata Tahunan 2009 masih belum dikemukakan kepada SSM dan Penyata Kewangan 2009 masih belum dimuktamadkan.	Mesyuarat Agung tahun 2008 hingga 2009 yang tertangguh masih belum diadakan, Penyata Tahunan 2009 masih belum dikemukakan kepada SSM dan Penyata Kewangan 2009 telah dimuktamadkan pada 10 Ogos 2010. Bagaimanapun, ianya belum diserahkan kepada SSM.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
31.	Pengurusan Kewangan KPRJ tidak menyediakan Perancangan Strategik dan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI), garis panduan dan prosedur kerja kewangan tidak lengkap dan dikemas kini.	KPRJ masih tidak menyediakan Perancangan Strategik dan KPI, manakala garis panduan dan prosedur kerja kewangan masih belum lengkap.
32.	Bajet Tahunan Syarikat KPRJ tidak membuat bajet tahunan dan hanya menyediakan unjuran belanjawan tunai.	KPRJ tidak menyediakan bajet tahunan bagi tahun 2010 dan 2011.
33.	Pengurusan Aset KPRJ tidak menyediakan daftar aset, pemeriksaan fizikal aset dan mempunyai satu Buku Log untuk semua kenderaan. Buku Log tidak dikemaskini dan tidak lengkap.	KPRJ telah menyediakan daftar induk aset dan Buku Log kenderaan tetapi tidak lengkap. Selain itu, pemeriksaan fizikal aset masih belum dijalankan.

18.9. PIJ Holdings Sdn. Bhd.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
34.	Pengurusan Kenderaan Buku Log kenderaan tidak dikemas kini di mana ruangan belian bahan api/minyak pelincir dan cerakinan bulanan tidak dicatatkan. Resit pembelian minyak juga tidak dikepikan di Buku Log.	Cerakinan penggunaan bahan api masih tidak dikemas kini setiap bulan.

19. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Negeri pada 13 Mac 2011.

20. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

20.1. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) telah memutuskan jabatan tertentu dipanggil menghadap Jawatankuasa bagi memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi tempoh April 2010 hingga Mei 2011

membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007 hingga 2008. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 20.1**.

Jadual 20.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Sehingga Mei 2011

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
3.6.2010	i) Yayasan Warisan Johor	Pengurusan Bahan Artifak.
	ii) Majlis Perbandaran Kulai Jaya	Pengurusan Pelesenan dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan.
1.11.2010	i) Jabatan Pengairan dan Saliran Johor	Pengurusan Projek Saliran Bandar.
17.2.2011	i) Jabatan Agama Johor	Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)
	ii) Perbadanan Taman Negara Johor	Kajian Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Tapak Ramsar) Johor
8.4.2011	i) Badan Kawal Selia Air (BAKAJ)	Pengurusan Kualiti Air Johor
	ii) Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Pengurusan Sisa Pepejal
25.5.2011	i) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	Pengurusan Kedudukan Kewangan MBJB

20.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa boleh dipertingkatkan bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

**Putrajaya
17 Jun 2011**